PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : KOLAM TAKUNGAN BANJIR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Pada Sidang DUN Ogos, 2015, Dewan telah diberitahu Kerajaan Selangor melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) akan menyelenggara 314 kolam takungan banjir bagi mengatasi masalah banjir kilat. Sehingga kini, berapakah jumlah kolam takungan yang telah diselenggara?

b) Berapakah peruntukan keseluruhan untuk menyelenggara 314 kolam tersebut dan mohon dinyatakan lokasi-lokasi kolam yang telah diselenggara

c) Apakah instrumen atau kaedah yang digunakan dalam penyelenggaraan kolam tersebut, Sebagai contoh, adakah penyelenggaraannya dilakukan oleh kontraktor yang dipilih secara tender?

JAWAPAN:

a) Sehingga Disember 2015, Jabatan Pengairan Negeri Selangor telah menyelenggara sebanyak 70 kolam takungan banjir di seluruh Negeri Selangor. Manakala pada tahun 2016, sebanyak 63 kolam akan di selenggara. Maka secara keseluruhan, menjelang bulan Disember 2016 sebanyak 133 kolam takungan banjir daripada 314 kolam akan siap di selenggara.

b) Jumlah peruntukan yang diperlukan mengikut tahun bagi penyelenggaraan 314 kolam takungan banjir ini adalah seperti berikut:

Tahun				Jumlah
2015	2016	2017	2018	
RM6.67 Juta	RM8.0 Juta	RM8.0 Juta	RM8.0 Juta	RM30.67 Juta

Berikut adalah sasaran bagi bilangan kolam yang akan di selenggara:

2015		2016		2017		2018	
sasaran	dilaksanakan	sasaran	dilaksanakan	sasaran	dilaksanakan	sasaran	dilaksanakan
84	70	80	63	80	0	80	0

c) Kesemua kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan banjir ditawarkan kepada kontraktor yang berjaya berdasarkan tatacara perolehan kerajaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia seperti berikut :

(i) Bagi perolehan kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000 dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor gred G1 yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

(ii) Bagi perolehan kerja yang bernilai di antara RM20,000 hingga RM500,000 dibuat secara sebutharga di kalangan kontraktor gred G1 dan G2 yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

(iii) Bagi perolehan kerja yang bernilai RM500,000 ke atas, dibuat secara tender di kalangan kontraktor gred G3 hingga G7 yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : OPERASI LORI SIMEN KONKRIT

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Agensi manakah yang mengawal lesen dan operasi lori simen konkrit (lori siput) di Selangor?

b) Mohon nyatakan jumlah lesen yang dikeluarkan kepada syarikat berkenaan pada tahun 2016.

c) Tumpahan simen konkrit di jalanraya kerap berlaku. Apakah langkah yang diambil untuk mencegah berlakunya tumpahan simen konkrit di jalanraya?

JAWAPAN:

a) Tidak menerima maklumbalas daripada SPAD.

b) Tidak menerima maklumbalas daripada SPAD.

c) Langkah yang diambil untuk mencegah berlakunya tumpahan simen konkrit di jalan raya adalah seperti berikut :

i. Untuk pemajuan besar, loji pembancuh konkrit adalah digalakkan diletak di dalam tapak pembinaan yang telah diberi kelulusan untuk membekal konkrit untuk pembinaan di tapak sendiri sahaja;
ii. Peletakan loji-loji pembancuh konkrit dihadkan kepada beberapa lokasi yang tertentu, khususnya jauh dari kawasan kediaman dan loji-loji pembancuh konkrit ini boleh membekalkan konkrit ke lain-lain tapak pembinaan;
iii. Mengawal dan menghadkan masa operasi untuk loji-loji pembancuh konkrit; dan
iv. Kawalan lebih ketat mengenai perjalanan lori-lori yang membekalkan konkrit, mengawal dan menghadkan jarak dan bilangan bagi lori-lori yang membekal konkrit.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : RUMAH IBADAT DI PETALING JAYA

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan semua rumah ibadat (Islam dan bukan Islam) di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

b) Apakah status tanah dan kelulusan bangunan di senarai di atas?

c) Senaraikan semua tapak kosong rumah ibadat yang masih belum dibina bersama dengan pemiliknya.

JAWAPAN:

a) dan b)

Senarai rumah ibadat Islam dan Bukan Islam yang terdapat di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah seperti berikut:-

BIL	JENIS RUMAH IBADAT	LOKASI	STATUS
RUMAH IBADAT ISLAM			
1.	Surau	Surau Al Muttaqin, Bandar Utama , PJU 6	Sedia ada
		Surau Darul Ikhlas, Taman Kayu Ara Indah, PJU 6	Sedia ada
		Surau An Nuur, Persiaran Surian, PJU 6	Sedia ada
		Surau Ihyaul Falah, Kg Sg Kayu Ara, PJU 6	Sedia ada
		Surau Nurul Iman, Jalan Teratai, PJU 6	Sedia ada
		Surau Darul Falah, Jalan SS 21/13, SS 21	Sedia ada
		Surau Mutiara Damansara, Jalan PJU 7/16B, PJU 7	Sedia ada
		Surau Ahmad Razali, Jalan PJU 8/8, PJU 8	Sedia ada
		Surau Perdana, Bandar Damansara Perdana, PJU 8	Sedia ada
		Surau Al Asliah Desa Temuan, Damansara Perdana, PJU 8	Sedia ada

		Surau At Taqwa, Jalan Sepah Puteri 5/1, PJU 5	Sedia ada
		Surau Insaniah, Jalan Tropicana Selatan, PJU 3	Sedia ada
		Surau Al Syakirin, Jalan BU 2/3, PJU 6	Sedia ada
		Surau Al Ubudiyyah, Jalan PJU 10/6, PJU 10	Sedia ada
		Surau Khalifah Umar Abd Aziz, Jalan PJU10/1, PJU10	Sedia ada
		Surau Al Syakirin, Jalan PJU10/1B, PJU 10	Sedia ada
		Surau Khalifah Abu Bakar As Siddiq, Jalan PJU10/4, PJU 10	Sedia ada
		Surau Nur Hidayah, Jalan PJU10/4C, PJU 10	Sedia ada
		Surau Saidina Ali Karamallahu Wajha, Jalan PJU 10/1, PJU10	Sedia ada
		Surau Wildan, Persiaran Meranti, PJU 9	Sedia ada
		Surau Al Ukhwah, Persiaran Meranti, PJU 9	Sedia ada
		Surau Azhar, Bandar Sri Damansara, PJU 9	Sedia ada
		Surau Al Muhajirin, Bandar Sri Damansara, PJU 9	Sedia ada
		Surau Ar Rayyan, Jalan Sepah Puteri, PJU 5	Sedia ada
		Surau Ad Dhuha, Jalan Pekaka 8/1, PJU 5	Sedia ada
		Surau Al Ulum, Jalan Rimba Riang, PJU 5	Sedia ada
		Surau Al Falah, Jalan Cecawi 6/23, PJU 5	Sedia ada
		Surau Al Hijrah, PPRT Kota Damansara, PJU 5	Sedia ada
		Surau Al Mukmin, Blok A PPRT Kota Damansara, PJU 5	Sedia ada
		Surau As Salam, Jalan Merbah SBJ 11/1, Kota Damansara, PJU 5	Sedia ada
		Surau As Sohabah, Kota Damansara, PJU 5	Sedia ada
		Surau An Nur, Jalan Cecawi 6/30, PJU 5	Sedia ada
		Surau Al Mubarak, Jalan Pekaka PSB 8/7, PJU 5	Sedia ada
		Surau Nurul Iman, Jalan Cecawi 6/19, PJU 5	Sedia ada
		Surau Al Firdaus, Sek 4, Kota Damansara, PJU 5	Sedia ada
		Surau Darul Hidayah, Jalan Nuri 7/4, PJU 5	Sedia ada
		Surau As Salam, Jalan Camar 4/1, PJU 5	Sedia ada
		Surau Ar Rafiq, Taman Industri Sg Buloh, PJU 1	Sedia ada
		Surau Al Ikhwan, Jalan Cecawi 6/6, PJU 5	Sedia ada
		Surau Darul Hidayah, Jalan PJU Tmn Putra Permai, PJU1A	Sedia ada
		Surau At Taufiqiah, Jalan PJU 1A/5, PJU 1A	Sedia ada

		Surau Nurul Huda, Jalan 17/45, SEK 17	Sedia ada
		Surau Addin, Jalan PJS 8/9, PJS 8	Sedia ada
		Surau Al Husna, Jalan PJS 10/24, PJS 10	Sedia ada
		Surau As Salam, Jln PJS 4/21, PJS 4	Sedia ada
		Surau, Jln PJS 4/4, PJS 4	Sedia ada
2.	Masjid	Masjid Tabung Haji Kelana Jaya (Dalam kawasan Bangunan Tabung Haji)	Sedia ada
		Masjid Al- Husna, Bandar Sunway	Sedia ada
		Masjid Nurul Yaqin	Sedia ada
		Masjid Tengku, Kelana Jaya Petra Kelana	Sedia ada
		Masjid Al Islamiah	Sedia ada
		Masjid Ar-Rahmah	Sedia ada
		Masjid Jamek Sultan Abd Aziz	Sedia ada
		Masjid Tun Abd Aziz	Sedia ada
		Masjid Dato' Kamaruddin	Sedia ada
		Masjid Jumhuriyyah	Sedia ada
		Masjid Nurul Ehsan	Sedia ada
		Masjid Nurul Ehsan	Sedia ada
		Masjid Al Mujahideen	Sedia ada
		Masjid Ar- Rahmah	Sedia ada
		Masjid Ridhwani	Sedia ada
		Masjid Al Hidayah	Sedia ada
		Masjid Al Ehsan	Sedia ada
		Masjid Amnah Al Muhairi	Sedia ada
		Masjid Ar Rahman Kg Tunku	Sedia ada
		Masjid Al Makmuriah	Sedia ada
		Masjid Al Muhtadin Damansara Damai	Sedia ada
		Masjid Ara Damansara	Sedia ada
		Masjid As-Salam	Sedia ada
		Masjid Kota Damansara	Sedia ada
		Masjid Al Mukarramah	Sedia ada
		Masjid Kg. Selamat	Sedia ada

BIL	JENIS RUMAH IBADAT	LOKASI	STATUS
RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM			
1.	KUIL HINDU	Kuil Sri Muneeswarar – Amman Alayam	Sedia ada
		Kuil Arul Yoga Ashrama	Sedia ada
		Kuil Sri MahaMariamman	Sedia ada
		KuilArulmiguTurkai Amman ThiruKovil	Sedia ada
		Kuil Sri Kumaravel	Sedia ada
		Kuil Sri MahaMariamman	Sedia ada
		Kuil Sri DurgaAman	Sedia ada
		Kuil Sri SakhtiEaswari	Sedia ada
		Kuil Sri MahaMariamman Temple	Sedia ada
2.	TOKONG	Tokong Sing Ling Kong	Sedia ada
		Tokong Chong How Tan	Sedia ada
		Tokong Buddha Chetawan	Sedia ada
		PJ Kwan Inn Teng	Sedia ada
		Hong Seng Kong Templer	Sedia ada
		LosangDragpa Buddhist Society	Sedia ada
		TokongCina	Sedia ada
		Chempaka Buddhist Lodge	Sedia ada
		Huat Heap	Sedia ada
3.	GEREJA	Gereja Methodist Trinity	Sedia ada
		Gereja St. Xavier Francis	Sedia ada
		Bible of Malaysia	Sedia ada
		Gereja Glad Tiding Assembly of God	Sedia ada
		Gereja PJ Gospel Hall	Sedia ada
		Gereja First Baptist	Sedia ada
		Gereja St. Paul	Sedia ada
		Gereja Glad Tiding Assembly of God	Sedia ada
		Katolik St. Ignatius	Sedia ada
		Gereja Assumption Church	Sedia ada
		Gereja Emmanuel Baptish Church	Sedia ada
		GerejaInjilKristianSg. Way	Sedia ada
		Gereja Good Shepherd Lutheran Church	Sedia ada
		Gereja The Life Chapel	Sedia ada
		Gereja Grace	Sedia ada
4.	GUDWARA	Gudwara Sahib	Sedia ada

c) Senarai semua tapak kosong rumah ibadat yang masih belum dibina bersama pemiliknya at di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah seperti berikut:-

BIL	JENIS RUMAH IBADAT	LOKASI	STATUS
SENARAI TAPAK RUMAH IBADAT ISLAM			
1.	Surau	Jalan PJU 10/10, PJU 10, Damansara Damai, Petaling Jaya	
		Jalan PJU 10 / 5C, PJU 10, Ara Damansara, Petaling Jaya	

		Jalan Dagang SD2/1A, Sri Damansara, Petaling Jaya	Tapak Kosong (JAIS)
		Jalan BU 4/1, PJU 6, Bandar Utama, Petaling Jaya	
		Jalan PJS 1 / 35 (Jalan Petaling Utama 12), PJS 1, Petaling Jaya	
		Jalan PJS 2, PJS 2, Taman Medan,Petaling Jaya	
2.	Masjid	Jalan PJU 1A/46, PJU 1A, Ara Damansara, Petaling Jaya.	
		Jalan PJU 8/1, PJU 8, Damansara Perdana, Petaling Jaya	
SENARAI TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (KUIL HINDU, TOKONG, GEREJA, GUDWARA)			
1.	Simpanan Agama	Tapak Simpanan Agama, Lot 70325, Jalan PJU 10/1C, PJU 10, Damansara Damai	Tapak Kosong
		Tapak Simpanan Agama, Lot 70260, Jalan PJU 10/1, PJU 10, Damansara Damai	Tapak Kosong
		Tapak Simpanan Agama, Lot 68498, Jalan PJU 10/13, PJU 10, Damansara Damai	Tapak Kosong
		Tapak Simpanan Agama, Lot 73934, Jalan PJU 8/12, PJU 8, Damansara Perdana	Tapak Kosong
		Tapak Simpanan Agama, Lot 72086, Jalan PJU 8/8, PJU 8, Damansara Perdana	Tapak Kosong
		Tapak Simpanan Agama, Lot 72071, Jalan PJU 8/2, PJU 8, Damansara Perdana	TapakK osong

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : PERMOHONAN BANTUAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR DITETAPKAN SEBANYAK RM3000 KE BAWAH, SEBAGAI BAWAH PARAS KEMISKINAN

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bolehkah di dalam setiap permohonan bantuan dari Kerajaan Negeri Selangor ditetapkan sebanyak RM3000.00 ke bawah, sebagai bawah paras kemiskinan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 1/2009 pada 7 Januari 2009 telah bersetuju dan memutuskan supaya Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor dinaikkan ke paras yang realistik dan bertanggungjawab iaitu RM1,500.00. Justeru itu, PGK Selangor berjumlah RM1,500.00 seisi rumah ini dilihat jauh lebih realistik dan bersesuaian dengan senario ekonomi semasa berbanding dengan PGK Nasional iaitu RM930.00 seisi rumah.

Sebagai makluman, syarat kelayakan jumlah pendapatan seisi rumah bagi setiap program bantuan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah berbeza-beza mengikut program tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh Jabatan/ Agensi masing-masing dan bukannya mengikut PGK Selangor RM1,500.00. Hal sedemikian adalah kerana fokus/ matlamat dan kumpulan sasaran bagi setiap program bantuan adalah berbeza. Sebagai contoh, terdapat program yang bertujuan untuk membantu golongan miskin tegar sahaja dan terdapat juga program yang membantu golongan berpendapatan rendah tidak terhad kepada golongan miskin tegar.

Namun begitu, Kerajaan Negeri kini sedang melihat dan meneliti perkara ini secara lebih mikro bagi membolehkan penyelarasan dibuat dengan menyediakan dasar yang jelas untuk mengenalpasti insiden kemiskinan serta mengukur tahap keparahan kemiskinan seperti miskin dan sangat miskin secara lebih tepat supaya dapat digunapakai oleh semua Jabatan/ Agensi yang terlibat dengan program bantuan.

Dasar ini perlu bersifat dinamik dan berupaya mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan. Ini seterusnya dapat membantu Kerajaan Negeri Selangor mengenalpasti SIAPA yang miskin dan MENGAPA berlakunya kemiskinan tersebut serta tahap keparahan kemiskinan isi rumah berkaitan. Impaknya, usaha pembasmian kemiskinan dapat dilaksanakan secara lebih efektif.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : CARA MUDAH AGIHAN MAKANAN ASASI *"SMART SELANGOR FOOD STAMP"* AGAR MUDAH SETIAP PENERIMA BERURUSAN

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah cara mudah agihan makanan asasi "*Smart Selangor Food Stamp*" agar mudah setiap penerima berurusan?

JAWAPAN:

a) Buat masa kini, Kerajaan Negeri telah mensasarkan kepada 100 buah keluarga yang termiskin dari setiap DUN untuk menerima bantuan makanan asas. Sekiranya ahli-ahli Yang Berhormat bercadang untuk membuat penambahan bilangan penerima bantuan program ini, ahli-ahli Yang Berhormat boleh menggunakan peruntukan sendiri dan barangan tambahan tersebut akan disediakan oleh pihak HIJRAH Selangor sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat MMKN Ke 20/2016. Walau bagaimanapun, sekiranya ada di antara DUN yang tidak dapat memenuhi kuota bilangan penerima yang telah ditetapkan, maka DUN berkenaan perlu memaklumkan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor supaya kuota berkenaan dapat dimaksimakan dan disalurkan kepada kawasan DUN yang lebih memerlukan.

Secara tidak langsung, Kerajaan Negeri dapat membantu keluarga miskin dari seluruh Negeri Selangor yang lebih memerlukan bantuan makanan asas serta membantu meringankan kos sara hidup yang kian meningkat. Pelaksanaan program ini juga sedikit sebanyak membantu rakyat Selangor dari kalangan keluarga yang miskin kerana program ini merupakan penjimatan dan jaminan kepada mereka dengan menerima bantuan makanan asas secara bulanan di samping menggunakan gaji yang diterima bagi bulan tersebut untuk memenuhi keperluan lain keluarga berkenaan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 20/2016 yang bersidang pada 15 Jun 2016 yang lalu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan Program '*Smart Selangor Food Stamp'*. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama HIJRAH Selangor. Penerima bagi program '*Smart Selangor Food Stamp'* ini adalah terdiri daripada 100 buah keluarga yang termiskin dari setiap 56 DUN di

Selangor di mana Kerajaan Negeri telah mendapatkan senarai nama-nama peserta program ini daripada pihak Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) dan penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat (PKM). Ini menjadikan jumlah penerima bagi program pemberian makanan asas ini adalah seramai 5,600 keluarga dan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2,116,800.00.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat juga, Program Bantuan Makanan Asas '*Smart Selangor Food Stamp'* ini adalah berbeza dengan Program Jom Shopping kerana program '*Smart Selangor Food Stamp'* merupakan bantuan makanan asas yang diberikan kepada keluarga yang termiskin pada setiap bulan. Makanan asas ini adalah berupa keperluan asas yang digunakan dalam kehidupan harian penduduk di Malaysia. Manakala program Jom Shopping pula merupakan bantuan yang diberikan sempena perayaan kepada keluarga yang telah dikenalpasti. Melalui program ini, penerima diberikan kebebasan untuk memilih barang-barang yang diperlukan sebagai persediaan menyambut perayaan masing-masing.

Kriteria Penerima Bantuan Makanan Asas *'Smart Selangor Food Stamp'*
Kerajaan Negeri telah menetapkan empat (4) kriteria penerima bantuan program ini adalah seperti berikut:-

1. Lahir di Selangor **atau** telah bermastautin di Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun (perlu pengesahan ADUN / Penghulu / Pengerusi JKKK / Pengerusi Taman);
2. Terbuka kepada semua kaum;
3. Berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan; dan
4. Pengundi di DUN tersebut.

Pengendali Program *'Smart Selangor Food Stamp'*
Tiada pembekal yang dilantik oleh Kerajaan Negeri memandangkan program bantuan makanan asas ini akan dilaksanakan dengan kerjasama HIJRAH Selangor. Sebagai pengendali program, pihak Hijrah adalah bertanggungjawab dalam menguruskan pembekalan dan penghantaran makan asas yang telah diputuskan di dalam MMKN.

Pihak HIJRAH juga akan memastikan barangan yang dibekalkan adalah pada harga jualan terkawal, mutu dan kualiti yang sama dengan pasaran semasa serta membuat penghantaran ke PKM masing-masing sekurang-kurangnya sehari sebelum 'Hari *Food Stamp'* yang telah ditetapkan iaitu pada hari Jumaat minggu ketiga pada setiap bulan. Penetapan hari berkenaan adalah untuk memudahkan pengagihan bantuan barang makanan asas dilaksanakan kepada penerima

bantuan di samping memudahkan ahli keluarga mengambil barangan makanan asas di lokasi yang telah ditetapkan oleh pihak PKM.

Nilai Bantuan Dan Jenis Makanan Asas Program '*Smart Selangor Food Stamp'*
Kerajaan Negeri juga telah menetapkan sebanyak RM50.00 bagi setiap kos barangan makanan asas yang dibekalkan kepada setiap keluarga penerima bantuan program ini. Dengan nilai tersebut, setiap penerima bantuan akan menerima enam (6) jenis barangan makanan asas pada setiap bulan bermula Jun hingga Disember 2016 dan akan diteruskan ke tahun-tahun hadapan.

Jenis dan perbandingan kos seunit bagi barangan makanan asas adalah seperti berikut :-

Bil	Jenis barangan	Kuantiti	Harga Hijrah Selangor	Harga Pembekal Lain
1.	Beras 5% 10 kilogram	1 unit	RM26.50	RM28.90
2.	Minyak Masak 2 kg	1 unit	RM8.00	RM8.70
3.	Gula Pasir 1 kilogram	1 unit	RM2.40	RM2.40
4.	Tepung Gandum 1 kg	2 unit	RM5.68	RM5.68
5.	Bihun 450 gram	1 unit	RM3.95	RM4.20
6.	Susu Pekat Manis 500g	2 unit	RM3.50	RM4.10
	JUMLAH		RM50.03	RM53.98

Nilai barangan yang dibekalkan kepada penerima bantuan tidak ditolak dengan kos pengurusan yang dikendalikan oleh pihak HIJRAH Selangor. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri sedar bahawa rakyat di Selangor berhak menerima nilai bantuan yang telah ditetapkan tanpa sebarang kos tersembunyi bagi mengelakkan perkara yang di luar jangkaan berlaku pada masa akan datang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : KESIHATAN KANAK-KANAK

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah kerajaan memandang serius berkenaan pengambilan vaksin terhadap kanak-kanak di Negeri Selangor?

b) Apakah cara untuk memberi pendedahan kefahaman masyarakat tentang kepentingan pengambilan vaksin?

JAWAPAN:

a) Penyakit-penyakit yang boleh dicegah melalui pemberian vaksin seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Imunisasi Program Imunisasi Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti berikut;-

i) Tuberkulosis (TB)
ii) Difteria
iii) Tetanus
iv) Pertussis
v) Haemophilus Influenzae type B
vi) Measles (campak)
vii) Mumps (Beguk)
viii) Rubella
x) Hepatitis B
xi) Polio
xii) Japanese Encephalitis (JE)
xiii) Human Papilomavirus (HPV)

Berdasarkan konsep Kesihatan Awam, pencegahan hanya boleh berlaku sekiranya 95% di kalangan komuniti mempunyai imuniti yang diperoleh melalui pemberian vaksin tersebut. Oleh yang demikian, Jabatan Kesihatan perlu memastikan pengambilan vaksin ini dilaksanakan di dalam komuniti mengikut

jadual yang ditetapkan untuk memastikan komuniti selamat dan tiada penularan penyakit berjangkit seperti difteria, measles dan lain-lain.

Kerajaan memandang serius isu keciciran dan penolakan pengambilan vaksin ini dan telah mengambil pelbagai inisiatif seperti berikut:

i. **Sistem pengesanan kes cicir imunisasi (*Defaulter Tracing System*)** di mana kanak-kanak yang cicir imunisasi akan dikesan melalui lawatan ke rumah oleh anggota jururawat.

ii. **Pelaksanaan aktiviti *mopping-up* dan *Supplementary Immunisation Activity* (SIA)** di kawasan yang mempunyai kes/wabak penyakit cegahan vaksin di mana semua kanak-kanak cicir imunisasi di kawasan tersebut diberikan imunisasi dengan serta-merta di tempat kediaman masing-masing.

iii. **Kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat**
Menjalin kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi menjalankan pemeriksaan dan pemantauan di semua taska di negeri Selangor bagi mengenalpasti kanak-kanak yang cicir imunisasi. Pemantauan juga difokuskan kepada pusat-pusat kebajikan yang mengendalikan jagaan kanak-kanak.

iv. **Kerjasama dengan Fasiliti Kesihatan Swasta**
Meningkatkan kerjasama dengan Fasiliti Kesihatan Swasta bagi meningkat promosi kepentingan suntikan vaksin di kalangan ibu-bapa.

b) Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan pengambilan vaksin. Antara strategi yang dijalankan adalah;-

1. Menganjurkan Kempen Bulan Imunisasi Peringkat Negeri Selangor dengan menjalankan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat, antaranya ialah;-

i. Mengadakan Seminar Kepentingan Imunisasi Peringkat Negeri Selangor dengan melibatkan pihak JAKIM dan Jabatan Mufti Selangor pada 31 Mei 2016.

ii. Mengadakan program bual-bicara berkenaan isu vaksin dengan orang awam di bawah anjuran Pejabat Kesihatan Daerah;-

- Forum Pemikiran Bangi: Vaksin: mengharmonikan sunnatullah (sains) & syariatullah (agama) pada 16 Jun 2016
- Forum Kesedaran Imunisasi Peringkat daerah Petaling pada 26 Mac 2016
- Bengkel ‘ Konsep dan Kontroversi pemberian Vaksin’ pada 8 April 2016 anjuran PKD Kuala Langat
- Program Kesedaran Imunisasi 2016 pada 7 Mei 2016 di Klinik Kesihatan Bukit Changgang

2. Mewar-warkan tentang kepentingan imunisasi melalui khutbah Jumaat dengan kerjasama Jawatankuasa Khutbah Selangor, JAIS pada 15 Julai 2016

3. Meningkatkan promosi di fasiliti kesihatan dan kem-kem kesihatan berkenaan imunisasi melalui pemberian pamphlet, banner dan sebagainya.

4. Meningkatkan promosi melalui media masa seperti *facebook* dan *Whatsapp.*

5. Menghasilkan video klip berkenaan kepentingan vaksin dan boleh ditonton melalui laman sesawang Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : PEMBASMIAN KEMISKINAN

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sejauh manakah pembasmian kemiskinan di peringkat Negeri Selangor dapat dikurangkan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor amat serius dan sentiasa komited dalam usaha menangani masalah kemiskinan secara total dan efektif. Strategi utama pembasmian kemiskinan adalah memfokuskan kepada program-program ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada masyarakat yang berupaya menjana pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup serta seterusnya berupaya membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan.

Inisiatif dan usaha keras Kerajaan Negeri ini dapat dilihat melalui pelaksanaan pelbagai program bantuan oleh pelbagai Jawatankuasa Tetap (STANDCO) dan Jabatan/Agensi untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi golongan miskin di samping mengurangkan bebanan kos sara hidup. Antaranya adalah seperti Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Pemberian Bantuan Secara Baucar untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan, Program *Back to School* untuk Rakyat Miskin, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Program HIJRAH, Program Bantuan Makanan Asas (*Food Stamp*), Rumah Selangorku serta pelbagai lagi program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) seperti Program Air Bersih Percuma sebanyak 20 meter padu sebulan, Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Hadiah Anak Masuk Universiti dan Insentif Perkahwinan Belia.

Berdasarkan kepada *Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2014 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor mencatatkan penurunan insiden kemiskinan daripada 0.4% pada tahun 2012 kepada 0.2% pada tahun 2014. Ini menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di Negeri Selangor semakin menurun serta ia adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

**Maklumat tambahan:*

Jadual Insiden Kemiskinan Mengikut Etnik, Strata dan Negeri bagi tahun 1970 hingga 2014 daripada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2014 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

LAMPIRAN 1:

INSIDEN KEMISKINAN MENGIKUT ETNIK, STRATA DAN NEGERI BAGI TAHUN 1970 - 2014

Jadual 5.6: Insiden kemiskinan mengikut kumpulan etnik, strata dan negeri, Malaysia, 1970 - 2014
Table 5.6: Incidence of poverty by ethnic group, strata and state, Malaysia, 1970 -2014

(%)

	1970*	1976	1979	1984	1987	1989**	1992	1995	1997	1999	2002	2004	2007	2009	2012	2014
Malaysia	49.3	37.7	37.4	20.7	19.4	16.5	12.4	8.7	6.1	7.5	5.1	5.7	3.6	3.8	1.7	0.6
Kumpulan etnik/ *Ethnic group*																
Bumiputera	64.8	46.4*	49.2	28.7	26.6	23.0	17.5	12.2	9.0	10.2	7.3	8.3	5.3	5.3	2.2	0.8
Cina / *Chinese*	26.0	17.4*	16.5	7.8	7.0	5.4	3.2	2.1	1.1	2.6	1.5	0.6	0.6	0.6	0.3	0.1
India / *Indians*	39.2	27.3*	19.8	10.1	9.6	7.6	4.5	2.6	1.3	1.9	1.9	2.9	2.6	2.5	1.8	0.6
Lain - lain / *Others*	44.8*	33.8*	28.9	18.8	20.3	22.8	21.7	22.5	13.0	21.7	14.3	6.9	10.1	6.7	1.5	0.9
Strata																
Bandar / *Urban*	21.3	15.4	17.5	8.5	8.5	7.1	4.7	3.6	2.1	3.4	2.0	2.5	1.9	1.7	1.0	0.3
Luar Bandar / *Rural*	58.7	45.7	45.8	27.3	24.8	21.1	12.2	14.9	10.9	12.4	11.4	11.9	7.1	8.4	3.4	1.6
Negeri/*State*																
Johor	45.7	29.0	18.2	12.2	11.1	10.1	5.6	3.1	1.6	2.5	1.8	2.0	1.5	1.3	0.9	0.0
Kedah	63.2	61.0	53.8	36.6	31.3	30.0	21.2	12.2	11.5	13.5	10.7	7.0	3.1	5.3	1.7	0.3
Kelantan	76.1	67.1	55.0	39.2	31.6	29.9	29.5	22.9	19.2	18.7	12.4	10.6	7.2	4.8	2.7	0.9
Melaka	44.9	32.4	20.4	15.8	11.7	12.4	8.5	5.3	3.5	5.7	2.7	1.8	1.8	0.5	0.1	0.1
Negeri Sembilan	44.8	33.0	26.3	13.0	21.5	9.5	8.1	4.9	4.7	2.5	2.2	1.4	1.3	0.7	0.5	0.4
Pahang	43.2	38.9	26.9	15.7	12.3	10.2	6.9	6.8	4.4	5.5	3.8	4.0	1.7	2.1	1.3	0.7
Pulau Pinang	43.7	32.4	19.7	13.4	12.9	8.9	4.0	4.0	1.7	2.7	1.4	0.3	1.4	1.2	0.6	0.3
Perak	48.6	43.0	30.5	20.3	19.9	19.3	10.2	9.1	4.5	9.5	7.9	4.9	3.4	3.5	1.5	0.7
Perlis	73.9	59.8	63.1	33.7	29.1	17.2	19.8	11.8	10.7	13.3	10.1	6.3	6.8	6.0	1.9	0.2
Selangor	29.2	22.9	14.5	8.6	8.9	7.8	4.3	2.2	1.3	2.0	1.1	1.0	0.7	0.7	0.4	0.2
Terengganu	68.9	60.3	53.1	28.9	36.1	31.2	25.6	23.4	17.3	14.9	10.7	15.4	6.4	4.0	1.7	0.6
Sabah	n.a	58.3	40.7	33.1	35.3	29.7	27.8	22.6	16.5	20.1	16.0	24.2	16.4	19.7	8.1	4.0
Sarawak	n.a	56.5	47.8	31.9	24.7	21.0	19.2	10.0	7.3	6.7	5.8	7.5	4.2	5.3	2.4	0.9
W.P. Kuala Lumpur	n.a	n.a	n.a	4.9	5.2	3.8	1.7	0.5	0.1	2.3	0.5	1.5	1.5	0.7	0.8	0.1
W.P. Labuan	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	2.7	4.2	4.3	1.1	1.1
W.P. Putrajaya	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	0.0	0.0	0.0	0.0

Nota/*Note*:
* **Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja/***Refers to Peninsular Malaysia only*
** **Mulai tahun 1989, data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia/***Starting 1989, data is based on Malaysian citizens*
- **Tiada kes/***No cases*

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : PROGRAM HIJRAH

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah permohonan yang telah diluluskan setakat ini untuk program pinjaman Hijrah di setiap DUN?

b) Berapakah usahawan yang telah berjaya berhijrah dari miskin kepada kehidupan selesa?

c) Sejauh manakah pemantauan bagi program ini terhadap peminjam?

JAWAPAN:

a) Sehingga kini, Hijrah Selangor telah meluluskan pembiayaan dengan bilangan 23,463 dan jumlah pembiayaan sebanyak RM120,434,000.00. Berikut adalah pecahan mengikut DUN (pihak Hijrah Selangor sedang dalam proses mencetak CD maklumat lengkap peserta Hijrah Selangor mengikut DUN dan akan diedarkan kepada semua DUN dengan segera):

KOD DUN	DUN	BIL
N01	SUNGAI AIR TAWAR	635
N02	SABAK	723
N03	SUNGAI PANJANG	1,124
N04	SEKINCHAN	658
N05	HULU BERNAM	264
N06	KUALA KUBU BAHARU	168
N07	BATANG KALI	1,068
N08	SUNGAI BURONG	751
N09	PERMATANG	471

KOD DUN	DUN	BIL
N10	BUKIT MELAWATI	357
N11	IJOK	298
N12	JERAM	620
N13	KUANG	253
N14	RAWANG	402
N15	TAMAN TEMPLER	396
N16	BATU CAVES	254
N17	GOMBAK SETIA	230
N18	HULU KLANG	146
N19	BUKIT ANTARABANGSA	47
N20	LEMBAH JAYA	447
N21	CHEMPAKA	311
N22	TERATAI	246
N23	DUSUN TUA	209
N24	SEMENYIH	335
N25	KAJANG	404
N26	BANGI	271
N27	BALAKONG	226
N28	SERI KEMBANGAN	240
N29	SERI SERDANG	504
N30	KINRARA	171
N31	SUBANG JAYA	206
N32	SERI SETIA	377

KOD DUN	DUN	BIL
N33	TAMAN MEDAN	496
N34	BUKIT GASING	82
N35	KAMPUNG TUNKU	55
N36	DAMANSARA UTAMA	240
N37	BUKIT LANJAN	214
N38	PAYA JARAS	675
N39	KOTA DAMANSARA	1,168
N40	KOTA ANGGERIK	557
N41	BATU TIGA	472
N42	MERU	371
N43	SEMENTA	500
N44	SUNGAI PINANG	301
N45	SELAT KLANG	275
N46	PELABUHAN KLANG	423
N47	PANDAMARAN	136
N48	KOTA ALAM SHAH	246
N49	SERI ANDALAS	506
N50	SRI MUDA	690
N51	SIJANGKANG	670
N52	TELOK DATOK	453
N53	MORIB	580
N54	TANJUNG SEPAT	266
N55	DENGKIL	847

KOD DUN	DUN	BIL
N56	SUNGAI PELEK	428
Jumlah		**23,463**

b) Program Hijrah Selangor baru berumur 1 tahun 4 bulan. (tarikh pelancaran Hijrah Selangor pada Mac 2015), majoriti peserta-peserta Hijrah Selangor baru membuat satu kali pinjaman. Berdasarkan fakta ini, adalah dimaklumkan bahawa kajian keberkesanan keseluruhan program ini belum dilaksanakan. Walaupun begitu, pihak Pengurusan Hijrah sedang mengambil langkah untuk mengatur satu kajian yang terperinci berkaitan keberkesanan program Hijrah dengan kerjasama pihak Universiti Selangor (Unisel). Kajian ini akan meliputi beberapa indikator-indikator tertentu selain daripada berbentuk kewangan (yang biasanya adalah pendapatan isi rumah), indikator sosial seperti pemilikan aset (rumah, kereta,premis peralatan dan lain-lain), tahap pendidikan anak-anak dan kesihatan akan dijadikan kayu pengukur untuk melihat keberkesanan bantuan mikrokredit yang ditawarkan oleh Hijrah Selangor.

c) Prosedur dan proses pemantauan peserta Hijrah Selangor ditentukan melalui kaedah-kaedah pemantauan seperti berikut:

i) Pemantauan Pembiayaan

a) Pemantauan permohonan peserta
- Pegawai Hijrah dan Pengurus Cawangan Hijrah wajib memastikan semua bakal peserta/peminjam mematuhi syarat-syarat pinjaman yang telah ditetapkan dalam prosedur.

b) Pemantauan Kelulusan Pinjaman
- Semua borang permohonan pinjaman wajib disiasat bagi memastikan perniagaan yang dicadangkan telah beroperasi, jumlah tambahan modal yang dipohon adalah bersesuaian dengan perniagaan yang sedang dijalankan dan menilai kemampuan bayaran balik berasaskan prestasi perniagaan tersebut.

ii) Pemantauan Bayar Balik

- Kutipan bayar balik secara mingguan supaya tidak membebankan kerana jumlah yang kecil.

- Kutipan bayaran balik dibuat di premis perniagaan supaya mengeratkan hubungan baik di antara Pegawai Hijrah dan peserta serta dapat menilai kemajuan perniagaan yang dilaksanakan.

iii) Pemantauan Pengurusan dan Pentadbiran

- Setiap peringkat pengurusan dan pentadbiran iaitu Ibu pejabat, Zon dan Cawangan diwajibkan mengadakan Mesyuarat Mingguan di peringkat masing-masing.
- Pemantauan Pengeluaran Pinjaman dan Pemantauan Kutipan Bayaran Balik adalah menjadi agenda wajib dalam Mesyuarat Mingguan tersebut.

iv) Peranan Jabatan Khidmat Profesional

- Memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan usahawan Hijrah Selangor dengan mencari peluang-peluang perniagaan dan latihan kemahiran.
- Juga memfokuskan kepada latihan dan motivasi kepada ahli keluarga usahawan supaya mereka juga merasakan tanggungjawab menjayakan perniagaan yang dilaksanakan oleh isteri/suami, ibu/bapa mereka.

v) Penubuhan Jabatan Audit Dalam

- Ditubuhkan bagi memantau keseluruhan aktiviti Program Hijrah Selangor supaya mencapai Visi da Misinya.
- Setiap kekuatan dan kelemahan program dapat ditambahbaik.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : PEMANTAUAN PROJEK OLEH PBT

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kaedah yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkausa Tempatan (PBT) untuk memantau kerja-kerja kontraktor dalam pelbagai bidang supaya mereka sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan? Apakah agensi-agensi yang terlibat dengan perkara ini?

b) Sejauh mana PBT telah mengambil tindakan kepada kontraktor-kontraktor yang tidak mematuhi peraturan apabila Kelulusan Merancang dikeluarkan seperti yang telah menyebabkan banjir kilat dan sebagainya?

c) Nyatakan bilangan kontraktor yang telah dikenakan denda atau “stop work order” mengikut PBT.

JAWAPAN:

a) Kaedah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memantau kerja-kerja kontraktor terbahagi kepada dua situasi/kaedah iaitu:

i. Pemantauan Projek-Projek PBT

- Projek-projek milik PBT dipantau sendiri oleh Jabatan-Jabatan yang telah ditugaskan bermula dari projek berkenaan diiklankan untuk tawaran tender sehingga projek tersebut siap sepenuhnya dibina di tapak.

- Kontraktor yang dilantik di bawah Perunding dikehendaki melaporkan perkembangan status projek masing-masing untuk makluman pihak Pengurusan Majlis di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur & Bangunan yang bersidang sebulan sekali.

- Bagi projek-projek yang mempunyai masalah kelewatan dalam penyiapan, Pengurus Projek akan mengambil tindakan mematuhi prosedur Majlis dengan mengeluarkan surat-surat peringatan, amaran, memanggil kontraktor yang bermasalah untuk perbincangan dan

penamatan sekiranya ia diputuskan di dalam mana-mana Mesyuarat yang berkaitan.

ii. Pemantauan Projek-Projek di dalam kawasan Pentadbiran PBT

- Semua projek-projek yang dibina di dalam kawasan pentadbiran PBT adalah tertakluk di bawah peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam :

    - Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171)
    - Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172)
    - Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
    - Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007 (Akta A1286)
    - Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS)

- Majlis melakukan pemantauan terhadap projek pembinaan yang melanggar mana-mana syarat dan peraturan yang terkandung di dalam Akta atau Undang-Undang dengan mengeluarkan Notis-Notis Amaran kepada Pemaju dan Kontraktor mengikut kesalahan yang dilakukan di tapak.

- Kompaun juga akan dikeluarkan sekiranya kesalahan berulang.

Dalam melaksanakan pemantauan ini, fungsi-fungsi jabatan-jabatan PBT adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Bil	Jabatan / Agensi	Jenis Pemantauan
i.	Jabatan Bangunan	Memastikan pembinaan di tapak mematuhi pelan lulus dan bangunan serta binaan sementara diselenggara dengan baik
ii.	Jabatan Kejuruteraan	Memastikan Penyiapan Infrastruktur
iii.	Jabatan Kesihatan Persekitaran	Memastikan kawasan tapak pembinaan dan kediaman pekerja diselenggara dengan baik bagi mengelakkan kawasan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes

iv.	CIDB (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia)	Memastikan keselamatan di tapak.

Nota: Nama Jabatan mungkin berbeza mengikut PBT

Jadual 1 : Fungsi jabatan-jabatan di PBT

c) Jumlah bilangan kontraktor yang telah dikenakan denda atau "*stop work order*" adalah sebanyak 676 dan pecahan mengikut PBT adalah seperti di Jadual 2:

PBT	**Bilangan kontraktor yang telah dikenakan denda atau "*stop work order*"**
MBSA	452
MBPJ	Tiada mengemukakan maklumbalas
MPK	39
MPAJ	84
MPSJ	37
MPS	Tiada
MPKj	Tiada mengemukakan maklumbalas
MPSp	8
MDKL	17
MDHS	26
MDKS	4
MDSB	9
JUMLAH	**676**

Jadual 2 : Bilangan kontraktor yang telah dikenakan denda atau "*stop work order*"

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PROGRAM BLUE PRINT SELANGOR

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah penerima program Blue Print Selangor dari tahun 2008 hingga 2015?

b) Berapakah pecahan penerima bantuan mengikut kaum dari tahun 2008 hingga 2015?

c) Berapa peratus kejayaan program ini berjaya meningkatkan tahap ekonomi penerima?

JAWAPAN:

a) Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penjanaan/peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat/individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan. Jumlah penerima manfaat bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan dari tahun 2008 hingga 2015 adalah seramai 2,397 orang.

b) Bagi tahun 2008 hingga 2015, kaum Melayu mencatat jumlah penerima manfaat paling ramai iaitu seramai 2,102 orang (87.70%). Manakala kaum Cina dan India masing-masing mencatatkan jumlah penerima manfaat sebanyak 89 orang (3.71%) dan 206 orang (8.59%).

Pecahan penerima manfaat mengikut kaum bagi Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan dari tahun 2008 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:-

c) Sebagai makluman, Kaji Selidik/Kajian Impak bagi Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan yang melibatkan penerima bantuan bagi tahun 2008 hingga tahun 2014 telah dijalankan oleh Pejabat Daerah/Tanah. *Hasil kajian impak tersebut mendapati bahawa sebanyak 92.8% penerima manfaat telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka. Manakala sebanyak 0.30% penerima manfaat pula didapati pendapatan mereka semakin menurun dan sebanyak 6.90% penerima manfaat pula tiada perubahan terhadap pendapatan mereka.

Oleh yang demikian, kajian impak ini dapat merumuskan bahawa pelaksanaan Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor telah mencapai matlamat utama program, iaitu taraf ekonomi penerima manfaat berjaya ditingkatkan.

**Nota: Hasil kaji selidik diperolehi daripada lapan (8) Pejabat Derah/Tanah sahaja.*

RINGKASAN STATISTIK PENERIMA BANTUAN MENGIKUT KAUM BAGI PROGRAM BANTUAN *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN DI NEGERI SELANGOR TAHUN 2008 HINGGA TAHUN 2015

BIL.	TAHUN	BILANGAN PENERIMA MENGIKUT KAUM						
		MELAYU		CINA		INDIA		JUMLAH KESELURUHAN
		JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	
1.	2008	100	100%	-	-	-	-	100
2.	2009	322	96.41%	2	0.60%	10	2.99%	334
3.	2010	209	85.31%	4	1.63%	32	13.06%	245
4.	2011	295	83.57%	12	3.40%	46	13.03%	353
5.	2012	227	90.08%	4	1.59%	21	8.33%	252
6.	2013	155	83.33%	-	-	31	16.67%	186
7.	2014	432	82.60%	39	7.46%	52	9.94%	523
8.	2015	362	89.60%	28	6.93%	14	3.47%	404
JUMLAH		**2,102**	**87.70%**	**89**	**3.71%**	**206**	**8.59%**	**2,397**

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral, Jun 2016)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN INDUSTRI KECIL SEDERHANA (IKS)

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa ramai penerima bantuan IKS Selangor dari tahun 2008 hingga 2015?

b) Berapakah pecahan mengikut kaum?

c) Adakah kajian dibuat untuk mengukur sejauh mana kejayaan program ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan Bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor sehingga RM30,000.00 bagi setiap permohonan bermula tahun 2015. Sebelum ini had permohonan hanya sehingga RM10,000.00 sahaja. Sebanyak 575 orang telah menerima Bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor daripada tahun 2008 hingga Julai 2016. Bagi tahun 2012, peruntukan dana ini digunakan untuk Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P). Penerima program ini adalah sebanyak 15 orang. Buat masa ini Kerajaan Negeri tiada rekod pecahan mengikut kaum dan data direkodkan mengikut 9 Pejabat Daerah/Tanah Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, maklumat berhubung penerima Bantuan Dana Usahawan Mikro mengikut daerah bagi tahun 2008-2016 (Julai) adalah seperti jadual di bawah:

Penerima Bantuan Dana Usahawan Mikro Mengikut Daerah Bagi Tahun 2008-2016 (Julai)

Bil	Daerah	2008 / 2009	2009 / 2010	2010 / 2011	2012	2013	2014	2015	2016
1	Kuala Selangor	17	18	7	-	2	5	14	13
2	Sabak Bernam	10	10	9	3	10	11	15	10
3	Petaling	5	11	4	-	5	13	8	5
4	Hulu Langat	5	3	9	1	5	6	6	6
5	Sepang	2	2	4	-	8	5	12	13
6	Kuala Langat	13	12	9	2	5	12	17	12
7	Gombak	8	12	18	2	3	5	11	13
8	Klang	14	14	10	7	12	8	3	11
9	Hulu Selangor	14	3	4	-	5	11	14	6
	Jumlah	**88**	**87**	**74**	**15**	**55**	**76**	**100**	**95**

(Sumber: Pejabat-pejabat Daerah Negeri Selangor)

c) Setiap penerima DUMS akan dipantau perkembangan perniagaan mereka. Aspek-aspek yang diambil kira adalah seperti peningkatan permintaan produk sama ada permintaan terus ataupun lantikan ejen atau stokis. Selain itu juga, penembusan / perkembangan pasaran *(market penetration and expansion)* melalui permintaan selain daripada pasaran sedia ada seperti pasaran luar negeri/negara. Kemajuan jualan penerima bantuan dana Usahawan Mikro Selangor akan dipantau pada setiap 6 bulan selepas bantuan diterima oleh Pejabat Daerah/Tanah. Kaedah ini merupakan cara untuk mengukur kemajuan perkembangan perniagaan dan jualan para usahawan. Selain itu, lawatan ke premis perniagaan usahawan dijalankan bagi memantau perjalanan perniagaan dan keadaan premis mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PEMBERIAN KONTRAK DAN BEKALAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah kontrak dan bekalan yang dikeluarkan oleh PBT di Negeri Selangor tiap-tiap tahun dari tahun 2008 hingga 2015?

b) Berapakah bilangan kontrak yang dikeluarkan oleh PBT di Negeri Selangor tiap-tiap tahun, dari tahun 2008 hingga 2015?

c) Dari jumlah bilangan kontrak dan bekalan yang dikeluarkan oleh PBT di Negeri Selangor, berapa kontrak dan bekalan diberi kepada syarikat bumiputera dan juga bukan bumiputera?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : KEMASUKAN PELAJAR KE INPENS KOLEJ

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa ramai pelajar telah menamatkan pengajian di INPENS Kolej dari tahun 2008 hingga 2015?

b) Apakah pecahannya mengikut kaum?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah kenderaan bermotor mendaftar di JPJ Selangor sehingga 30 Jun 2016?

b) Berikan pecahan jenis kenderaan lori, bas, kereta dan motosikal.

c) Berapakah kutipan cukai jalan oleh JPJ Selangor dari tahun 2010 hingga 2015?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Jawapan seperti di lampiran.

STATISTIK KENDERAAN TERKUMPUL DI NEGERI SELANGOR
SEHINGGA 30 JUN 2016

Bil.	Jenis Kenderaan	Jumlah
1	Motosikal	1,371,668
2	Motokar	1,091,984
3	Bas	7,023
4	Teksi	15,788
5	Kereta Sewa Pandu Sendiri	2,268
6	Kenderaan Barang	191,870
7	Lain-lain Kenderaan	141353
Jumlah Besar		**2,821,954**

JUMLAH KUTIPAN LESEN KENDERAAN MOTOR (CUKAI JALAN) DI SELANGOR

Tahun	Jumlah Kutipan LKM
2010	213,925,768.43
2011	218,914,928.90
2012	216,100,217.26
2013	222,643,392.24
2014	219,331,698.70
2015	221,845,422.60
Jumlah Besar	**1,312,761,428.13**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : PUSAT PENYEMBELIHAN HALAL DI SELANGOR

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mohon menyatakan jumlah dan lokasi pusat penyembelihan (haiwan) halal dan tidak halal di Selangor mengikut PBT.

b) Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah peladang/penternak yang mengalami masalah penyembelihan disebabkan di kawasan mereka tidak mempunyai pusat sembelihan seperti di Hulu Langat?

c) Adakah agensi terbabit mempunyai rekod berkaitan penyembelihan haiwan halal yang dilakukan tanpa permit atau yang dilakukan di luar pusat penyembelihan?

JAWAPAN:

a) i. Pusat penyembelihan atau lebih tepat dipanggil **abatoir** dapat dikategorikan kepada 3 jenis iaitu khusus untuk ayam, ruminan (lembu dan kambing) dan babi.

ii. Terdapat 14 abatoir ayam yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) di seluruh Negeri Selangor dengan pecahannya seperti berikut :

Bil.	PBT	Ada Sijil Halal	Tiada Sijil Halal	Jumlah Mengikut PBT
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	2	1	3
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	0	0	0
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	1	0	1
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	0	0	0
5	Majlis Perbandaran Selayang	1	0	1
6	Majlis Perbandaran Klang	4	0	4
7	Majlis Perbandaran Kajang	1	1	2
8	Majlis Perbandaran Sepang	0	0	0
9	Majlis Daerah Hulu Selangor	0	0	0

10	Majlis Daerah Kuala Selangor	1	0	1
11	Majlis Daerah Kuala Langat	1	1	2
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	0	0	0
JUMLAH		**9**	**5**	**14**

*Catatan : Abatoir yang tiada Sijil Halal biasanya menggunakan penyembelih yang mempunyai Kad Tauliah Menyembelih Halal.

iii. Terdapat 10 buah abatoir ruminan (lembu dan kambing) yang berdaftar dengan DVS di seluruh Negeri Selangor dengan pecahannya seperti berikut :

Bil.	**PBT**	**Ada Sijil Halal**	**Tiada Sijil Halal**	**Jumlah Mengikut PBT**
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	1 (K)	0	1
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	0	0	0
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	0	0	0
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	0	0	0
5	Majlis Perbandaran Selayang	1 (S)	1 (S)	2
6	Majlis Perbandaran Klang	0	2 (S)	2
7	Majlis Perbandaran Kajang	0	1 (S)	1
8	Majlis Perbandaran Sepang	0	0	0
9	Majlis Daerah Hulu Selangor	0	1 (S)	1
10	Majlis Daerah Kuala Selangor	0	1 (S)	1
11	Majlis Daerah Kuala Langat	1 (K)	0	1
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	1 (K)	0	1
JUMLAH		**4**	**6**	**10**

*Catatan : Abatoir yang tiada Sijil Halal biasanya menggunakan penyembelih yang mempunyai Kad Tauliah Menyembelih Halal.
(K) – Abatoir kerajaan
(S) – Abatoir swasta

iv. Hanya 4 abatoir yang mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang dikeluarkan oleh pihak JAIS/JAKIM iaitu Kompleks Abattoir Shah Alam, Kuala Langat dan Sabak Bernam (kesemuanya abatoir kerajaan) dan abatoir swasta (HS Nada Sdn. Bhd. di PBT Selayang) sementara baki abatoir swasta yang lain hanya menggunakan Kad Tauliah Menyembelih Halal.

vi. Sesatunya abatoir babi yang berlesen di negeri Selangor adalah **Tip Top Meat Sdn. Bhd.** yang terletak di Hulu Selangor.

b) Bagi mengatasi masalah ketiadaan abatoir di sesetengah daerah, Jabatan mengesyorkan pihak pengusaha yang berkemampuan di daerah berkenaan untuk memohon mendapatkan lesen abatoir swasta daripada Ibu Pejabat DVS Malaysia (Persekutuan) di bawah Kaedah-kaedah binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 - Akta Binatang 1953 dan Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993. Ini kerana kerajaan belum bercadang untuk membina sebarang abatoir dalam tempoh terdekat kecuali abatoir ayam (kerajaan) yang pertama di PBT Sabak Bernam.

c) Agensi berkaitan iaitu DVS tidak mempunyai rekod berkaitan penyembelihan haiwan halal yang dilakukan tanpa permit atau yang dilakukan di luar pusat penyembelihan. Namun, DVS akan serta merta menyiasat hingga mendakwa sebarang kejadian seperti ini sekiranya menerima aduan orang ramai kerana ianya menyalahi undang-undang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : PENGGUNAAN PERUNTUKAN WANG MARRIS

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah peruntukkan wang MARRIS yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada 2016?

b) Apakah Kerajaan Negeri membelanjakan wang MARRIS hanya bagi maksud penyelenggaraan jalanraya atau digunakan untuk penyelenggaraan yang lain?

c) Mohon menyatakan senarai kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan menggunakan peruntukan MARRIS pada 2016.

JAWAPAN:

a) Jumlah peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Negeri (MARRIS) yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2016, sehingga 15 Julai 2016 adalah seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH (RM)
2016	285,952,461.77

b) Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri di bawah peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan adalah bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan-jalan Negeri di negeri masing-masing. Kerajaan Negeri komited untuk mengoptimumkan penggunaan peruntukan MARRIS pada setiap tahun dengan penuh hemat dan cekap berpandukan kepada Garis Panduan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MOF). Justeru, peruntukan ini hanya digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk menyelenggara jalan raya dan elemen yang bersangkutan dengannya seperti yang dibenarkan di bawah Garis Panduan MARRIS yang diperincikan di **Lampiran A**.

c) Senarai kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan menggunakan peruntukan MARRIS pada 2016 adalah seperti perincian di **Lampiran B.**

LAMPIRAN A

11. KATEGORI PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

Penyenggaraan jalan negeri terbahagi kepada empat (4) kategori utama seperti berikut:

11.1 Penyenggaran Rutin (Berjadual)

Kerja-kerja penyenggaraan rutin adalah kerja penyenggaraan yang dijalankan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan, contohnya:

(i) Penyenggaraan pavemen (tampal jalan).
(ii) Penyenggaraan bahu jalan.
(iii) Kerja-kerja pemotongan rumput/lanskap.
(iv) Penyenggaraan perabot jalan.
(v) Penyenggaraan pembetung dan jambatan.
(vi) Pembersihan longkang tepi jalan.
(vii) Penyenggaraan cerun (semula jadi dan buatan manusia).
(viii) Penyenggaraan jejambat/jejantas.
(ix) Penyenggaraan terowong.

11.2 Penyenggaraan Berkala

Kerja-kerja yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan, contohnya:

(i) Menyenggara pavemen (menurap semula jalan)
(ii) Mengganti perabot jalan.
(iii) Mengecat jalan.
(iv) Mengganti saliran.
(v) Membaiki cerun (atas dan bawah).
Maklumat Fasiliti Kesihatan (Klinik Kesihatan)

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Daerah		Klinik Kesihatan	Hospital Terdekat	Jarak (km)
Hulu Langat	1	Klinik Kesihatan Batu 9	Hospital Ampang	12 km
	2	Klinik Kesihatan Kajang	Hospital Kajang	5 km
	3	Klinik Kesihatan Bt 14	Hospital Ampang	10 km
	4	Klinik Kesihatan Bandar Baru Bangi	Hospital Kajang	9.3 km
	5	Klinik Kesihatan Semenyih	Hospital Kajang	8.3 km
	6	Klinik Kesihatan Ampang	Hospital Ampang	2.5 km
	7	Klinik Kesihatan Beranang	Hospital Kajang	19 km
	8	Klinik Kesihatan Bandar Seri Putra	Hospital Serdang	20 km
	9	Klinik Kesihatan Sungai Chua	Hospital Kajang	2.8 km
	10	Klinik Kesihatan Sungai Sekamat	Hospital Kajang	4.5 km
	11	Klinik Kesihatan Balakong	Hospital Kajang	11 km

Maklumat Fasiliti Kesihatan (Klinik Kesihatan)

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Daerah		Klinik Kesihatan	Hospital Terdekat	Jarak (km)
Klang	1	Klinik Kesihatan Pelabuhan Klang	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang	8.9km
	2	Klinik Kesihatan Kapar	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang	40km
	3	Klinik Kesihatan Anika (Klang)	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang	6km
	4	Klinik Kesihatan Pandamaran	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang	6.5km
	5	Klinik Kesihatan Pulau Ketam	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang	49km
	6	Klinik Kesihatan Pulau Indah	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang	24km
	7	Klinik Kesihatan Meru	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang	21km
	8	Klinik Kesihatan Bukit Kuda	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang	5km
	9	Klinik Kesihatan Botanik	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang	6km
	10	Klinik Kesihatan Bukit Naga	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang	7.4km
	11	Klinik Kesihatan Rantau Panjang	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang	6.8km

Maklumat Fasiliti Kesihatan (Klinik Kesihatan)

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Daerah		Klinik Kesihatan	Hospital Terdekat	Jarak (km)
Hulu Selangor	1	Klinik Kesihatan Kampung Soeharto (Sungai Dusun)	Hospital Slim River	30 km
	2	Klinik Kesihatan Ulu Yam Bharu	Hospital Kuala Kubu Bharu	38 km
	3	Klinik Kesihatan Kalumpang	Hospital Kuala Kubu Bharu	16 km
	4	Klinik Kesihatan Rasa	Hospital Kuala Kubu Bharu	10 km
	5	Klinik Kesihatan Sungai Selisek	Hospital Slim River	14 km
	6	Klinik Kesihatan Serendah	Hospital Selayang	12 km

Maklumat Fasiliti Kesihatan (Klinik Kesihatan)

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Daerah		Klinik Kesihatan	Hospital Terdekat	Jarak (km)
Kuala Langat	1	Klinik Kesihatan Kampung Bandar	Hospital Banting	11 km
	2	Klinik Kesihatan Jenjarom	Hospital Banting	13.5 km
	3	Klinik Kesihatan Telok Datok	Hospital Banting	4.5 km
	4	Klinik Kesihatan Tanjung Sepat	Hospital Banting	28 km
	5	Klinik Kesihatan Bukit Changgang	Hospital HTAR Klang	18 km
	6	Klinik Kesihatan Telok Panglima Garang	Hospital HTAR Klang	14.6 km
	7	Klinik Kesihatan Sijangkang	Hospital HTAR Klang	12 km
	8	Klinik Kesihatan Batu 10 (Kebun Baru)	Hospital HTAR Klang	14.6 km
	9	Klinik Kesihatan Kampung Sungai Lang	Hospital Banting	6.5 km

Maklumat Fasiliti Kesihatan (Klinik Kesihatan)

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Daerah		Klinik Kesihatan	Hospital Terdekat	Jarak (km)
Kuala Selangor	1	Klinik Kesihatan Tanjung Karang	Hospital Tanjong Karang	14.5 km
	2	Klinik Kesihatan Ijok	Hospital Tanjong Karang	28.7 km
	3	Klinik Kesihatan Kuala Selangor	Hospital Tanjong Karang	35.7 km
	4	Klinik Kesihatan Jeram	Hospital Tanjong Karang	32.7 km
	5	Klinik Kesihatan Bestari Jaya	Hospital Tanjong Karang	1.2 km
	6	Klinik Kesihatan Sungai Tengi Kanan	Hospital Tanjong Karang	3.8 km
	7	Klinik Kesihatan Bukit Cherakah	Hospital Tanjong Karang	37.3 km

Maklumat Fasiliti Kesihatan (Klinik Kesihatan)

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Daerah		Klinik Kesihatan	Hospital Terdekat	Jarak (km)
Sabak Bernam	1	Klinik Kesihatan Sekinchan	Hosp Tanjung Karang	18 km
	2	Klinik Kesihatan Parit Baru	Hosp Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam	25 km
	3	Klinik Kesihatan Sungai Air Tawar	Hosp Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam	35 km
	4	Klinik Kesihatan Bagan Terap	Hosp Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam	8 km
	5	Klinik Kesihatan Sungai Besar	Hosp Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam	14 km
	6	Klinik Kesihatan Merbau Berdarah	Hosp Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam	23 km

Maklumat Fasiliti Kesihatan (Klinik Kesihatan)

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Daerah		Klinik Kesihatan	Hospital Terdekat	Jarak (km)
Sepang	1	Klinik Kesihatan Dengkil	Hosp Putrajaya	15 km
	2	Klinik Kesihatan Salak	Hosp Putrajaya	35 km
	3	Klinik Kesihatan Sungai Pelek	Hosp Seremban	85 km
	4	Klinik Kesihatan Sepang	Hosp Seremban	70 km

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : PENYELENGGARAAN JALAN

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengemaskini jalan-jalan yang telah diselenggara di Sistem MARRIS *online*?

b) Sila nyatakan peratus jalan yang mempunyai maklumat lengkap tarikh jalan dibina dan diselenggara di setiap PBT.

c) Bagaimanakah PBT memilih jalan untuk diselenggara? Adakah *preventive maintenance* dilaksanakan?

JAWAPAN:

a) Ya

b)

PBT	Peratus jalan yang mempunyai maklumat lengkap tarikh jalan dibina dan diselenggara
MBSA	73%
MBPJ	Tiada Maklumbalas
MPK	Tiada Maklumbalas
MPAJ	Tiada Maklumbalas
MPSJ	100%
MPS	80%
MPKj	Tiada Maklumbalas
MPSp	100%
MDKL	40%
MDHS	30%
MDKS	Tiada Maklumbalas
MDSB	30%

**Sumber : Semua PBT Negeri Selangor

c) Pemilihan jalan untuk diselenggara adalah seperti berikut:-

i) Auditan dan pemantauan
ii) Secara berkala (Precentive Maintenance)
iii) Tempoh hayat jalan (7-10 tahun)
iv) Permohonan daripada ADUN/Ahli Majlis/Mesyuarat Jawatankuasa Majlis
v) Jalan telah rosak/uzur

Penyelenggaraan berkala untuk pembaikan jalan di PBT melalui pasukan Road Gang di mana kerja-kerja seperti tampalan lubang (kerosakan kecil), membaiki parit erong, mengecat batu susur dan railing dilaksanakan melalui kerja-kerja harian secara berperingkat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : OPERASI KUARI GERAK HARAPAN DI BATU 11, JALAN CHERAS, HULU LANGAT

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah operasi kuari milik Gerak Harapan di Batu 11, Jalan Cheras, Hulu Langat akan tamat lebih awal daripada tempoh lanjutan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri iaitu sehingga Mac 2017? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

b) Apakah langkah-langkah keselamatan akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap lombong kuari tersebut selepas tamat beroperasi memandangkan lombongnya amat dalam dan berdekatan kawasan perumahan?

JAWAPAN:

a) Buat masa ini, tarikh penutupan kuari Gerak Harapan di Batu 11, Cheras Daerah Hulu Langat masih kekal iaitu sebelum/pada 1 Mac 2017 memandangkan beberapa isu teknikal bagi tapak kuari baru di Mukim Hulu Langat masih belum diselesaikan sepenuhnya untuk memulakan operasi kuari. Antaranya:

i. Perolehan *Letter of Authorisation to Quarry* (LAQ) daripada Jabatan Mineral dan Geosains
ii. Kelulusan permit bahan batuan (permit 4C) daripada Pejabat Tanah Hulu Langat
iii. Kerja-kerja *overburden removal* di tapak baru
iv. Kelulusan jajaran jalan keluar masuk daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah Hulu Langat sentiasa membuat pemantauan dan memberi peringatan kepada pihak kuari agar semua kerja operasi pengkuarian perlu dihentikan pada/sebelum 1 Mac 2017 selaras dengan keputusan MMKN ke 35/2015 pada 25 November 2015. Tiada pelanjutan tempoh masa operasi yang diberikan kepada pihak kuari.

b) Tanah Operasi kuari Gerak Harapan iaitu **Lot 28436** PM 3356 dan Lot **PT 16050** HSD 25365 merupakan tanah milik Gerak Harapan untuk operasi kuari di Batu 11, Jalan Cheras yang masih mempunyai baki tempoh pajakan sehingga tahun **2026**

(Lot 28436) dan tahun **2021 (PT 16050).** Oleh yang demikian, walaupun setelah penutupan operasi kuari pada tahun 2017, pemilik tanah masih mempunyai hak dan kepentingan yang sah ke atas tapak sehingga luput tempoh pajakan.

Bagi memastikan langkah-langkah keselamatan, pihak pengusaha kuari perlu melaksanakan "*good housekeeping measure*" sepanjang tempoh operasi pengkuarian dijalankan tanpa perlu menunggu selepas tempoh penutupan operasi kuari. Antara kaedah "*Quarry Good Housekeeping*" adalah:

i. *Soil erosion control* – sistem pengairan yang baik, mengurangkan "*exposed earth*"
ii. *Landscaping work* – penanaman semula pokok untuk memulihkan tapak dan mengurangkan pencemaran bunyi/habuk
iii. *Blasting control* – menggunapakai SOP yang ditetapkan
iv. *Air dan water pollution control*

Kaedah rehabilitasi yang boleh digunakan bagi pemulihan tapak adalah "slope stability action" dan "greening land area". Untuk jangka panjang, pemilik tanah boleh memajukan lot tanah berkenaan tertakluk kepada syarat nyata tanah dan zoning kawasan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Zoning Kediaman (Lot 28436) dan Zoning Industri (PT 16050).

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : BANGUNAN STESEN BAS KUALA KUBU BHARU

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan hasil sewa yang diperolehi oleh MDHS daripada bangunan stesen bas Kuala Kubu Bharu secara terperinci.

b) Nyatakan lot-lot di bangunan stesen bas Kuala Kubu Bharu yang tidak disewa dan langkah yang diambil oleh MDHS supaya bangunan tersebut tidak menjadi satu projek gajah putih.

c) Adakah benar bangunan stesen bas Kuala Kubu Bharu dipenuhi dengan tahi burung? Jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mencegah burung dari menghinggapi kawasan tersebut.

JAWAPAN:

a) Hasil sewa MDHS yang dikutip daripada bangunan stesen bas Kuala Kubu Bharu adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA	ALAMAT PREMIS/ TINGKAT	TINGKAT	KADAR SEWA (RM)	KADAR SEWA DITERIMA (RM)	STATUS
1.	Yogeswaran a/l Krishnan	No. 2 Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Bawah	225.00	225.00	Masih Menyewa
2.	Suthes Kumar a/l Muniandy	No. 1-A Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Bawah	250.00	250.00	Masih Menyewa

BIL	NAMA	ALAMAT PREMIS/ TINGKAT	TINGKAT	KADAR SEWA (RM)	KADAR SEWA DITERIMA (RM)	STATUS
3.	Applsuwami a/l Suridemudu	No. 3 Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Bawah	150.00	150.00	Masih Menyewa
4.	Kamaraja a/l Sockan @ Subramaniam	No. 4 Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Bawah	150.00	150.00	Masih Menyewa
5.	I	No. 8 Kompleks Bas K.K. Bharu	Tingkat 1	100.00	0.00	Kosong
6.	Choo Tak Yuen	No. 9 Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Tingkat 1	100.00	100.00	Masih Menyewa
7.	Setor - Bahagian Pengurusan Harta	No. 5 Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Tingkat 1	Tiada	Tiada	Milik MDHS
8.	Norhayati Binti Jasmin	No. 6 Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Tingkat 1	150.00	150.00	Masih Menyewa

BIL	NAMA	ALAMAT PREMIS/ TINGKAT	TINGKAT	KADAR SEWA (RM)	KADAR SEWA DITERIMA (RM)	STATUS
9.	ST Electric Engineering & Servicing	No. 7 Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Tingkat 1	150.00	150.00	Masih Menyewa
10.	PUSPANITA Hulu Selangor	No. 10 Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Tingkat 1	150.00	150.00	Masih Menyewa
11.	Choo Tuck Sau	No. 11 Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Tingkat 1	150.00	150.00	Masih Menyewa
12.	Muhammad Omar bin Mohd Arshad	No. 7A Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Tingkat 2	150.00	150.00	Masih Menyewa
13.	Zanariah binti Rapingi	No. 8 Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Tingkat 2	150.00	150.00	Masih Menyewa
14.	Tetuan Nazrin Nasir T. Anand & Co	No. 15 Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Tingkat 2	130.00	130.00	Masih Menyewa

BIL	NAMA	ALAMAT PREMIS/ TINGKAT	TINGKAT	KADAR SEWA (RM)	KADAR SEWA DITERIMA (RM)	STATUS
15.	Tetuan Nazrin Nasir T. Anand & Co	No. 2 S Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Tingkat 2	500.00	500.00	Masih Menyewa
16.	Tetuan Nazrin Nasir T. Anand & Co	No. 9 Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Tingkat 2	1,200.00	1,200.00	Masih Menyewa
17.	Surau	No. 18 Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Tingkat 2	Tiada	Tiada	Masih Digunakan
18.	Pejabat dan setor – Jabatan Penilaian	Kompleks Bas Kuala Kubu Bharu	Tingkat 2	Tiada	Tiada	Milik MDHS
JUMLAH BESAR			**18**	**3,705.00**	**3,605.00**	

b) Keseluruhan lima belas (15) unit atau lot-lot di bangunan Stesen Bas Kuala Kubu Bharu disewakan dengan kadar RM100.00 hingga RM1,200.00 per/unit/lot dengan pendapatan MDHS sebanyak RM3,605.00 sebulan. Satu (1) unit/lot telah dijadikan tempat ibadat iaitu surau dan dua (2) unit/lot telah dijadikan ruang pejabat serta stor untuk Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Daerah Hulu Selangor (Bahagian Penilaian Semula). Pada masa ini, terdapat satu (1) unit/lot yang kosong dan telah diiklankan.

Pada masa yang sama stesen bas Kuala Kubu Bharu menjadi laluan perkhidmatan bas awam dan perkhidmatan bas percuma Smart Selangor. Ianya sedikit sebanyak menjana ekonomi di stesen bas tersebut.

c) Bangunan Stesen Terminal Bas KKB telah dibina oleh Jabatan Kerajaan sekitar tahun 1980-an dan mempunyai aras tiga tingkat yang pada masa itu merupakan sebuah bangunan berkonsep kompleks berpusat untuk kemudahan terminal bas, teksi, tandas awam, unit-unit *kiosk* dan kedai termasuk kedai makan. Pada peringkat awal bangunan tersebut tidak mengalami masalah burung-burung berterbangan di dalam ruang dalaman namun masalah mulai berlaku bermula awal tahun 2000.

Beberapa langkah telah diambil oleh pihak MDHS untuk mengurangkan masalah burung yang masuk dan hinggap di celah-celah dinding dan tiang bangunan seperti senarai berikut :

1) Memasang jaring dan bingkai keluli yang kukuh di ruang-ruang terbuka (anjung) setiap tingkap bagi menghalang burung terbang ke dalam ruang bangunan.

2) Memasang jaring dengan bingkai kukuh di laluan tangga untuk menghalang burung yang masuk melalui ruang terbuka. Namun kaedah ini tidak memberi keselesaan kepada pengguna dan pengunjung bangunan tersebut kerana seolah-olah berada dalam kurungan besi.

3) Mengganti saiz jaring yang lebih kecil pada jaring sedia ada bagi menghalang terus kemasukan burung. Namun keadaan ini juga tidak memberi keselesaan kepada pengguna kerana menghalang pandangan luar termasuk mengurangkan kecerahan ruang dalam bangunan pada waktu siang hari.

4) Memasang pintu berjaring di laluan masuk ke tangga aras satu, namun kaedah ini tidak mendapat kerjasama daripada kebanyakan pengguna kerana pintu tersebut kerap terbuka selepas digunakan dan akan memudahkan burung masuk.

5) Kawalan pembersihan dari masa ke semasa untuk menghapuskan sarang-sarang burung.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : RUMAH SELANGORKU DI HULU SELANGOR

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan projek Rumah Selangorku di Hulu Selangor secara terperinci seperti jumlah unit, jenis, harga jualan, tarikh jangkaan siap dan sebagainya.

b) Adakah pemaju menghadapi masalah jualan Rumah Selangorku di Hulu Selangor memandangkan penduduknya tidak ramai dan peluang pekerjaannya kurang?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dari tahun 2010 sehingga kini terdapat sebanyak 209 unit rumah sedang dibina dan sebanyak 254 unit rumah belum dibina di Hulu Selangor. Perinciannya adalah seperti berikut :-

i. Projek yang sedang dibina oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

Bil.	**PBT**	**Pemaju / Pemaju Usahasama**	**Projek**	**Bil. Unit / Jenis / Harga Jualan**	**Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina**
1.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas Sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	129 (Jenis D) (RM250,000)	Dis 2016
2.		Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di PT 1 Blok 1, Di Seksyen 1, Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	80 (Jenis D) (RM250,000)	2017
JUMLAH				**209**	

ii. Projek yang belum dibina oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit / Jenis / Harga Jualan	Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina
1.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Ke Atas Hakmilik PN 104069 Lot 18977 Bandar Batang Kali Daerah Hulu Selangor.	65 (Jenis D) (RM200,000)	2018
JUMLAH				**65**	

iii. Projek yang belum dibina oleh pihak pemaju swasta adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit / Jenis / Harga Jualan	Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina
1.	MDHS	Ho Sin & Son Enterprise Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 4266 HS(D) 2496, Mukim Batang Kali Daerah Hulu Selangor.	50 (Jenis B) (RM100,000) 53 (Jenis C) (RM200,000) 75 (Jenis D) (RM250,000)	2018
2.		Dato' Liew Choo	Ke Atas Hakmilik HS(D) 4108 PT 1738, Bandar Kuala Kubu Bharu, Daerah Hulu Selangor.	11 (Jenis C) (RM200,000)	
JUMLAH				**189**	

b) Pemajuan Rumah Mampu Milik atau Rumah Selangorku yang telah siap dibina dan terjual kepada orang awam di bawah pemajuan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melibatkan satu projek sahaja iaitu 129 unit rumah teres di Antara Gapi, Hulu Yam, Daerah Hulu Selangor. Setakat ini, PKNS tiada menghadapi sebarang masalah jualan Rumah Selangorku kepada orang awam walaupun mendapati penduduknya tidak ramai dan peluang pekerjaannya kurang di kawasan tersebut.

Pada masa ini, PKNS juga dalam melaksanakan pembinaan projek baru Rumah Selangorku sebanyak 80 unit rumah teres di Antara Gapi dan juga dalam perancangan pembinaan 65 unit rumah teres di Rasa, Hulu Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : PAIP AIR PECAH DI HULU SELANGOR

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai *hotspot* paip air pecah di Hulu Selangor secara terperinci seperti jumlah penduduk yang terlibat, panjang paip dan sebagainya.

b) Nyatakan kawasan-kawasan *hotspot* yang sedang dan akan menjalankan penggantian paip air baru dan kos penggantiannya bagi tahun 2016 dan 2017 di Hulu Selangor.

c) Adakah unsur sabotaj yang menyebabkan kes paip air pecah sering berlaku di Kuala Kubu Bharu pada tahun ini?

JAWAPAN:

a) Untuk tahun 2016, kawasan *hotspot* yang telah dikenal pasti untuk daerah Hulu Selangor adalah di kawasan Kg Assam Kumbang yang mempunyai anggaran penduduk seramai 1,444 orang. Anggaran paip yang akan diganti adalah sepanjang 3.47 km.

b) Tertakluk kepada peruntukan kewangan untuk penggantian paip air lama daripada Kerajaan Negeri dan PAAB bagi tahun 2017 sehingga 2019, tujuh (7) lagi projek penggantian paip di kawasan *hotspots* Hulu Selangor sedang dirancang untuk pelaksanaan seperti jadual berikut:

Bil.	**Kawasan**	**Panjang (km)**
1	Jln Syed Mansor Kuala Kubu Baharu	1.2
2	Kg Genting Permai Batang Kali	2.6
3	Kg Sg Buaya Peringkat 1	2.0
4	Kg Lim Tan Rawang	2.0
5	Jln Besar Kg Keliang	3.0
6	Kg Pasir Putih Kalumpang	5.0
7	Rumah Murah Rasa	1.0
Jumlah		**16.8**

c) Tidak ada sebarang unsur sabotaj yang menyebabkan kejadian paip pecah di kawasan Kuala Kubu Baru. Kejadian paip pecah adalah disebabkan faktor usia paip yang telah lama ataupun disebabkan oleh kecuaian pihak ketiga ketika melakukan kerja berhampiran dengan paip air sedia ada.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : JKR HULU SELANGOR

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah JKR Hulu Selangor bercadang menaiktaraf persimpangan Jalan Pahang - Jalan Ampang Pecah (depan Bangunan MDHS) di Hulu Selangor bagi mengatasi kesesakan lalulintas terutamanya waktu puncak? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

b) Adakah JKR Hulu Selangor akan melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir di Jalan Batang Kali - Ulu Yam Baru (depan Econsave) pada tahun ini? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

a) Ini adalah Jalan Negeri B54. Ya, terdapat perancangan penyelesaian jangka masa pendek. Status di peringkat rekabentuk dan proses perolehan dijangka bulan Ogos 2016.

b) Ini adalah Jalan Negeri B113. Ya, terdapat perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir yang melibatkan beberapa agensi seperti MDHS dan pihak pemaju. Salah satu tindakan yang akan diambil oleh pemaju Ligamas adalah menaiktaraf sistem longkang tepi jalan sedia ada yang terlibat sepanjang jalan JKR dalam kawasan banjir kilat. Dijangka bermula pada bulan Ogos 2016.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : PTD HULU SELANGOR

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor telah mengemukakan kertas ringkasan bagi Projek Pembesaran Kampung Melayu Rasa (Desa Rening Jaya) kepada MMKN pada tahun ini? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat membaikpulih Rumah DO yang usang tapi tinggi nilai sejarahnya?

JAWAPAN:

a) Ya, PDT Hulu Selangor telah mengemukakan kertas ringkasan bagi Projek Pembesaran Kampung Melayu Rasa (Desa Rening Jaya) kepada MMKN bertarikh 14 Januari 2016 dan 29 Mac 2016. Kontraktor yang dilantik adalah Ikatan Bendera Sdn. Bhd.

b) Kerajaan Negeri telah menerima permohonan membaikpulih Rumah Kediaman Rasmi Tuan Pegawai Daerah Hulu Selangor di bawah Peruntukan Pembangunan daripada Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor. Sehubungan itu, permohonan tersebut sedang disemak dan diteliti oleh pihak UPEN dan pihak Perbendaharaan Negeri Selangor untuk pertimbangan penyediaan bajet pembangunan tahun 2017.

Dengan adanya peruntukan membaikpulih kediaman rasmi Pegawai Daerah ini akan dapat memelihara nilai warisan sejarah bangunan yang dibina pada zaman pemerintahan British dahulu.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI YANG DIFAILKAN DI MAHKAMAH

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan projek perumahan terbengkalai di Selangor yang telah difailkan di mahkamah oleh pihak-pihak tertentu menyebabkan pemulihan terpaksa ditangguhkan.

b) Apakah keputusan mahkamah terhadap projek perumahan terbengkalai di Lembah Beringin?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 3 projek yang masih di dalam tindakan pihak Mahkamah. Senarai projek adalah seperti berikut :

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1.	Projek Perumahan Taman Lembah Beringin, PT 610, 6502, 863 & 864, Jalan Kerling, Mukim Sungai Gumut, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Lembah Beringin Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi : Ferrier Hodgson MH Sdn. Bhd.
2.	Projek Perumahan Tanah Lot Banglo No.2527 & 2528 dan 2529 & 2530 (The Genting Valley), Jalan Desa Rening, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Jade San Reality Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi - HLB Ler Lum Sdn. Bhd.
3.	Projek Pembinaan Untuk Penempatan Semula Setinggan Fasa 1 Rumah Pangsa Kos Rendah Sri Bunga Raya, 1 Blok 12 Tingkat (153 Unit), 6 Unit Kedai, 1 Dewan, 1 Tadika No.4, Jalan Gram U19/16, Seksyen U19, Shah Alam	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi : Mustapha Raj Sdn Bhd

b) Untuk makluman Yang Berhormat, Tetuan Ferrier Hodgson MH Sdn. Bhd. sebagai pelikuidasi telah melantik Legenda Beringin Sdn. Bhd. (LBSB) sebagai pemaju penyelamat melalui proses tender yang telah diadakan namun terdapat pembida lain telah membawa kes ini ke Mahkamah berhubung isu pelantikan pemaju penyelamat berkenaan. Susulan daripada itu, Mahkamah telah menetapkan tarikh perbicaraan penuh dan keputusan Mahkamah akan dibuat pada 29 Ogos 2016 (Isnin). Dengan ini, urusan pemulihan projek terbengkalai di Lembah Beringin ditangguhkan sehingga keputusan Mahkamah diperolehi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : RUMAH REHAT BANGLO SULTAN SULAIMAN DAN BANGLO SERI SELANGOR BUKIT FRASER

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan kos sebenar secara terperinci yang telah dibelanjakan untuk kerja-kerja naik taraf Rumah Rehat Banglo Sultan Sulaiman dan Banglo Seri Selangor di Bukit Fraser.

b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membuka Banglo Seri Selangor Bukit Fraser untuk sewaan kepada Ahli Dewan Negeri Selangor memandangkan kerja-kerja naik taraf telah siap? Jika ya, nyatakan kadar sewaan.

JAWAPAN:

a) Kos sebenar bagi Kerja-kerja Naik Taraf Rumah Rehat Banglo Sultan Sulaiman dan Banglo Seri Selangor di Bukit Fraser adalah berjumlah **RM1,647,804.19 (Ringgit Malaysia : Satu Juta Enam Ratus Empat Puluh Tujuh Ribu Lapan Ratus Empat Ringgit dan Sembilan Belas Sen Sahaja)** dan Pengurus Projek bagi kerja-kerja baik pulih kedua-dua banglo tersebut adalah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor.

b) Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor boleh membuat penyewaan Banglo Seri Selangor dengan kadar sewaan kini sebanyak **RM60.00 (Ringgit Malaysia : Enam Puluh Sahaja)**. Walau bagaimanapun, Pentadbiran ini sedang mengkaji kadar sewaan baharu bagi Rumah Rehat Negeri Selangor di Bukit Fraser.

JAWAPAN TAMBAHAN (a)

SKOP BIDANG	SKOP KERJA	HARGA (RM)	CATATAN
AWAM	Membaiki Kerosakan Serta Menaiktaraf Rumah Rehat Kerajaan Negeri Banglo Sultan Sulaiman, Bukit Fraser	529,996.82	Syarikat Wira Samudera Enterprise JKR/HS/29/2015
AWAM	Membaiki Kerosakan Serta Menaiktaraf Rumah Rehat Kerajaan Negeri Banglo Seri Selangor, Bukit Fraser	529,973.77	Ehiya Enterprise JKR/HS/50/2015
MEKANIKAL	Kerja-kerja Membekal, Memasang, Mengujiterima Sistem Pam Penggalak Untuk Kerja-kerja Naiktaraf Banglo Sultan Sulaiman dan Banglo Seri Selangor di Bukit Fraser	315,350.00	Kejuruteraan Bumi Air JKR/SEL/31/15(MEK)
ELEKTRIK	Kerja-kerja Penyelenggaraan dan Naiktaraf Sistem Elektrik untuk Banglo Sultan Sulaiman dan Banglo Seri Selangor di Bukit Fraser	249,163.60	Kejuruteraan Bumi Air JKR(ES)HS/600-1/4/SN 57/15
ELEKTRIK	Pemasangan Lampu Chandelier di Banglo Seri Selangor	23,320.00	J.N.SEL.4/2/98 Jld. 3(34)
JUMLAH		***RM1,647,804.19***	

JAWAPAN TAMBAHAN (b)

Berikut adalah kadar sewa mengikut kategori:

PERKARA	KADAR SEWA (RM)
D.Y.M.M. Sultan Selangor	Tiada
D.Y.M.M. Raja Muda Selangor	Tiada
Kerabat Di Raja Selangor	Tiada
Y.A.B. Dato' Menteri Besar	Tiada
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN)	Tiada
Ahli Dewan Di Raja	RM60
Ahli Dewan Negeri Selangor	RM60
Orang Besar Istana (OBI)	RM60
Orang Besar Daerah (OBD)	RM60
Pegawai Kerajaan Negeri Selangor	RM60

Tempahan boleh dibuat melalui sistem atas talian melalui https://e-tempahan.selangor.gov.my/

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : KEBERSIHAN KESELURUHAN DI SELANGOR

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Status terkini penggubalan Enakmen Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor.

b) Status terkini penyediaan Pelan Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu Negeri Selangor yang akan menentukan kaedah pengurusan dan pelupusan yang efektif.

JAWAPAN:

a) Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor sedang di semak semula berdasarkan kelulusan dasar baru dengan pewujudan *Projek Management Company* (PMC) bagi pengurusan sisa pepejal dan juga isu-isu berkaitan kitar semula (Contoh: Dasar Larangan Penggunaan Polistrina dan Beg Plastik) dan lain- lain.

b) Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaaan Negeri pada masa ini adalah seperti berikut:

i) Penyediaan Pelan Tindakan Pengurusan Kitar Semula oleh **Majlis Bandaraya Shah Alam** (**MBSA) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** dengan kerjasama Tetuan P.E Research Sdn. Bhd. bagi merancang dan merangka pelan tindakan kitar semula dan pengurangan sisa pejal di punca di mana perkara ini dijangka akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri pada hujung tahun 2016.

ii) Pelaksanaan projek perintis yang dikenali *Project Management Company* (PMC) di Majlis Perbandaran Klang (MPK) bermula 1 Julai 2016.

PMC yang dicadangkan ini akan bekerjasama dengan pihak PBT dan juga negeri untuk memastikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lebih baik melalui operasi secara bersepadu dan seragam. Kerajaan Negeri akan menilai dan memastikan kebolehlaksanaan model pengurusan sampah ini dalam tempoh dua (2) tahun sebelum keputusan untuk pelaksanaan di lain- lain PBT diputuskan.

iii) Worldwide Holdings Berhad (WHB) telah diminta untuk melaksanakan kajian terperinci Pembangunan *Integrated Solid Waste Management* (ISWCM) melalui keputusan MMKN Ke 16/2016 yang diadakan pada 11 Mei 2016 di mana WHB perlu membuat kajian dan analisa lengkap berhubung unjuran jumlah sampah dan jenis/komponen sampah yang akan dilupuskan di ISWCM termasuk sampah dalam kategori jenis kitar semula.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan syarikat yang membekalkan Bas Smart Selangor dan jumlah harga kontrak yang telah ditawarkan.

b) Nyatakan statistik bilangan penumpang yang telah menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor mengikut laluan perjalanan.

JAWAPAN:

a) Perkhidmatan Bas Smart Selangor telah dilaksanakan secara berperingkat. Bermula 1 Julai 2015, tiga laluan diperkenalkan di kawasan Shah Alam, Subang Jaya dan Klang. Perkhidmatan ini ditambah pada tahun 2016 bermula 1 Januari di Ampang Jaya dan Kajang seterusnya diperluaskan di enam (6) laluan di Selayang, Sepang, Kuala Langat, Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Hulu Selangor.

Maklumat syarikat yang membekalkan Bas Smart Selangor dan jumlah harga kontrak yang ditawarkan adalah seperti di **Jadual 1** dan **Jadual 2** di bawah:

Jadual 1 : Jumlah Kontrak Syarikat Pengendali Bas Smart Selangor
Dari 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2016

Bil	Operator / Syarikat Pengendali	Kawasan / PBT	Jumlah Kontrak
1	Rapid Bus Sdn. Bhd.	3 kawasan / MBSA, MPSJ dan MPK	RM3,481,712.00
		JUMLAH KONTRAK	**RM3,481,712.00**

Jadual 2 : Jumlah Kontrak Syarikat Pengendali Bas Smart Selangor
Dari 1 Januari 2016 hingga 30 Jun 2016

Bil	Operator / Syarikat Pengendali	Kawasan / PBT	Jumlah Kontrak
1	Rapid Bus Sdn. Bhd.	5 kawasan baru iaitu MPAJ, MPKj, MPS, MPSp dan MDKL serta lanjutan kontrak bagi MBSA, MPSJ dan MPK (dengan tambahan sebuah bas di MPK)	RM6,973,630.00
2	Wawasan Sutera Travel & Tours Sdn. Bhd.	2 kawasan / MDKS dan MDSB	RM1,242,896.64
3	SKS Coachbuilders Sdn. Bhd.	1 kawasan / MDHS	RM619,040.00
		JUMLAH KONTRAK	**RM8,835,566.64**

b) Laluan Bas Smart Selangor ketika ini melibatkan sebelas (11) PBT kecuali Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah mempunyai bas komuniti sendiri iaitu PJ CityBus. Statistik bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor mengikut laluan perjalanan adalah seperti berikut:

Statistik Penumpang Bas Smart Selangor Dari 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2016

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	PENUMPANG
1	Laluan Bas Smart Selangor MBSA - Dari Stesen Komuter Shah Alam Seksyen 19 ke Hospital Shah Alam, Seksyen 7	591,788
2	Laluan Bas Smart Selangor MPSJ - Dari Persiaran Bakti (MPSJ) ke Persiaran Murni (Sekolah Agama Bestari)	444,415
3	Laluan Bas Smart Selangor MPK - Dari SRJK (C) Kong Hoe / Jalan Batu Tiga Lama Ke Plaza MPK (Mydin) / Jalan Pos Baru	227,400
4	Laluan Bas Smart Selangor MPAJ - Dari Jalan Ukay Perdana ke Jalan Taman Melawati	243,396
5	Laluan Bas Smart Selangor MPKj - Dari/Ke Kompleks Hentian Kajang melalui Jalan Reko,	344,903

	Persiaran Bangi, Persiaran Cempaka, Jalan 7/2, Jalan 7/5, Jalan 7/1, Jalan Wan Siew, Jalan Sungai Chua, Jalan Mendaling, Jalan Tukang, Jalan Besar, Jalan Cheras dan Jalan Timur.	
6	Laluan Bas Smart Selangor MPS - Dari Selayang Mutiara ke Terminal Putra Gombak	65,156
7	Laluan Bas Smart Selangor MPSp - Dari Klinik Kesihatan Tanjong Sepat ke Stesen ERL Kota Warisan - Dari Bandar Baru Salak Tinggi ke Stesen ERL Kota Warisan	 1,461 2,791
8	Laluan Bas Smart Selangor MDKL - Dari Bandar Banting ke Stesen ERL Kota Warisan	9,417
9	Laluan Bas Smart Selangor MDSB - Dari/ke Sekinchan ke/dari Sabak Bernam	6,355
10	Laluan Bas Smart Selangor MDKS - Dari Terminal Bas dan Teksi Kuala Selangor – Tanjong Karang – Perhentian Bas Sekinchan	4,185
11	Laluan Bas Smart Selangor MDHS - Terminal Bas Kuala Kubu Bharu – ke/dari Terminal Bas Bukit Sentosa	10,263
	Jumlah Keseluruhan	**1,951,530**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : PENYELENGGARAAN JALAN-JALAN BUKAN DI BAWAH MARRIS

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan jalan-jalan bukan di bawah MARRIS sentiasa dalam keadaan yang elok terutamanya jalan-jalan yang digunakan oleh banyak kenderaan berat dan ringan walaupun pemajunya sudah gulung tikar dan jalannya belum diserahkan kepada agensi pelaksana?

b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk menyelenggarakan jalan-jalan di kawasan FELDA? Jika tidak, nyatakan cara-cara yang boleh memastikan jalan-jalan FELDA di Selangor dalam keadaan yang elok.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keperluan untuk membaikpulih jalan-jalan yang masih belum didaftarkan di bawah program MARRIS. Ini kerana jalan tersebut masih belum diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan oleh pihak pemaju yang telah gulung tikar.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBT yang berkaitan untuk menyelaras supaya jalan-jalan tersebut dapat diambilalih dan didaftarkan di bawah MARRIS untuk membolehkan ianya diselenggara secara berkala.

Pada tahun 2015, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah mengenalpasti keperluan membaikpulih dan menyelenggara jalan-jalan utama sepanjang 7.8km di Bandar Bukit Beruntung dan Bandar Bukit Sentosa, Mukim Serendah daerah Hulu Selangor. Kawasan tersebut merupakan jalan di dalam kawasan pembangunan syarikat Talam Corporation dan syarikat Europlus Berhad di mana kedua-dua syarikat tersebut telah gulung tikar namun jalan-jalan tersebut masih belum diserahkan kepada pihak MDHS.

Sehubungan itu, MDHS telah mengambilalih jalan tersebut dan mewartakan sebagai jalan yang akan diselenggara oleh MDHS. Hasil pengambilalihan tersebut, Kerajaan Negeri pada 11 Jun 2015 telah meluluskan siling peruntukan berjumlah RM5juta bagi tujuan baikpulih dan penyelenggaraan. Jalan-jalan tersebut juga telah didaftarkan di dalam Sistem MARRIS Online bertujuan untuk memastikan

rekod panjang jalan di dalam negeri Selangor meningkat dan seterusnya meningkatkan siling peruntukan MARRIS pada tahun berikutnya. Dengan kaedah ini, pembaikan jalan tersebut dapat dibuat dengan lebih teratur dan sistematik pada masa akan datang.

b) Dasar Kerajaan Negeri sedia ada tidak membenarkan sebarang pelaksanaan projek termasuk projek menaiktaraf dan membaiki jalan di atas tanah hak milik persendirian/bukan milik Kerajaan Negeri termasuklah jalan-jalan di kawasan FELDA. Ini adalah kerana peruntukan pembangunan yang disediakan adalah bagi menaiktaraf dan membaikpulih aset-aset milik Kerajaan Negeri.

Melalui kaedah yang sedang dilaksanakan sekarang, sekiranya jalan tersebut adalah jalan di atas tanah pihak Pejabat Daerah dan Tanah akan melaksanakan kerja-kerja ukur tanah/'*land survey'* bagi mendapatkan jajaran jalan dan sempadan yang sebenar. Langkah seterusnya akan diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri selepas selesai kerja-kerja ukur tersebut sama ada melalui proses Esmen (Seksyen 282 Kanun Tanah Negara (KTN)), atau mengguna pakai Hak Lalulalang Pentadbir Tanah (Seksyen 388 & 389 KTN) atau kaedah terakhir iaitu pengambilan balik semula tanah (Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah 1960).

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : PENGGUNAAN PERUNTUKAN PWB

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila perincikan penggunaan peruntukan PWB DUN Selat Klang sepanjang 2016 yang telah digunakan oleh mantan penyelaras PWB yang tidak melalui ADUN.

b) Sila nyatakan peraturan menggunakan penggunaan peruntukan RM30,000.00

c) Berapakah baki peruntukan PWB Selat Klang apabila penyelia PWB baru mengambil alih?

JAWAPAN:

a) dan c)

Seramai 55 orang penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) yang telah dilantik dari 56 DUN di seluruh Selangor telah berjaya melaksanakan tugasan sebagai penyelia PWB pada sesi April 2015 hingga Mac 2016. Dengan berbekalkan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, para penyelia ini telah berjaya mengadakan pelbagai bentuk program wanita selaras dengan peranan dan tanggungjawab mereka.

Mantan Penyelia DUN Selat Klang juga tidak terkecuali dalam melaksanakan program-program PWB sepanjang tempoh perkhidmatan beliau. Sebanyak RM21,855.00 daripada jumlah keseluruhan peruntukan RM30,000.00 setahun yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada setiap PWB DUN telah dibelanjakan oleh beliau (mantan Penyelia DUN Selat Klang) bermula Januari sehingga Mac 2016. Maka baki peruntukan adalah sebanyak RM8,145.00 sewaktu pelantikan penyelia PWB baru untuk sesi April 2016 sehingga Mac 2018.

Berikut adalah perincian peruntukan PWB DUN Selat Klang sepanjang 2016 yang telah digunakan oleh mantan penyelia PWB DUN Selat Klang seperti di Lampiran A.

b) Bagi pelaksanaan Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah

menyediakan garis panduan dalam bentuk Manual Prosedur Operasi bagi memudahkan perjalanan tugasan para penyelia PWB. Ini termasuk tatacara penggunaan peruntukkan yang disalurkan. Syarat-syarat peruntukan PWB yang digariskan adalah seperti berikut :-

i. Penyelia PWB menyediakan kertas kerja bagi program pemberdayaan wanita berskala kecil yang tidak melebihi RM2,500 dan dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga untuk mendapatkan kelulusan.

ii. Setelah kelulusan diperolehi, sesalinan kertas kerja yang telah di minit luluskan oleh YB Exco tersebut dikemukakan kepada Pejabat Daerah/Tanah bagi tujuan pemakluman pelaksanaan program dan bagi tujuan pembayaran.

iii. Setelah selesai program, penyelia hendaklah mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program kepada Pejabat Daerah/Tanah bagi tujuan pembayaran.

iv. Pejabat Daerah/Tanah akan membuat pembayaran kepada PWB berdasarkan kertas kerja yang telah diluluskan oleh YB Exco dan Laporan Pelaksanaan Program PWB yang lengkap dengan kaedah bayaran balik (*re-imbursement*).

Lampiran A

MAKLUMAT PENGGUNAAN PERUNTUKAN PWB DUN SELAT KLANG PADA JANUARI SEHINGGA MAC TAHUN 2016

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	Kelas Masakan Kuih Sampan & Alabama	7 Jan 2016	740.00
2	Kursus Aneka Kek	16 Jan 2016	1,280.00
3	Kelas Masakan Roti	19 Jan 2016	900.00
4	Kursus Membuat Beg Daripada Banner	23 Jan 2016	1,000.00
5	Kursus Aneka Kuih Talam	24 Jan 2016	1,550.00
6	Kursus Masakan Tradisional	24 Jan 2016	660.00
7	Kursus Mengait Benang Bulu	26 Jan 2016	800.00
8	Santai Wanita Bersama Pimpinan	30 Jan 2016	1,555.00
9	Kelas Menjahit Baju Wanita	3,10,17,24 Jan 2016	1,300.00
10	Kelas Nasi Lemak Katering	13 Feb 2016	1,180.00
11	Kraftangan Membuat Mini Tasbih & Gelang Tangan Dari Manik	25 Feb 2016	1,300.00
12	Kelas Memasak Nasi Ayam Hainan Katering	5 Mac 2016	1,200.00
13	Kelas Masakan Aneka Puding	10 Mac 2016	800.00
14	Kelas Aneka Brownies	10 Mac 2016	900.00
15	Kelas Pembuatan Tempe	17 Mac 2016	990.00

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
16	Kempen Kesedaran Kesihatan	19 Mac 2016	2,500.00
17	Kelas Masakan Aneka Apam	26 Mac 2016	700.00
18	Anugerah Tunas Usahawan 2016	27 Mac 2016	2,500.00
		JUMLAH (RM)	**21,855.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : PENGENDALIAN SISA PEPEJAL

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah peratus kitar semula untuk sisa pepejal di Negeri Selangor?

b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan pengasingan sisa serta menggalakkan industri kitar semula?

c) Apakah perkembangan enakmen sisa pepejal Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Perincian peratus kitar semula untuk sisa pepejal di Negeri Selangor mengikut Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut:-

Bil.	PBT	% Pencapaian Kitar Semula	Catatan
1.	**MBSA**	5.5	Peratusan adalah berdasarkan hasil barang kitar semula yang diperolehi oleh Pengusaha Kitar Semula PBT dalam tempoh sebulan dan jumlah pelupusan sampah setiap PBT
2.	**MPAJ**	7.5	
3.	**MPSJ**	18.3	
4.	**MPS**	2.45	
5.	**MDKL**	5	
6.	**MDHS**	5	
7.	**MDKS**	3	
8.	**MDSB**	1.20	

Nota : ***MBPJ, MPK, MPKJ dan MPSP*** *tidak mengemukakan maklumat peratusan*

b) Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek perintis kitar semula dilaksanakan bagi kajian pengasingan sampah isi rumah di empat (4) buah PBT (MBPJ/MPKj/MPAJ/MDHS) pada bulan Disember 2015 yang dilaksanakan secara kerjasama dengan **Tetuan P.E Research Sdn. Bhd.** dan seterusnya Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan telah memutuskan **MBSA dan MBPJ** untuk bekerjasama dengan Tetuan P.E Research Sdn. Bhd. bagi **merancang dan merangka pelan tindakan kitar semula dan pengurangan sisa pejal di punca** di mana perkara ini di jangka akan di bentangkan kepada Kerajaan Negeri pada hujung tahun 2016.

c) Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor sedang di semak semula berdasarkan kelulusan dasar baru dengan pewujudan *Projek Management Company* (PMC) bagi pengurusan sisa pepejal dan juga isu-isu berkaitan kitar semula (Contoh: Dasar Larangan Penggunaan Polistrina dan Beg Plastik) dan lain- lain.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : ASET BADAN BERKANUN NEGERI

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan jumlah aset Badan-Badan Berkanun Negeri pada tahun 2014 hingga 2015.

b) Nyatakan perubahan dan penyumbang perubahan ini (geran negeri/janaan sendiri) dengan penjelasan terperinci.

JAWAPAN:

Badan Berkanun ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan, tidak kira dengan nama apa ia dikenali, yang diperbadankan menurut peruntukan-peruntukan Undang-undang Persekutuan dan yang menjadi Pihak Berkuasa Awam atau Agensi Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta Badan Berkanun 1980). Berikut merupakan senarai Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor:-

i. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
ii. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)
iii. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)
iv. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)
vi. Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)
vii. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

Skop jawapan bagi soalan ini adalah berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit Badan Berkanun Kerajaan Negeri bagi tahun kewangan 2014 sahaja. Maklumat aset bagi tahun kewangan 2015 tidak dapat dibentangkan memandangkan Penyata Kewangan bagi tahun 2015 bagi kesemua Badan Berkanun Kerajaan Negeri masih belum selesai diaudit.

a) Berikut merupakan perincian kepada Aset Badan Berkanun Kerajaan Negeri berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun 2014.

Bil.	Badan Berkanun	Aset	Amaun (RM)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	<u>Aset Bukan Semasa</u> 1. Hartanah, loji dan peralatan 2. Pelaburan dalam syarikat bersekutu 3. Lain-lain pelaburan 4. Muhibah daripada penyatuan 5. Pelaburan hartanah 6. Harta hartanah 7. Aset tidak ketara 8. Aset cukai tertunda	 486,329,000 766,214,000 624,544,000 11,092,000 355,000,000 720,512,000 47,000 17,136,000
		Jumlah Aset Bukan Semasa	2,980,874,000
		<u>Aset Semasa</u> 1. Inventori 2. Projek kemajuan hartanah 3. Kerja kontrak yang telah dijalankan tetapi belum dituntut 4. Tuntutan kemajuan terakru 5. Penghutang perdagangan 6. Lain-lain penghutang, deposit dan bayaran terdahulu 7. Pelaburan portfolio 8. Simpanan tetap 9. Wang tunai dan baki di bank 10. Cukai belum pulih	 89,913,000 2,498,674,000 1,349,000 113,542,000 492,615,000 63,635,000 18,749,000 226,523,000 153,653,000 5,217,000
		Jumlah Aset Semasa	3,663,870,000
		Jumlah Keseluruhan Aset	**6,644,744,000**
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	<u>Aset Bukan Semasa</u> 1. Hartanah, loji dan peralatan 2. Aset hidup 3. Ladang-ladang	 287,965,000 1,378,000 33,101,000

Bil.	Badan Berkanun	Aset	Amaun (RM)
		4. Pembangunan projek dan ladang 5. Muhibah daripada penyatuan	25,896,000 3,086,000
		Jumlah Aset Bukan Semasa	351,426,000
		<u>Aset Semasa</u> 1. Pelaburan jangka pendek 2. Inventori 3. Belum terima dagangan 4. Belum terima lain 5. Cukai boleh dikembalikan 6. Simpanan tetap dengan bank berlesen 7. Wang tunai dan baki di bank	 287,000 1,856,000 36,899,000 2,516,000 1,260,000 95,378,000 8,293,000
		Jumlah Aset Semasa	146,489,000
		Jumlah Keseluruhan Aset	**497,915,000**
3.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS)	<u>Aset Tetap</u> 1. Hartanah, loji dan peralatan	 25,772,000
		Jumlah Aset Tetap	25,772,000
		<u>Aset Semasa</u> 1. Akaun belum terima 2. Simpanan Tetap 3. Tunai di tangan dan bank	 3,083,000 244,769,000 52,181,000
		Jumlah Aset Semasa	300,033,000
		Jumlah Keseluruhan Aset	**325,805,000**
4.	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	<u>Harta Tetap</u> 1. Hartanah, loji dan peralatan	 5,831,000

Bil.	Badan Berkanun	Aset	Amaun (RM)
	(PADAT)	Jumlah Harta Tetap	5,831,000
		<u>Aset Semasa</u> 1. Pelbagai penghutang dan pendahuluan 2. Simpanan Tetap 3. Tunai di bank dan di tangan	 283,000 10,067,000 12,393,000
		Jumlah Aset Semasa	22,743,000
		Jumlah Keseluruhan Aset	**28,574,000**
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)	<u>Aset Tetap</u> 1. Hartanah, loji dan peralatan 2. Kerja dalam kemajuan	 79,787,000 43,000
		Jumlah Aset Tetap	79,830,000
		<u>Aset Semasa</u> 1. Pelbagai penerimaan, deposit dan prabayar 2. Simpanan, wang tunai dan baki di bank	 249,000 2,087,000
		Jumlah Aset Semasa	2,336,000
		Jumlah Keseluruhan Aset	**82,166,000**
6.	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)	<u>Aset Bukan Semasa</u> 1. Hartanah, loji dan peralatan	 948,000

Bil.	Badan Berkanun	Aset	Amaun (RM)
		Jumlah Aset Bukan Semasa	948,000
		<u>Aset Semasa</u> 1. Penghutang 2. Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar 3. Simpanan tetap di Institusi Kewangan 4. Tunai di tangan dan di bank	 6,094,000 142,000 21,429,000 2,340,000
		Jumlah Aset Semasa	30,005,000
		Jumlah Keseluruhan Aset	**30,953,000**

b) Maklum balas bagi soalan berkaitan perubahan dan penyumbang kepada perubahan di antara tahun 2014 dan 2015 (geran negeri/ janaan sendiri) tidak dapat dihuraikan kerana tiada data perbandingan susulan daripada Penyata Kewangan tahun 2015 kesemua Badan-badan Berkanun masih belum selesai diaudit.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : AKAUN NEGERI

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah akaun kewangan semasa negeri – simpanan, kutipan dan perbelanjaan.

b) Bagaimanakah negeri dapat mengekalkan pengurusan akaun yang berhemah?

JAWAPAN:

a) Simpanan Kerajaan Negeri tidak termasuk Akaun Amanah dan Deposit pada 15 Julai 2016 adalah berjumlah RM2,598.08 juta.

Prestasi kutipan hasil sebenar Kerajaan Negeri Selangor sehingga 15 Julai 2016 berbanding Anggaran Hasil 2016 adalah 78.18% iaitu RM1,758.95 juta. Manakala perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan sehingga 15 Julai 2016, masing-masing, adalah berjumlah RM756.45 juta (iaitu 52.53% dari Belanjawan 2016) dan RM478.77 juta (iaitu 33.25% dari Belanjawan 2016) dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan adalah sebanyak RM1,235.22 juta.

b) Kecemerlangan dan ketelusan dalam pengurusan kewangan Kerajaan Negeri adalah menjadi asas utama dalam pengurusan dan pengagihan sumber kewangan Kerajaan Negeri. Ini adalah merupakan tanggungjawab dan amanah yang besar dan penting bagi setiap penjawat awam. Justeru, untuk mengekalkan pengurusan akaun yang berhemah, Kerajaan Negeri menuntut penghayatan nilai integriti dan akauntabiliti dalam mengekalkan etika dan tadbir urus kewangan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : PRESTASI PERBELANJAAN BAJET 2016

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan prestasi semasa perbelanjaan Bajet 2016 berdasarkan portfolio EXCO.

b) Nyatakan prestasi semasa perbelanjaan Bajet 2016 berdasarkan jabatan & agensi.

c) Nyatakan prestasi semasa perbelanjaan Bajet 2016 berdasarkan program.

JAWAPAN:

a) Setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN) atau EXCO yang juga memegang beberapa portfolio telah diperuntukkan Bajet Pembangunan 2016 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1.44 bilion. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM627.66 juta atau 43.59% telah dibelanjakan sehingga tempoh 15 Julai 2016.

   Prestasi perbelanjaan Bajet Pembangunan 2016 (termasuk tanggungan) berdasarkan portfolio EXCO adalah seperti di **Lampiran A**.

b) Prestasi perbelanjaan Bajet 2016 (termasuk tanggungan) berdasarkan Jabatan sehingga tempoh 15 Julai 2016 bagi peruntukan Mengurus adalah sebanyak RM785.23 juta atau 54.53% daripada sejumlah RM1.44 bilion yang telah diluluskan bagi tahun ini. Manakala bagi peruntukan Pembangunan, daripada jumlah RM1.44 bilion yang diluluskan, sebanyak RM627.66 juta atau 43.59% telah pun dibelanjakan.

   Perincian bagi perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan mengikut Jabatan adalah seperti di **Lampiran B.**

c) Sehingga tempoh 15 Julai 2016, prestasi perbelanjaan Bajet 2016 bagi peruntukan Pembangunan (termasuk tanggungan) berdasarkan Program/ Sektor adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM/ SEKTOR	PERUNTUKAN	BELANJA (TERMASUK TANGGGUNGAN)	
		RM	RM	%
1	INFRASTRUKTUR	1,029,223,010.00	387,317,972.67	37.63
2	SOSIAL	231,386,860.00	155,863,643.09	67.36
3	EKONOMI	169,390,130.00	83,629,419.10	49.37
4	PERBANDARAN	10,000,000.00	853,584.60	8.54
	JUMLAH	**1,440,000,000.00**	**627,664,619.46**	**43.59**

LAMPIRAN A

PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2016 (TERMASUK TANGGUNGAN) SEHINGGA 15 JULAI 2016

JAWATANKUASA TETAP	PORTFOLIO	BAJET PEMBANGUNAN 2016		
		PERUNTUKAN	BELANJA (TERMASUK TANGGUNGAN)	
		(RM)	(RM)	%
Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI (KEWANGAN, PEMBANGUNAN TANAH, PENGURUSAN SUMBER ALAM, MTES DAN PENERANGAN)	PEMBANGUNAN TANAH (PENGAMBILAN TANAH)	55,000,000.00	3,883,276.81	7.06
	KEWANGAN	121,809,730.00	96,568,568.64	79.28
	PEMBANGUNAN TANAH (JPBD)	3,000,000.00	84,615.03	2.82
	JUMLAH	**179,809,730.00**	**100,536,460.48**	**55.91**
Y.B. DATO' TENG CHANG KIM (PELABURAN, PERINDUSTRIAN (IKS), PERDAGANGAN DAN PENGANGKUTAN)	EKONOMI	6,000,000.00	1,328,156.60	22.14
	PERINDUSTRIAN DAN PELABURAN	12,000,000.00	7,144,393.84	59.54
	PENGANGKUTAN	10,000,000.00	6,303,438.64	63.03
18	KG PERIGI NENAS	PELABUHAN KLANG	ZOLKIPLI @ ZULKIFLI BIN ABDUL WAHAB
19	KG SUNGAI KEMBONG	PELABUHAN KLANG	JAINAL BIN SUKRI
20	KG SG PINANG	PELABUHAN KLANG	ABDUL HARIS BINBAHRUN
21	KG TELOK GONG	PELABUHAN KLANG	NORAZMAN BIN MOKSIN
22	KG. JALAN KEBUN	SRI MUDA	HJ MOHD SALEHAN BIN HJ TAHIR
23	KG. BUKIT NAGA	SRI MUDA	BUANG BIN ISMAIL
24	KG. JOHAN SETIA	SRI MUDA	HJ MOHD JALIL BIN MARZUKI
25	KG. SG. KANDIS	SRI ANDALAS	HJ MISWAN HJ SALLEH
26	KG. TELOK MENEGON	SRI ANDALAS	AHMAD FAHMI BIN HANAPIAH
27	KG. JAWA	SRI ANDALAS	MAHFUZ BIN HARUN
28	KG SUNGAI PINANG BANDAR	SUNGAI PINANG	HAMDAN BIN HJ YUSOF
29	KG RANTAU PANJANG	SUNGAI PINANG	ENCIK ABDUL HALID BIN KAAB
30	KG BATU 3, JLN KAPAR	SUNGAI PINANG	HJ MOHD DARIN BIIN SAMIJO
31	KG BATU 4, JLN KAPAR	SEMENTA	HJ MOHD SAMSIDI BIN SUDRI
32	KG SEMENTA	SEMENTA	MAT ELLAH BIN MD NOR
33	KG PEREPAT	SEMENTA	RAZALI BIN RAHMAT

DAERAH GOMBAK

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
1	KG. SELAYANG BARU	TMN TEMPLER	JUMARI BIN TALIB
2	KG. SELAYANG INDAH	BATU CAVES	MASROM BIN KAPIL
3	KG. MAHKOTA	TMN TEMPLER	SUHAINI BIN MOHAMAD NATIN
4	KG. BARU BATU CAVES	TMN TEMPLER	HJ ADNAN BIN MOHD YATIM
5	KG. MELAYU BATU CAVES SELATAN	BATU CAVES	KHALID BIN MOHD NOR
6	KG. SG. TUA BARU	BATU CAVES	MEJ (B) HJ RAMLY BIN JAMALUDIN
7	KG. SELAYANG PANDANG	TMN TEMPLER	EN ABU AMIN BIN KASIM
8	KG. MELAYU SG. BULOH	PAYA JARAS	ZULKIKLI BIN ABU HASSAN
9	KG. MASJID PEKAN SG. BULOH	PAYA JARAS	ZULKIPLI BIN HJ ABD KARIM
10	KG. SG. KERTAS	BATU CAVES	JAMIL AZAMAN BIN RAZAK
11	KG. NAKHODA	BATU CAVES	UST. MOHAMMAD NOOR BIN DAUD
12	KG. LAKSAMANA	BATU CAVES	HJ MAHMAD BIN ISMAIL
13	KG. MELAYU BATU 16	TAMAN TEMPLER	NOR AZMAN B. MOHD. YUNUS
14	KG. BATU ARANG	RAWANG	HAJI AHMAD RAFFIE BIN YOB @ YEOB NORDIN
15	KG. KENANGA	RAWANG	ABDUL MALEK BIN OSMAN
16	KG. MELAYU PEKAN	RAWANG	HJ HASHIM BIN HJ ABD. KADIR
17	KG. TANJUNG	BATANG KALI	SUHAIMY BIN ZAMAN
18	KG. MELAYU SRI KUNDANG	KUANG	MADZLAN BIN BAKI
19	KG. DAMAI	KUANG	HJ ABU NAIM BIN HJ ALI
20	KG. SG. SERAI	KUANG	AZMAN BIN MOHD. RAIS
21	KG. PERMATA KUNDANG	KUANG	HISHAMUDIN BIN MOHAMAD

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
22	KG. CHEMPEDAK	KUANG	TAUFIK BIN MOHD SAAD
23	KG. SETIA	KUANG	MOHAMAD RAIS BIN SADIKIN
24	KG. MATANG PAGAR	PAYA JARAS	MUSTAFA KAMAL BIN IBRAHIM
25	KG. GOMBAK,KUANG	KUANG	ROZAIDI BIN HJ YUSOF
26	KG. CHANGKAT	GOMBAK SETIA	ZAINAL ABIDIN BIN ABU BAKAR
27	KG. TENGAH	GOMBAK SETIA	EDRUS BIN MOHD YUSOF
28	KG. CHINCHIN	GOMBAK SETIA	KHAZARI BIN MAT
29	KG. SG. PUSU	GOMBAK SETIA	HJ MOHD YUNUS BIN HJ ISHAK
30	KG. GOMBAK UTARA	GOMBAK SETIA	MOHAMAD SAID BIN ZAKARIA
31	KG. KERDAS	GOMBAK SETIA	MD ADNAN SIDEK
32	KG. SIMPANG TIGA	GOMBAK SETIA	ABD. RAZAK BIN MOHD SHAIR
33	KG. KLANG GATE BARU	HULU KELANG	KAMALUDIN @ KAMAL ARIF BIN MOHAMED
34	KG. KEMENSAH	HULU KELANG	RAZALI BIN SAMSUDDIN
35	KG. PASIR	HULU KELANG	HASSAN BIN A. RAHMAN

DAERAH SEPANG

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
1	KG. JENDERAM HILIR	DENGKIL	OSMAN BIN NOH
2	KG. JENDERAM HULU		HALIM BIN ZAINAL ABIDIN

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
3	KG.SEMARANG		ROSLI BIN MOKSIN
4	KG. DENGKIL		HJ MAHMUD BIN BUYAMIN
5	KG. SG. MERAB		SAMSUDIN BIN SAIMIN
6	KG. SG. BUAH		AHAMD SANUSI BIN HJ SALLEH
7	KG. DESA PUTRA		MOHAMAD TAMRIN BIN ABDUL MAJID
8	KG. RKT LIMAU MANIS		AZIZ BIN IBRAM
9	KG. PULAU MERANTI		ZUL ASRY BIN AMBIA
10	KG. DATO' ABU BAKAR BAGINDA		HJ NOR AZHAR BIN HJ MOHD RAWI
11	KG. TG. MAS		HASSIM BIN GILAMPO
12	KG. JELUTONG INDAH	SG PELEK	IBRAHIM BIN ABDULLAH
13	KG. BAGAN LALANG		ZAHARI BIN MESKAM
14	KG. BUKIT BANGKONG	TG SEPAT	AHMAD POZI BIN DARMAN
15	KG. HULU CHUCHOH		NIZAM BIN SAONAN
16	KG. HULU TERIS		HJ SABIRIN BIN MARSONO
17	KG. SALAK TINGGI	SG PELEK	HJ MOHAMAD BIN OSMAN REUTER
18	KG. LABU LANJUT		DAMARULAN BIN HASSIM
19	KG. GICHING		MAT ISA BIN HASSAN

DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
1	KG. PERMATANG PASIR	MORIB	RAMLAN BIN ABDOL ADI
2	KG. SG. BUAYA		EN. SABERI BIN MANAF
3	KAMPUNG SAWAH		NOR RASHIM BIN NGALIMAN
4	KAMPUNG SERI JUGRA		MOHD RASID B MOHD KASSIM
5	KAMPUNG BANDAR		HAJI ABDUL RAZAK B HAJI JAAFAR
6	KAMPUNG TALI AIR DAN MORIB		MOHMAD HAMDANI BIN MOHMAD SIRAT
7	KANCHONG DARAT		ABDUL RANI BIN ABAS
8	KELANANG		HJ MUSTAKIM B MOHD DIN
9	KANCHONG TENGAH		MAHADI BIN HJ MISRO
10	BANTING		HJ MUHAMZAH B NGAMIL
11	KAMPUNG MELAYU PULAU CAREY	SIJANGKANG	EN YUSUF B AHMAD

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
12	TELOK PANGLIMA GARANG		ABD MANAP BIN RAHIM
13	BATU 9, KEBUN BARU		MD SARWAN BIN SANGIN
14	BATU 10, KEBUN BARU		HJ ISA BIN HJ NASIR
15	SIJANGKANG		ZAINAL ULUM BIN AHMAD KASAH
16	SUNGAI RAMBAI		EN. RADIN HAMDI BIN HJ BEDAWI
17	KAMPUNG MEDAN		JUHARI BIN TALIB
18	SG. KELAMBU	TANJUNG SEPAT	EN. ZAMRI BIN SURIF
19	SG. LANG BARU		MOHD NIZAM BIN DIMON
20	KAMPUNG ENDAH		HAMZAH BIN HJ. BOHARI
21	KAMPUNG SUNGAI LANG TENGAH		KANDAR BIN SADIMAN
22	KUNDANG		AMAN BIN JOPRI
23	BATU LAUT	TANJUNG SEPAT	MOHAMAD AZAM BIN HASHIM

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
24	TUMBUK DARAT		EN. ABD RAHIM B SHARMAN
25	TANJUNG SEPAT DARAT		MOHD KHALID BIN MISRAN
26	KG LADANG BATU		TN.HJ.AWALLUDIN B SARJUN
27	SERI CHEEDING	TELOK DATOK	EN.HASSAN BIN MUSMAN
28	KAMPUNG JENJAROM		HJ. MISNAN B AHMAD @ HJ. MOHD NOR
29	KAMPUNG SG MANGGIS		KHAIRUL NIZAM BIN RUMI
30	KAMPUNG JAYA SEPAKAT		EN. KHAIRUDIN BIN BASIRON
31	KAMPUNG LABOHAN DAGANG	DENGKIL	HJ MOHD SULOR BIN TOHIRON
32	KAMPUNG RTB BUKIT CHANGGANG		HJ. SAMSUDIN BIN JANTAN
33	KAMPUNG OLAK LEMPIT		DATO' DR ZAINI BIN PONIMAN
34	KAMPUNG BUKIT CHANGGANG		SHARIF BIN NGATANI

DAERAH HULU LANGAT

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
1	SESAPAN BATU MINANGKABAU	SEMENYIH	MOHTAR BIN IDRIS
2	SESAPAN BATU REMBAU		SHAHARUDIN BIN JOHAR
3	SESAPAN KELUBI		ALIAS BIN YAKOB
4	SUNGAI KEMBONG HILIR		OTHMAN BIN KASIM
5	SUNGAI KEMBONG HULU		SALIM BIN ZAINUDIN
6	SUNGAI JAI		RUSLAN BIN HASSAN
7	RINCHING HILIR		ABD MALEK BIN RIDZWAN
8	RINCHING TENGAH		BASSRI BIN AYOP
9	BUKIT KEPONG		MD ZAMRI BIN KAMARDDIN
10	JALAN ENAM KAKI		ZAKARIA BIN MD NOH
11	KUALA PAJAM	SEMENYIH	MOHAMAD AZAM BIN MURAD
12	INDAH PKNS		WAN KAMARUDDIN BIN WAN SALLEH
13	SUNGAI MACANG		BAKHTAR BIN ABD RAHAMAN
14	SUNGAI PURUN		BOSTAMAM BIN MOKHTAR
15	BATU 3		AZMAN BIN AUYON
16	BATU 5		MOHAMED BIN AHMAD
17	PASIR BARU		MOHD ZAMRI BIN ISUT
18	TANJONG		JAAFAR BIN HODRI
19	SENTOSA		KHAIRUDDIN BIN LONG
20	RINCHING HULU		RAJA ZAZMAN BIN RAJA HASSAN

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
21	BATU 13 HULU LANGAT	DUSUN TUA	ABDULLAH MANSOR BIN MOHD ARSHAD
22	BATU 14 HULU LANGAT		DERIS BIN BIDIN
23	BATU 16 DUSUN TUA		MD GADAPI BIN AHMAD HARMAIN
24	BATU 17 DUSUN TUA		SHAHARANI BIN SHUAIB
25	BATU 18 KG. JAWA		RAMLY BUN YUNAN
26	BATU 20 SUNGAI LUI		MOHD YUNUS BIN KAMARUDIN
27	BATU 21 SUNGAI LUI		MISKON BIN SANTHEE
28	KUALA PANSOON		MOHD RASHID BIN HAYAT
29	KUALA PERDIK		ABD RANI BIN ABDUL RASHID
30	SUNGAI TEKALI		HAMZAH BIN HARUN
31	SUNGAI SERAI		ZAINUDDIN BIN MOHAMAD TASAR
32	LUBUK KELUBI/ PADANG		ZULKAFLI BIN LAJIS
33	BUKIT RAYA	DUSUN TUA	MOHD SAILI BIN JEMAKIR
34	DUSUN NANDING		ISMAIL BIN KAMARUDIN
35	MELAKA		RAZALI BIN SULAIMAN
36	SUNGAI RAYA		MUHAMAD ZIN BIN MARULA
37	SUNGAI SEKAMAT	KAJANG	AHMAD SHUKOR BIN MAWI
38	BUKIT DUKUNG		MOHD RAZIP BIN AHMAD
39	BATU 10		TUN MAMAT BIN HASHIM
40	BT.13 JLN CHERAS		ABDUL HANIF BIN YAZID

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
41	SRI JAMBU		AHMAD JAMIL BIN ISMAIL
42	SUNGAI KANTAN		MOHD KHALID BIN REDUAN
43	SUNGAI BALAK	BALAKONG	RAMLAN BIN ABU
44	SUNGAI JERNIH		SHAHRIZAN BIN ABU BASAR
45	SUNGAI RAMAL LUAR	BANGI	MOHD YUSOF BIN ABD KADIR
46	SUNGAI RAMAL DALAM		SUKUR BIN BASIR
47	SUNGAI TANGKAS		ZAMSHI BIN HJ MOHAMED
48	BAHAGIA		NORAZLAN BIN NORDIN
49	BANGI		ZAKARIA BIN BUJANG
50	TERAS JERNANG		AB SHUKOR BIN JANTAN
51	MELAYU AMPANG	BUKIT A/BANGSA	ZUBER BIN DIN
52	LEMBAH JAYA SELATAN	LEMBAH JAYA	MUHAMAD HANAFI BIN ZAKARIA
53	AMPANG INDAH		MISBAH BIN SAMAD
54	DATO' MUFTI SHUIB		MHD ARSHAD BIN ALI
55	BUKIT SUNGAI PUTIH		HARON BIN SAAD
56	TASEK PERMAI	LEMBAH JAYA	ABDUL RAHMAN BIN OTHMAN
57	TASEK TAMBAHAN		MOHD ROZLAN BIN AHMAD TAJUDDIN
58	SRI TAMAN BARU		MD ZAKI BIN YUSOFF
59	AMPANG CAMPURAN		MOHD SALEH BIN DAUD
60	CHERAS BARU	TERATAI	ISMAIL BIN CHEMING
61	PANDAN DALAM	CEMPAKA	ABU HANIFAH BIN ABDUL RAHMAN

DAERAH KUALA SELANGOR

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
1	PARIT 4	SG.BURUNG	AHMAD BIN ARBAIN
2	PARIT 3		
3	PARIT 2		SAIPUDDIN BIN ISMAIL
4	KAMPUNG PINANG		MOHAMAD TASIMIN BIN POMIN
5	HAJI RAZALI		OTHMAN BIN SEBRAN
6	AMPANGAN		ABDUL WAHAB BIN YUSUF
7	SG TENGI KIRI		MOHAMAD SHAHRI @ SHAARI BIN JABAR
8	KG MELAKA		ABDULLAH NAJIB BIN SAARI
9	SG. BURONG		MD YATIM BIN MOHD SAID
10	HJ. RAZALI		MAD JANAL BIN NAWAWI
11	SG. SIREH		MUSA BIN HUSSAIN
12	KG SG KAJANG		KHAIRON BIN DAHLAN
13	SG TENGI KANAN BAROH		MOHD JAWADI BIN HJ ABDUL SALAM
14	BLOK BI		MAZLAN BIN SHAMSUDIN
15	BLOK COJ		OSMAN BIN WAGIMIN
16	KG. SUNGAI TENGI KANAN DARAT		MUSTAPA BIN ABD KARIM
17	KG. TOK ADAM		MOHAMAD SA'AD BIN BAKAR
18	KG. KUNCI AIR BUANG		MOHAMAD JAMSHARI BIN KASIM
19	KG. BLOK AGH		ARBANY BIN KATIMIN
20	KG. BLOK DKPV		NORAZMAN BIN SERIN
21	KG. SERI TIRAM JAYA		MOHAMAD FAROJI BIN KEMAT
22	KG. BLOK EQSW		HJ. SANUSI BIN JAUS
23	RANTAU PANJANG	IJOK	BAHARUDIN OTHMAN
24	JAYA SETIA		ROSMAN BIN SUKIRAN
25	KG. BESTARI JAYA	PERMATANG	MOHAMAD JINAL BIN ARIFFIN
26	SIMPANG 3 JERAM	JERAM	RAHENAN BIN KAMARUDDIN
27	SG BULOH		HASSIM BIN MANSOR
28	JERAM		ABDULLAH BIN ISMAIL

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
29	SG SEMBILANG		ISMAIL BIN PUTEH
30	FELDA BUKIT CHERAKAH		JAMALI B. AMNAN
31	KG. BUKIT KUCHING TENGAH	JERAM	SAHARUDIN BIN ZAM ZAM
32	KG. BUKIT KUCHING		ZUZAINI BIN ISMAIL
33	KG. BUKIT HIJAU		SELAMAT BIN ASIR
34	KG. BUKIT KERAYONG		MOHD MAHADZIR BIN MOHD RAHIM
35	KG. BUKIT CHERAKAH		MUHAMAD KHAIRONI B. SHAMSURI
36	TAMBAK JAWA		ABDUL SHUKOR BIN MUHAMMAD
37	PERMATANG	PERMATANG	MOHD ZA'BA BIN MUDA
38	PARIT SERONG		AZAHARI BIN MARDZUKI
39	UJONG PERMATANG		MOHD KHOMAINI BIN REDZUAN
40	SG TERAP		MISKON BIN MISANI
41	SG YU		MUHAD SOLIHI BIN MISRAN
42	SG GULANG GULANG		MOHD MASKURI BIN MARDZUKI
43	SEPAKAT	MALAWATI	SALEHUDDIN BIN MISWAN
44	TANJONG SIAM		MOHD YUSOP BIN MOHD DIAH
45	ASAHAN		MOKHSEN BIN MD. MUKRI
46	KG KUANTAN		HAZOL @ HAUTHOL BIN ABDULLAH
47	BUKIT BELIMBING	PERMATANG	SAMSUDIN BIN IDRIS
48	KG RAJA MUSA		JAYUS BIN SURAJI
49	KG HARMONI	API-API/IJOK	MOHD RAZI BIN KORMIN
50	IJOK	IJOK	MOHD ARIP BIN DAMANHURI
51	PASIR TUNTONG	MALAWATI	AMRAN BIN MOHD NOOR
52	KG. BUKIT BADONG	IJOK	TAIRIN BIN AHMAD
53	KG. PARIT MAHANG		BAHAROM BIN HUSSIEN

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
54	KG. API-API	MALAWATI	SAMSUL AMBIA BIN BAHROM
55	KG. ASSAM JAWA		RAMLI BIN HJ. YUSOP

DAERAH HULU SELANGOR

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
1	ALAH BATU	HULU BERNAM	ABD AZIZ MOHAMED IDRIS
2	LALANG/GESIR		MOHD ABDUL SALAM BIN HARUN
3	SERI KELEDANG		MAN BIN RAPOR
4	GEDANGSA		
5	SOEHARTO		MOHD RUFIE BIN WARIS
6	KG. GESIR TENGAH		MOHAMMED SALLEH BIN RI
7	SG. TENGI		SELAMAT BIN RAKIO
8	SERIGALA	HULU BERNAM	PAIRUS BIN ABDUL AZIZ
9	HULU BERNAM SELATAN		MD TAJUDDIN BIN HJ SALAM
10	KG. SELISEK	HULU BERNAM	ISHAK BIN AHMAD
11	HULU BERNAM UTARA		ABDUL AZIZ BIN NUSIM
12	GUMUT/TITIWANGSA	HULU BERNAM	ABDUL RAZAK BIN HJ ABDUL LATIF
13	KELIANG		NAZIR BIN YAHYA
14	KG. PASIR PUTEH		

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
15	KG. JAWA	KUALA KUBU BHARU	MAHMUD HJ MARZUKI
16	KG. PASIR KERLING		YUSOFF BIN STAK
17	KUALA KUBU BARU	KUALA KUBU BHARU	MUHAMAD DON BIN RADZUAN
18	KG. AMPANG PECAH		RIIHAJUDDIN BIN ANWAR KHAN
19	MELAYU, RASA	BATANG KALI	SAHYAR BIN HASSAN
20	KG. GENTING MALEK	BATANG KALI	MOHD RASIF BIN RAWI
21	KG. SG. MASIN		ZULKAFLE BIN RAMLY
22	KG. KUANTAN		SUHAIMY BIN KAMARUDDIN
23	HULU RENING		MOHD YUSOF BIN SARMAN
24	SEKOLAH/ TAMAN SERI		KHALID BIN MOHD. SHARIF
25	KG. SENTOSA		SAHRIN BIN ABDUL MUTALIB
26	PASIR, HYB	BATANG KALI	MUHAMAD SHUHAIP BIN HUSSAIN
27	BATU 30		MD RASID BIN RASOL
28	SG. KAMIN/HULU KALONG	BATANG KALI	HAZNAN BIN ABU BAKAR
29	KALONG TENGAH/HILIR		ROSLEE BIN HUSSIN
30	SG. CHOH SIMPANG	BATANG KALI	KAPT.(B) ZAINAL ABIDIN BIN NAUS
31	SG. CHOH STESYEN		MAAROF BIN AB. HAMID
32	DATO' HARUN		AMRAN BIN BAHAMAN
33	SG. BUAYA		LATIF BIN ISHAK

DAERAH SABAK BERNAM

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
1	KG. BATU 40	SABAK	MOHAMAD BIN YUNOS
2	KG. BAGAN NIRA		MUHAMAD HANAFI BIN YUSOF
3	KG. BATU 2 SEPINTAS		MOHD KHALID BIN HJ MAKSUD
4	KG. TEBUK BERIHUN		ROSLAN BIN MOHAMED YUSOF
5	KG. BATU 38		MOHD ASRI B. MOHD HISAM
6	KG. BANTING		ABDUL HAMID BIN HASSAN
7	KG. TG. JAWA		ZAMBRI BIN GHANI
8	KG. TENGAH		SHARKAVI BIN RASHIDI
9	KG. BAHARU		AWALUDIN BIN PALIDIN
10	KG. 37 DARAT		MOHAMAD MAAROF BIN JAHARI
11	KG. TEBUK PULAI		BADRI BIN HJ AHMAD
12	KG. SIMPANG LIMA	SG PANJANG	YAHYA BIN EMAT
13	PEKET 60 SG. NIPAH		HJ JAINI BIN ANDAN
14	KG. TALIAIR 13 SG. NIPAH		AZAHARI BIN MOHD NAZIR
15	KG. SG. HJ DORANI		HJ ISMAIL BIN BASIR
16	KG. PARIT 13 SG. NIPAH		HJ MUHAMAD SABRI BIN AWANG
17	KG. PEKET 100 SG. NIPAH		MOHD ISNAINI B. KATIRAN
18	KG. PARIT 1 TIMUR		ROMLI BIN PARMIN
19	KG. PARIT ¾ SG. HJ DORANI	SG PANJANG	KHALIL BIN AB WAHAB

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
20	KG. SG. NIPAH BAROH		HJ MASIRAN BIN JAKIM
21	KG. PARIT 5/6 GAMBUT		HJ MOHTAR BIN SALLEH
22	KG. PARIT 2 SG. HJ DORANI		ABDUL SAMAT BIN SABRI
23	KG. PANCHANG		HJ MOHAMMAD HANAN BIN GAMLO
24	KG. PARIT 3 TIMUR	SABAK	MOHTAR BIN YAMIN
25	KG. PARIT PARIT 8 ½ BARAT		ROSLAN BIN ISMAIL
26	KG. PARIT 1 BARAT		YUSOF BIN MD NOR
27	KG. SG. LIAS/SG. BESAR		IBRAHIM BIN KATIRAN
28	KG. PARIT 2 TIMUR	SABAK	SABRI BIN ADOL
29	KG. PARIT 4 TIMUR		MOHD NOOR BIN ADZHAR
30	KG. PARIT 7 TIMUR		KAMALUDIN BIN HASSAN
31	KG. PARIT 8 TIMUR		ABDUL MANAF BIN ABDUL HAMID
32	KG. PARIT 6 TIMUR		MOHD YASSIN BIN YUSOF
33	KG. PARIT 2/3 BARAT		ARBAIN B. MOHD
34	KG. PARIT 4/5 BARAT		ZAINAL ABIDIN BIN MOHD NOR
35	KG TEBUK PULAI		YUSAINI BIN MOHAMAD YUSOF
36	KG. PARIT 5 TIMUR		MD. NOR BIN MD. SAID
37	KG. PARIT 7/8 GAMBUT	SG PANJANG	OUDI BIN HUSSIN
38	KG. SG. LIMAU		JAMALUDIN BIN KARIM
39	KG. TOK KHALIFAH	SABAK	ISROWI BIN MUJI

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
40	PARIT 11/12 GAMBUT		AHMAD BIN SAMSURI
41	PARIT 16 BINJAI PATAH		PARNI B. MASDAR
42	PARIT 10 TIMUR	SABAK	EN ALIAS BIN MAT SHERI
43	PARIT 9/10 GAMBUT		BAIN BIN AWI
44	PARIT 16 BINJAI JAYA		M ZAKARIA ABAS
45	RANCANGAN TANAH BELIA 2		JAMALUDIN B. RAMLI
46	PARIT 11 BARAT		EN. NAZARI BIN BAWOK
47	PARIT 13 SG. PANJANG		MOHAMMAD KHAIRI MA'NOR
48	LUBUK PUSING		EN. MOHD RAZIF BIN MD MAINI
49	PARIT 9 TIMUR		JAPRI B. AIB
50	PARIT 12 TIMUR		ABDUL LATIF BIN TUGIRON
51	BATU 4 SEPINTAS		ANUAR BIN SUPAAT @ HJ ABDUL RAHMAN
52	PARIT 11 TIMUR		ISHAK BIN YUSOF
53	MERBAU JAYA AM 3		MOHD ISHAK BIN FATHIR
54	RANCANGAN TANAH BELIA 1		ABD KGUPOR BIN SALIKIN
55	KG. PARIT 11 PASIR PANJANG	SG PANJANG	SAIFUL KAMAL BIN MAT SAAT
56	KG. TALIAIR 12 SG. NIBONG		MOHD ASRI BIN AHMAD ZAHID
57	KG. TALIAIR 8 SG. LEMAN		MOHAMED BIN SABERAN
58	KG. DESA WARISAN PASIR PANJANG	SG PANJANG	OTHMAN BIN NURI
59	KG. BATU 23 SG. NIBONG	SG PANJANG	BAHARUDIN BIN AHMAD

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
60	KG. PARIT 7/TALIAIR 7 SG. LEMAN	SEKINCHAN	MISRAN BIN SALIMAN
61	KG. PARIT 12 SG. NIBONG	SG PANJANG	MOHD NOR BIN OTOH
62	KG. PARIT 9 BAROH SG. LEMAN	SEKINCHAN	MUHAMMAD JAMIL BIN DAHALAN
63	KG. PARIT 9 GAMBUT		RAMLEE BIN HASHIM
64	KG. PARIT 7 BAROH SEKINCHAN		ROJIKIN BIN SARBINI
65	KG. PARIT 8 SG LEMAN		SAMUDIN BIN ABDULLAH
66	KG. PARIT 10 PASIR PANJANG	SG PANJANG	SURAIMI BIN SUKIR
67	KG. BARU PARIT 5 SEKINCHAN	SEKINCHAN	AZMAN BIN MASRI
68	SEKENDI		ISHAK BIN DALAM
69	TEBUK JAWA		MUHAMAD ELYAS B. HUZHURI
70	SIMPANG EMPAT		ABDUL MUTALIB BIN AHMAD
71	TELUK RHU		NAJIB BIN SAAT
72	SG. APONG		MOHD ASARANI BIN MOHD RASIKIN
73	PARIT BARU		MOHD JAIL BIN HJ IHSAN
74	PARIT BARU BAROH	SG AIR TAWAR	ANUAR BIN MANAP
75	SG. TENGAR UTARA		HARUN BIN HJ ABDUL GHANI
76	SG. TENGAR SELATAN		MOHD MASKURI BIN HJ SIDEK
77	SG. AIR TAWAR		SHUHADA BIN ISMAIL

BIL	NAMA KAMPUNG	DUN	NAMA
78	TEBUK MUFRAD		SUHAIMI BIN KASIMON
79	PERENGGAN		MOHD SANI BIN HANAFIAH

SENARAI NAMA KETUA KOMUNITI KAUM INDIA BAGI TAHUN 2016 – 2018

DAERAH KUALA LANGAT

BIL	KAMPUNG	DUN	NAMA
1	KAMPUNG TELUK DATUK	TELUK DATUK	ANBALAGAN A/L MUNIANDY
2	KOTA SERI LANGAT	TELUK DATUK	MUNIANDY A/L MANIRASU

DAERAH SEPANG

BIL	KAMPUNG	DUN	NAMA
1	LADANG AMPAR TENANG	DENGKIL	SUNMUGAM A/L MURUGASU
2	SEPANG SELATAN	SG. PELEK	RAMAN A/L RAJOO
3	SEPANG UTARA	SG. PELEK	SIVAKUMAR A/L ARUMUGHAM

DAERAH HULU SELANGOR

BIL	KAMPUNG	DUN	NAMA
1	CHANGKAT ASA	HULU BERNAM	CHINNIAH A/L SUBRAMANIAM
2	LEMBAH BERINGIN	KUALA KUBU BHARU	FERENCES XAVEAR A/L SUBRAMANIAM
3	LADANG NIGEL GARDEN	KUALA KUBU BHARU	DHINESH A/L FAJOO NAIDU
4	KUALA KALUMPANG	HULU BERNAM	BALACHANDRAN A/L KRISHNAN
5	TAMAN BUKIT TERATAI	BATANG KALI	RAJAN A/L KANNAN

DAERAH KUALA SELANGOR

BIL	KAMPUNG	DUN	NAMA
1	LADANG RAJA MUSA	PERMATANG	PATHYMANATHAN A/L KANDAYAH
2	TUAN MEE	IJOK	BALASUNDAR A/L MUNUSAMY
3	BUKIT RITAN	BUKIT MELAWATI	KRISOPHNAWANI A/P SUNNIAH@GOPAL

DAERAH KLANG

BIL	KAMPUNG	DUN	NAMA
1	JALAN KASTAM	PANDAMARAN	MANIVANNAN A/L RAJOO
2	UPU KAPAR	MERU	RAMACHANDRAN A/L VETHASALAM
3	BATU 10, KAPAR	SEMENTA	NARENDRAN KUMAR A/L THANGAYAH
4	TAMAN BATU TIGA	BATU TIGA	SEERIYANATHAN A/L MUNIANDY
5	SENTOSA	SRI ANDALAS	VEERAN A/L KARPIAH
6	SRI PERANTAU	SELAT KELANG	RADHAKRISHNAN A/L RAMASAMY
7	JALAN KEM	PANDAMARAN / PELABUHAN KLANG	RAYASEGARAN A/L RATNAM
8	TELUK PULAI UTARA	KOTA ALAM SHAH	RAMAN A/L MARIAPPEN
9	BUKIT KEMUNING	SRI MUDA	NARDARAJAN A/L K.

BIL	KAMPUNG	DUN	NAMA
			MARIAPPAN
10	SUNGAI BERTIH UTARA	SELAT KELANG	KANMANI A/P LETCHUMANAN
11	SIMPANG TUJUH	KOTA ALAM SHAH	SUNDRAM A/L SUBRAMANIAM

DAERAH PETALING

BIL	KAMPUNG	DUN	NAMA
1	RRI SUNGAI BULOH	KOTA DAMANSARA	RAMASHANDRAN A/L MUNIANDY
2	KG LINDUNGAN	SERU SETIA	SAMYNATHAN A/L KITCHAN
3	SUNGAI BULOH	PAYA JARAS	SANDRAMOHAN A/L RAMASAMY
4	SG. KAYU ARA SELATAN	BUKIT LANJAN	LOGANATHAN A/L THEVANAYAKAM
5	BATU 13, PUCHONG	KINRARA	SIVA A/L KRISHNAN
6	PUCHONG INDAH 1	SRI SERDANG	FRANCIS A/L PRAKASAM
7	BATU 12, PUCHONG	KINRARA	THAMILARASU A/L SANDAYAN
8	MUTIARA BUKIT RAJA	KOTA ANGGERIK	KUMARAVEL A/L SUBRAYAN
9	PETALING UTAMA	TAMAN MEDAN	ILLANGU A/L RAJASINGAM
10	RIMBA JAYA	BATU TIGA	SARAVANAN A/L REVINDRAN
11	PUCHONG INTAN	SRI SERDANG	KUMAR A/L MURUGASAN

DAERAH SABAK BERNAM

BIL	KAMPUNG	DUN	NAMA
1	SUNGAI BERNAM	SG. AIR TAWAR	PARASIVAM A/L NADESAN
2	TORKINGTON	SABAK	MURUGAN A/L ARUMUGHAM
3	SEKINCHAN TEMPATAN	SEKINCHAN	SAGER A/L VILU

DAERAH GOMBAK

BIL	KAMPUNG	DUN	NAMA
1	KG. LAKSAMANA / INDIA SETTLEMENT	BATU CAVES	RAGUNATHAN A/L APPALANAIDU
2	KUALA GARING	RAWANG	ACHANNAN A/L APPALASAMY
3	BATU ARANG SELATAN KUANG	KUANG	ANMUNIANDY A/L VELLAMALAI

DAERAH HULU LANGAT

BIL	KAMPUNG	DUN	NAMA
1	RINCHING HULU	SEMENYIH	PUVENDRAN A/L MUNUSAMY
2	BALAKONG JAYA	BALAKONG	CHRISTIE LOUIS FRANCIS
3	PANDAN PERDANA TIMUR	TERATAI	RAJANDRAN A/L RASAPPAN
4	TAMAN KAJANG BAHARU	KAJANG	SRINIVASAN A/L MUNISAMY
5	AMPANG CAMPURAN	LEMBAH JAYA	SOOSYMARIAMMAH A/P SOOLAI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : KEMISKINAN BANDAR

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tafsiran kemiskinan bandar menurut perspektif Kerajaan Negeri Selangor?

b) Mohon menyatakan bilangan penduduk atau keluarga dan lokasinya yang dikategorikan sebagai miskin bandar yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri.

c) Apakah program yang telah atau dirancang oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kemiskinan bandar tersebut?

JAWAPAN:

a) Kemiskinan bandar dicorakkan oleh pelbagai kekurangan yang ketara dari pelbagai aspek/dimensi. Secara umumnya, kemiskinan bandar boleh didefinisikan sebagai individu atau sesebuah isi rumah yang miskin dari segi kewangan serta pelbagai faktor lain merangkumi aspek kesihatan, pendidikan dan taraf kehidupan.

Dari aspek kewangan, individu atau sesebuah isi rumah dikategorikan sebagai miskin bandar berdasarkan kepada ketidakcukupan atau ketidakstabilan pendapatan isi rumah, iaitu sama ada individu atau sesebuah isi rumah tersebut berpendapatan bulanan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) ATAU berpendapatan bulanan melebihi PGK, tetapi tidak berkemampuan untuk menampung kos perbelanjaan bagi keperluan asas.

Selain itu, dari aspek/faktor kesihatan pula, ia dilihat melalui petunjuk seperti jarak ke hospital/klinik awam, penyediaan kemudahan kesihatan, kemudahan pusat kesihatan bergerak serta tahap kesihatan seisi rumah (OKU dan dijangkiti penyakit disebabkan serangga). Manakala dari aspek pendidikan pula, indikator seperti tahap pendidikan dan tempoh persekolahan dikenalpasti. Bagi aspek taraf kehidupan pula, kemiskinan turut dilihat di dalam skop yang lebih luas meliputi keadaan fizikal rumah, keadaan fizikal persekitaran, kemudahan pengangkutan, aspek terhadap pengangkutan awam, keperluan seperti peralatan memasak, peti sejuk dan televisyen, kemudahan telefon/internet serta kebarangkalian kepada persekitaran tidak selamat (dadah, pecah rumah dan gangsterisme). Dengan itu,

SIAPA yang miskin dan MENGAPA berlakunya kemiskinan tersebut serta tahap keparahan kemiskinan isi rumah berkaitan dapat dikenalpasti secara jelas.

Ini dapat merumuskan bahawa kemiskinan bandar adalah bersifat multi-dimensi yang mana faktor penyebab kemiskinan boleh dilihat dari segi kewangan, kesihatan, pendidikan dan taraf kehidupan.

b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai sebarang data atau statistik yang melibatkan bilangan penduduk atau keluarga dan lokasinya yang dikategorikan sebagai miskin bandar memandangkan hasil Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor perlu diteliti semula, dipertimbangkan dan dikaji semula secara mikro dari pelbagai aspek termasuk kewangan, ekonomi, sosial dan politik bagi memastikan hasil kajian yang diperolehi adalah benar-benar menyeluruh , komprehensif, realistik dan bersesuaian untuk digunapakai di Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2014 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor mencatatkan insiden kemiskinan sebanyak 02.% di mana insiden kemiskinan bandar adalah sebanyak 0.2% dan insiden kemiskinan luar bandar adalah sebanyak 0.6%.

Jadual Insiden Kemiskinan Mengikut Negeri dan Strata, Malaysia bagi tahun 2014 daripada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2014 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah seperti jadual berikut:-

Jadual 2.2: Insiden kemiskinan mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2014
Table 2.2: Incidence of poverty by state and strata, Malaysia, 2014

(%)

Negeri *State*	Jumlah *Total*	Bandar *Urban*	Luar Bandar *Rural*
Malaysia	0.6	0.3	1.6
Johor	0.0	0.0	0.0
Kedah	0.3	0.3	0.2
Kelantan	0.9	0.8	1.0
Melaka	0.1	0.1	0.0
Negeri Sembilan	0.4	0.1	0.8
Pahang	0.7	0.2	1.2
Pulau Pinang	0.3	0.3	0.2
Perak	0.7	0.5	1.5
Perlis	0.2	0.2	0.2
Selangor	0.2	0.2	0.6
Terengganu	0.6	0.4	1.0
Sabah	4.0	1.9	7.4
Sarawak	0.9	0.5	1.6
W.P. Kuala Lumpur	0.1	0.1	n.a.
W.P. Labuan	1.1	1.0	2.3
W.P. Putrajaya	0.0	0.0	n.a.

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014)

c) Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan yang memfokuskan kepada program-program ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada masyarakat yang berupaya menjana pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup serta seterusnya berupaya membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Namun begitu, program-program pembasmian kemiskinan ini adalah bersifat menyeluruh kepada semua golongan miskin di Negeri Selangor serta tidak memfokuskan golongan miskin bandar sahaja.

Inisiatif dan usaha keras Kerajaan Negeri ini dapat dilihat melalui pelaksanaan pelbagai program bantuan oleh pelbagai Jawatankuasa Tetap (STANDCO) dan Jabatan/Agensi untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi golongan miskin di samping mengurangkan bebanan kos sara hidup dari pelbagai aspek. Antara langkah-langkah dan inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 lagi adalah seperti berikut:-

i. <u>Program Bantuan Perumahan</u>

Program Bantuan Perumahan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam memenuhi keperluan rakyat untuk memiliki rumah pada harga yang mampu dimiliki dan selesa untuk diduduki adalah Rumah Selangorku. Manakala bantuan skim pembiayaan perumahan adalah melalui Skim DanaSel dan Skim Selangor *Smart Home Buyers*. Slain itu, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin pula disasarkan khusus kepada golongan miskin yang menetap di rumah yang serba daif di mana rumah akan dibina dan diberikan secara percuma kepada yang layak.

ii. <u>Program Bantuan Pengupayaan Ekonomi</u>

Program-program Bantuan Pengupayaan Ekonomi pula adalah seperti Program HIJRAH, Program Bantuan Makanan Asas (*Food Stamp*), Program Bantuan Nelayan/Akuakultur, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Pemberian Bantuan Secara Baucar untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan, Program *Back to School* untuk Rakyat Miskin serta pelbagai lagi program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) seperti Program Air Bersih Percuma sebanyak 20 meter padu sebulan, Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Skim Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Hadiah Anak Masuk Universiti, Insentif Perkahwinan Belia dan lain-lain. Melalui program-program tersebut, ia dijangka berupaya melonjakkan dan meningkatkan pendapatan golongan

miskin yang akhirnya dapat mengeluarkan mereka daripada kitaran kemiskinan. Ini secara tidak langsung akan menghasilkan impak positif terhadap taraf dan kesejahteraan hidup rakyat secara berterusan.

iii. Program Bantuan Peningkatan Tahap Kesihatan

Program-program Bantuan Peningkatan Tahap Kesihatan seperti Skim Pemeriksaan Mammogram dan Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor (merangkumi bantuan seperti Dialisis, Katarak Mata, Pembedahan Kecil, Lain-lain rawatan dan Kaki Palsu) pula dilihat sebagai inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengurangkan bebanan kos hidup rakyat melalui bantuan kesihatan ke arah melahirkan rakyat yang sihat dan cergas.

iv. Program Bantuan Pengupayaan Pendidikan

Terdapat pelbagai Program Bantuan Pengupayaan Pendidikan yang bukan sahaja berupaya memperkukuhkan daya saing graduan, malahan dapat mempertingkatkan kebolehpasaran mereka. Antaranya adalah seperti *Boot Camp* dan Program *Graduate Employability Enhancement*. Manakala program-program yang dapat membantu meringankan bebanan rakyat melalui penajaan/pembiayaan pendidikan pula adalah seperti Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor, Biasiswa Selangor (untuk pelajar KUIS & UNISEL), Program Bantuan Sara Diri Pelajar (untuk pelajar KUIS, UNISEL dan INPENS), Program Kemahiran Teknikal (untuk pelajar INPENS), Program Tuisyen Rakyat, Program Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah untuk Anak Pekerja Ladang, Program Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) untuk Anak Pekerja Ladang dan Program Kecemerlangan UPSR untuk Anak Pekerja Ladang.

Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan komited dalam usaha membantu meringankan bebanan rakyat dalam pelbagai aspek dengan memberi manfaat kepada semua rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah tanpa mengira gender dan etnik di samping memastikan rakyat terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : PENDAKWAAN KES DI MAHKAMAH

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila beri statistik bilangan kes setiap PBT mendakwa di mahkamah mengikut bulan untuk tempoh 2 tahun yang lepas.

b) Sila beri pecahan mengikut jenis kes.

c) Sila beri pecahan mengikut kes yang menang, kalah dan masih dalam perbicaraan.

JAWAPAN:

a), b) dan c)

PBT	BILANGAN KES		KLASIFIKASI KES	KEPUTUSAN		
	2014	2015		Menang	Kalah	Lain-Lain
MBSA	306	358	Kes Trafik	664	0	0
MBPJ	19	26	Kes Jabatan Kesihatan & Kes Jabatan Kawalan Bangunan	23	0	9
MPK	238	236	Bukan Trafik	220	0	254
	2501	2400	Trafik	214	0	4687
PBT	BILANGAN KES		KLASIFIKASI KES	KEPUTUSAN		
	2014	2015		Menang	Kalah	Lain-Lain
MPAJ	919	1137	Trafik	776	0	1280
	237	342	Bukan Trafik	239	0	340
MPSJ	139	180	Kes Utama	169	0	0

	1282	1569	Pelbagai	722	0	0
	834	972	Kes Kenderaan	420	0	0
MPS	1007	1343	Kes Di Bawah UUK Majlis, Akta Jalan, Parit & Bangunan, Akta Kerajaan Tempatan/Enakmen/Peraturan/ Perintah Pengangkutan Jalan	2350	0	0
MPKj	468	391	Trafik	2	-	-
	6	1	Pelbagai			
MPSp	1013	1462	Kes Di Bawah UUK MPSp, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan Dan Perintah Pengangkutan Jalan	Tidak dinyatakan status		
MDKL	345	314	Kes TLK	67	0	592
	141	106	Kes Sivil	34	0	213
MDHS	1	0	Kebenaran Merancang	135	0	383
	0	1	Injuksi			
	168	193	Cukai Taksiran			
	13	24	Kompaun			
MDKS	2	20	Kes Sivil	4	0	18
	186	253	Kes Pendakwaan Undang-undang	380	0	59
PBT	**BILANGAN KES**		**KLASIFIKASI KES**	**KEPUTUSAN**		
	2014	**2015**		**Menang**	**Kalah**	**Lain-Lain**
MDSB	27	37	Kesalahan-kesalahan Di Bawah UUK MDSB	29	0	35

Nota: Sumber didapati daripada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (PBT).

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : CAJ PENYELENGGARAAN

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan bilangan kes yang didakwa di mahkamah untuk pemilik yang gagal membayar caj penyelenggaraan perumahan strata mengikut bulan dan PBT untuk 3 tahun yang lepas.

b) Adakah Kerajaan Negeri akan meningkatkan penguatkuasaan ini?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Y.B, pendakwaan bagi kesalahan kegagalan atau keengganan membayar caj penyenggaraan dan pengurusan di bawah seksyen 34 Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) telah dimulakan oleh Kerajaan Negeri melalui pegawai pendakwa di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) pada tahun 2012. Seksyen 377(b) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) membenarkan pendakwaan jenayah dijalankan di mahkamah oleh mana-mana pegawai setelah Pendakwa Raya memberi kuasa untuk mendakwa secara bertulis.

   Kes pendakwaan yang telah dibawa ke mahkamah bagi kesalahan di bawah seksyen 34 Akta 663 atau seksyen 34(3) Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) [mana-mana yang berkaitan], bermula dari tahun 2012 sehingga kini adalah sebanyak 631 kes bagi 11 PBT. Berikut dilampirkan senarai kes dan senarai PBT yang tersebut seperti di Lampiran A.

b) Bagi meningkatkan penguatkuasaan bersepadu dan berkesan bagi pelaksanaan seksyen 34(3) Akta 757, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 6/2016 yang bersidang pada 17 Februari 2016 mengarahkan pelaksanaan bagi penstrukturan semula organisasi Pesuruhjaya Bangunan (COB) di setiap PBT Negeri Selangor sebelum atau pada 31 Mac 2016 dengan menggunakan peruntukan PBT masing-masing, antara lain seperti berikut:

   i. Membuat pertambahan perjawatan kontrak berpandukan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2003 seperti berikut:

- Melantik Pegawai Undang-Undang Gred L41 kecuali Penolong Pegawai Undang-undang Gred L29 di Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Kuala Langat.
- Melantik Pegawai Penilaian W41 bagi kategori 1 (mengikut kesesuaian PBT).
- Melantik Penolong Pegawai Penilaian Gred W27 dengan jumlah maksimum 5 orang (mengikut kesesuaian kawasan zon utama di kawasan PBT).
- Memenuhi waran perjawatan sedia ada di Unit COB yang masih ada kekosongan jawatan.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK BAGI PROGRAM PEMBAIKAN JALAN DALAM PANGSAPURI KOS RENDAH NEGERI SELANGOR BAGI FASA 1 2016

BIL	PBT	PANGSAPURI	ANGGARAN KOS PROJEK (RM)	JUMLAH (RM)
1	MBSA	1. Blok 31-36, Taman Bunga Negara, Seksyen 27	344,286.00	**865,301.00**
		2. Blok 40-42, Taman Bunga Negara, Seksyen 27	208,170.00	
		3. Taman Alam Indah, Seksyen 33	312,845.00	
2	MBPJ	4. Taman Medan 32, PJS 3	459,750.00	**1,094,310.00**
		5. Blok A-B, Petaling Utama, PJS 1	194,890.00	
		6. Sri Cemara, PJS 9	439,670.00	
3	MPK	7. Pendamar Blok A & B	185,000.00	**535,000.00**
		8. Blok Mawar & Cempaka, Bandar Baru Klang	350,000.00	
4	MPSJ	9. Jalan Permai 1/18, Puchong Permai	49,000.00	**829,000.00**
		10. Jalan Permai 1/14-1/16, Puchong Permai	58,000.00	
		11. Jalan Permai 1/11-1/19, Puchong Permai	102,000.00	
		12. Jalan Permai 1/13-1/15, Puchong Permai	144,000.00	
		13. Jalan Permai 1/10-1/12, Puchong Permai	144,000.00	
		14. Jalan Permai 1/1-1/3, Puchong Permai	52,000.00	
		15. Jalan Permai 1/6-1/8, Puchong Permai	52,000.00	
		16. Jalan Permai 1/5-1/7, Puchong Permai	70,000.00	
		17. Jalan Permai 1/2-1/4, Puchong Permai	158,000.00	
5	MPAJ	18. Taman Ampang Hilir	250,000.00	**1,387,300.00**
		19. 5 Tingkat, Taman Ampang Saujana	570,000.00	
		20. Taman Cahaya Indah	186,000.00	
		21. LC 700, Pandan Perdana	381,300.00	
6	MPS	22. Kg. Melayu Batu 16, Rawang	691,200.00	**4,005,360.00**

BIL	PBT	PANGSAPURI	ANGGARAN KOS PROJEK (RM)	JUMLAH (RM)
		23. Pinggiran Batu Caves	1,746,000.00	
		24. Bukit Rawang Jaya	644,160.00	
		25. Desa 1, Desa Aman Puri	924,000.00	
7	MPKj	26. Taman Rakan, Cheras	190,000.00	
		27. Taman Bukit Mewah, Fasa 6	256,600.00	**673,300.00**
		28. Taman Sentosa	226,700.00	
8	MPSp	29. Dahlia Bandar Baru Salak Tinggi	121,600.00	**720,480.00**
		30. Desa Sentosa	598,880.00	
9	MDKL	31. Taman D'Menara	138,750.00	**138,750.00**
10	MDHS	32. Kenanga, Taman Bunga Raya	350,000.00	**436,000.00**
		33. Anggerik 1, Prima Beruntung	43,000.00	
		34. Widuri, Bukit Beruntung 20	43,000.00	
JUMLAH KESELURUHAN				**10,684,801.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : PENGECUALIAN CUKAI TANAH RUMAH BERHALA PAK MAK LAW SEE KONG MORIB DAERAH KUALA LANGAT SELANGOR

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah keputusan YAB Dato’ Menteri Besar berkenan surat rayuan permohonan Rumah Berhala Pak Mak Law See Kong Batu 27, Morib, Banting, Daerah Kuala Langat Selangor meminta mengecualikan cukai tanah sebagai rumah ibadat bukan Islam. (No Hak Milik GM No.280, Lot 36, SEK 1, Mukim Morib, Kuala Langat, Selangor ; Rujukan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat : PTK.Lgt D.5 / 230 / IND 2008 SK 1 (21)?

JAWAPAN:

a) Cukai tanah telah dijelaskan sepenuhnya pada 21 Januari 2016 berjumlah RM81,121.00. Tuan Pegawai Daerah telah meluluskan permohonan pengecualian fi tunggakan berjumlah RM44,950.20. Tuan tanah adalah dinasihatkan untuk membuat permohonan tukar syarat kegunaan tanah kepada rumah ibadat untuk mendapatkan kadar cukai tanah nominal.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : PEMBINAAN BALAI BOMBA & PENYELAMAT BHARU JENJAROM, TELOK PANGLIMA GARANG, DAERAH KUALA LANGAT

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila menyatakan nombor lot tanah, lokasi, keluasan tapak pembinaan, jumlah kos pembinaan dan masa mula dan siapkan sebuah balai bomba dan penyelamat baru di Jenjarom, Telok Panglima Garang, daerah Kuala Langat, Selangor.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : PENURAPAN JALAN LUAR BANDAR DESA & KAMPUNG

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah punca dan sebab permohonan menggunakan peruntukan MARRIS untuk menurap kawasan jalan / lorong / lorong belakang rumah di sekitar luar bandar, desa dan kampung tidak dibenarkan? Sedangkan kewujudan sebahagian besar kawasan perkampungan bermula sebelum zaman kemerdekaan Malaysia.

b) Apakah keputusan yang diambil oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat mengenai permohonan yang dihantar untuk menurap jalan, lorong dan lorong belakang rumah kawasan Kampung Telok Datok, Kampung Fatimah, Kampung Sungai Sedu, dan juga permohonan lot-lot tanah jalan persendirian yang telah dihantar?

c) Mengapakah proses pertimbangan dan keputusan memakan masa yang terlalu lama?

JAWAPAN:

a) Punca mengapa permohonan menggunakan peruntukan MARRIS untuk menurap kawasan jalan / lorong / lorong belakang rumah di sekitar luar bandar, desa dan kampung tidak dibenarkan kerana beberapa perkara antaranya struktur jalan sedia ada tidak menepati spesifikasi minimum jalan MARRIS seperti lebar permukaan jalan bagi Jalan Kampung minimum ialah 4.27 meter (14 kaki) manakala bagi Lorong Belakang ialah 2.44 - 4.27 meter (8 -14 kaki). Pembinaan jalan sedia ada yang bukan di atas rizab jalan atau tiada izin lalu bertulis dari tuan tanah juga yang menyebabkan permohonan tidak dapat dipertimbangkan melainkan selepas izin lalu bertulis diperolehi.

b) Bagi permohonan menurap Jalan Kampung Sungai Sedu, permohonan tersebut telah dilaksanakan menggunakan peruntukan MARRIS 2016 pada 16 Mei 2016. Manakala bagi sebahagian jalan di Kg Fatimah dan Kg Telok Datok, permohonan menurap semula jalan di kampung tersebut tidak dapat dilaksanakan di bawah peruntukan MARRIS kerana jalan tersebut bukan berada di atas rizab jalan dan ia tidak dapat didaftarkan di dalam sistem MARRIS. Walau bagaimanapun, pentadbiran ini akan memohon untuk menurap semula jalan tersebut

menggunakan peruntukan Pembangunan Infrastruktur Luar Bandar (PILB) bagi jalan-jalan persendirian yang boleh dilalui 24 jam untuk orang awam. PDT Kuala Langat akan mengeluarkan satu Surat Akujanji kepada mana-mana permohonan jalan yang bukan berada di atas rizab jalan untuk diisi oleh tuan tanah yang membenarkan tanahnya dilalui supaya tiada pertikaian atau tuntutan kepada pihak kerajaan negeri di masa hadapan. Setelah akujanji diserahkan oleh tuan tanah, PDT Kuala Langat akan memohon menurap semula jalan tersebut di bawah peruntukan PILB.

c) PDT Kuala Langat telah menerima peruntukan MARRIS pada tahun 2016 sebanyak RM1.11 juta. Daripada jumlah itu, ianya digunakan untuk menyelenggara jalan-jalan bagi 34 Kampung Tradisi dan 2 Kg Baru di dalam daerah ini. Keutamaan permohonan menurap semula bergantung kepada keadaan kritikal bagi sesebuah jalan yang diadukan oleh pihak awam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : KOMPLEK BARU MAJILS DAERAH KUALA LANGAT

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila menyatakan kos pembinaan dan pecahan kos perbelanjaan yang terlibat dalam membina sebuah kompleks baru Majlis Daerah Kuala Langat.

b) Sila menyatakan lokasi, nombor lot dan perkembangan kerja-kerja pembinaan tersebut.

c) Sila menyatakan tarikh siap bangunan baru.

JAWAPAN:

a) Anggaran kos pembangunan cadangan bangunan pejabat baru MDKL adalah berjumlah RM30 juta.

b) Lokasi : Di atas lot P.T 2164, Seksyen 3, Bandar Banting
No. lot : P.T 2164

Peringkat kemajuan :

1. Masih dalam peringkat penjualan dokumen pelawaan bagi melantik perunding profesional mengikut bidang senibina, kejuruteraan awam dan struktur, kejuruteraan elektrik dan mekanikal serta ukur bahan.

c) Anggaran tempoh siap pembinaan adalah 2 tahun bermula daripada pelantikan kontraktor utama.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM DAERAH KUALA LANGAT

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Selain daripada penyediaan perkhidmatan SMART BAS Selangor di Daerah Kuala Langat, adakah Kerajaan Negeri telah menyediakan pelan pembangunan untuk melengkapkan jajaran MRT, LRT menghubungkan kawasan desa dari MRT Putra Height - Bandar Saujana Putra, - Jenjarom - Banting - KLIA ? Atau ada sebarang cadangan penambahan jajaran LRT , MRT baru dari Klang melalui kawasan desa melintasi DUN Sijangkang dan Telok Datok? Sila nyatakan.

JAWAPAN:

a) Penyediaan infrastruktur berasaskan rel adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan pelaburan kepada perkara-perkara tersebut. Peranan Kerajaan Negeri Selangor adalah melihat kewajaran jajaran dan isu tanah yang berkaitan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor boleh mengemukakan cadangan supaya perkara berkaitan ini dipanjangkan ke Kuala Langat. Tetapi pelaksanaannya bergantung kepada keupayaan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakannya.

Kerajaan Negeri sedar bahawa terdapat *missing link* antara perkhidmatan rel dan perkhidmatan pengangkutan awam lain seperti bas. Oleh yang demikian, inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah dengan menyediakan bas percuma. Dalam penyediaan laluan bas percuma ini, salah satu kriteria yang menjadi panduan dalam penetapan laluan adalah ianya perlu dihubungkan dengan stesen rel sedia ada bagi tujuan *connectivity* di antara pengangkutan awam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : PAIP BEKALAN AIR UZUR PERLU DI GANTI SEGERA

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah Kerajaan Negeri dapat menggantikan saluran paip pembekalan air di sekitar daerah Kuala Langat yang berkeadaan karat, uzur dan tidak tahan dengan kekuatan tekanan air?

b) Apakah punca utama dalam kerja-kerja penggantian paip bekalan air lama di tempat tersebut?

JAWAPAN:

a) Air Selangor akan mula melaksanakan program penggantian paip air lama secara berperingkat mulai tahun 2016. Memandangkan kos penggantian paip yang amat tinggi, Air Selangor akan menggantikan paip-paip lama ini secara berperingkat berdasarkan peruntukan yang akan diluluskan pada setiap tahun.

Untuk daerah Kuala Langat, paip air lama di tiga (3) kawasan berikut akan ditukar mulai tahun 2016-2017:

Bil.	**Kawasan**	**Panjang (km)**
1	Kebun Bunga	6.6
2	Batu 9 Kg Kebun Baru	8.0
3	Bukit Changgang	12.1
JUMLAH		**26.7**

b) Punca utama berlakunya paip pecah di kawasan yang dikenal pasti di Kuala Langat adalah disebabkan faktor usia paip yang telah lama dan juga kesan tanah mengakis (*corrosive)* di sebahagian tempat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : PERMOHONAN TANAH RIBI OLEH RUMAH BERHALA SAU SENG LUM

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah keputusan Kerajaan Negeri berkenaan permohonan sebidang tanah RIBI oleh Rumah Berhala Sau Seng Lum di IJM Bandar Rimbayu, Mukim Tanjong Dua Belas? No. rujukan Fail Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat : PTK LGT F8/1/574/2016 & PTK LGT F8/1/548/2015?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : RUMAH UNTUK BEKAS PEKERJA LADANG

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah bekas pekerja ladang yang masih belum memiliki rumah di Negeri Selangor?

b) Apakah tindakan atau usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan bekas pekerja ladang ini memiliki rumah sendiri?

JAWAPAN:

a) dan b).

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan dan nasib bekas pekerja ladang di Negeri Selangor terutamanya yang telah bersara untuk mencari dan memiliki perumahan baru. Dalam membela nasib bekas pekerja ladang, kuasa Kerajaan Negeri adalah terhad. Namun begitu, melalui Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, beberapa sesi perbincangan dengan pemilik ladang telah diadakan bagi mempertingkatkan pembangunan kawasan perladangan khusus bagi bekas pekerja ladang dengan mengambil kira syarat-syarat yang ditetapkan oleh *"Estate Land Board".* Sejak tahun 2013 sehingga kini, Kerajaan Negeri telah membantu ramai pekerja ladang dalam menangani isu-isu berkaitan dan senantiasa berusaha menjaga nasib mereka sebaik mungkin. Antara kejayaan Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang adalah seperti berikut :

1) **Ladang Bukit Rajah** - Seramai 75 keluarga telah dibantu dalam memiliki rumah teres satu tingkat dengan harga diskaun di bawah portfolio Pekerja Ladang. Selain itu juga, Portfolio Pekerja Ladang telah membantu mereka untuk mendapatkan tapak kuil dan dewan komuniti sebagai kemudahan kepada mereka;
2) **Ladang Bangi** - Seramai 22 orang bekas pekerja ladang telah dibantu bagi mendapatkan persetujuan oleh majikan mereka untuk membina rumah kos rendah dan kos ditanggung oleh majikan itu sendiri;

3) **Taman Permata Dengkil** - Kerajaan Negeri telah menyerahkan 30 ekar kepada Kerajaan Pusat bagi pembinaan rumah kepada 393 orang pekerja ladang bekas pekerja ladang dari kawasan Putrajaya;
4) **Ladang Duneden** - Seramai 22 orang pekerja ladang telah mendapat manfaat berdasarkan perbincangan bersama majikan dan mereka bersetuju untuk membina 22 buah rumah kepada pekerja ladang serta memberikan tapak rumah ibadat;
5) **Ladang Tumbok** - Kerajaan Negeri telah berjaya membantu seramai 12 orang bekas pekerja ladang dalam memiliki rumah dan tapak rumah;
6) **Ladang Semenyih** – Kerajaan Negeri melalui perbincangan dengan majikan dan pemilik ladang berkenaan telah berjaya membantu mendapatkan rumah teres 2 tingkat dengan diskaun kepada 25 bekas pekerja ladang, tempat beribadat dan juga tapak Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) diperbesarkan; dan
7) **Ladang Dusun Durian** - Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan pembatalan “Rizab Melayu” yang telah dijadikan sebagai tapak perumahan kepada bekas pekerja ladang 109 orang serta tempat beribadat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : GOLONGAN GELANDANGAN BANDAR

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah peranan dan tanggungjawab Kerajaan Negeri kepada golongan gelandangan di Selangor?

b) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat menyediakan rumah transit untuk mereka?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sentiasa prihatin terhadap golongan gelandangan di Negeri Selangor. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor adalah bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183] di mana peranan Jabatan adalah untuk menyelamatkan orang papa seperti diperuntukkan di bawah Akta 183 tersebut.

Menurut Seksyen 2 Akta 183 memberikan tafsiran 'orang papa':

(a) sebagai seseorang yang didapati **mengemis** di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang yang lazim mengunjungi tempat itu atau pun hingga menimbulkan kacau ganggu; atau
(b) seseorang **peleser** yang dijumpai di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak dia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa menjalankan operasi menyelamat orang papa dari semasa ke semasa mengikut kaedah seperti berikut:-

a) **Operasi Berjadual** – Operasi dijalankan oleh pihak Jabatan berdasarkan jadual yang dirancang di kawasan *hotspot*. Kekerapan adalah 2 kali sebulan.
b) **Operasi Bersepadu (Inter Agensi)** – Operasi yang dijalankan bersama agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia

(PDRM), Jabatan Imigresen, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan lain-lain jabatan berkaitan secara bersepadu di kawasan *hotspot* yang telah dikenalpasti.

c) **Operasi *Ad Hoc*** – Operasi yang dijalankan secara mengejut/serta merta selepas menerima aduan daripada orang awam.

Bagi pengurusan kes orang papa ini pula, kesemua orang papa terdiri daripada kalangan warganegara yang diselamatkan menerusi operasi yang dijalankan akan diserahkan semula kepada waris / penjaga dan bantuan kewangan secara bulanan akan diberikan sekiranya diperlukan. Manakala bagi kes orang papa warganegara yang tiada waris / penjaga akan ditempatkan di institusi kebajikan JKM. Pihak Jabatan turut menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada kes atau ahli keluarga yang memerlukan perkhidmatan tersebut. Rujukan kepada agensi lain yang berkaitan seperti Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Agama Islam Negeri serta pejabat daerah atau pihak berkuasa tempatan akan dibuat sekiranya kes-kes tersebut memerlukan bantuan-bantuan lain seperti bantuan sewa rumah dan lain-lain.

Bagi kes orang papa bukan warganegara, Jabatan akan menyerahkan kes berkenaan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya. Manakala bagi kes-kes orang papa yang berpenyakit mental, pihak Jabatan akan merujuk kes berkenaan kepada pihak hospital dan PDRM untuk diuruskan di bawah Akta Kesihatan Mental 2001.

Statistik jumlah operasi yang dijalankan mengikut daerah bagi tahun 2013 hingga Mac 2016 adalah seperti berikut:-

BIL	DAERAH	2013	2014	2015	3/2016	JUMLAH
1.	PETALING	115	200	180	38	533
2.	HULU LANGAT	109	163	136	40	448
3.	KLANG	26	59	36	25	146
4.	KUALA SELANGOR	29	57	42	13	141
5.	SABAK BERNAM	20	51	42	6	119
6.	KUALA LANGAT	27	48	34	5	114
7.	GOMBAK	11	31	35	12	89

8.	**SEPANG**	**17**	**29**	**27**	**9**	**82**
9.	**HULU SELANGOR**	**22**	**24**	**17**	**6**	**69**
JUMLAH		**376**	**662**	**549**	**154**	**1,741**

Statistik bilangan kes yang diselamatkan mengikut status kewarganegaraan bagi tahun 2013 hingga Mac 2016 adalah seperti berikut:-

BIL	TAHUN	TAHUN		JUMLAH
		WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA	
1	2013	158	113	271
2	2014	214	252	466
3	2015	183	338	521
4	3/2016	59	90	149
JUMLAH		614	793	1,407

b) Setakat ini pihak Jabatan tidak bercadang untuk menyediakan rumah transit kepada golongan gelandangan di Negeri Selangor dalam tempoh terdekat memandangkan aktiviti gelandangan masih terkawal dan institusi kebajikan sedia ada adalah mencukupi bagi menangani isu ini.

Walau bagaimanapun pihak Jabatan mempunyai perancangan jangka panjang untuk mewujudkan rumah transit kepada kes atau bekas penghuni institusi kebajikan yang produktif terdiri daripada orang papa dan mangsa keganasan rumah tangga yang memerlukan tempat tinggal sementara mereka dapat mencari pekerjaan yang sesuai dan seterusnya dapat berdikari sendiri.

Jabatan juga mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk menjalankan kajian mengenai keperluan ini sebelum sebarang keputusan dibuat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : KOS PERBELANJAAN BAS SMART SELANGOR

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan secara terperinci kos perbelanjaan bagi melaksanakan Bas Smart Selangor di lokasi baru.

b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kos perbelanjaan ini di masa akan datang?

JAWAPAN:

a) Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 sehingga 30 Jun 2016, sebelas (11) laluan telah diperkenalkan dengan 34 buah Bas Smart Selangor digunakan di semua daerah. Bagi laluan tambahan terbaru pada tahun 2016, Bas Smart Selangor telah diperluaskan ke kawasan luar bandar iaitu kawasan Sepang, Kuala Langat, Selayang, Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor.

Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM4,363,532.64 bagi pelaksanaan Bas Smart Selangor di enam lokasi terbaharu. Pecahan perbelanjaan kos mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti di bawah:

i.	Majlis Perbandaran Selayang	: RM1,250,796.00
ii.	Majlis Perbandaran Sepang	: RM625,400.00
iii.	Majlis Daerah Kuala Langat	: RM625,400.00
iv.	Majlis Daerah Sabak Bernam	: RM621,448.32
v.	Majlis Daerah Kuala Selangor	: RM621,448.32
vi.	Majlis Daerah Hulu Selangor	: RM619,040.00

b) Inisiatif Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Program Bas Smart Selangor bukanlah bertujuan untuk mendapatkan keuntungan. Sebaliknya objektif Bas Smart Selangor ini adalah untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam oleh semua lapisan masyarakat, di samping dapat mengurangkan bebanan kewangan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang menggunakan perkhidmatan awam di dalam urusan harian.

Kelangsungan perkhidmatan Bas Smart Selangor juga bergantung kepada komitmen yang diberikan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri serta faktor kewangan terutama untuk menyedia dan mengekalkan lebih banyak laluan operasi Bas Smart Selangor di semua PBT.

Umum sedia maklum bahawa, Kerajaan Negeri menyumbang sejumlah peruntukan dalam perbelanjaan Bas Smart Selangor sejak Julai 2015 hingga 2016. Oleh itu, pertambahan peruntukan di dalam Bajet tahunan amatlah diperlukan bagi memastikan perkhidmatan ini dapat diteruskan atau ditambah pada tahun-tahun akan datang. Pada masa ini, Kerajaan Negeri perlu melihat dan mengenalpasti terlebih dahulu faktor-faktor yang boleh mengurangkan kos perbelanjaan yang ditanggung untuk penyediaan bas percuma termasuklah antaranya meminta PBT yang mampu untuk membiayai sebahagian kos operasi Bas Smart Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : PROJEK SAMBUNGAN TEBATAN BANJIR KILAT DI NEGERI SELANGOR

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini projek sambungan tebatan banjir di 13 kawasan di Selangor?

b) Adakah terdapat peruntukan tambahan untuk projek tersebut?

JAWAPAN:

a) Status terkini projek sambungan tebatan banjir di 13 kawasan di Selangor adalah seperti di lampiran :-

BIL	TAJUK PROJEK	KEMAJUAN FIZIKAL (%)	CATATAN
1.	Projek membina sebuah *Arch Culvert* dan kerja-kerja berkaitan di Sg. Batu Tiga, Daerah Petaling.	Jadual: 82% Sebenar : 76% Lewat : 6%	Kerja-kerja membina '*abudments arch bridge*' sedang dijalankan.
2.	Kerja membaikpulih struktur utama Sg. Rasah dan kerja-kerja berkaitan di I-City/ Plaza Tol Sg. Rasah, Daerah Klang	Jadual: 93% Sebenar : 91% Lewat : 2%	Kerja membina konkrit *wall* dan kerja membaiki
3.	Kerja membina lencongan dari Sg. Rasah ke Tasik Ladam Sg. Klang dan membina rumah pam di Kunci Air Tasik Ladam Padang Jawa dan kerja-kerja lain yang berkaitan.	Jadual: 80% Sebenar :65.6% Lewat : 14.4%	Kerja-kerja membina pam *station* dan rumah TNB sedang dijalankan.
4.	Membina dan menyiapkan sebuah kolam takungan dan kerja-kerja berkaitan di Bukit Bandaraya, Daerah Petaling.	Jadual: 100% Sebenar :100%	Selesai
5.	Kerja menaiktaraf sistem saliran Kg. Air Kuning dan kerja-kerja berkaitan di Plaza Tol Sg. Rasah Daerah Klang.	Jadual: 100% Sebenar :100%	Selesai
6.	Membekal, menghantar, memasang, mengujijaya dan mentauliah pam skru *archimedian* untuk JPS Selangor.	Jadual: 100% Sebenar :100%	Selesai

BIL	TAJUK PROJEK	KEMAJUAN FIZIKAL (%)	CATATAN
7.	Cadangan tebatan banjir di Jalan Sungai Rasah dan padang Jawa, Daerah Klang. (Mengantikan jambatan di atas Sungai Rasah di KM 5.6)	• Di bawah seliaan dan pemantauan JKR	
8.	Rancangan tebatan banjir kawasan Kg. Sungai Serai, Mukim Hulu Langat.	Jadual: 40% Sebenar :24% Lewat : 16%	EOT No.3 : kerja-kerja membina '*capping beam*'.
9.	Menaiktaraf Ban, *Borrowpit* dan Kerja – kerja Lain Yang Berkaitan Di Sungai Sepang Besar, Daerah Sepang.	Jadual: 100% Sebenar :100%	Selesai
10.	Kerja Menaiktaraf Parit Utama Serta Kerja – kerja Berkaitan Di Kampung Tengah, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Jadual: 65% Sebenar :62% Lewat : 3%	EOT No.2 :
11.	Kerja – kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Di Kawasan Kampung Johan Setia, Daerah Klang.	Jadual: 100% Sebenar :99% Lewat : 1%	
12.	Projek Tebatan Banjir Di Kampung Teluk Menegun, Daerah Klang.	Jadual: 100% Sebenar :100%	Selesai
13.	Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Sungai Kubu, Mukim Kuala Kubu Bharu, Daerah Hulu Selangor.	Jadual: 100% Sebenar :100%	Selesai

b) Tiada sebarang peruntukan tambahan untuk projek seperti yang tersebut di atas.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : ORANG ASLI ISLAM DI SELANGOR

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah Orang Asli Islam di Selangor?

b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan bantuan Hari Raya kepada mereka dan jumlahnya?

JAWAPAN:

a) Jumlah Orang Asli Islam di Negeri Selangor adalah sebanyak 5330 orang.

b) Bantuan berupa saguhati Hari Raya dari DYMM Sultan Selangor berjumlah RM500.00 seorang. Jumlah penerima adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Jumlah
1	Sepang	87 orang
2	Hulu Selangor	70 orang
3	Kuala Langat	128 orang
4	Petaling Jaya	148 orang
5	Hulu Langat	127 orang
6	Klang	30 orang
7	Gombak	67 orang
Jumlah keseluruhan		**657 orang**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : PROGRAM BAIK PULIH RUMAH DAN BINA BARU RUMAH

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakan Kerajaan Negeri membuat program baik pulih rumah dan bina baru rumah untuk golongan miskin tegar?

b) Jika ada, mohon senarai penerima mengikut kampung-kampung dalam kawasan DUN Jeram.

JAWAPAN:

a) Seperti kita semua sedia maklum, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa tetap Kerajaan Prihatin, menyediakan program bantuan membaikpulih rumah dan membina baru rumah yang dinamakan sebagai Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Program ini adalah merupakan program yang membantu rakyat miskin yang kurang berkemampuan untuk memiliki kediaman yang selesa dan selamat untuk diduduki. Program Bantuan Kerajaan Prihatin ini telah diwujudkan bagi meringankan beban kos sara hidup dalam memiliki kediaman sendiri. Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin ini tertumpu pada mereka yang kurang berkemampuan dengan pendapatan seisi rumah kurang daripada RM3,000.00 sebulan, menduduki kediaman sendiri yang telah daif dan tidak selamat dan diutamakan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai. Secara tidak langsung, dengan program sebegini, ia dapat membantu mengurangkan bebanan sewa bulanan rumah yang dihadapi oleh pemohon sekaligus dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat di Negeri Selangor yang berbilang bangsa dan kaum.

b) Di bawah program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, permohonan yang diterima tidak dipecahkan mengikut kawasan DUN. Permohonan adalah berdasarkan daerah yang diduduki oleh pemohon. Bagi DUN Jeram yang terletak di bawah Daerah Kuala Selangor, jumlah penerima Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin adalah seramai 259 orang sejak tahun 2008 sehingga kini. Jumlah penerima bantuan bina baru rumah sebanyak 102 dan bantuan baikpulih rumah sebanyak 157. Berikut adalah jadual pecahan jumlah penerima Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin di daerah Kuala Selangor dari tahun 2008 hingga 2016 :-

SENARAI PENERIMA BANTUAN RUMAH KERAJAAN PRIHATIN
BAGI DAERAH KUALA SELANGOR DARI TAHUN 2008 SEHINGGA 2016

BIL	TAHUN	BANTUAN YANG DITERIMA		JUMLAH
		BINA BARU	BAIKPULIH	
1	2008	14 penerima	34 penerima	48 penerima
		RM321,000.00	RM84,500.00	RM405,500.00
2	2009	22 penerima	25 penerima	47 penerima
		RM587,000.00	RM213,000.00	RM800,000.00
3	2010	15 penerima	20 penerima	35 penerima
		RM436,000.00	RM374,508.60	RM810,508.60
4	2011	14 penerima	23 penerima	37 penerima
		RM406,000.00	RM380,000.00	RM786,000.00
5	2012	1 penerima	-	1 penerima
		RM35,000.00		RM35,000.00
6	2013	24 penerima	25 penerima	49 penerima
		RM813,000.00	RM330,022.17	RM1,143,022.17
7	2014	12 penerima	22 penerima	34 penerima
		RM402,000.00	RM302,600.00	RM704,600.00
8	2015	-	8 penerima	8 penerima
			RM125,000.00	RM125,000.00
9	2016	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		102 penerima	157 penerima	259 penerima
		RM3,000,000.00	RM1,809,630.77	RM4,809,630.77

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : KHAIRAT KEMATIAN

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah Kerajaan Negeri menyediakan bantuan khairat kematian kepada semua rakyat Negeri Selangor?

b) Jika ada, bagaimanakah bantuan berkenaan boleh dipohon dan syarat-syarat permohonan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor yang prihatin telah mewujudkan pelbagai program untuk dinikmati oleh rakyatnya melalui program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Melalui program MES, kekayaan negeri yang melimpah-ruah ini telah dapat dikongsi dan di kecapi rakyat daripada pelbagai latar belakang, kaum, agama dan jantina.

   Melalui program MES ini juga, satu skim yang dinamakan Skim Mesra Usia Emas telah diwujudkan khusus untuk warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas serta OKU.

b) Warga emas yang berusia 60 tahun dan ke atas perlulah mendaftar sebagai ahli Skim Mesra Usia Emas terlebih dahulu. Pendaftaran boleh dibuat di semua Pusat Khidmat Masyarakat yang diwujudkan di setiap kawasan Dewan Negeri Selangor.

   Apabila berlaku kematian, Penama (waris) yang sah dan berdaftar layak untuk menuntut wang manfaat berjumlah RM2500.00 daripada mana-mana Pusat Khidmat Masyarakat yang diwujudkan itu. Dokumen wajib semasa membuat tuntutan adalah salinan MyKad Penama (waris) dan Sijil Kematian ahli yang berkenaan.

   Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:

   i. Warganegara Malaysia yang berumur 60 tahun dan ke atas; dan

   ii. Sama ada;

a. Dilahirkan dan sedang menetap di negeri Selangor; atau
b. Lahir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974 dan sedang menetap di Selangor atau Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

iii. Atau bermastautin di negeri Selangor secara sah sekurang-kurangnya 15 tahun.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : BANTUAN BANJIR DAN BENCANA

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah bentuk bantuan banjir dan bencana yang disediakan oleh Kerajaan Negeri?

b) Mohon senaraikan penerima bantuan banjir yang melanda kampung-kampung dalam DUN Jeram pada akhir tahun lepas dan bentuk bantuan yang diterima.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sumbangan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana dengan kadar tertentu seperti jadual berikut:

Bil.	Perkara	Kadar Maksimum (RM)
1.	**Mangsa banjir**	
	a. Banjir	**500.00**
	b. Banjir kilat yang tidak melibatkan pemindahan mangsa (pembayaran tidak boleh melebihi kadar tahunan dan hanya rumah yang dimasuki air sahaja layak menerima bantuan kewangan)	**250.00** (kadar maksimum setahun)
2.	**Mangsa kebakaran**	
	a. Musnah keseluruhan	**500.00**
	b. Musnah sebahagian	**250.00**
3.	**Mangsa tanah runtuh dan ribut**	**500.00**
4.	**Waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia**	**1,000.00**

Kerajaan Negeri Selangor juga, melalui Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor telah menyediakan bantuan dalam bentuk pek makanan kering untuk

diedarkan kepada mangsa-mangsa bencana. Di peringkat daerah, semua Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Selangor akan membantu pengurusan bekalan dan penyediaan makan dan minum kepada mangsa bencana bagi tiga (3) hari pertama sekiranya pemindahan dilaksanakan dan kemudiannya diambil alih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor.

c) Senarai penerima bantuan banjir yang melanda kampung-kampung dalam DUN Jeram pada akhir tahun lepas dan bentuk bantuan yang diterima adalah seperti di Lampiran A.

LAMPIRAN A

SENARAI NAMA KETUA KELUARGA MANGSA BANJIR DAERAH KUALA SELANGOR

BIL	PUSAT PEMINDAHAN	LAMPIRAN	BIL KELUARGA
1	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT MAHANG	A1	217
2	SURAU LADANG TUAN MEE	A2	11
3	MASJID SIMPANG 3 JERAM	A3	11
4	BALAIRAYA KG BUKIT HIJAU	A4	15
5	BALAIRAYA KG BUKIT KUCHING	A5	20
6	BALAIRAYA KG BUKIT CERAKAH	A6	15
7	SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT KERAYONG	A7	20
8	SURAU ATTAUFIQIYAH PUNCAK ALAM	A8	4
9	BALAIRAYA KG ASAHAN	A9	10
JUMLAH KESELURUHAN			**323**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : KADAR PERCERAIAN SELURUH SELANGOR

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah bilangan perceraian melalui mahkamah syariah yang berlaku bagi tahun 2010 – 2015?

b) Bagi tempoh di atas, berapakah bilangan kes perceraian tertangguh atau kes yang menanti keputusan mahkamah syariah?

c) Apakah tiga punca utama yang menyebabkan berlakunya perceraian di atas?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS), sebanyak **59,103** kes permohonan perceraian yang didaftarkan dari tahun 2010 sehingga tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **57,857** telah berjaya diselesaikan dan diputuskan oleh Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Data lengkap pendaftaran dan penyelesaian kes adalah seperti di **Lampiran 1**.

b) Manakala jumlah kes perceraian yang masih di peringkat perbicaraan atau yang sedang menunggu keputusan adalah sebanyak **1246** kes.

c) Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh pihak JAKESS, punca utama yang menyebabkan berlakunya perceraian adalah kegagalan pasangan suami isteri memikul tanggungjawab serta tiada persefahaman dalam keluarga. Masing-masing berkeras dengan pendirian serta ego dan tidak mahu bertolak ansur.

Selain itu, keterlibatan dengan aktiviti atau kegiatan maksiat dan tidak bermoral juga menjadi punca kepada perceraian. Sebagai contoh, terdapat sebilangan suami terjerumus dengan kegiatan maksiat atau berjudi, minum arak dan pelacuran. Dalam hal ini, rumah tangga pasti akan porak-peranda kerana perbuatan tersebut mengundang masalah dalam sesebuah keluarga.

Sifat isteri juga menjadi punca kepada berlakunya perceraian. Berdasarkan pemerhatian JAKESS, terdapat alasan permohonan cerai disebabkan keingkaran

isteri menuruti kehendak atau perintah suami. Selain punca di atas, terdapat juga punca-punca lain seperti poligami, perasaan cemburu, masalah seksual, masalah kewangan, kekerasan dan pelbagai lagi masalah lain yang menyumbang kepada perceraian. Apa yang dapat disimpulkan di sini, suami dan isteri masing-masing menyumbang kepada berlakunya kes perceraian.

LAMPIRAN 1

STATISTIK PENDAFTARAN DAN PENYELESAIAN KES PERMOHONAN PERCERAIAN MENGIKUT TAHUN DI NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2015

Jenis Kes Perceraian/tahun	2010		2011		2012		2013		2014		2015		Jumlah Keseluruhan	
	Daftar	Selesai	Daftar	Selesai	Daftar	Selesai	Daftar	Selesai	Daftar	Selesai	Daftar	Selesai	Daftar	Selesai
014 - Tuntutan Fasakh	1050	1059	1262	1191	1835	1197	1381	1530	1722	1706	1748	1984	8998	8667
054 - Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai	3400	3046	3310	2935	3757	3505	3641	3820	4188	4339	4574	4761	22870	22406
055 - Tuntutan Perceraian	3520	3403	3739	3407	4141	3967	4212	4491	4897	4880	5325	5159	25834	25307
056 - Tuntutan Khuluk/Tebus Talaq	10	15	17	17	27	14	31	37	36	50	37	33	158	166
057 - Permohonan Pengesahan Cerai Taklik	141	194	209	192	208	179	237	253	224	229	224	264	1243	1311
Jumlah	8121	7717	8537	7742	9968	8862	9502	10131	11067	11204	11908	12201	59103	57857
Kes yang masih dalam prosiding	404		1199		2305		1676		1539		1246		1246	

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : KONTINJEN SELANGOR KE SUKMA KE-16

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah yang telah dibelanjakan untuk menyediakan Kontinjen Selangor bagi mengambil bahagian dalam SUKMA ke-16?

b) Apakah bilangan pingat yang dimenangi menepati sasaran?

c) Apakah bilangan pingat yang dicapai berpadanan dengan kos yang dibelanjakan?

JAWAPAN:

a) Majlis Sukan Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah RM7.6 juta Ringgit Malaysia dalam penyediaan pasukan. Perbelanjaan penyediaan pasukan ini melibatkan 24 jenis sukan yang disertai oleh kontinjen Negeri Selangor yang bermula seawal tahun 2014 mengikut fasa-fasa latihan yang ditetapkan. Berikut adalah perbelanjaan (sehingga Mei 2016) mengikut sukan:-

BIL	SUKAN	JUMLAH PERBELANJAAN SEHINGGA MEI
1	ANGKAT BERAT	189,162.00
2	AKUATIK (RENANG)	289,819.20
	AKUATIK (TERJUN)	122,303.20
3	BADMINTON	38,461.25
4	BERBASIKAL	445,577.20
5	BOLING PADANG	189,833.00
6	BOLA SEPAK	19,900.00
7	BOLA TAMPAR DEWAN (L)	76,520.00
	BOLA TAMPAR DEWAN (W)	78,920.00
8	GIMNASTIK	64,060.00
	GIMRAMA	33,040.00
9	GOLF	123,217.33
10	HOKI (L)	95,179.50
	HOKI (W)	76,849.50

11	KARATE-DO	77,818.24
12	MEMANAH	158,759.00
13	MENEMBAK	368,256.46
14	OLAHRAGA	213,707.22
15	PENCAK SILAT	179,631.00
16	PERAHU LAYAR	260,429.25
17	SEPAK TAKRAW (L)	91,590.14
	SEPAK TAKRAW (W)	98,230.94
18	PETANQUE	151,595.00
19	SKUASY	70,101.00
20	TAEKWANDO	132,156.41
21	TENIS	155,196.81
22	TENPIN BOWLING	211,361.96
23	TINJU	33,815.00
24	WUSHU	101,220.00
JUMLAH		**4,146,710.61**

Perbelanjaan ini adalah termasuk perbelanjaan program iaitu latihan pusat termasuk sewaan, penyertaan kejohanan, program binaan, peralatan latihan dan kejohanan, pakaian pasukan, makanan tambahan dan perubatan. Jumlah ini juga adalah termasuk bayaran hal-hal mengurus iaitu elaun pengurus, jurulatih dan atlet.

b) Bilangan pingat yang disasarkan adalah sebanyak 48 pingat emas, 11 pingat perak dan 29 pingat gangsa. Pencapaian pingat pada SUKMA XVIII, Sarawak 2016 ini adalah melepasi/tidak melepasi sasaran iaitu sebanyak …… pingat emas, ….. pingat perak dan …. Pingat gangsa. Dan jumlah keseluruhan pingat yang dimenangi adalah sebanyak …….

c) Berdasarkan jumlah keseluruhan pungutan pingat yang diperolehi, Selangor masih lagi mendahului pungutan pingat tertinggi secara keseluruhannya dan ini membuktikan bahawa pembangunan sukan di Negeri Selangor adalah menyeluruh dan berterusan. Berdasarkan bilangan pingat yang diperolehi iaitu 48 pingat emas, 48 pingat perak dan 48 pingat gangsa dan keseluruhan pingat berjumlah 144 pingat yang diperolehi dengan perbelanjaan sebanyak RM ….. juta. Jumlah ini berpadanan kerana kontinjen SUKMA Selangor berjaya memungut pingat terbanyak di kejohanan ini.

Perbezaannya, jumlah perbelanjaan persediaan dan persiapan kontinjen SUKMA Selangor pada edisi ke-18 kali ini adalah meningkat kerana tuan rumah pada

SUKMA kali adalah Negeri Sarawak di mana penyediaan dari aspek logistik adalah tinggi. Selain itu juga tidak dinafikan bahawa kejohanan SUKMA pada abad ini adalah sangat kompetitif dan memerlukan atlet-atlet disediakan peralatan pertandingan yang terbaik dan ianya berteknologi terkini dan dapat membantu pencapaian atlet secara tidak langsung.

Oleh yang demikian, program pembangunan sukan di Negeri Selangor amat perlu bagi menjamin Negeri Selangor tidak ketandusan bakat-bakat sukan yang boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Jika dilihat pencapaian-pencapaian sukan negeri Selangor di SUKMA sebelum ini, kejayaan Negeri Selangor diperolehi adalah di atas program pembangunan berterusan. Sebagai contoh pencapaian sukan renang di beberapa SUKMA sebelum ini banyak memberi pingat adalah hasil dari program pembangunan yang berterusan sejak tahun 2006 lagi. Program-program ini perlu diteruskan untuk sukan-sukan lain juga bagi mencapai kejayaan di kejohanan SUKMA yang akan datang kerana di peringkat SUKMA ini, ianya sangat kompetitif.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : PUSAT LATIHAN DI KG KEMENSAH HULU KELANG

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah kos keseluruhan yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk membaik pulih pusat ini?

b) Apakah program yang akan dijalankan oleh Kerajaan bagi memastikan kegunaan pusat latihan yang optimum dan profesional?

c) Adakah pusat latihan itu terbuka untuk kegunaan awam?

JAWAPAN:

a) Kos projek untuk membaik pulih pusat ini adalah sebanyak RM2.9 juta

b) Program yang akan dijalankan masih dalam peringkat perancangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

c) Ya, pusat latihan akan dibuka untuk kegunaan orang awam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : KEMBARA ATV HUTAN GOMBAK TIMUR HULU KELANG

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah peranan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu memajukan aktiviti kembara ATV (*All-Terrain Vehicle*) di Kg Kemensah?

b) Apakah bentuk insentif atau subsidi yang boleh diberikan oleh Kerajaan bagi menggalakkan anak muda terlibat dalam kembara ATV?

c) Apakah rancangan Tourism Selangor membantu mempromosikan kembara ATV ini ke seluruh dunia?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memberi sokongan dalam apa jua aktiviti khususnya sukan lasak selagi ia mematuhi segala peraturan-peraturan dan undang-undang yang masih berkuat kuasa. Aktiviti sukan lasak seperti aktiviti kembara ATV (All-Terrain Vehicle) di Kampung Kemensah ini bukan sahaja memberi impak positif dalam aspek sosial malah turut juga menyumbang kepada peningkatan ekonomi dalam aspek ekopelancongan Negeri Selangor.

   Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengeluarkan Permit Penggunaan kepada salah satu pengusaha ATV iaitu ATV *Fun Adventure Marketing* di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal Hulu Gombak bagi tujuan menjalankan aktiviti rekreasi yang dimaksudkan. Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak memberi apa-apa bantuan kepada pengusaha terlibat bagi tujuan memajukan aktiviti ATV tersebut.

b) Kerajaan Negeri Selangor tidak perlu memberi sebarang bentuk insentif atau subsidi bagi tujuan menggalakkan anak muda terlibat dalam kembara ATV ini kerana ini adalah aktiviti riadah dan kerajaan Negeri tidak seharusnya membayar orang untuk beriadah.

c) Tourism Selangor akan terus memainkan peranan penting dalam mempromosikan Negeri Selangor sebagai pelancongan yang unik khususnya bagi pelancongan

yang berkonsepkan sukan di Selangor. Antara rancangan tindakan yang akan terus dilakukan adalah seperti yang berikut.

1) Promosi

Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor akan meneruskan semua aktiviti promosi yang telah dijalankan sama ada di dalam mahupun di luar Negara untuk memperkenalkan acara sukan berkonsepkan pelancongan di Negeri Selangor. Di setiap tempat menarik yang dikongsikan di dalam promosi, pihak Tourism juga menyelitkan informasi tentang keunikan kembara ATV ini dan kawasan menarik yang ada pada sekitar kawasan tersebut.

Antara promosi ke luar negara yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Asean Tourism Forum, Manila
2. Sales Mission to India
3. Arabian Travel Mart, Dubai
4. ITB , Berlin German

Antara promosi dalam negara yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. MATTA Fair, PWTC
2. MATTA Fair, Johor Bahru
3. MITA Fair, KLCC
4. WTM Connect, Penang

2) Hebahan melalui Laman web dan Media Sosial Tourism Selangor

Tourism di dalam laman web rasmi akan sentiasa mempromosi pelancongan sukan negeri dan memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat. Laman web Tourism Selangor boleh dilayari melalui http://www.tourismselangor.my. Laman Media sosial Tourism Selangor mempunyai jumlah pengikut yang ramai melebihi 100,000 *followers.* Facebook, Twitter dan Weibo Tourism Selangor menggunakan profil nama @TourismSelangor serta Instagram menggunakan profil @DiscoverSelangor dapat mempromosikan acara kembara ATV ini dengan lebih efektif dan meluas.

3) Familiarization Trip 'FAM Trip'

Tourism Selangor juga akan membawa lawatan-lawatan untuk para media mahupun lain-lain '*fam tour'* serta agensi-agensi pelancongan dalam dan luar negara bagi mempromosikan produk-produk pelancongan secara terus kepada '*key players'* dan agensi-agensi pelancongan. Secara tidak langsung acara ini dapat juga mendekatkan diri para peserta dengan kebudayaan yang terdapat di Negeri Selangor.

Fam Trip yang dirancang dan dijalankan oleh Tourism Selangor adalah seperti berikut :

i) FAM Trip untuk Agensi Pelancongan
ii) FAM Trip bersama Media : #TSDAYOUT, My Selangor Story
iii) Program Bersama Jurufoto

4) Pengiklanan Media Cetak dan Bahan Terbitan

Tourism Selangor juga mempromosikan pelancongan berbentuk sukan melalui pengiklanan media cetak seperti akhbar, majalah dan risalah promosi. Poster informasi berserta laporan dan artikel diperbanyakkan di media tempatan dan bertyaraf antarabangsa. Antaranya seperti, Gaya Travel, Lonely Planet Asia, TTG Asia, Santai Travel, Libur, Akhbar The Star, Selangorkini dan banyak lagi. Selain itu, Tourism Selangor juga menerbitkan risalah pelancongan seperti direktori pelancongan, peta, dan info grafik untuk memberikan informasi lengkap berkenaan acara atau kemudahan sukan yang berkonsepkan pelancongan. Antaranya seperi, Selangor Breakaway, Selangor Travel Guide dan Selangor Coffee Table Book.

5) Promosi melalui Aplikasi Telefon Pintar "Discover Selangor"

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah melancarkan sebuah aplikasi khas direktori pelancongan yang dikenali sebagai ***"Discover Selangor Mobile Application".*** Aplikasi ini dapat mempromosikan acara kembara ATV ini dengan lebih meluas kerana segala info yang berkaitan dengan acara ini dapat dipaparkan berserta akses untuk mendaftar dan juga menyertai acara ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : PROGRAM PENDEMOKRASIAN ANAK MUDA

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rancangan kerajaan dalam menggerakkan program pendemokrasian anak muda untuk mendaftar sebagai pengundi?

b) Apakah rancangan kerajaan untuk menggalakkan anak muda dari luar Selangor yang bermastautin di Selangor lebih puluhan tahun untuk menjadi pengundi Selangor?

c) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan untuk program pendemokrasian anak muda bagi tahun 2016?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman, Kerajaan Negeri tiada perancangan dalam menggerakkan program pendemokrasian anak muda untuk mendaftar sebagai pengundi dan Program Jom Daftar hanya dilaksanakan pada tahun 2009-2011.

b) Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menggalakkan anak muda dari luar Selangor yang bermastautin di Selangor lebih puluhan tahun untuk menjadi pengundi Selangor memandangkan mereka lebih gemar mengundi di tempat kelahiran masing-masing.

c) Kerajaan Negeri tiada menyediakan peruntukan untuk program pendemokrasian anak muda bagi tahun 2016 memandangkan program ini tidak dilaksanakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : PEMBANGUNAN KG FAJAR, HULU KELANG

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah penyelesaian muktamad pembangunan Kg Fajar?

b) Apakah syarat-syarat pembangunan Kg Fajar agar peneroka bandar yang telah menetap di situ lebih 60 tahun dapat hidup dengan selesa?

c) Apakah syarat-syarat yang ditetapkan sekiranya pembangunan ini perlu kepada usahasama antara syarikat pemaju swasta dengan GLC Selangor?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kampung Fajar merupakan antara tapak yang terlibat dengan projek River Of Live (ROL) , Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sejak 2010. Kementerian Wilayah dan Perumahan telah memutuskan di dalam mesyuarat pada 30 Mei 2016 bahawa Jabatan Perumahan Negara untuk membangunkan tapak tersebut kepada pembangunan perumahan mampu milik / Projek Perumahan Rakyat (PPR) secara *In-situ* kepada setinggan sedia ada.

c) Jabatan Perumahan Negara merupakan agensi kerajaan yang dilantik untuk merancang, membina , dan menyewakan kepada setinggan terbabit tanpa ada usahasama dengan pihak swasta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : CAR BOOT SALE

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah polisi Kerajaan terhadap aktiviti hujung minggu rakyat yang dipanggil sebagai "*Car Boot Sale*"?

b) Apakah syarat-syarat yang telah dikenakan/akan dikenakan kepada individu yang terlibat dalam perniagaan sebegini?

c) Bolehkah lesen dikecualikan daripada peniaga-peniaga *car boot sale*?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : PROJEK LEBUHRAYA DUKE FASA 3

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah yang dimaksudkan dengan Projek Lebuhraya DUKE Fasa 3?

b) Apakah tindakan kerajaan terhadap pemaju swasta yang tidak merujuk kepada MPAJ walaupun projek tersebut melalui kawasan tadbir MPAJ?

c) Apakah perlu kerajaan menilai untung-rugi projek ini jika diukur dengan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat?

JAWAPAN:

a) Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang permohonan daripada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) atau Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) terhadap cadangan pembinaan Projek Lebuhraya DUKE Fasa 3.

b) Untuk makluman Y.B. sekalian, Pihak Berkuasa Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 1/2015 bertarikh 12 Februari 2015 telah membuat ketetapan supaya projek-projek pembangunan infrastruktur seperti pembinaan lebuhraya, LRT, MRT, Rel Berkelajuan Tinggi, Talian Voltan Tinggi, pembinaan janakuasa dan lain-lain projek yang berskala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Perancang Negeri di bawah Seksyen 20(A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Seksyen berkenaan telah memperuntukkan bahawa hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk berunding dengan Jawatankuasa tentang apa-apa aktiviti pemajuan yang ia bercadang supaya dijalankan di dalam negeri itu. Ini adalah bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum berkenaan dengan projek pembangunan yang hendak dilaksanakan dan mengelakkan kemungkinan pemajuan berkenaan terkeluar daripada perancangan dan seterusnya menyulitkan kerja-kerja penyelarasan pembangunan fizikal di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri juga turut menggunapakai Seksyen 18(1) Akta 172 yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan sesuatu tanah atau bangunan digunakan melainkan menurut Rancangan Tempatan (RT).

Selaras dengan itu, tindakan pemaju yang tidak merujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri serta PBT yang terlibat berkaitan sebarang pemajuan yang hendak dilaksanakan boleh menyebabkan cadangan pembinaan tidak dipertimbangkan atau dibatalkan pembangunannya oleh Kerajaan Negeri. Selain daripada itu, PBT yang terlibat juga boleh mengeluarkan notis di bawah Seksyen 27 Akta 172 sebagai tindakan penguatkuasaan ke atas pemajuan tanpa Kebenaran Merancang (KM).

c) Kerajaan perlu menilai untung-rugi projek ini (jika diteruskan) supaya keutamaan dan kepentingan rakyat diambil kira. Seperti umum sedia maklum, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengamalkan pendekatan mengambil kira pandangan orang ramai dalam menentukan kelulusan sesebuah projek pembangunan agar ianya membawa manfaat menyeluruh. Selain daripada pembangunan ekonomi, Kerajaan Negeri turut menitikberatkan sumbangan sosial dan insani dalam setiap projek yang diluluskan. Dasar pembangunan berkualiti, rakyat dipeduli akan terus menjadi teras dalam setiap pembangunan di Negeri Selangor. Ianya adalah sangat perlu supaya Kerajaan Negeri dapat mempertahankan rakyat daripada menerima masalah-masalah pencemaran, kesihatan, banjir, kemalangan dan sebagainya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : PERMOHONAN TAPAK BAHARU PDK HULU KELANG

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah bentuk bantuan yang pernah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada PDK (Pemulihan Dalam Komuniti) Hulu Kelang?

b) Apakah pendirian dan tindakan kerajaan terhadap permohonan satu tapak tanah bagi pembinaan baharu PDK Hulu Kelang?

c) Bagaimanakah kerajaan boleh memanfaatkan fokus PDK Hulu Kelang dengan sekaligus menjalankan program pemulihan OKU di Gombak, Ampang dan Lembah Jaya?

JAWAPAN:

a) Pemulihan Dalam Komuniti Hulu Kelang setakat ini tidak menerima sebarang bentuk bantuan secara khusus oleh Kerajaan Negeri.

b) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor tidak menerima sebarang permohonan bagi mendapatkan satu tapak tanah bagi pembinaan baharu PDK Hulu Kelang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan peruntukan geran kewangan kepada PDK Hulu Kelang yang merangkumi sewa premis, utiliti, bayaran Penyelia dan Petugas serta Elaun kepada Pelatih. Di samping itu, JKM turut menyalurkan geran aktiviti kepada PDK untuk pelaksanaan program pemulihan OKU dan komuniti.

c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program PDK dilaksanakan melalui penglibatan aktif OKU, keluarga dan masyarakat setempat dengan disokong oleh perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial serta menggunakan sumber tempatan. Oleh itu, penglibatan semua pihak amat digalakkan bagi memastikan program pemulihan OKU dalam komuniti dapat direalisasikan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : MENUKAR STATUS TANAH DI KAWASAN HUTAN SIMPAN

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah pendirian kerajaan terhadap nasib dan hak 50 orang penduduk Kg Kemensah yang telah mengusahakan lebih dari 30 tahun kawasan tanah seluas 100 ekar yang pada asalnya adalah Tanah Rizab Melayu Sg Telaga tetapi pada 15 Januari 2015 telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Ulu Gombak (Tambahan)?

b) Apakah kerajaan bersedia menukar status tanah seluas 100 ekar dengan pada masa sama mematuhi syarat pengekalan sebanyak 32% kawasan berhutan di Selangor?

c) Apakah Kerajaan Negeri boleh menukar status kawasan ini jika cukup fakta menyatakan bahawa keadaan kawasan tersebut tidak lagi sesuai sebagai kawasan hutan simpan?

JAWAPAN:

a) Pewartaan Hutan Simpan Ulu Gombak (Tambahan) telah dibuat pada 18 Januari 2010 dengan nombor warta 401 yang sebenarnya melibatkan kawasan seluas 114.48 hektar. Buat masa ini, pendirian Kerajaan Negeri adalah untuk terus mengekalkan status kawasan tersebut sebagai kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

b) Kerajaan Negeri Selangor belum bersedia untuk menukar status tanah seluas lebih 100 ekar tersebut. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri komited untuk mengekalkan kawasan berhutan berstatus Hutan Simpanan Kekal (HSK) tidak kurang daripada 30% daripada keluasan Negeri.

c) Secara dasarnya, Kerajaan Negeri Selangor boleh mengeluarkan mana-mana kawasan tanah dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan syarat sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 11, Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985.

Keperluan di bawah peruntukkan seksyen ini satu proses pendengaran awam (*Public Inquiry*) hendaklah dijalankan. Sekiranya diluluskan, proses penggantian semula kawasan yang dicadangkan untuk dikeluarkan perlu dilaksanakan secara serentak. Namun begitu, dasar Kerajaan Negeri di dalam perkara sebegini hanyalah untuk projek-projek pembangunan yang mempunyai kepentingan orang awam dan bukannya untuk pertanian atau persendirian.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN MASJID/SURAU

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan kos penyelenggaraan semua masjid/surau di daerah Klang sejak 2008.

JAWAPAN:

a) Kos penyelenggaraan semua masjid/surau di daerah Klang sejak tahun 2008 hingga 2010 tiada data manakala tahun 2011 hingga 2016 adalah seperti yang berikut :-

MASJID :

BIL	TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
1.	2011	1,709,981.40
2.	2012	669,161.30
3.	2013	440,000.00
4.	2014	440,000.00
5.	2015	521,967.32
6.	2016	139,800.00

SURAU :

BIL	TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
1.	2008	350,000.00
2.	2009	10.00
3.	2010-2015	Tiada Peruntukan
2.	2016	500,000.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : TEMPOH KELULUSAN INSENTIF PERKAHWINAN

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa lama masa yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk meluluskan sesebuah permohonan insentif perkahwinan?

b) Sejak diperkenalkan, senaraikan insentif perkahwinan yang telah dibayarkan kepada pemohon mengikut tahun.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Insentif Perkahwinan Belia di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bertujuan untuk menjadikan program ini selari dengan matlamat Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipeduli. Seterusnya, program ini juga merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam mensejahterakan rumahtangga dan keluarga di Negeri Selangor di samping sebagai insentif kepada golongan belia di Negeri Selangor yang baru mendirikan rumahtangga.

Jumlah penerima insentif perkahwinan belia sejak diwujudkan bermula pada tahun 2013 adalah seperti jadual di bawah :-

STATISTIK PERMOHONAN 2013 – 2016 (SETAKAT APRIL 2016)

PERMOHONAN / TAHUN	LULUS		JUMLAH PENERIMA	JUMLAH KOS (RM)
	ISLAM	BUKAN ISLAM		
2013	4041	1911	5952	1,190,400.00
2014	4010	2441	6451	3,225,500.00

2015	4862	2693	7555	3,777,500.00
PERMOHONAN / TAHUN	**LULUS**		**JUMLAH PENERIMA**	**JUMLAH KOS (RM)**
	ISLAM	**BUKAN ISLAM**		
2016 (SETAKAT APRIL 2016)	3802	2378	6180	3,090,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				**11,283,400.00**

DATA PENDAFTARAN PERKAHWINAN NEGERI SELANGOR

Berdasarkan kepada data pendaftaran perkahwinan daripada Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), statistik golongan muda yang berkahwin setiap tahun di Selangor bagi yang beragama Islam adalah seperti berikut :-

DATA PENDAFTARAN PERKAHWINAN DARIPADA BAHAGIAN UNDANG-UNDANG KELUARGA, JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS) 2012-2015

DAERAH	TAHUN							
	2012		2013		2014		2015	
	L	P	L	P	L	P	L	P
KLANG	2622	2776	2624	2787	2826	2960	2175	2265
PETALING	1741	1802	1569	1879	2817	2931	1442	1483
SHAH ALAM	2547	2684	2739	2852	1789	1882	1173	1230
GOMBAK KUANG	823	847	869	930	841	837	696	703
GOMBAK KERAMAT	1647	1915	1645	1739	2031	2140	1375	1433
HULU LANGAT	2786	2744	2606	2680	3184	3099	2294	2371
HULU SELANGOR	824	859	971	1006	1009	1053	772	790
KUALA LANGAT	1140	1217	1199	1233	1119	1130	659	659
KUALA SELANGOR	1663	1290	1316	1386	1260	1346	1002	1042
SEPANG	649	577	636	676	727	774	585	614

SABAK BERNAM	1264	942	954	990	916	983	651	702
JUMLAH	**17706**	**17653**	**17128**	**18158**	**18519**	**19135**	**12824**	**13292**

PENILAIAN KERAJAAN TENTANG PRESTASI DAN KEJAYAAN PROGRAM

Program Insentif Perkahwinan Belia telah membantu untuk meringankan beban hidup pasangan yang baru mendirikan rumahtangga dengan peningkatan jumlah permohonan dan jumlah perkahwinan saban hari.

Seterusnya, dengan peningkatan jumlah perkahwinan, program ini telah dapat mengurangkan masalah sosial seperti pembuangan bayi, pergaulan bebas dan sebagainya yang semakin membimbangkan masyarakat pada masa kini.

Selain daripada itu, program ini juga dapat menggalakkan perkahwinan yang berdaftar yang sekaligus dapat menunjukkan kejayaan dan program ini perlu diteruskan pada masa akan datang.

DATA PENERIMA INSENTIF PERKAHWINAN TAHUN 2013 – 2016 MENGIKUT DUN

Penerima insentif mengikut pecahan kawasan Dewan Negeri adalah seperti berikut :

STATISTIK PERMOHONAN MENGIKUT DUN 2013-2016

Bil	DUN	Jumlah Penerima Islam				Jumlah Penerima Bukan Islam			
	TAHUN	2013	2014	2015	2016	2013	2014	2015	2016
1.	BALAKONG	72	46	27	80	157	25	58	71
2.	BANGI	66	207	98	89	61	37	83	36
3.	BATANG KALI	9	23	64	71	28	7	53	22
4.	BATU CAVES	31	61	65	84	68	14	21	49
5.	BATU TIGA	100	64	92	102	58	15	12	28
6.	BUKIT ANTARABANGSA	22	11	68	13	5	3	10	1
7.	BUKIT GASING	7	68	52	4	21	73	35	16
8.	BUKIT LANJAN	20	8	6	56	28	12	98	14
9.	BUKIT MELAWATI	20	85	44	80	71	32	16	33

10.	CHEMPAKA	52	27	18	22	35	53	6	8
11.	DAMANSARA UTAMA	21	89	14	14	146	29	46	74
12.	DENGKIL	85	161	78	107	58	310	78	22
13.	DUSUN TUA	45	90	40	34	20	10	50	40
14.	GOMBAK SETIA	23	114	60	87	26	16	15	9
15.	HULU BERNAM	69	50	22	24	21	2	80	5
16.	HULU KELANG	23	47	30	88	11	32	97	9
17.	IJOK	9	63	31	58	69	19	10	41
18.	JERAM	50	93	150	93	21	3	89	12
19.	KAJANG	25	62	74	79	192	79	50	94
20.	KAMPUNG TUNKU	4	19	25	4	24	2	95	11
21.	KINRARA	27	10	12	15	62	54	39	66
22.	KOTA ALAM SHAH	24	26	20	22	115	14	15	36
23.	KOTA ANGGERIK	18	9	86	111	24	1	12	27
24.	KOTA DAMANSARA	70	30	95	61	54	15	14	33
Bil	**DUN**	**Jumlah Penerima Islam**				**Jumlah Penerima Bukan Islam**			
	TAHUN	**2013**	**2014**	**2015**	**2016**	**2013**	**2014**	**2015**	**2016**
25.	KUALA KUBU BAHARU	56	56	36	55	21	80	32	45
26.	KUANG	55	35	30	21	10	11	69	2
27.	TERATAI	16	12	58	21	48	26	12	151
28.	LEMBAH JAYA	10	222	41	52	52	22	32	10
29.	MERU	30	225	134	159	147	150	54	112
30.	MORIB	6	30	65	119	23	3	23	49
31.	PANDAMARAN	70	65	250	67	52	38	101	211
32.	PAYA JARAS	16	35	50	63	58	17	22	11
33.	PELABUHAN KLANG	15	250	59	63	84	80	250	70
34.	PERMATANG	20	57	89	49	58	5	85	15
35.	RAWANG	15	61	41	30	20	65	26	65
36.	SABAK	59	45	76	94	26	50	15	15
37.	SEKINCHAN	85	80	56	35	80	14	150	32
38.	SELAT KLANG	56	89	126	112	28	89	23	29
39.	SEMENTA	10	40	66	55	20	20	100	62

40.	SEMENYIH	17	70	67	37	76	35	11	49
41.	SERI ANDALAS	93	89	250	56	40	46	180	102
42.	SERI KEMBANGAN	16	50	10	62	52	9	32	70
43.	SERI MUDA	78	42	44	56	102	40	26	65
44.	SERI SERDANG	70	45	31	13	73	36	150	17
45.	SERI SETIA	51	165	21	23	178	14	150	16
46.	SIJANGKANG	10	28	107	87	41	16	102	15
47.	SUBANG JAYA	58	84	33	35	178	64	44	140
48.	SUNGAI AIR TAWAR	40	224	50	32	68	19	80	23
49.	SUNGAI BURONG	10	50	101	66	28	8	68	28
50.	SUNGAI PANJANG	50	50	135	130	103	12	29	16
51.	SUNGAI PELEK	60	30	22	14	60	60	15	37
52.	SUNGAI PINANG	90	83	15	142	80	24	46	50
53.	TAMAN MEDAN	30	86	49	53	28	9	30	12
54.	TAMAN TEMPLER	80	86	24	29	40	16	68	12
55.	TANJONG SEPAT	62	28	36	24	67	50	10	20
56.	TELUK DATUK	30	80	150	28	30	20	195	92
57.	LAIN-LAIN (*tidak melalui DUN*)	250	200	300	250	100	191	350	250
JUMLAH KESELURUHAN		**2506**	**4255**	**3893**	**3530**	**3446**	**2196**	**3662**	**2650**

PROSES PERMOHONAN PROGRAM INSENTIF PERKAHWINAN BELIA

Kerajaan Negeri telah menambahbaik pengurusan sedia ada di mana tempoh 6 bulan yang diperlukan untuk kelulusan telah dipercepatkan kepada tiga (3) hingga empat (4) bulan. Tempoh tersebut diperlukan memandangkan borang permohonan yang diterima oleh Kerajaan Negeri setiap hari adalah lebih kurang 150 permohonan. Seterusnya semakan perlu dibuat ke atas permohonan tersebut melalui sistem *online* bagi menentukan sama ada permohonan tersebut diluluskan atau ditolak berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan serta dokumen-dokumen yang diperlukan telah dikemukakan bersama borang permohonan.

Seterusnya, jumlah permohonan yang telah diluluskan perlu dihantar kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk mendapatkan kelulusan peruntukan dan seterusnya dipanjangkan kepada Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk tujuan penyaluran insentif tersebut.

Walau bagaimanapun, proses penyaluran di Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional (BSN) akan mengambil masa dalam tempoh sebulan untuk disalurkan kepada pemegang akaun Tabung Haji dan penyediaan Sijil Bank Simpanan Nasional (BSN).

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : LATIHAN TERFOKUS USAHAWAN DI DUN

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah sasaran usahawan berjaya yang mahu dilahirkan oleh Kerajaan Negeri untuk setiap DUN?

b) Senaraikan usahawan yang telah berjaya dilahirkan setiap tahun sejak 2008 mengikut daerah.

JAWAPAN:

a) Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ditakrifkan sebagai perusahaan perkilangan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perkilangan dengan pusing ganti tahunan tidak melebihi RM25 juta dan menggaji kakitangan sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. Setiap tahun fokus utama Kerajaan Negeri adalah untuk melahirkan usahawan yang berjaya di mana bukan sahaja tertumpu kepada bilangan usahawan tetapi kepada tahap penembusan dan perkembangan pasaran (*market penetration and expansion).* Untuk membawa produk ke tahap yang lebih tinggi, Kerajaan Negeri telah mengadakan Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P) kepada usahawan yang sudah bersedia meluaskan pasaran ke pasaraya rantaian dan ke peringkat antarabangsa. Selain itu, bagi usahawan di peringkat permulaan Kerajaan Negeri menganjurkan kursus-kursus bagi memberi pendedahan tentang bagaimana untuk mempersiapkan produk mereka sekurang-kurangkan untuk menembusi pasaraya tempatan.

i. <u>KATEGORI USAHAWAN</u>

Usahawan dikategorikan pada Tahap 1 (*low end)* dan Tahap 3 (*high end).* Usahawan Tahap 1 dikategorikan sebagai usahawan di peringkat asas dengan proses pengeluaran produk secara manual dan separa automatik. Kualiti pembungkusan di tahap rendah dan permintaan pasaran pula lebih kecil dan sesuai untuk pasaran domestik. Usahawan Tahap 3 pula mempunyai ciri-ciri pemprosesan produk secara automatik sepenuhnya, mampu melaksanakan sistem kualiti, melabur dalam penambahbaikan produk dan bersedia mengeksport ke luar negara. Selain itu, permintaan

pasaran produk lebih tinggi, pengeluaran berskala besar serta kualiti pembungkusan di tahap tinggi dan jangka hayat di rak lebih lama.

ii. DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR

Kerajaan Negeri melalui Unit Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada industri mikro di mana ia ditakrifkan sebagai perniagaan dengan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM300,000.00 dan mempunyai 2 hingga 5 orang pekerja tetap. Fokus Pembangunan Usahawan adalah untuk memberi bantuan kepada pengusaha mikro melalui sembilan (9) daerah di negeri Selangor. Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan program khas anjuran Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor untuk membantu usahawan-usahawan Industri Mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju.

iii. SKOP BANTUAN

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM200,000.00 bagi setiap daerah untuk menyalurkan bantuan kepada pemohon yang layak. Seorang pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan adalah seperti berikut:

i. Bantuan pembelian mesin/peralatan/perkakasan;

ii. Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/menaiktaraf);

iii. Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;

iv. Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP,HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan

v. Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di Negeri Selangor.

b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan Bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor sehingga RM30,000.00 bagi setiap permohonan bermula tahun 2015. Sebelum ini had permohonan hanya sehingga RM10,000.00 sahaja. Sebanyak 575 orang telah menerima Bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor daripada tahun 2008 hingga Julai 2016. Bagi tahun 2012, peruntukan dana ini digunakan untuk Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P). Penerima program ini adalah sebanyak 15 orang. Walau bagaimanapun, maklumat berhubung penerima Bantuan Dana Usahawan Mikro mengikut daerah bagi tahun 2008-2016 (Julai) adalah seperti jadual di bawah:

Penerima Bantuan Dana Usahawan Mikro Mengikut Daerah Bagi Tahun 2008-2016 (Julai)

Bil	Daerah	2008 / 2009	2009 / 2010	2010/ 2011	2012	2013	2014	2015	2016
1	Kuala Selangor	17	18	7	-	2	5	14	13
2	Sabak Bernam	10	10	9	3	10	11	15	10
3	Petaling	5	11	4	-	5	13	8	5
4	Hulu Langat	5	3	9	1	5	6	6	6
5	Sepang	2	2	4	-	8	5	12	13
6	Kuala Langat	13	12	9	2	5	12	17	12
7	Gombak	8	12	18	2	3	5	11	13
8	Klang	14	14	10	7	12	8	3	11
9	Hulu Selangor	14	3	4	-	5	11	14	6
	Jumlah	**88**	**87**	**74**	**15**	**55**	**76**	**100**	**95**

(Sumber: Pejabat-pejabat Daerah Negeri Selangor)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : CUKAI PREMIUM TANAH

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah kaedah pengiraan cukai premium tanah di Selangor?

b) Berapakah jumlah kutipan cukai premium tanah di Selangor pada sehingga Julai 2016?

JAWAPAN:

a) Kaedah pengiraan premium tanah di Negeri Selangor adalah mengikut Peraturan 7, Kaedah Tanah Selangor (KTS) 2005 (Pindaan 2007). Pengiraan cukai premium tanah adalah seperti berikut:-

i. Bangunan kediaman untuk individu
¼ x 1/100 x luas tanah yang diluluskan x nilaian tanah x 99 tahun @ bersamaan 23% daripada nilaian pasaran

ii. Bangunan kediaman untuk syarikat
½ x 1/100 x luas tanah yang diluluskan x nilaian tanah x 99 tahun @ bersamaan 50% daripada nilaian pasaran

iii. Bangunan industri dan perniagaan
3/4 x 1/100 x luas tanah yang diluluskan x nilaian tanah x 99 tahun @ bersamaan 74% daripada nilaian pasaran

b) Sehingga 15 Julai 2016, jumlah kutipan cukai premium tanah di Negeri Selangor adalah sebanyak **RM974,874,309.18**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : FOKUS UTAMA KERAJAAN

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan fokus utama Kerajaan Negeri industri kecil dan sederhana.

b) Apakah kriteria kelayakan untuk dapat bantuan kerajaan?

c) Senaraikan penerima yang sudah berjaya sejak 2014.

JAWAPAN:

c) Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ditakrifkan sebagai perusahaan perkilangan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perkilangan dengan pusing ganti tahunan tidak melebihi RM25 juta dan menggaji kakitangan sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. Setiap tahun fokus utama Kerajaan Negeri adalah untuk melahirkan usahawan yang berjaya di mana bukan sahaja tertumpu kepada bilangan usahawan tetapi kepada tahap penembusan dan meluaskan pasaran (*market penetration and expansion).* Untuk membawa produk ke tahap yang lebih tinggi Kerajaan Negeri telah mengadakan Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P) kepada usahawan yang sudah bersedia meluaskan pasaran ke pasaraya rantaian dan ke peringkat antarabangsa. Selain itu, bagi usahawan di peringkat permulaan Kerajaan Negeri menganjurkan kursus-kursus bagi memberi pendedahan tentang bagaimana untuk mempersiapkan produk mereka sekurang-kurangkan untuk menembusi pasaraya tempatan.

i. <u>KATEGORI USAHAWAN</u>

Usahawan dikategorikan pada Tahap 1 (*low end)* dan Tahap 3 (*high end).* Usahawan Tahap 1 dikategorikan sebagai usahawan di peringkat asas dengan proses pengeluaran produk secara manual dan separa automatik. Kualiti pembungkusan di tahap rendah dan permintaan pasaran pula lebih kecil dan sesuai untuk pasaran domestik. Usahawan Tahap 3 pula mempunyai ciri-ciri pemprosesan produk secara automatik sepenuhnya, mampu melaksanakan sistem kualiti, melabur dalam penambahbaikan produk dan bersedia mengeksport ke luar negara. Selain itu, permintaan

pasaran produk lebih tinggi, pengeluaran berskala besar serta kualiti pembungkusan di tahap tinggi dan jangka hayat di rak lebih lama.

ii. DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR

Kerajaan Negeri melalui Unit Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada industri mikro di mana ia ditakrifkan sebagai perniagaan dengan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM300,000.00 dan mempunyai 2 hingga 5 orang pekerja tetap. Fokus Pembangunan Usahawan adalah untuk memberi bantuan kepada pengusaha mikro melalui sembilan (9) daerah di negeri Selangor. Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan program khas anjuran Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor untuk membantu usahawan-usahawan Industri Mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju.

iii. SKOP BANTUAN

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM200,000.00 bagi setiap daerah untuk menyalurkan bantuan kepada pemohon yang layak. Seorang pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan adalah seperti berikut:

i. Bantuan pembelian mesin/peralatan/perkakasan;

ii. Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/menaiktaraf);

iii. Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;

iv. Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP,HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan

v. Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di Negeri Selangor.

b) dan c)

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan Bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor sehingga RM30,000.00 bagi setiap permohonan bermula tahun 2015. Sebelum ini had permohonan hanya sehingga RM10,000.00 sahaja. Sebanyak 575 orang telah menerima Bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor daripada tahun 2008 hingga Julai 2016. Bagi tahun 2012, peruntukan dana ini digunakan untuk Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P). Penerima program ini adalah sebanyak 15 orang. Maklumat berhubung penerima Bantuan Dana Usahawan Mikro mengikut daerah bagi tahun 2008-2016 (Julai) adalah seperti jadual di bawah.

Penerima Bantuan Dana Usahawan Mikro Mengikut Daerah Bagi Tahun 2008-2016 (Julai)

Bil	Daerah	2008 / 2009	2009 / 2010	2010 / 2011	2012	2013	2014	2015	2016
1	Kuala Selangor	17	18	7	-	2	5	14	13
2	Sabak Bernam	10	10	9	3	10	11	15	10
3	Petaling	5	11	4	-	5	13	8	5
4	Hulu Langat	5	3	9	1	5	6	6	6
5	Sepang	2	2	4	-	8	5	12	13
6	Kuala Langat	13	12	9	2	5	12	17	12
7	Gombak	8	12	18	2	3	5	11	13
8	Klang	14	14	10	7	12	8	3	11
9	Hulu Selangor	14	3	4	-	5	11	14	6
	Jumlah	**88**	**87**	**74**	**15**	**55**	**76**	**100**	**95**

(Sumber: Pejabat-pejabat Daerah Negeri Selangor)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : GRADUAN KUIS

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah graduan KUIS dari tahun 2010 hingga 2015.

b) Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk memastikan kebolehpasaran setiap graduan ini memperoleh pekerjaan?

JAWAPAN:

a) Jumlah graduan KUIS yang telah tamat pengajian dari tahun 2010-2016 adalah seperti berikut:

TAHUN GRADUASI	JUMLAH GRADUAN
2010	1187
2011	1456
2012	982
2013	1834
2014	1610
2015	1152
Jumlah Graduan Keseluruhan	**8221**

b)

1. Kerajaan Negeri bertanggungjawab memastikan Pihak KUIS untuk mengkaji dan *review* pencapaian Program pengajian yang ditawarkan mengikut *standard* dan Piawaian yang telah ditetapkan oleh Pihak *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia agar sentiasa bersifat semasa, berdaya saing, '*employability*' dan '*marketability*' bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2025.
2. Membina rangkaian dan jaringan akademik melalui Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara pihak KUIS dan Institusi Pengajian Tinggi di peringkat Nasional dan Antarabangsa serta membina jaringan industri dengan syarikat swasta atau badan Korporat dan Anak Syarikat milik Kerajaan Negeri

termasuk latihan industri di dalam kelangsungan dunia pekerjaan dan mencipta kerjaya.

3. Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Pihak KUIS telah mengadakan Program Karnival Pendidikan, Keusahawanan & Kerjaya KUIS dengan penyertaan daripada Pusat Jobs Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja.
4. Kerajaan Negeri Selangor melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) juga telah melaksanakan Program Usahawan SMART KUIS 2016 yang telah dilaksanakan pada 11 April 2016 sehingga 2 Jun 2016.
5. Meletakkan *niche* Islam sebagai asas kepada nilai pendidikan KUIS dan **Kualiti graduan KUIS** yang berakhlak mulia dan berintegriti serta cemerlang di dalam bidang akademik seterusnya menjadikan KUIS wadah melahirkan Da'i, Ulama dan Umara.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : PARKIR STESEN SAMBUNGAN LRT KELANA JAYA DAN AMPANG

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan kekurangan parkir di stesen tersebut?

b) Adakah Kerajaan Negeri menerima sebarang permohonan untuk menambah jumlah parkir di stesen tersebut?

JAWAPAN:

a) Antara inisiatif MPSJ untuk menyelesaikan kekurangan parkir di stesen tersebut ialah:

i. MPSJ telah mengadakan mesyuarat bersama pihak Prasarana dengan SPAD dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengangkutan Awam dan Lalulintas bertarikh 20 Jun 2016 yang akan menyediakan kemudahan *feeder bus* yang menghubungkan di kawasan-kawasan LRT untuk kemudahan membawa penduduk ke stesen LRT bagi mengelakkan penduduk memandu ke stesen-stesen LRT. Syarikat yang beroperasi adalah Rapid Bus dan Nadi Putra. Ia terdiri daripada 16 laluan *feeder bus*. Semakan laluan terperinci boleh didapati di laman web myrapid.com.my.

ii. Selain itu MPSJ juga telah menyediakan Bas Smart Selangor ke kawasan kediaman dan kawasan stesen-stesen LRT.

iii. Prasarana adalah merupakan konsesi dari Kerajaan Persekutuan di mana pihak Prasarana perlu menyediakan *parking* untuk kemudahan tempat letak kereta.

b) MPSJ belum menerima permohonan daripada pihak Prasarana untuk membina parkir untuk menambah jumlah parkir di stesen-stesen LRT.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : KOS OPERASI SRA DUN SELAT KLANG

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan kos operasi SRA Kampung Delek dan SRA Jln Hassan SG Udang setahun.

b) Berapakah kos latihan pemantapan guru setahun untuk setiap sekolah di atas?

JAWAPAN:

a) Kos operasi SRA Kampung Delek dan SRA Jalan Hassan Sungai Udang setahun adalah seperti berikut;

NAMA SEKOLAH	KOS DARI JAIS	KOS DARI PIBG	JUMLAH KESELURUHAN
SRA Kg. Delek	RM 91,205.04	RM 66,318.86	RM 157,523.90
SRA Sg. Udang	RM 157,952.28	RM 105,935.26	RM 264,887.54

b) Kos latihan guru (Januari - Disember 2015)

BIL.	NAMA SEKOLAH	JUMLAH PESERTA	TEMPAT KURSUS				JUMLAH
			ILDAS (RM 65)	PSPJ (RM 39)	PKG (RM 16)	LAIN-LAIN (RM 13)	
1.	SRA Sungai Udang.	56	-	-	56 Orang x RM16	-	**RM 896**
2.	SRA Kampung Delek.	8	2 Orang x RM 65	-	-	6 Orang x RM 13	**RM 208**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : PILIHANRAYA KECIL (PRK) SUNGAI BESAR

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan semua program Kerajaan Negeri semasa PRK Sg Besar.

b) Nyatakan jumlah perbelanjaan untuk setiap program tersebut.

JAWAPAN:

a) Semasa PRK Sungai Besar dijalankan mulai 5 Jun 2016 (Penamaan Calon) sehingga 18 Jun 2016 (Penjumlahan Undi), program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti di bawah:

Bil.	Tarikh Program	Nama Program	Penganjur	Jumlah Perbelanjaan
1.	17.06.2016 Di Masjid Ma'muniah, Sungai Nipah.	Majlis Iftar Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor Bersama Penjawat Awam.	Pejabat Daerah dan Majlis Daerah Sabak Bernam.	RM27, 480.00 (Sewaan khemah, kerusi, meja, peralatan, PA sistem serta belanja jamuan berbuka puasa dan *banner*).

b) Jumlah Perbelanjaan bagi program tersebut adalah sebanyak RM27,480.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : PROJEK LEBUHRAYA PANTAI BARAT (WCE)

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini laluan yang akan digunakan WCE?

b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan pembinaan WCE tidak akan menjejaskan keseimbangan ekosistem sedia ada?

JAWAPAN:

a) Secara umumnya, sebahagian besar jajaran lebuhraya ini telah pun dimuktamad dan diluluskan kecuali di sebahagian kecil di kawasan Assam Jawa – Tanjung Karang (Pakej 7) yang mana pada masa ini pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sedang dalam proses melaksanakan kajian impak sosial dan akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri sebelum dimuktamadkan dalam masa terdekat.

b) Dalam memelihara kepentingan ekosistem sedia ada, Kerajaan Negeri amat memberi penekanan kepada penyediaan *Environmental Impact Assessment (EIA)* bagi mengenalpasti, meramal dan menghuraikan akan kebaikan dan keburukan sesuatu cadangan projek pembangunan. Oleh yang demikian, sebelum jajaran ini diluluskan, ianya telah dikaji dengan terperinci terlebih dahulu melalui kajian EIA oleh perunding alam sekitar dan dinilai oleh panel-panel pengulas yang dilantik oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Laporan ini merangkumi kesan terhadap flora, fauna, hakisan, kualiti air, udara, bunyi, getaran, hidrologi, geologi, ekonomi, sosial dan lain-lain perkara yang boleh memberi kesan semasa pembinaan dan pengoperasian lebuhraya kelak. Ianya juga perlu dibuat untuk memastikan sebarang perancangan rekabentuk, kerja-kerja pembinaan dan operasi lebuhraya adalah berpandukan kepada piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Selain daripada itu, pihak pemaju juga turut menyediakan *Environmental Management Plan (EMP)* yang telah diluluskan oleh JAS bagi memastikan hasil penelitian yang dikaji di dalam EIA dipantau secara berterusan di sepanjang waktu pembinaan lebuhraya berkenaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : PERUNTUKAN SAR

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Memandangkan jumlah SAR adalah besar berbanding dengan sekolah lain dan keadaan fizikalnya lebih dhaif, adakah Kerajaan Negeri akan menambahkan peruntukan SAR?

b) Senaraikan peruntukan untuk SAR Selat Klang sejak 2013.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan ini dan kini sedang melaksanakan kajian terperinci berkenaan keperluan dan keadaan infrastruktur Sekolah Agama rakyat dengan terperinci.

b) Senarai peruntukan SAR Selat Klang sejak tahun 2013 adalah seperti berikut:

TAHUN	JENIS SEKOLAH	JUMLAH PERUNTUKKAN (RM)
2013	SAR	RM485,000.00
2014		RM 214,000.00
2015		RM95,000.00
2016		RM110,000.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : JENIS DAN NILAI KOS INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan semua jenis dan nilai kos pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di DUN Selat Klang sejak 2008.

JAWAPAN:

a) Senarai jenis pembangunan dan kos pembangunan infrastruktur adalah seperti berikut:-

TAHUN	KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN, PARIT, LAMPU (RM)
2008	127,203.00
2009	35,369.90
2010	143,447.10
2011	132,740.00
2012	82,053.50
2013	43,035.00
2014	6,297,275.00
2015	1,502,830.00
2016	2,981,220.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : MANFAAT BELIA

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan semua kemudahan (dan alamat) yang boleh dimanfaatkan oleh belia di daerah Klang untuk program pembangunan belia yang positif.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan kemudahan di Negeri Selangor terutama di daerah Klang serta berusaha untuk meningkatkan penglibatan golongan generasi muda dalam aktiviti-aktiviti sukan dan program pembangunan belia yang positif dan bermanfaat.

Senarai kemudahan yang boleh dimanfaatkan oleh belia di daerah Klang adalah sebagaimana berikut :-

SENARAI KEMUDAHAN BELIA DI DAERAH KLANG

BIL	KEMUDAHAN	SEKOLAH	AGENSI KERAJAAN/SWASTA
1.	Padang Hoki Astroturf Kompleks Sukan Pandamaran, Pers. Raja Muda Musa / Jln Raja Lumu, Pelabuhan Klang.	Permainan biasa 2jam (pagi-petang) Sewa Padang **RM30.00** Permainan biasa 2jam (malam) Sewa Padang **RM250.00** Pertandingan Cag. Kebersihan = **RM150.00** Sewa Padang = **RM100.00**	Permainan biasa 2jam (pagi-petang) **RM50.00** Permainan biasa 2jam (malam) Sewa Padang **RM250.00** Pertandingan Cag. Kebersihan = **RM150.00** Sewa Padang = **RM250.00** Bayaran Sampah =

		3Bayaran Sampah = **RM100.00**	**RM100.00**
BIL	**KEMUDAHAN**	**SEKOLAH**	**AGENSI KERAJAAN/SWASTA**
2.	Kompleks Sukan Pandamaran (Badminton) Pers. Raja Muda Musa / Jln Raja Lumu, Pelabuhan Klang.	Isnin - Jumaat 9.00am-5.00pm=**RM5.00**	Isnin - Jumaat 9.00am-5.00pm=**RM10.00** 5.00pm-11.00pm=**RM16.00** Sabtu/Ahad/Cuti Umum 9.00am-5.00pm=**RM12.00** 5.00pm-11.00pm=**RM18.00**
3.	Sri Andalas (Badminton) Jalan Tun Abdul Razak, Taman Seri Andalas, Klang	Isnin - Jumaat 9.00am-5.00pm=**RM5.00**	Isnin - Jumaat 9.00am-5.00pm=**RM10.00** 5.00pm-11.00pm=**RM16.00** Sabtu/Ahad/Cuti Umum 9.00am-5.00pm=**RM12.00** 5.00pm-11.00pm=**RM18.00**
4.	Padang Sultan Sulaiman/ Stadium Kota Raja Jalan Istana, Klang	**PERTANDINGAN/SUKAN** Cagaran Kebersihan **RM150.00** Sewa Padang **RM50.00** Bayaran Sampah **RM100.00** **LATIHAN** RM 25.00	**PERTANDINGAN/SUKAN** Cagaran Kebersihan **RM150.00** Sewa Padang **RM100.00** Bayaran Sampah **RM100.00** **LATIHAN** RM 25.00

BIL	KEMUDAHAN	SEKOLAH	AGENSI KERAJAAN/SWASTA
5.	Padang Merine - Jalan Pelabuhan Selatan, Pelabuhan Klang Padang Kompleks Sukan (A & B) - Pers. Raja Muda Musa / Jln Raja Lumu, Pelabuhan Klang Padang Taman Selatan - Lebuh Jelutong, Klang Padang Kapar - Lorong Kerayong, Taman Seri Kerayong Padang Meru - Jalan Meru Tambahan, Meru Padang Chetty - Jalan Dato Hamzah, Klang	**BOLA SEPAK** (Permainan Biasa) **RM5.00 (2 JAM)** **PERTANDINGAN/SUKAN** Cagaran Kebersihan **RM150.00** Sewa Padang **RM25.00** Bayaran Sampah **RM100.00**	
6.	Padang Ventooran Jalan Pekeliling, Pelabuhan Klang	**BOLA SEPAK** (Permainan Biasa) **RM12.00 (2 JAM)** **PERTANDINGAN/SUKAN** Cagaran Kebersihan **RM150.00** Sewa Padang **RM50.00** Bayaran Sampah **RM100.00**	
7.	Dataran Anak Muda - Jalan Meru Tambahan, Meru		

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PEMPROSESAN HAKMILIK STRATA

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan bilangan permohonan hakmilik strata yang diterima dan siap diproses setiap bulan bermula pada tahun 2015 dan 2016 mengikut daerah.

b) Bandingan statistik ini dengan pencapaian di Kuala Lumpur, Putrajaya, Perak, Johor dan Pulau Pinang.

JAWAPAN:

a) Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri Selangor belum mewartakan undang-undang baharu, iaitu Akta Hakmilik Strata 1985 pindaan 2013. Warta pemakaian Akta Hakmilik Strata 1985 Pindaan 2013 telah digunapakai di Negeri Selangor berkuatkuasa mulai Januari 2016. Walau bagaimanapun, negeri-negeri lain yang terlibat telah melaksanakan undang-undang tersebut pada tahun 2015.

b) Jumlah permohonan pecah bahagi bangunan sehingga tahun 2015 bagi Negeri Selangor berbanding Kuala Lumpur, Putrajaya, Perak, Johor dan Pulau Pinang serta Jumlah Permohonan Sijil Formula Unit Syer (SiFUS) mengikut peruntukan undang-undang baharu di Negeri Selangor bagi tahun 2016 dikemukakan seperti di **Lampiran A** dan **B**.

LAMPIRAN A

JUMLAH PERMOHONAN PECAH BAHAGI BANGUNAN SEHINGGA TAHUN 2015
BAGI NEGERI SELANGOR, KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA, PERAK, JOHOR DAN PULAU PINANG

BIL	NEGERI	JUMLAH PENERIMAAN PERMOHONAN SEHINGGA TAHUN 2015 (PERMOHONAN PECAH BAHAGI BANGUNAN)		JUMLAH HAKMILIK SIAP PROSES DAN DAFTAR		SIAP PROSES (%)	JUMLAH PENERIMAAN PERMOHONAN SEHINGGA TAHUN 2016 (PERMOHONAN SIJIL FORMULA UNIT SYER)		JUMLAH SIFUS YANG SIAP PROSES DAN DAFTAR		SIAP PROSES (%)
		BIL FAIL	BIL PETAK	BIL FAIL	BIL PETAK		BIL FAIL	BIL PETAK	BIL FAIL	BIL PETAK	
1	Selangor	11,510	622,736	10,198	544,284	88.6	143	41,001	100	25,468	70
2	Kuala Lumpur	3,114	318,242	3,055	299,495	98.1	76	31,747	73	28,201	96
3	Putrajaya	58	2,630	58	2,630	100	0	0	0	0	0
4	Perak	429	20,251	293	17,463	68.3	11	946	11	946	100
5	Johor	1,332	111,507	1,264	98,724	95	463	21,674	459	14,521	99
6	Pulau Pinang	1,843	228,000	1,726	206,900	93.65	44	8,868	40	7,274	90

LAMPIRAN B

JUMLAH FAIL PERMOHONAN SIFUS DARI JANUARI 2016 HINGGA JUN 2016

BIL	DAERAH	BULAN											
		JANUARI		FEBRUARI		MAC		APRIL		MEI		JUN	
		BIL FAIL	BIL PETAK	BIL FAIL	BIL FAIL	BIL PETAK	BIL PETAK	BIL FAIL	BIL PETAK	BIL FAIL	BIL PETAK	BIL FAIL	BIL PETAK
1	Gombak	-	-	3	1	40	300	1	40	2	215	2	535
2	Hulu Langat	-	-	1	42	1,270	822	42	1,270	12	4,238	5	1,271
3	Hulu Selangor	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
4	Klang	-	-	-	3	971	618	3	971	1	28	2	565
5	Kuala Langat	-	-	-	2	1,429	-	2	1,429	1	721	2	775
6	Petaling	-	-	3	3	1,754	4,605	3	1,754	9	3,201	18	7,374
7	Sepang	-	-	2	2	585	753	2	585	10	5,085	7	4,154
8	Sabak Bernam	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
9	Kuala Selangor	-	-	-	-	-	-	-	-	1	252	-	-
JUMLAH		-	-	**9**	**53**	**6,049**	**7,098**	**53**	**6,049**	**36**	**13,740**	**36**	**14,674**

- *Jumlah penerimaan permohonan Sijil Formula Unit Syer (SiFUS) dari bulan Januari 2016 sehingga bulan Jun 2016, sebanyak* ***152 Fail yang melibatkan sebanyak 44,313 petak.***

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : KUTIPAN HASIL-HASIL TANAH

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah prestasi kutipan hasil-hasil tanah bagi Pejabat Tanah di setiap daerah ada tahun 2016 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya?

b) Senaraikan sepuluh penunggak tegar cukai tanah tertinggi di setiap daerah.

JAWAPAN:

a) Sehingga bulan Jun 2016, prestasi kutipan hasil tanah bagi Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) berbanding tiga (3) tahun terdahulu adalah seperti di **Lampiran A.**

b) Senarai sepuluh penunggak tegar cukai tanah tertinggi di setiap daerah dikemukakan di **Lampiran B.**

LAMPIRAN A

PRESTASI KUTIPAN HASIL TANAH BAGI PEJABAT TANAH DAN DAERAH (PTD) BAGI TAHUN 2013 – 2016 (JUN)

DAERAH	2013	2014	2015	2016 (Jun)
Petaling	142,337,186.99	145,559,048.58	150,100,190.88	138,456,879.36
Klang	96,848,915.74	97,614,975.47	98,336,465.55	94,433,517.84
Hulu Langat	32,891,382.34	32,977,210.71	32,402,789.70	30,552,886.37
Gombak	45,876,344.54	46,982,806.86	49,742,963.66	44,513,849.32
Hulu Selangor	28,658,917.70	29,517,580.39	35,555,528.47	33,770,070.47
Sepang	23,920,807.15	22,806,624.54	22,829,009.46	23,250,504.80
Kuala Langat	10,281,158.91	11,703,303.15	12,209,282.79	11,153,263.91
Kuala Selangor	9,573,880.71	9,396,421.09	10,272,516.26	9,909,249.16
Sabak Bernam	2,974,335.17	3,060,789.48	3,059,614.27	2,898,858.49
JUMLAH	**393,362,929.25**	**399,618,760.27**	**414,508,361.04**	**388,939,079.72**

Sumber: Bahagian Hasil, PTGS

LAMPIRAN B

SENARAI SEPULUH PENUNGGAK TEGAR CUKAI TANAH TERTINGGI MENGIKUT DAERAH DI NEGERI SELANGOR

BIL	DAERAH	SYARIKAT	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH (RM)	INDIVIDU	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH
1	GOMBAK	1) Rawang Industrial & Property	13	5,184,985.20	1) Lim Tan	28	273,482.80
		2) SME Ordnance	2	3,499,421.60	2) Hajah Selamah Bte Hussin	15	122,054.30
		3) BCM Realty (M)Sdn Bhd	15	2,061,210.26	3) Norlela Bt Ghazali	8	77,671.70
		4) Kansas Corporation Sdn Bhd/ PKNS	15	927,327.30	4) Chin Woon Hui	24	70,292.30
		5) UKAY Land Sdn Bhd	10	849,584.54	5) Zainuddin Bin Jaafar	9	69,138.90
		6) Rawang Land Sdn Bhd	3	814,529.10	6) Shahul Hameed S/O Ahamadulla Sahib	15	51,943.60
		7) Selangor Plantations Co Ltd	14	767,842.00	7) The Hoon Yoon	26	50,045.30
		8) Rasmi Sdn Bhd	10	682,956.30	8) Zainal Bin Jelani	15	49,792.60
		9) New Selangor Plantation Sdn Bhd	8	203,189.70	9) Kamali Bin Radi	15	45,886.50
		10) Sun Reliance Sdn Bhd	16	130,076.00	10) Lim Sik Wah	36	35,874.40
JUMLAH KESELURUHAN				**15,121,122.00**	**JUMLAH KESELURUHAN**		**846,182.40**

BIL	DAERAH	SYARIKAT	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH (RM)	INDIVIDU	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH
2	PETALING	1) Bakat Sejati Sdn Bhd	7	4,522,377.47	1) Ng Mong Hui	16	310,399.70
		2) Bedford Housing Sdn Bhd	24	3,138,714.60	2) Choy Cheong	16	156,561.50
		3) Unique Creation Sdn Bhd	17	2,433,117.50	3) Mohd Zain B Mahmud	31	135,652.60
		4) Pilihan Megah Sdn Bhd	16	2,298,681.00	4) Soo Seng Mun	9	110,478.50
		5) Ecoasli Development Sdn Bhd	10	2,175,222.00	5) Siti Sapura Binti Husin	22	106,827.30
		6) Swasta Rasmi (M) Sdn. Bhd	23	1,995,434.30	6) Siti Sara Binti Husin	20	103,506.50
		7) Malaysia Land Investment Company Ltd	36	1,378,283.59	7) Tung Woon	16	88,235.90
		8) Flora Development Sdn Bhd	11	1,376,394.20	8) Lee Swee Nong	30	82,252.40
		9) Perumahan Serdang Utama Sdn Bhd	25	1,263,921.60	9) Tan Ching Oo	24	80,610
		10) Lee Man Construction Company Sdn Bhd	10	1,241,326.90	10) Lee Nian Tien	8	76,116.30
JUMLAH KESELURUHAN				**21,823,473.16**	**JUMLAH KESELURUHAN**		**1,250,640.60**

BIL	DAERAH	SYARIKAT	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH (RM)	INDIVIDU	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH
3	HULU LANGAT	1) Li-Foong Housing Dev Sdn Bhd	17	113,945.20	1) Kwan Cheang Sheang	4	38,001.60
		2) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Perbadanan)	12	276,415.20	2) Low Chow Thye	17	36,274.80
		3) Warisan Zamrud Sdn Bhd	6	221,593.40	3) Sinnarajah S/O Saravanamuthu	38	39,485.40
		4) Perabot Razham (M) Sdn Bhd	8	108,195.30	4) T S Maheswari (F)	14	34,288.20
		5) Saktimuna Sdn Bhd	7	28,554.20	5) Chong Kiew	14	28,401.10
		6) Kajang Utama Sdn. Bhd.	12	53,108.00	6) Chin Yih Sun dan Wong Khim Ngee As Trustee	14	33,880.50
		7) Castlepark Sdn Bhd	2	26,962.40	7) Kong Kam Fook	28	25,636.30
		8) Welfare Society For Poor Students	17	17,775.40	8) Haji Abdul Jalil Bin Mohamed Noor	28	19,561.40
		9) Venice Hill Resort Living Sdn Bhd	9	31,391.10	9) Nik Ahmad Kamal Fathi	10	18,088.20
		10) Ampang Development Sdn Bhd	21	24,962.40	10) Wanggor Bin Arkanan	17	17,045.70
JUMLAH KESELURUHAN				**902,902.60**	**JUMLAH KESELURUHAN**		**290,663.20**

BIL	DAERAH	SYARIKAT	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH (RM)	INDIVIDU	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH
4	HULU SELANGOR	1) Murna Jaya Development Berhad	10 Tahun	1,012,538.50	1) Gan Eng Chuan	30 Tahun	60,257.00
		2) Larut Consolidated Sdn Bhd	15 Tahun	671,195.70	2) Chan Choong Moh	31 Tahun	24,755.50
		3) Kuala Lumpur Kepong Berhad	11 Tahun	227,362.60	3) Mohamed Yusof Bin Abu Bakar	35 Tahun	34,357.30
		4) Batanah Sdn Bhd	18 Tahun	58,022.80	4) Ng Fook As Trustee	29 Tahun	13,423.20
		5) Europlus Corporation Sdn Bhd	21 Tahun	97,646.00	5) Loke Yuen Loke	36 Tahun	25,222.10
		6) Noble Right Sdn Bhd	13 Tahun	29,774.10	6) Vong Kew Lin	38 Tahun	26,312.20
		7) Kuala Lumpur Kepong Berhad	10 Tahun	11,721.30	7) Chan Pek Kia @ Chang Piak Tia	14 Tahun	11,958.50
		8) Great Asia Housing Development Sdn Bhd	16 Tahun	17,825.60	8) Lake Yuen Loke	36 Tahun	24,747.00
		9) Europlus Corporation Sdn Bhd	20 Tahun	11,148.50	9) Ahmad Zaman Huri Bin Zainon.	10 Tahun	21,605.10
		10) Azimah Holdings Sdn Bhd	20 Tahun	10,890.20	10) Budin Bin Abdul Samad	17 Tahun	19,993.70
JUMLAH KESELURUHAN				**2,148,125.30**	**JUMLAH KESELURUHAN**		**262,631.60**

BIL	DAERAH	SYARIKAT	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH (RM)	INDIVIDU	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH
5	KLANG	1) Lee Man Construction Co Sdn Bhd	23	231,415.00	1) Salmah Binti Abdullah	13	418,223.10
		2) Lee Man Construction Co Sdn Bhd	23	230,614.00	2) Sarkies Mackertich Martin	35	121,944.30
		3) Hing Luen Construction Company Ltd	39	124,526.00	3) Tengku Nor Ekhsan Binti Sultan Ahmad Tajudin	14	116,583.70
		4)Lee Man Construction Co Sdn Bhd	23	215,874.00	4) Tan Oi Lan@Tan Juat Lan, Tan Teng Chiang, Tan Teng Lian	17	114,347.50
		5) Lee Man Constructian Sdn Bhd	23	204,651.00	5) Tong Chong Fah	38	86,330.20
		6) Lee Man Contrustion	23	199,455.00	6) Yap Kwing	30	61,529.80
		7) Elivest Sdn Bhd	17	117,347.00	7) Lembaga Pentadbir Kolej Islam Kelang	39	53,395.90
		8) Saibah Bt Nasian	7	178,801.00	8) Arulappa S/O Amirthanathan	39	41,917.30
		9)Perbadanan Pengurusan Apartment Samudera Ii	12	132,529.00	9) Vareed Sebastian Gomez	16	41,000.73
		10) Newacres Sendirian Berhad	7	129,675.00	10) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Perbadanan)	11	39,580.50
JUMLAH KESELURUHAN				**1,764,887.00**	**JUMLAH KESELURUHAN**		**1,094,853.03**

BIL	DAERAH	SYARIKAT	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH (RM)	INDIVIDU	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH
6	SEPANG	1) Karung Guni Yitat Chan Sdn Bhd	10 Tahun	2,098.40	1) Muniah Bt Lisaban	17 Tahun	6,154.90
		2) Konsortium Sepang Bhd	19 Tahun	5,140.90	2) Jamaludin Bin Soib	16 Tahun	3,784.50
		3) Bumi Hasanat Sdn Bhd	8 Tahun	9,239.40	3) Usop Bin Malim Konai	18 Tahun	4,690.20
		4) The East Asiatic Company (M) Bhd	9 Tahun	1,169.10	4) Lee Chung	18 Tahun	3,772.30
		5) MBD Sepang Sdn Bhd	7 Tahun	2,046.70	5) Ludin Bin Talib	18 Tahun	3,556.80
		6) Dwiprofil Sdn Bhd	10 Tahun	8,530.80	6) Zulkapli Bin Jonan	6 Tahun	6,111.10
		7) Majid Aris Development Sdn Bhd	9 Tahun	2,584.70	7) Varasamy A/L Munian	18 Tahun	3,011.30
		8) Syarikat Kerjasama Dengkil Bhd	4 Tahun	40,176.30	8) Munaiyah Bt Lisban As Representative	17 Tahun	6,549.20
		9) Wandeerfull Property & Development	18 Tahun	74,824.50	9) Jalaludin Bin Mohd Noor	16 Tahun	1,304.30
		10) Pilihan Teraju Sdn. Bhd	2 Tahun	237,548.30	10) Sargit Singh A/L Banta Singh	18 Tahun	3,562.80
JUMLAH KESELURUHAN				**383,359.10**	**JUMLAH KESELURUHAN**		**42,497.40**

BIL	DAERAH	SYARIKAT	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH (RM)	INDIVIDU	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH
7	KUALA SELANGOR	1) Syarikat Nazati Sdn Bhd	14	4,157.25	1) Jamaludin B Basir	17	15,409.90
		2) Glomac Land Sdn. Bhd.	9	1,443.00	2) Sidek Bin Taib	14	12,225.10
		3) Glomac Land Sdn. Bhd.	9	1,443.00	3) Abd Kamid B Mahmad	17	8,320.00
		4) Glomac Land Sdn. Bhd.	6	1,435.70	4) Raja Aris Bin Raja Mahmud	10	7,256.00
		5) Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Selangor	20	1,412.35	5) Saadollah Bin Hj Hassan	17	7,223.40
		6) Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Selangor	19	1,388.60	6) Abdul Malek Bin Dohnan	14	6,088.15
		7) Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Selangor	10	1,367.30	7) Patimah Bt Ahmad	17	6,055.10
		8) Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Selangor	5	1,346.60	8) Kanapidy S/O Karuppiah Pillai	14	5,741.20
		9) Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Selangor	7	1,339.90	9) Haji Redzuan Bin Hj Idris	14	5,284.65
		10) Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Selangor	10	1,300.30	10) Mohamad Sharip Bin Ahmad	14	4,120.15
JUMLAH KESELURUHAN				**16,634.00**	**JUMLAH KESELURUHAN**		**77,723.65**

BIL	DAERAH	SYARIKAT	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH (RM)	INDIVIDU	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH
8	KUALA LANGAT	1) Liga Kencana Sdn Bhd	7	585.20	1) Boo Tian Chwee	16	2,458.05
		2) Liga Kencana Sdn Bhd	7	585.20	2) Letchumy A/P Sellan	16	1,957.10
		3) Liga Kencana Sdn Bhd	7	585.20	3) Palaniandy A/L Muthusamy	16	1,787.10
		4) Liga Kencana Sdn Bhd	7	585.20	4) Thangavelu A/L Poovalingam	15	1,454.85
		5) Liga Kencana Sdn Bhd	7	585.20	5) Bathmanathan A/L Ammavasai	13	1,183.60
		6) Liga Kencana Sdn Bhd	7	585.20	6) Pandiyan A/L Ganapathy	12	1,108.20
		7) Liga Kencana Sdn Bhd	7	585.20	7) Tan Gun Yok	12	1,087.70
		8) Liga Kencana Sdn Bhd	7	585.20	8) Koh Geok Lian	17	3,355.40
		9) Syabas Pemaju Sdn Bhd	16	1,327.20	9) Lee Wee Lin @ Lee Guwi Ling	17	6,993.30
		10) Syabas Pemaju Sdn Bhd	17	1,587.70	10) Md Atan Bin Moktar	17	2,890.70
JUMLAH KESELURUHAN				**7,596.50**	**JUMLAH KESELURUHAN**		**24,276.00**

BIL	DAERAH	SYARIKAT	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH (RM)	INDIVIDU	TEMPOH TUNGGAKAN	JUMLAH
9	SABAK BERNAM	1) Padu Permai Sdn Bhd	4	211.80	1) Guan Sai	25	3,444.10
		2) Kapital Sentosa	4	555.80	2) Eng Liak Sai	25	3,444.10
		3) Persatuan Belia Harmuni Sekinchan	5	2,243.00	3) Kee Hiok Ken	25	3,444.10
		4) Padu Permai Sdn Bhd	3	226.50	4) Choa Kee Noi	25	3,444.10
		5) Padu Permai Sdn Bhd	7	378.60	5) Taiban Bin Hasan	28	9,348.90
		6) Padu Permai Sdn Bhd	7	378.60	6) Hariffin Bin Dani	25	3,027.90
		7) Padu Permai Sdn Bhd	6	319.20	7) Koh Sah Loo	25	3,560.00
		8) Padu Permai Sdn Bhd	5	263.70	8) Tan Boon Huat	25	3,466.20
		9) Padu Permai Sdn Bhd	7	378.60	9) Shamsudin Bin Tompang	33	1,831.50
		10) Padu Permai Sdn Bhd	3	324.10	10) Givindasamy A/L Manikan	24	2,508.15
JUMLAH KESELURUHAN				**5,279.90**	**JUMLAH KESELURUHAN**		**37,519.05**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PERKHIDMATAN BAS PERCUMA

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah statistik kadar kegunaan perkhidmatan bas percuma di Selangor sejak pelaksanaannya pada tahun 2015 sehingga sekarang mengikut PBT?

JAWAPAN:

a) Sejak perkhidmatan bas ini mula beroperasi pada 1 Julai 2015 sehingga 30 Jun 2016 di sebelas (11) kawasan pentadbiran PBT, menggunakan 34 buah Bas Smart Selangor, jumlah penumpang yang dicatatkan adalah sebanyak 1,951,530 orang. Jumlah keseluruhan yang hampir menjangkau angka 2 juta tersebut memberi isyarat bahawa sambutan, penerimaan dan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan percuma Bas Smart Selangor adalah sangat memberangsangkan. Statistik kadar penggunaan Bas Smart Selangor bagi tahun 2015 dan 2016 mengikut pecahan PBT adalah seperti di **Jadual 1** dan **Jadual 2**:

Jadual 1 : Statistik Penumpang Bas Smart Selangor Bagi Tahun 2015
(Dari 1 Julai 2015 hingga 31 Disember 2015)

	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH PENUMPANG
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	270,491
2	Majlis Perbandaran Subang Jaya	192,196
3	Majlis Perbandaran Klang	83,974
	Jumlah Keseluruhan	**546,661**

Jadual 2 : Statistik Penumpang Bas Smart Selangor Bagi Tahun 2016
(Dari 1 Januari 2016 hingga 30 Jun 2016)

	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH PENUMPANG
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	321,297
2	Majlis Perbandaran Subang Jaya	252,219
3	Majlis Perbandaran Klang	143,426
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	243,396
5	Majlis Perbandaran Kajang	344,903
6	Majlis Perbandaran Selayang	65,156
7	Majlis Perbandaran Sepang	4,252
8	Majlis Daerah Kuala Langat	9,417
9	Majlis Daerah Sabak Bernam	6,355
10	Majlis Daerah Kuala Selangor	4,185
11	Majlis Daerah Hulu Selangor	10,263
	Jumlah Keseluruhan	**1,404,869**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah unit rumah mampu milik yang akan, sedang dan siap dibina oleh PKNS sehingga 30 Jun 2016 serta berikan lokasi tapak pembinaan?

b) Berapakah pula unit rumah mampu milik yang akan, sedang dan siap dibina oleh pihak swasta sehingga 30 Jun 2016 serta berikan lokasi tapak pembinaan?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dari tahun 2010 sehingga kini, sebanyak 8 projek dengan keseluruhan 5,648 unit Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku yang akan, sedang dan siap dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Berikut merupakan pecahan projek Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku yang akan, sedang dan siap dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) :-

i. Projek yang akan dibina oleh PKNS adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015					
1.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 9, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	4,471	2018
2.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di atas PT11466 Dan PT11415 Kg. Sri Temenggung, Mukim Batu Daerah Gombak.	418 (RMM)	2018
JUMLAH				**4,889**	

ii. Projek yang sedang dibina oleh PKNS adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju	Projek	Bil. Unit	Tarikh

		Usahasama			Sasaran Untuk Siap Dibina
1.	MBSA	(PKNS) & Debbin Sdn. Bhd.	Sebahagian Lot 8093, Persiaran Seri Wangi, Desa Alam Seksyen U12, Shah Alam, Daerah Petaling.	20 (Jenis B) 84 (Jenis C)	Dis 2016
2.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di atas sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	129 (Jenis D)	Dis 2016
3.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di PT 1 Blok 1, Di Seksyen 1, Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	80 (Jenis D)	2017
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015					
4.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 5, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	198 (Jenis C)	Dis 2016
JUMLAH				**511**	

iii. Projek yang telah disiapkan oleh PKNS adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit
1.	MPKj	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, Daerah Hulu Langat.	124 (Jenis B)
2.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Bukit Botak, Selayang, Daerah Gombak.	1,422 (Jenis B)
JUMLAH				**1,546**

b) Bagi pemaju swasta pula sebanyak 47 projek dengan jumlah unit keseluruhan sebanyak 30, 580 unit yang akan, sedang dan siap dibina sehingga 30 Jun 2016. Perincian adalah seperti berikut.:-

i. Projek yang akan dibina oleh pihak pemaju swasta adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju	Projek	Bil. Unit	Tarikh

		Usahasama			**Sasaran Untuk Siap Dibina**
1.	MPKj	Regal Form Sdn. Bhd.	Lot 68252 - Lot 68503, PT 68249 Dan PT 68251 (Lot Lama 671, 1493, 3178 Dan 11749) Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	250 (RMM)	2018
2.	MPSp	Mainstay Development Sdn. Bhd.	Lot 3514, Mukim Sepang, Daerah Sepang.	28 (Jenis D)	2018
3.	MBSA	PPC Glomac Sdn. Bhd.	Di atas Lot 49018 & PT 48447 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	243 (Jenis A) 210 (Jenis C)	2018
4.	MPS	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 854 Lot 1048 Dan GRN 54445 Sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	400 (Jenis C) 200 (Jenis D)	2018
5.	MDKS	Goldpage Assets Sdn. Bhd.	Lot 14, Lot 15, Lot 27, Lot 32, Lot 619, Lot 620, Lot 655, Lot 618, PT 1 dan Lot 469 Mukim Kuala Selangor dan Pekan Pasir Penambang, Daerah Kuala Selangor.	144 (Jenis C) 128 (Jenis D)	2018
6.	MPAJ	Gapadu Harta Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 62143 PT 3902 – HSD 62303 PT 4062 Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak.	60 (Jenis A) 202 (Jenis B) 27 (Jenis C) 9 (Jenis D)	2018
7.	MPSJ	Taman Equine (M) Sdn. Bhd.	Hakmilik PN 7397 Lot 53383, Mukim Petaling. (dipinda ke HSD 258562 PT 73892 Persiaran Permai Sentosa Bandar Putra Permai).	120 (Jenis C)	2018

8.	MPSJ	Sime Darby Putra Height Development Sdn. Bhd.	Hakmilik Lot 81255 & 81256 (Jenis A & B), 81275 & 81276 (Jenis C & D) Di Pembangunan Putra Height, Mukim Damansara, Daerah Petaling.	80 (Jenis A) 436 (Jenis B) 700 (Jenis C) 1,000 (Jenis D)	2018
9.	MPKj	Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 235494 Lot 44433 Dan GRN 235511 Lot 44450 Di Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	24 (Jenis A) 124 (Jenis D)	2018
10.	MPKj	Prestige Improvement Sdn. Bhd.	Ke atas Hakmilik HSD 146983 PT 73122 Dan HSD 146984 PT 73123 Seksyen 9 Di Bandar Kajang, Daerah Hulu Langat.	102 (Jenis B) 204 (Jenis C)	2018
11.	MPKj	Tanming Raya Sdn. Bhd.	PT 46823 dan PT 46824 (Tapak Baru), Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	173 (Jenis C)	2018
12.	MPSp	Usahasama Utama Sdn. Bhd.	Di Taman Putra Impiana Di Atas Lot PT 49685, PT 49687 Dan PT 49688, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	320 (Jenis C) 56 (Jenis D)	2018
13.	MDKS	Soon Sin Hin Development Sdn. Bhd.	Lot 1591 Dan PT 2053, Mukim Hujong Permatang, Daerah Kuala Selangor.	34 (Jenis C)	2018
14.	MKDS	Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.	HS(D) 23278 PT 21746 dan HS(D) 23277 PT 21745 Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.	45 (Jenis A) 135 (Jenis C)	2018
15.	MDKS	Glomac Land Sdn. Bhd. & Magic Season Sdn. Bhd.	Lot 2968 PT 1887, Lot 2969 PT 1888, Lot 2970 PT 1889, Lot 2971 PT 1890, Lot 2972 PT 1891 Dan Lot 2973 PT 1892, Di Batu 22 Ijok, Saujana Aman, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	315 (Jenis C)	2018

16.	MDKS	1st Mals Development (M) Sdn. Bhd. (Pemegang suratkuasa wakil kepada Tan Ah Ngow)	Hakmilik GRN 97456 Lot 8592 Mukim Hujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	45 (Jenis A) 30 (Jenis C) 65 (Jenis D)	2018
17.	MPSp	Lakefront Residence Sdn. Bhd.	Di projek One Residence @ Lakefront Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	1,932	2018
18.	MPS	Ratus Bayan Sdn. Bhd.	Di atas Lot 72504 PN 91970, Taman Raintree, Bandar Selayang, Daerah Gombak.	260 (Jenis A) 93 (Jenis C) 157 (Jenis D)	2018
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015					
19.	MPS	Semai Meranti Sdn. Bhd. (Mah Sing Group Berhad)	Di atas PT 2802 HS(D) 75285, Mukim Rawang Daerah Gombak	560 (Jenis B)	Nov 2018
20.	MPSJ	Hillcrest Gardens Sdn. Bhd.	GRN 57646 Lot 1333 Di Taman Puchong Utama,Pekan Puchong Perdana, Mukim Petaling, Daerah Petaling.	464 (Jenis B) 464 (Jenis C2) 234 (Jenis D)	2018
JUMLAH				**10,073**	

ii. Projek yang sedang dibina oleh pihak pemaju swasta adalah seperti berikut :-

Bil.	**PBT**	**Pemaju / Pemaju Usahasama**	**Projek**	**Bil. Unit**	**Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina**
1.	MPAJ	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Lot 12010 (PM 46), Lot 1211 (PM 47), Lot 5034 (HSD 20589) Dan Lot 5035 (HSD 20590), Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	42 (Jenis D)	Dis 2016
2.	MPK	Harum Intisari Sdn. Bhd.	Di atas Lot PT 129711, Bandar Botanic, Daerah Klang.	306 (Jenis C)	2018

3.	MPKj	TPPT Sdn. Bhd.	Di atas Lot 43783, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	57 (Jenis D)	Dis 2016
4.	MPSp	Sterling Prima Sdn. Bhd.	Di Blok 19, Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	160 (Jenis C) 800 (Jenis D)	2018
5.	MDKS	Seristana Sdn. Bhd.	HSD 20215 PT 20608 Dan PN 20110 Lot 4491 Di Seri Pristana, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.	175 (Jenis C) 230 (Jenis D)	2018
6.	MPKj	Luxhome Property Sdn. Bhd.	Hakmilik HSM 18911 PT 41867, HSM 18918 PT 41876, HSM 18919 PT 41877, HSM 18922 PT 41880, HSM 18912 PT 41870, HSM 18920 PT 41878, HSM 18921 PT 41879 dan HSM 18923 PT 41881, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	144 (Jenis C)	2018
7.	MPKj	Kueen Lai Properties Sdn. Bhd.	Di Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	90 (Jenis C)	2018
8.	MPSp	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 4851 Lot 786, PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	198 (Jenis C)	Dis 2016
9.	MPKj	Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 236131, Lot 11397, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat.	377 (Jenis C) 251 (Jenis D)	2018
10.	MDKS	Seristana Sdn. Bhd.	HSD 20215 PT 20608 Dan PN 20110 Lot 4491 Di Seri Pristana, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	175 (Jenis C) 230 (Jenis D)	2018
11.	MPSJ	Leo Vista Sdn. Bhd.	Lot HSD 247473 PT 78441 Dan Lot HSD 247472 PT 78440, Daerah Petaling.	408 (Jenis C)	2018

12.	MPSp	Hap Seng Land Development (Puchong) Sdn. Bhd.	Hakmilik PN 98723 Lot 105048 Di Taman D'Alpinia, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	240 (Jenis C1) 232 (Jenis C2)	2018
13.	MDKS	KL - Kepong Country Homes Sdn. Bhd.	Di atas Lot 851, Geran 39815, Mukim Ijok Daerah Kuala Selangor.	304 (Jenis B) 327 (Jenis C) 224 (Jenis D)	2018
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015 & 2016					
14.	MPK	Sime Darby Property (Klang) Sdn. Bhd.	Di atas hakmilik HSD 138520 PT 69097, HSD 15134 PT 72198, Geran 154246 Lot 45390 dan Geran 164622 Lot 46961, Mukim Kapar, Daerah Klang.	903 (Jenis C) 1,500 (Jenis D)	(Fasa 17A) 2018
15.	MPKj	Eco Majestic Sdn. Bhd. (Eco World Development Berhad)	Di atas Lot 35, Lot 1252 Dan Lot 42195, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	870 (Jenis B)	2018
16.	MPKj	Jade Homes Sdn. Bhd. (Gamuda Land Berhad)	Di Atas Lot PT No 71607, 71608 dan 71609, Jade Hills, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	142 (Jenis A) 72 (Jenis B) 72 (Jenis C) 428 (Jenis D)	Nov 2018
17.	MDKL	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd. (IJM Land Berhad)	Di Atas Lot PT 36346 (HSD 33613), Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat.	330 (Jenis A) 660 (Jenis B) 670 (Jenis C) 670 (Jenis D)	2018
18.	MPK	Gabungan Efektif Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik HSD 141418 PT 106978 (A6), HSD 141419 PT 106981 (A7), HSD 141319 PT 106870 (A9), Dan HSD	321 (Jenis C2) 240 (Jenis C2) 160 (Jenis C)	Ogos 2017

			141417 PT 106976 (A10) Di Mukim Klang, Daerah Klang.	320 (Jenis D)	
19.	MPS	Elite Park Sdn. Bhd. (Mah Sing Sdn. Bhd.)	Di Atas Lot 24673 PT 3080, Bandar Kundang, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	488 (Jenis C)	Jun 2018
20.	MPK	Gemilang Waras Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik GRN 155543 Lot 117120 (1J) dan GRN 155544 Lot 117125 (1H) Di Mukim Klang Daerah Klang.	323 (Jenis C2) 372 (Jenis D)	Jun 2018
21.	MBSA	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad)	Hakmilik HS(D) 204089 PT 7716, HS(D) 295909 PT 32437, HS(D) 295910 PT 32438, HS(D) 295911 PT 32439 dan HS(D) 252841 PT 23564, Setia Alam, Seksyen U13 Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	750 (Jenis A) 1,508 (Jenis B) 1,467 (Jenis C1) 723 (Jenis C2)	Nov 2018
22.	MPK	Selaman Sejati Sdn. Bhd. (Selaman Sdn. Bhd.)	Lot 9754 PT 18288 Jalan Rusa, Mukim Klang, Daerah Klang.	4 (Jenis A) 40 (Jenis B) 40 (Jenis C)	2018
23.	MDKL	Seribu Baiduri Sdn. Bhd. (LBS Bina Group Berhad)	Di Atas Lot 32884, 32885 & 62611 (32886), Bandar Saujana Putra, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.	262 (Jenis C1) 1,050 (Jenis C2)	2018
24.	MBSA	Worldwide Holdings Berhad	Hakmilik PM 4845 Lot 37309 dan HS(M) 10274 PT 34425 di Subang Bestari, Seksyen U5 Shah Alam, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	240 (Jenis C) 148 (Jenis D)	2018
JUMLAH				**19,743**	

iii. Projek yang telah disiapkan oleh pihak pemaju swasta adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit
1.	MPKj	Sin Heap Lee Dev. Sdn. Bhd. & Sukma Pesona Sdn. Bhd.	Di Bandar Baru Sg. Long, Daerah Hulu Langat.	136 (Jenis B)
2.	MPKj	TJ Land Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 1024, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	92 (Jenis D)
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015				
3.	MBSA	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd	PT 32411 (Lot Asal PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643), Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	536 (Jenis C)
JUMLAH				**764**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PROJEK PENUKARGANTIAN PAIP AIR

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan kos dan senarai tapak serta butiran-butiran lain tentang projek penukar gantian paip air yang telah dan akan dilaksanakan pada tahun 2016 dan 2017.

b) Adakah kadar NRW di setiap daerah atau PBT pada tahun 2016?

JAWAPAN:

a) Untuk tahun 2016, Air Selangor akan melaksanakan projek penggantian paip air bagi 12 kawasan kritikal yang sering mengalami gangguan bekalan air akibat paip pecah atau bocor. Kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti oleh Air Selangor untuk dilaksanakan program penggantian paip lama pada tahun 2016 adalah seperti berikut :

Bil.	Kawasan	Daerah	Panjang (km)
1	Gombak Setia	Gombak	2.1
2	Taman Sri Gombak	Gombak	3.6
3	Taman Melawati	Gombak	9.6
4	Brickfields	KL	3.9
5	Kg Cheras Baru	KL	3.5
6	Bandar Tun Razak	KL	1.0
7	Jalan Meru	Klang	8.1
8	Persiaran Kayangan	Klang	1.1
9	Kg Tasik Permai	Gombak	10.1
10	Bandar Rinching Seksyen 2	Hulu Langat	4.4
11	Country Heights	Hulu Langat	8.8
12	Bandar Rinching Seksyen 5	Hulu Langat	3.2
JUMLAH			**59.5**

Semua 12 projek penggantian paip lama, seperti yang tersenarai di atas, akan bermula mulai Ogos 2016 secara berperingkat dan dijangka akan dapat disiapkan secara berperingkat menjelang Disember 2017.

Projek penggantian paip lama ini akan memberikan faedah kepada 11.934 akaun yang melibatkan hampir 47,700 pengguna di kawasan-kawasan yang terlibat.

Tertakluk kepada kedudukan kewangan Air Selangor pada masa akan datang, sebelas (11) lagi projek penggantian paip lama telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2017. Senarai projek penggantian paip air lama untuk tahun 2017 adalah seperti berikut :

Bil.	Kawasan	Daerah	Panjang (km)
1	Seksyen 17 Petaling	Petaling	13.3
2	Kg Sungai Kayu Ara	Petaling	3.8
3	Taman Cempaka	Kuala Lumpur	2.8
4	Bangsar	Kuala Lumpur	5.1
5	Kebun Baru	Kuala Langat	6.6
6	Batu 9 Kebun Baru	Kuala Langat	8.0
7	Bukit Changgang	Kuala Langat	12.1
8	Seksyen 5 Bukit Gasing	Petaling	11.1
9	Kg Baru Subang	Petaling	8.3
10	Taman Putra Perdana Puchong	Sepang	10.4
11	Kg Assam Kumbang	Hulu Selangor	3.5
JUMLAH			**85.0**

b) Kadar NRW di setiap daerah pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

DAERAH	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	PURATA
Petaling	36.4%	34.3%	32.3%	31.5%	36.4%	**34.2%**
Klang	29.1%	30.1%	32.5%	30.4%	32.2%	**30.8%**
Gombak	36.4%	34.8%	34.3%	36.9%	35.9%	**35.6%**
Kuala Lumpur	29.1%	27.6%	28.6%	27.1%	24.7%	**27.5%**
Hulu Langat	28.9%	28.1%	29.9%	33.0%	31.4%	**30.3%**
Hulu Selangor	40.0%	36.7%	36.6%	35.3%	36.6%	**37.0%**
Sepang	21.7%	18.9%	18.8%	15.3%	14.1%	**17.7%**
Kuala Langat	37.4%	33.3%	36.7%	37.0%	37.3%	**36.3%**
Kuala Selangor	33.7%	32.9%	34.4%	35.7%	38.2%	**35.0%**
Sabak Bernam	31.7%	26.5%	32.1%	27.4%	26.2%	**28.8%**
Keseluruhan	**32.6%**	**31.2%**	**31.6%**	**31.1%**	**32.2%**	**31.7%**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PEMBANGUNAN PROJEK PJ

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status projek PJ Elevated City memandangkan projek ini perlu disiapkan pada tempoh yang tertentu untuk menempatkan pekerja-pekerja migran di Sungai Way FTZ?

JAWAPAN:

a) Kebenaran Merancang (KM) telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) MBPJ pada pada 7 Disember 2015 manakala Pelan Bangunan pada 8 April 2016. Setakat 30 Jun 2016, kerja-kerja substruktur termasuk ’piling’ dan juga ’basement’ telah pun siap dibina dan kemajuan kerja telah mencapai Paras 2 iaitu 11.5%. Mengikut tempoh yang telah ditetapkan, Blok 1A dijadualkan mendapat CCC pada September 2017 manakala bagi Blok 1B dijangka memperolehi CCC pada Mac 2018.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : PENCEMARAN BAU KILANG PLYWOOD SITE A SEKINCHAN

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan apakah status terkini kilang tersebut?

b) Sila nyatakan apakah bentuk tindakan yang telah diambil terhadap kilang tersebut?

c) Sila huraikan apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang pihak JAS untuk mencegah masalah pencemaran bau tersebut daripada berulang kembali ?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PASIR LAUT

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan permohonan yang pernah diterima untuk menjalankan aktiviti melombong pasir laut di kawasan persisiran pantai 5 batu nautika Selangor.

b) Apakah dasar terkini kerajaan terhadap industri ini?

c) Adakah dasar ini boleh diperbaiki memandangkan memang terdapat permintaan terhadap pasir laut untuk tujuan tambakan tanah dalam pembinaan lebuhraya?

JAWAPAN:

a) Pihak Berkuasa Negeri (PBN) tidak menerima sebarang permohonan untuk menjalankan aktiviti melombong pasir laut di kawasan persisiran pantai 5 batu nautikal Selangor, kerana bidang kuasa PBN adalah sehingga 3 batu nautikal dari tikas air surut sahaja.

b) Kerajaan Negeri membenarkan aktiviti *stockpile* melalui Pekeliling PTGS Bilangan 1 Tahun 2012. Bagi aktiviti stockpile pasir laut terdapat **4 lokasi** yang masih aktif dan pecahan adalah seperti berikut :

Bil.	Daerah	Stockpiles Pasir Laut
1.	Klang	2
2.	Kuala Langat	2
Jumlah Keseluruhan		**4**

c) Lesen Perlombongan Pasir Laut dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi kedudukan 3 batu nautika di luar pesisir pantai negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri membenarkan aktiviti *stockpile* pasir laut merujuk kepada Pekeliling PTGS Bilangan 1 Tahun 2012 memandangkan perlombongan yang telah diluluskan di luar pantai Negeri Selangor dilonggokkan di dalam Negeri Selangor. Kerajaan Negeri akan mengutip royalti bagi pemindahan yang berlaku hasil dari longgokan tersebut termasuklah bagi tujuan penambakan tanah dalam pembinaan lebuhraya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : KUTIPAN SAMPAH OLEH KDEB

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan PBT yang terlibat dengan kutipan sampah oleh KDEB.

b) Sila nyatakan secara perbandingan prestasi kutipan sampah di antara KDEB dengan kontraktor lantikan PBT.

c) Sila kemukakan pelan perancangan kutipan sampah secara holistik bagi Negeri Selangor untuk 5 tahun akan datang.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN DAN PALONG DI SEKINCHAN

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan bilakah kerja-kerja membaiki dan menaiktaraf sistem saliran dan palong akan dilakukan?

b) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi sehingga begitu sukar untuk menaiktaraf palong yang ternyata sudah usang dan rosak?

c) Sila nyatakan apakah bentuk pemantauan yang dilakukan?

JAWAPAN:

a) Kerja-kerja membaiki dan menaiktaraf sistem saliran dan palong di Sekinchan telah diluluskan di dalam RMKe-11 dengan kos sebanyak RM 12,900,000.00 dan dijangka akan dilaksana pada tahun 2018. Ini kerana pada masa kini, IADA Barat Laut sedang membuat kajian keseluruhan bagi sistem palong di Skim Pengairan Tanjung Karang dan dijangka siap pada tahun 2017. Oleh demikian, pelaksanaan kerja-kerja fizikal hanya boleh dilaksanakan selepas kajian berkenaan siap.

b) Kekangan yang dihadapi adalah dari segi peruntukan di mana JPS Negeri Selangor tidak menerima peruntukan untuk menaiktaraf sistem saliran dan palong secara keseluruhan. Buat masa ini, JPS Negeri Selangor hanya membuat kerja-kerja penyelenggaraan bagi membaiki palong yang rosak.

c) Pemantauan akan dilakukan semasa musim offseason penanaman padi iaitu pada bulan Januari dan Februari bagi Musim 1 manakala pada bulan Julai dan Ogos pada Musim 2. Kerja-kerja penyelenggaraan akan dibuat pada musim offseason ini di mana kerja yang dijalankan adalah menebas rumput, membuang kelodak dalam palong dan juga membaiki palong yang jatuh atau rosak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : SEKTOR PERTANIAN

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila kemukakan statistik petani, pekebun sayur dan buah-buahan di daerah Sabak Bernam.

b) Apakah dasar Kerajaan Negeri Selangor terhadap pesawah yang menukar tanaman kepada sayur-sayuran serta buah-buahan?

c) Apakah bentuk bantuan dan subsidi yang disalurkan kepada pekebun sayur dan buah-buahan?

JAWAPAN:

a) Statistik petani, pekebun sayur dan buah-buahan adalah seperti berikut:

i) Padi – 5,817 orang
ii) Herba dan rempah ratus – 18 orang
iii) Sayur-sayuran – 56 orang
iv) Kelapa/kelulut/cendawan – 256 orang
v) Jagung/keladi – 36 orang
vi) Buah-buahan – 76 orang

b) Melalui Rancangan Struktur Negeri 2035, kawasan pengeluaran padi Barat Laut Selangor dizonkan sebagai kawasan strategik pengeluaran makanan utama. Kawasan ini tidak boleh ditukar kegunaannya kepada kegunaan lain termasuk menukar tanaman padi kepada sayur-sayuran atau buah-buahan. Walau bagaimanapun, Jabatan Pertanian akan sentiasa memberikan khidmat nasihat dan pengembangan bagi memastikan tanaman padi dapat dikekalkan.

c) Melalui Jabatan Pertanian, pekebun sayur dan tanaman buah-buahan diberikan bantuan dalam bentuk input pertanian seperti baja, racun, jentera kecil dan peralatan-peralatan yang sesuai yang diberikan kepada petani yang layak dan mempunyai status pemilikan tanah yang sah sama ada secara hak milik, sewaan atau pajakan. Dalam tahun 2016, peruntukan bagi buah-buahan adalah sebanyak RM1.3 juta manakala sayur-sayuran adalah sebanyak RM700,000.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 5

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan perkembangan terkini kerja-kerja menaiktaraf jalan Persekutuan 5 yang merupakan sebahagian daripada jajaran Lebuhraya WCE.

b) Sila nyatakan berapakah peruntukan yang disalurkan?

c) Sila kemukakan kontraktor yang dilantik dan tarikh dijangka siap.

JAWAPAN:

a) Ini adalah Jalan Persekutuan (FR5) dan projek ini diuruskan oleh Pasukan Projek JKR Ibu Pejabat. Terdapat dua (2) projek yang sedang dalam pembinaan di sepanjang jalan tersebut iaitu:-

   i) Menaiktaraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) Sabak Bernam – Hutan Melintang sepanjang 5 km. Kemajuan kerja di tapak sehingga 13 Jun 2016 ialah 28.7% (sebenar) berbanding 48.8% (jadual) dan;

   ii) Menaiktaraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) Tanjong Karang – Sabak Bernam, Selangor sepanjang 45 km. Kemajuan kerja di tapak sehingga 30 Jun 2016 ialah 0.5% (sebenar) berbanding 1.0% (jadual).

b) Menaiktaraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) Sabak Bernam – Hutan Melintang. Kos Projek RM166,000,000.00

   Menaiktaraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) Tanjong Karang – Sabak Bernam, Selangor. Kos Projek RM735,717,776.94

c) Menaiktaraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) Sabak Bernam – Hutan Melintang

Kontraktor	:	Mangkubumi Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	:	27 Julai 2015
Tarikh Siap	:	26 Julai 2017

Menaiktaraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) Tanjong Karang – Sabak Bernam, Selangor.

Kontraktor	:	Mangkubumi Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	:	21 Mac 2016
Tarikh Siap	:	20 Mac 2020

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : PASUKAN TASK FORCE TANAH NEGERI SELANGOR

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini pasukan tersebut dan senaraikan nama pegawai-pegawai yang terlibat?

b) Sila senaraikan isu-isu tanah kritikal yang telah berjaya diselesaikan oleh pasukan tersebut ?

c) Sila nyatakan apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkasakan peranan pasukan tersebut ?

JAWAPAN:

a) Pasukan Task Force Tanah Negeri Selangor atau Unit Taskforce dan Penyelidikan merupakan satu unit yang ditubuhkan secara rasminya pada bulan September 2012 di Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS). Unit ini diketuai oleh Puan Nur Syahirah Md Nizam Pegawai Undang-Undang (L48), dan dibantu oleh 3 orang pegawai teknikal iaitu Encik Kamarul Bahri Bin Baharum, Pegawai Perancang Bandar dan Desa (J44), Puan Jamaliah Binti Zaini Pegawai Penilaian (W44), dan Puan Siti Nuraiesyah Binti Aris Juruukur Bahan (J44) serta 4 orang kakitangan sokongan yang terdiri daripada 3 orang Penolong Pegawai Tanah NT27, iaitu Encik Mohd Faizul Bin Ismail, Encik Mohamad Kahar Bin Md Rasib, Cik Rabiatul Adawiah Binti Mastor dan 1 orang Pembantu Tadbir N17.

   Perkembangan terkini, unit tersebut sedang dalam proses mengenalpasti dan menyediakan inventori serta membuat Kertas Kajian ke atas tanah-tanah rizab Kerajaan Negeri yang berpotensi untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Exco dan STANCO. Tanah-tanah rizab Kerajaan Negeri ini bukan sahaja akan dikaji dari segi topografinya, malahan faktor-faktor teknikal iaitu dari sudut perspektif perundangan, perancang bandar, mengeluarkan penilaian kos bagi kos pembangunan (GDC), mengenalpasti Anggaran Kasar Nilaian Tanah di peringkat awal dan menentukan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) untuk pengiraan premium bagi perancangan pembangunan pada masa akan datang. Kajian tersebut akan dijalankan secara berperingkat dengan teliti mengikut kesesuaian kategori kegunaan tanah dan status perizaban agar tanah-tanah dapat dijadikan sebagai salah satu sumber yang boleh menjana ekonomi dan pendapatan Kerajaan Negeri.

b) Antara isu-isu tanah kritikal yang telah diselesaikan oleh Unit Taskforce dan Penyelidikan, PTGS adalah seperti berikut :-

i. Membantu PTGS dalam menyelesaikan isu projek terbengkalai Alam Perdana, Alam Mutiara, Alam Utama di Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor yang melibatkan 1,454 orang peneroka atau peserta serta menyediakan Laporan Awal status tanah dan cadangan-cadangan penyelesaian yang munasabah untuk makluman Kerajaan Negeri.

ii. Membantu Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Petaling dalam menyempurnakan proses bancian secara bersepadu bagi menyelesaikan masalah pertindihan tanah dan pendudukan di atas tanah Kerajaan Negeri di Kg. Merbau Sempak, Kg. Sungai Plong dan Kg. Paya Jaras Hilir dengan mengesyorkan kaedah penyelesaian secara pemberimilikan tanah.

iii. Membantu Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Hulu Selangor dalam menyelesaikan masalah tanah yang melibatkan peneroka-peneroka di Felda Sg. Buaya dengan pemaju Munar Jaya Development Sdn. Bhd.

iv. Membantu Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Kuala Selangor dalam menyempurnakan proses bancian secara bersepadu bagi menyelesaikan isu tanah di Taman Desa Mawar Kg. Sungai Yu, Tanjung Karang, Mukim Hujung Permatang, Daerah Kuala Selangor seluas 128 ekar yang terbengkalai dan telah diduduki oleh penduduk tanpa kemudahan lengkap dan insfrastruktur yang baik.

v. Membantu Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Hulu Selangor dalam isu pertindihan tanah pertanian di Kg. Tawakal A dan B di Daerah Hulu Selangor yang melibatkan 430 lot dengan keluasan 1,290 ekar bagi tujuan pemberimilikan kepada pengusaha-pengusaha yang asal.

vi. Membantu Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Sabak Bernam bersama Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dalam menyelesaikan isu penerokaan haram di Hutan Simpan Sg. Karang seluas 1,560 hektar yang melibatkan 122 orang berdasarkan bancian yang diselaraskan oleh PTD Sabak Bernam.

c) Bagi memperkasa peranan Pasukan *Task Force* Tanah Negeri Selangor, Kerajaan Negeri merancang perkara-perkara seperti berikut :-

i. Keseluruhan status tanah-tanah Kerajaan Negeri dapat dikaji semula dari segi perspektif perundangan, perancang bandar, mengeluarkan penilaian kos bagi kos pembangunan (GDC), mengenalpasti Anggaran Kasar Nilaian Tanah di peringkat awal dan menentukan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) untuk pengiraan premium bagi perancangan pembangunan perancang kemampuan potensi tanah-tanah Negeri bagi tujuan projek pembangunan dan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri.

ii. Penambahan kakitangan sokongan bagi memastikan peranan pemantauan ke atas tanah-tanah Kerajaan Negeri di Selangor dapat diperkukuhkan agar dapat menyelesaikan isu-isu tanah yang kompleks dan yang tertangguh. Selanjutnya, status jawatan perkhidmatan setiap pegawai profesional dan kakitangan sokongan serta skil pengalaman kerja yang dimiliki oleh mereka di bawah unit ini seharusnya diteliti semula bagi memberi jaminan masa depan yang panjang untuk berkhidmat di bawah Kerajaan Negeri Selangor selaras dengan kemantapan prestasi pencapaian pasukan kerja ini dalam memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : BENTENG PENGHALANG PASIR DI MUARA SG SEKINCHAN

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan bilakah JPS akan memulakan kerja-kerja memanjangkan benteng penghalang pasir yang sedia ada?

b) Berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan?

c) Sila nyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang JPS untuk mengurangkan masalah timbunan pasir di muara Sungai Sekinchan?

JAWAPAN:

a) Kerja-kerja memanjangkan benteng penghalang pasir berkenaan dijangka bermula pada tahun 2017 dan akan disiapkan pada tahun 2018.

b) Jumlah peruntukan yang diluluskan di dalam RMKe-11 bagi kerja-kerja memanjangkan benteng penghalang pasir adalah sebanyak RM1,000,000.00.

c) Bagi perancangan jangka panjang, Kerajaan Negeri telah meluluskan program tersebut dengan kos sebanyak RM 1 juta. Skop kerja bagi program tersebut adalah termasuk kerja-kerja pengorekan muara sungai dan pembinaan groyne bagi tujuan menghalang pasir dari masuk ke muara.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila kemukakan secara terperinci butiran mengenai bantuan pendidikan Negeri Selangor sejak 2009 -2016.

b) Sila perjelaskan kenapa kaedah agihan peruntukan tersebut berbeza dengan sebelum ini?

c) Sila nyatakan bilakah bantuan pendidikan Negeri Selangor dapat dipanjangkan kepada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan?

JAWAPAN:

a) Senarai terperinci mengenai bantuan pendidikan Negeri Selangor sejak 2009 sehingga 2016 adalah seperti berikut:

PERUNTUKAN BANTUAN PENDIDIKAN SJKC 2009-2016			
BIL	**DUN**		**JUMLAH (RM)**
1	**N01**	Sg. Air Tawar	405,000.00
2	**N02**	Sabak	300,000.00
3	**N03**	Sungai Panjang	170,000.00
4	**N04**	Sekinchan	485,000.00
5	**N05**	Hulu Bernam	120,000.00
6	**N06**	Kuala Kubu Bharu	605,000.00
7	**N07**	Batang Kali	340,000.00
8	**N08**	Sg. Burong	304,000.00
9	**N09**	Permatang	190,000.00
10	**N10**	Bukit Melawati	225,000.00
11	**N11**	Ijok	160,000.00
12	**N12**	Jeram	375,000.00
13	**N13**	Kuang	310,000.00
14	**N14**	Rawang	150,000.00
15	**N15**	Taman Templer	210,000.00
16	**N16**	Batu Caves	170,000.00
17	**N17**	Gombak Setia	-

18	**N18**	Hulu Kelang	-
19	**N19**	Bukit Antarabangsa	80,000.00
20	**N20**	Lembah Jaya	200,000.00
21	**N21**	Cempaka	50,000.00
22	**N22**	Teratai	
23	**N23**	Dusun Tua	300,000.00
24	**N24**	Semenyih	370,000.00
25	**N25**	Kajang	240,000.00
26	**N26**	Bangi	290,000.00
27	**N27**	Balakong	310,000.00
28	**N28**	Seri Kembangan	60,000.00
29	**N29**	Seri Serdang	680,000.00
30	**N30**	Kinrara	70,000.00
31	**N31**	Subang Jaya	197,500.00
32	**N32**	Seri Setia	-
33	**N33**	Taman Medan	490,000.00
34	**N34**	Bukit Gasing	-
35	**N35**	Kampung Tunku	60,000.00
36	**N36**	Damansara Utama	371,000.00
37	**N37**	Bukit Lanjan	665,700.00
38	**N38**	Paya Jaras	100,000.00
39	**N39**	Kota Damansara	240,000.00
40	**N40**	Kota Anggerik	200,000.00
41	**N41**	Batu Tiga	160,000.00
42	**N42**	Meru	750,000.00
43	**N43**	Sementa	240,000.00
44	**N44**	Sg. Pinang	-
45	**N45**	Selat Klang	845,000.00
46	**N46**	Pelabuhan klang	370,000.00
47	**N47**	Pandamaran	625,000.00
48	**N48**	Kota Alam Shah	120,000.00
49	**N49**	Seri Andalas	490000.00
50	**N50**	Sri Muda	566,000.00
51	**N51**	Sijangkang	185,000.00
52	**N52**	Teluk Datuk	420,000.00
53	**N53**	Morib	280,000.00
54	**N54**	Tg. Sepat	100,000.00
55	**N55**	Dengkil	465,000.00
56	**N56**	Sungai Pelek	5500,00.00

PERUNTUKAN BANTUAN PENDIDIKAN SJKT 2009-2016

BIL	DUN		JUMLAH (RM)
1	**N01**	Sg. Air Tawar	30,000.00
2	**N02**	Sabak	1,075,00.00
3	**N03**	Sungai Panjang	-
4	**N04**	Sekinchan	910,000.00
5	**N05**	Hulu Bernam	846,380.00
6	**N06**	Kuala Kubu Bharu	654,980.00
7	**N07**	Batang Kali	423,928.00
8	**N08**	Sg. Burong	180,000.00
9	**N09**	Permatang	1,343,360.00
10	**N10**	Bukit Melawati	904,580.00
11	**N11**	Ijok	571,650.00
12	**N12**	Jeram	3,333,90.00
13	**N13**	Kuang	356,714.00
14	**N14**	Rawang	337,584.00
15	**N15**	Taman Templer	-
16	**N16**	Batu Caves	192.580.00
17	**N17**	Gombak Setia	-
18	**N18**	Hulu Kelang	117,889.00
19	**N19**	Bukit Antarabangsa	90,000.00
20	**N20**	Lembah Jaya	-
21	**N21**	Cempaka	-
22	**N22**	Teratai	-
23	**N23**	Dusun Tua	-
24	**N24**	Semenyih	769,423.00
25	**N25**	Kajang	283,000.00
26	**N26**	Bangi	351,250,00
27	**N27**	Balakong	-
28	**N28**	Seri Kembangan	150,000.00
29	**N29**	Seri Serdang	459,800.00
30	**N30**	Kinrara	314,480.00
31	**N31**	Subang Jaya	408,254.00
32	**N32**	Seri Setia	500,000.00
33	**N33**	Taman Medan	222,440.00
34	**N34**	Bukit Gasing	-
35	**N35**	Kampung Tunku	-
36	**N36**	Damansara Utama	175,000.00
37	**N37**	Bukit Lanjan	105,000.00

38	**N38**	Paya Jaras	627,050.00
39	**N39**	Kota Damansara	374,480.00
40	**N40**	Kota Anggerik	265,500,00
41	**N41**	Batu Tiga	628,700.00
42	**N42**	Meru	689,634.00
43	**N43**	Sementa	100,000.00
44	**N44**	Sg. Pinang	266,623.00
45	**N45**	Selat Klang	505,685.00
46	**N46**	Pelabuhan klang	233,100.00
47	**N47**	Pandamaran	-
48	**N48**	Kota Alam Shah	473,894.00
49	**N49**	Seri Andalas	617,200.00
50	**N50**	Sri Muda	475,753.00
51	**N51**	Sijangkang	817,350.00
52	**N52**	Teluk Datuk	542,920.00
53	**N53**	Morib	421,480.00
54	**N54**	Tg. Sepat	655,426.00
55	**N55**	Dengkil	1,087,350.00
56	**N56**	Sungai Pelek	500,000.00

BANTUAN PENDIDIKAN SAR 2009-2016			
BIL	**DUN**		**JUMLAH (RM)**
1	**N01**	Sg. Air Tawar	352,000.00
2	**N02**	Sabak	1,097,272.00
3	**N03**	Sungai Panjang	228,000.00
4	**N04**	Sekinchan	-
5	**N05**	Hulu Bernam	16,200.00
6	**N06**	Kuala Kubu Bharu	40,000.00
7	**N07**	Batang Kali	5,453,000.00
8	**N08**	Sg. Burong	1,945,000.00
9	**N09**	Permatang	60,000.00
10	**N10**	Bukit Melawati	148,000.00
11	**N11**	Ijok	120,000.00
12	**N12**	Jeram	593,000.00
13	**N13**	Kuang	203,000.00
14	**N14**	Rawang	15,000.00
15	**N15**	Taman Templer	202,000.00
16	**N16**	Batu Caves	593,000.00
17	**N17**	Gombak Setia	108,800.00
18	**N18**	Hulu Kelang	1,372,150.00
19	**N19**	Bukit Antarabangsa	40,000.00

20	**N20**	Lembah Jaya	608,000.00
21	**N21**	Cempaka	195,000.00
22	**N22**	Teratai	173,000.00
23	**N23**	Dusun Tua	528,000.00
24	**N24**	Semenyih	185,000.00
25	**N25**	Kajang	639,000.00
26	**N26**	Bangi	1,369,000.00
27	**N27**	Balakong	460,000.00
28	**N28**	Seri Kembangan	15,000.00
29	**N29**	Seri Serdang	1,397,000.00
30	**N30**	Kinrara	293,000.00
31	**N31**	Subang Jaya	497,000.00
32	**N32**	Seri Setia	293,000.00
33	**N33**	Taman Medan	663,000.00
34	**N34**	Bukit Gasing	10,000.00
35	**N35**	Kampung Tunku	30,000.00
36	**N36**	Damansara Utama	15,000.00
37	**N37**	Bukit Lanjan	2,109,000.00
38	**N38**	Paya Jaras	2,294,000.00
39	**N39**	Kota Damansara	527,100.00
40	**N40**	Kota Anggerik	133,100.00
41	**N41**	Batu Tiga	255,000.00
42	**N42**	Meru	1,265,000.00
43	**N43**	Sementa	531,000.00
44	**N44**	Sg. Pinang	254,000.00
45	**N45**	Selat Klang	7,274,000.00
46	**N46**	Pelabuhan klang	515,000.00
47	**N47**	Pandamaran	105,000.00
48	**N48**	Kota Alam Shah	85,000.00
49	**N49**	Seri Andalas	130,000.00
50	**N50**	Sri Muda	1,164,000.00
51	**N51**	Sijangkang	1,305,000.00
52	**N52**	Teluk Datuk	235,000.00
53	**N53**	Morib	25,000.00
54	**N54**	Tg. Sepat	4,550,000.00
55	**N55**	Dengkil	421200.00
56	**N56**	Sungai Pelek	70000.00

b) Pada tahun ini kaedah agihan tidak dapat dilaksanakan ke peringkat daerah-daerah disebabkan oleh faktor kekangan masa yang terhad berbanding pada tahun lepas. Namun begitu, Kerajaan Negeri akan memastikan agihan dilaksanakan dengan tepat dan segera kepada sekolah-sekolah yang berjaya.

c) Bantuan Pendidikan ini akan dipanjangkan kepada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan apabila telah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN).

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : JETI NELAYAN DAN PELANTAR IKAN

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan apakah status terkini proses pewartaan KTN 62 untuk jeti nelayan?

b) Sila senaraikan butiran terperinci jumlah jeti nelayan di seluruh Negeri Selangor?

c) Sila nyatakan apakah status terkini berkaitan cadangan LUAS untuk mengenakan cukai RM600 setahun terhadap jeti nelayan?

JAWAPAN:

a) Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah menerima 86 permohonan daripada pengusaha pelantar ikan di Bagan Sekinchan pada 25 Mei 2016. PDTSB kini dalam proses penyediaan kertas ringkasan bagi tujuan perizaban di bawah Seksyen 62, KTN 1965 untuk kelulusan YAB Dato' Menteri Besar.

b) Berdasarkan inventori jeti yang dijalankan pada tahun 2013, terdapat 1281 buah jeti nelayan yang direkodkan di dalam Negeri Selangor. Pecahan jumlah jeti mengikut daerah adalah seperti di bawah:

NO.	DAERAH	BILANGAN JETI
1.	Sabak Bernam	360
2.	Kuala Selangor	230
3.	Klang	540
4.	Kuala Langat	127
5.	Sepang	24
	JUMLAH	1281

Pada masa ini, LUAS sedang menjalankan semakan semula inventori jeti nelayan dan terdapat perubahan bagi jumlah bilangan jeti tersebut.

c) Kerajaan Negeri memutuskan bahawa cadangan LUAS untuk mengenakan caj RM600 setahun terhadap jeti nelayan tidak dilaksanakan sehingga selesai inventori dijalankan dan cadangan semakan semula caj dikemukakan dengan mengambilkira pandangan para nelayan dan pihak-pihak yang berkepentingan semasa inventori dijalankan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PENGAMBILAN SPLASH OLEH AIR SELANGOR

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perkembangan terkini pengambilan SPLASH oleh Air Selangor?

b) Senaraikan semua tarikh mesyuarat yang telah berjalan dari bulan April hingga Jun 2016 memandangkan kelewatannya akan memberi kesan kepada pengurangan NRW di Selangor.

JAWAPAN:

a) Perjanjian Utama telah menggariskan bahawa Air Selangor diberi tempoh setahun daripada tarikh Perjanjian Utama dimuktamadkan, iaitu sehingga Oktober 2016, untuk menyelesaikan pengambilalihan SPLASH.

Pada ketika ini, rundingan masih sedang dijalankan untuk mencapai persetujuan ke atas kos pengambilalihan dan kaedah menyelesaikan isu-isu yang timbul daripada Perjanjian Konsesi SPLASH.

b) Rundingan semula di antara Air Selangor dan SPLASH bagi memuktamadkan pengambilalihan 100% ekuiti SPLASH adalah menjurus kepada persetujuan ke atas cadangan terma komersil bagi pengambilalihan tersebut. Di antara April hingga Jun 2016, kedua-dua pihak telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali iaitu pada 29 April, 5 Mei, 12 Mei dan 7 Jun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu Air Tidak Berhasil (NRW) adalah suatu isu yang tiada kaitan dengan penyelesaian pengambilalihan SPLASH bagi memuktamadkan penstrukturan semula industri air di Selangor.

NRW adalah berpunca daripada pelbagai faktor, terutamanya kebocoran paip air, meter air yang lama dan yang tidak mengikut spesifikasi telah menyebabkan bacaan penggunaan air yang tidak tepat, serta masalah berkaitan penyambungan bekalan air tidak sah atau kes-kes kecurian air. Pada tahun 2015 sahaja, terdapat 997 kes kecurian air telah dikesan dengan kerugian bernilai RM2.1 juta bagi 6.4 juta m^3 air.

Bagi mengurangkan NRW, Air Selangor telah mengambil tindakan secara holistik seperti berikut.

i. Penggantian Meter Air: Keutamaan pada meter air rosak dan lama yang memberi bacaan tidak tepat serta menentukur (*calibrate*) meter pukal.

ii. Penyambungan Bekalan Air Tidak Sah: Mengimbangi proses memperoleh penyambungan dengan mengenal pasti serta mendenda pihak yang tidak mematuhi prosedur.

iii. Teknologi: Menggunakan teknologi yang paling efektif untuk menyiapkan model sistem dan mengenal pasti kebocoran.

iv. Pengurusan Tekanan Air: Mengurus sistem tekanan air supaya tidak membebankan rangkaian saliran paip air.

Sehingga Disember 2015 secara purata NRW telah dikurangkan secara beransur-ansur kepada 32% atau 1.5 juta m^3 sehari berbanding tahun 2014 sebanyak 33.6% dan tahun 2013 sebanyak 34.5%. Bagi 5 bulan pertama tahun 2016, iaitu dari Jan sehingga Mei 2016, purata NRW adalah pada kadar 31.7% dan akan dijangka terus berkurangan selari dengan inisiatif-inisiatif yang telah dan sedang diambil oleh Air Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : GARIS PANDUAN KHEMAH PASAR PAGI

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan secara *detail* apakah garis panduan yang digunapakai oleh setiap PBT terhadap Penggunaan khemah Pasar pagi?

b) Sila nyatakan adakah pihak Kerajaan Negeri Selangor telah menggubal satu dasar penyelarasan terhadap khemah pasar pagi secara seragam?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PROSES PENGELUARAN FATWA

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Terangkan secara terperinci proses pengeluaran fatwa dari sudut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor serta undang-undang lain berkaitan dengan cara dan kaedah sesuatu fatwa ini dikeluarkan.

b) Adakah sumber rujukan fatwa juga melibatkan fatwa negara lain sebelum sesuatu fatwa dikeluarkan?

c) Apa akan berlaku sekiranya terdapat dua fatwa yang bercanggahan antara satu sama lain?

JAWAPAN:

a) Proses pengeluaran fatwa diperuntukkan dalam Bahagian III, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor yang merangkumi Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Fatwa dan Fatwa yang Berhubung Kepentingan Nasional. Perkara tersebut diperuntukkan di bawah Seksyen 44 hingga 54 enakmen tersebut. Tatacara pembuatan fatwa diperuntukkan di bawah Seksyen 48 (1) hingga (9) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor).

b) Sumber utama rujukan fatwa ialah mengikut susunan berikut :
   i. Al Quran
   ii. Al Sunnah
   iii. Al Ijma'
   iv. Al Qias

   Sesuatu fatwa yang bersifat umum boleh dirujuk kepada fatwa negara lain sebagai perbandingan. Sekiranya menepati keadaan setempat maka keputusan fatwa itu boleh dijadikan perbandingan dan ianya sebagai asas bagi membuat sebarang keputusan.

c) Pengeluaran Fatwa adalah bidang kuasa negeri sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Jadual Kesembilan Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Walaupun terdapat percanggahan antara satu sama lain, tetapi mana-mana fatwa yang telah diwartakan adalah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Selangor untuk mematuhi sebagai ajaran agamanya.

Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua mahkamah di dalam negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PERBELANJAAN HOSPITALITI DAN IKHTISAS DALAM MENANGANI MASALAH DENGGI

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan kesemua perbelanjaan hospitaliti dan ikhtisas oleh Jawatankuasa Tetap Kesihatan bagi menangani masalah denggi serta pengendalian program-program kesedaran dan aktiviti-aktiviti terjah dan gotong-royong sejak tahun 2014.

JAWAPAN:

a) Pada tahun 2014, Jawatankuasa Tetap Kesihatan telah membelanjakan sebanyak RM32,050.00 bagi program menangani wabak Denggi dan jumlah peruntukan ini bertambah pada tahun 2015 kepada RM1,055,590.00. Memandangkan peningkatan kes Denggi meningkat pada tahun 2015 dengan kadar yang membimbangkan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta untuk melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan penularan wabak Denggi. Butir-butir perbelanjaan Denggi sejak tahun 2014 – 2016 adalah seperti di Jadual 1:

BIL	2014		2015		2016	
1.	Program Gempur Aedes MPKJ	17,050	Peruntukan Denggi 12 PBT	360,000	Aktiviti Pencegahan & Kawalan Denggi setiap DUN	560,000
2.	Program Kawalan Denggi MDSB	15,000	Terjah dan Musnah Aedes 2015 Daerah Petaling	40,000	Aktiviti Pencegahan & Kawalan Denggi PBT di Daerah Petaling	210,000
3.	[redacted]		Kajian Makmal Nyamuk TOXO di MPSJ	25,590	Program Taklimat *Blueprint*	48,420
4.			Aktiviti Pencegahan &	630,000	Produk MyMAT di	16,200

	[redacted]	Kawalan Denggi 9 PBT		MDKL	
5.	[redacted]			Aktiviti Pencegahan & kawalan Denggi	665,380
JUMLAH (RM)	**32,050**		**1,055,590**		**1,500,000**

Jadual 1: Perbelanjaan Denggi sejak tahun 2014 – 2016

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : RUMAH SELANGORKU JENIS A

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan lokasi dan jumlah Rumah Selangorku jenis A berharga RM42,000.00 yang telah siap dan belum siap dibina.

b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan permohonan Rumah Selangorku jenis A yang semakin meningkat dapat dipenuhi?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Y.Berhormat, Dasar Rumah Selangorku hanya mula diperkenalkan bermula 01 Januari 2014. Sehubungan dengan itu, masih belum ada pembinaan Rumah Selangorku jenis A yang telah siap dibina. Namun begitu, dalam tempoh peralihan tersebut terdapat 3 projek dengan keseluruhan 1,399 unit Rumah Kos Rendah (sekarang dikenali sebagai Rumah Selangorku) telah dibina dan ditawarkan. Berikut merupakan butiran-butiran projek yang telah disiapkan dan yang belum siap dibina namun telah memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang (KM) :-

i) Projek Rumah Kos Rendah yang telah siap dibina dan ditawarkan.

BIL	PBT	PEMAJU / PEMAJU USAHASAMA	PROJEK	BIL. UNIT
1.	MPSJ	Mitrajaya Homes Sdn. Bhd.	Cadangan Membina 212 unit Pangsapuri Kos Rendah Di Atas Lot PT 78442, Kampung Seri Aman Puchong, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor.	212 (RKR)
2.		Medan Damai Sdn. Bhd.	Cadangan Pembangunan Perumahan (739 unit Rumah Pangsa Kos Rendah) Di Atas Lot PT 75591, Taman Damai Utama, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor.	739 (RKR)

3.	MPSP	Plenitude Permai Sdn. Bhd.	Cadangan Pembangunan Perumahan Di Atas Lot PT 42788, PT 42787 dan Sebahagian Tanah Kerajaan, Taman Putra Prima, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor.	448 (RKR)
JUMLAH				**1,399**

ii. Projek Rumah Selangorku Jenis A belum siap dibina namun telah memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang (KM).

BIL	PBT	PEMAJU / PEMAJU USAHASAMA	PROJEK	BIL. UNIT
1.	MBSA	PPC Glomac Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 49018 & PT 48447 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	243 (Jenis A)
2.	MPAJ	Gapadu Harta Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 62143 PT 3902 – HSD 62303 PT 4062 Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak.	60 (Jenis A)
3.	MPSJ	Sime Darby Putra Height Dev. Sdn. Bhd.	Hakmilik Lot 81255 & 81256 (Jenis A & B), 81275 & 81276 (Jenis C & D) Di Pembangunan Putra Height,Mukim Damansara, Daerah Petaling.	80 (Jenis A)
4.	MPKj	Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 235494 Lot 44433 Dan GRN 235511 Lot 44450 Di Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	24 (Jenis A)
5.	MKDS	Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.	HS(D) 23278 PT 21746 dan HS(D) 23277 PT 21745 Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.	45 (Jenis A)
6.	MPS	Ratus Bayan Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 72504 PN 91970, Taman Raintree, Bandar Selayang, Daerah Gombak.	260 (Jenis A)
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015				

5.	MBSA	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad)	Hakmilik HS(D) 204089 PT 7716, HS(D) 295909 PT 32437, HS(D) 295910 PT 32438, HS(D) 295911 PT 32439 dan HS(D) 252841 PT 23564, Setia Alam, Seksyen U13 Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	750 (Jenis A)
6.	MPK	Selaman Sejati Sdn. Bhd.	Lot 9754 PT 18288 Jalan Rusa, Mukim Klang, Daerah Klang.	4 (Jenis A)
7.	MPKj	Jade Homes Sdn. Bhd. (Gamuda Land Berhad)	Di Atas Lot PT No 71607, 71608 dan 71609, Jade Hills, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	142 (Jenis A)
8.	MDKL	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd.	Di Atas Lot PT 36346 (HSD 33613), Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat.	330 (Jenis A)
9.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 9, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	1,193 (Jenis A)
JUMLAH				**3,131**

b) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha bagi memastikan permohonan Rumah Selangorku yang semakin meningkat dapat memenuhi keperluan Rumah Selangorku Jenis A melalui beberapa pendekatan iaitu ;

(i) Setiap pembangunan yang melebihi 2 ekar ke atas akan dikenakan syarat pembangunan Rumah Selangorku Jenis A di antara 10% hingga 20% dalam kawasan pemajuan. Ini selaras dengan Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bilangan 1 Tahun 2013, Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku).

(ii) Menetapkan syarat dengan membina terlebih dahulu Rumah Selangorku Jenis A atau berserentak dengan pembangunan yang lain-lain

(iii) Penawaran nama Rumah Selangorku hendaklah diperolehi 100% daripada Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah

Selangor (LPHS) bagi memastikan nama ditawarkan adalah golongan sasaran yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

(iv) Penetapan penawaran nama pemohon juga dipinda dengan menaikkan syarat jumlah pendapatan isi rumah bagi Jenis A daripada RM 2,500-00 sebulan kepada tidak melebihi RM 3,000.00 sebulan bagi membolehkan ramai golongan ini yang berkelayakan ditawarkan Rumah Selangorku.

(v) Bagi kes golongan yang tidak layak mendapatkan pinjaman bank, Kerajaan Negeri telah menyediakan Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel) yang berkonsepkan sewa dan milik bagi membantu golongan ini membeli Rumah Selangorku Jenis A. Kerajaan Negeri melalui anak syarikat LPHS iaitu syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) akan menguruskan skim ini melalui kaedah pembiayaan yang merupakan satu bentuk penyewaan jangka panjang bagi membolehkan pemohon bertukar status daripada penyewa kepada pemilik rumah dalam tempoh yang telah dipersetujui dengan mematuhi semua terma-terma Perjanjian Penyewaan dan Pemilikan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : SKIM KESIHATAN WANITA MAMMOSEL

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah peserta Skim Kesihatan Wanita Mammosel pada tahun 2016.

b) Apakah penambahbaikan yang dilakukan pada tahun 2016?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri komited dan mengambil berat perihal kesihatan rakyat di Negeri Selangor. Golongan wanita merupakan penyumbang besar di atas kesejahteraan negeri. Justeru itu, Program Skim Kesihatan Wanita (SKW) yang telah dilancarkan semenjak tahun 2010 masih giat dilaksanakan sehingga kini.

Sebagai makluman semua, bagi tahun 2016 hingga bulan 30 Jun 2016 terdapat seramai 1113 orang peserta yang telah menerima manfaat dari program SKW dengan perbelanjaan sebanyak RM174,539.60. Berikut merupakan bilangan peserta mengikut tahun :

Jumlah Bilangan Penerima Manfaat Program MammoSel
Dari tahun 2010 sehingga Jun 2016

Tahun	**Peserta (orang)**
2010	2,688
2011	11,317
2012	3,638
2013	902
2014	495
2015	2,095
2016 (setakat Jun 2016)	1,113
Jumlah (orang)	**22,248**

b) Saban tahun, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam menambahbaik pelaksanaan dan mengaktifkan kembali program mammogram ini. Penambahbaikan yang telah dibuat adalah :-

i) **Peluasan Pembekal Perkhidmatan**

Peluasan pembekal perkhidmatan merupakan salah satu penambahbaikan yang dilakukan. Melalui peluasan pembekal perkhidmatan pemeriksaan mammogram ini, ia tidak lagi tertakluk dan terhad kepada satu *service provider* sahaja. Malah kini, peserta mammogram boleh mendapatkan kemudahan perkhidmatan ini di tujuh (7) panel hospital swasta iaitu di Majlis Kanser Negara (MAKNA), National Cancer Society Malaysia (NCSM), Columbia Asia, BP Health Care, KPJ, Salam Medical Centre dan di DEMC. Dengan peluasan rakan kerjasama mammogram ini, maka peluang bagi mendapatkan perkhidmatan ini lebih terbuka dan lebih banyak untuk dinikmati oleh golongan wanita di Selangor.

Untuk makluman semua, Majlis Penyerahan Surat Rakan Kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Para Pembekal Perkhidmatan MammoSel telah diadakan pada 28 Februari 2016 di DUN Taman Medan bertempat di Padang Flat Desa Mentari 3, Jalan PJS 2D/1, PJS 2, Petaling Jaya. Bersekali dengan Program Mammogram Selangor (MammoSel) 2016.

ii) Program Jelajah MammoSel 2016

Selain daripada itu, bagi tahun 2016, satu siri jelajah sihat bersama pihak MAKNA menggunakan trak bergerak mammogram akan dilaksanakan di daerah-daerah yang terpilih. Pelaksanaan jelajah sihat kali pertama telah berjaya diadakan melalui Program Mammogram Selangor 2016 pada 28 Februari 2016 yang lalu di DUN Taman Medan dan pada 28 Mei 2016 pula telah diadakan di Daerah Sabak Bernam bertempat di Padang Tonggak 10, Sungai Besar. Cadangan lokasi jelajah sihat mammogram akan datang adalah di Daerah Hulu Selangor pada September 2016 nanti.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : TABUNG PEMBERDAYAAN WANITA

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini tabung pemberdayaan wanita?

b) Senaraikan program yang dilaksanakan melalui tabung ini mengikut DUN.

JAWAPAN:

a) dan b)

Sebagai makluman, tiada sebarang Tabung Pemberdayaan Wanita disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor menyediakan peruntukan pembangunan secara tahunan berjumlah RM3,000,000.00 di bawah vot P01-06001 Program Pemberdayaan Wanita dan Keluarga bagi melaksanakan program-program yang memberi manfaat dan penglibatan semua lapisan golongan wanita melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Selangor. Berikut adalah senarai program-program yang dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan yang diberi :-

i. Program-program Pusat Wanita Berdaya;
ii. Program Pembangunan Wanita;
iii. Program-program Pemberdayaan Ekonomi Wanita;
iv. Program-program Kempen Kesedaran dan Advokasi;
v. Program-program Usahasama; dan
vi. Program-program Sambutan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : BANTUAN SMART SELANGOR FOOD STAMP

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan kriteria yang melayakkan sebagai penerima bantuan tersebut.

b) Berapakah nilai bantuan yang diberikan kepada seorang penerima?

JAWAPAN:

a) dan b)

Buat masa kini, Kerajaan Negeri telah mensasarkan kepada 100 buah keluarga yang termiskin dari setiap DUN untuk menerima bantuan makanan asas. Sekiranya ahli-ahli Yang Berhormat bercadang untuk membuat penambahan bilangan penerima bantuan program ini, ahli-ahli Yang Berhormat boleh menggunakan peruntukan sendiri dan barangan tambahan tersebut akan disediakan oleh pihak HIJRAH Selangor sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat MMKN Ke 20/2016. Walau bagaimanapun, sekiranya ada di antara DUN yang tidak dapat memenuhi kuota bilangan penerima yang telah ditetapkan, maka DUN berkenaan perlu memaklumkan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor supaya kuota berkenaan dapat dimaksimakan dan disalurkan kepada kawasan DUN yang lebih memerlukan.

Secara tidak langsung, Kerajaan Negeri dapat membantu keluarga miskin dari seluruh Negeri Selangor yang lebih memerlukan bantuan makanan asas serta membantu meringankan kos sara hidup yang kian meningkat. Pelaksanaan program ini juga sedikit sebanyak membantu rakyat Selangor dari kalangan keluarga yang miskin kerana program ini merupakan penjimatan dan jaminan kepada mereka dengan menerima bantuan makanan asas secara bulanan di samping menggunakan gaji yang diterima bagi bulan tersebut untuk memenuhi keperluan lain keluarga berkenaan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 20/2016 yang bersidang pada 15 Jun 2016 yang lalu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan Program '*Smart Selangor Food Stamp'*. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama

HIJRAH Selangor. Penerima bagi program '*Smart Selangor Food Stamp'* ini adalah terdiri daripada 100 buah keluarga yang termiskin dari setiap 56 DUN di Selangor di mana Kerajaan Negeri telah mendapatkan senarai nama-nama peserta program ini daripada pihak Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) dan penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat (PKM). Ini menjadikan jumlah penerima bagi program pemberian makanan asas ini adalah seramai 5,600 keluarga dan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2,116,800.00.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat juga, Program Bantuan Makanan Asas '*Smart Selangor Food Stamp'* ini adalah berbeza dengan Program Jom Shopping kerana program '*Smart Selangor Food Stamp'* merupakan bantuan makanan asas yang diberikan kepada keluarga yang termiskin pada setiap bulan. Makanan asas ini adalah berupa keperluan asas yang digunakan dalam kehidupan harian penduduk di Malaysia. Manakala program Jom Shopping pula merupakan bantuan yang diberikan sempena perayaan kepada keluarga yang telah dikenalpasti. Melalui program ini, penerima diberikan kebebasan untuk memilih barang-barang yang diperlukan sebagai persediaan menyambut perayaan masing-masing.

Kriteria Penerima Bantuan Makanan Asas *'Smart Selangor Food Stamp'*
Kerajaan Negeri telah menetapkan empat (4) kriteria penerima bantuan program ini adalah seperti berikut:-

1. Lahir di Selangor **atau** telah bermastautin di Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun (perlu pengesahan ADUN / Penghulu / Pengerusi JKKK / Pengerusi Taman);
2. Terbuka kepada semua kaum;
3. Berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan; dan
4. Pengundi di DUN tersebut.

Pengendali Program *'Smart Selangor Food Stamp'*
Tiada pembekal yang dilantik oleh Kerajaan Negeri memandangkan program bantuan makanan asas ini akan dilaksanakan dengan kerjasama HIJRAH Selangor. Sebagai pengendali program, pihak Hijrah adalah bertanggungjawab dalam menguruskan pembekalan dan penghantaran makan asas yang telah diputuskan di dalam MMKN.

Pihak HIJRAH juga akan memastikan barangan yang dibekalkan adalah pada harga jualan terkawal, mutu dan kualiti yang sama dengan pasaran semasa serta membuat penghantaran ke PKM masing-masing sekurang-kurangnya sehari sebelum 'Hari *Food Stamp'* yang telah ditetapkan iaitu pada hari Jumaat minggu

ketiga pada setiap bulan. Penetapan hari berkenaan adalah untuk memudahkan pengagihan bantuan barang makanan asas dilaksanakan kepada penerima bantuan di samping memudahkan ahli keluarga mengambil barangan makanan asas di lokasi yang telah ditetapkan oleh pihak PKM.

Nilai Bantuan Dan Jenis Makanan Asas Program '*Smart Selangor Food Stamp'*
Kerajaan Negeri juga telah menetapkan sebanyak RM50.00 bagi setiap kos barangan makanan asas yang dibekalkan kepada setiap keluarga penerima bantuan program ini. Dengan nilai tersebut, setiap penerima bantuan akan menerima enam (6) jenis barangan makanan asas pada setiap bulan bermula Jun hingga Disember 2016 dan akan diteruskan ke tahun-tahun hadapan.

Jenis dan perbandingan kos seunit bagi barangan makanan asas adalah seperti berikut :-

Bil	Jenis barangan	Kuantiti	Harga Hijrah Selangor	Harga Pembekal Lain
1.	Beras 5% 10 kilogram	1 unit	RM26.50	RM28.90
2.	Minyak Masak 2 kg	1 unit	RM8.00	RM8.70
3.	Gula Pasir 1 kilogram	1 unit	RM2.40	RM2.40
4.	Tepung Gandum 1 kg	2 unit	RM5.68	RM5.68
5.	Bihun 450 gram	1 unit	RM3.95	RM4.20
6.	Susu Pekat Manis 500g	2 unit	RM3.50	RM4.10
	JUMLAH		RM50.03	RM53.98

Nilai barangan yang dibekalkan kepada penerima bantuan tidak ditolak dengan kos pengurusan yang dikendalikan oleh pihak HIJRAH Selangor. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri sedar bahawa rakyat di Selangor berhak menerima nilai bantuan yang telah ditetapkan tanpa sebarang kos tersembunyi bagi mengelakkan perkara yang di luar jangkaan berlaku pada masa akan datang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : SKIM TAWAS

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah peruntukan Skim Tawas kepada rakyat Selangor.

b) Nyatakan jumlah penerima skim tersebut mengikut DUN.

JAWAPAN:

a) Jumlah peruntukan Skim TAWAS kepada rakyat Selangor sehingga 18hb Julai 2016 ialah RM23,630,400.00 merujuk kepada jumlah pendaftaran ahli TAWAS yang lulus iaitu seramai 236,304 orang.

b) Jumlah penerima Skim TAWAS mengikut DUN sehingga 18hb Julai 2016 seperti berikut :

JUMLAH PENERIMA SKIM TAWAS MENGIKUT DUN

Bil.	Nama DUN	Jumlah
1	BALAKONG	2,890
2	BANGI	7,120
3	BATANG KALI	4,797
4	BATU CAVES	10,655
5	BATU TIGA	6,801
6	BUKIT ANTARABANGSA	613
7	BUKIT GASING	475
8	BUKIT LANJAN	1,136
9	BUKIT MELAWATI	2,319
10	CHEMPAKA	1,068

11	DAMANSARA UTAMA	2,108
12	DENGKIL	4,480
13	DUSUN TUA	3,941
14	GOMBAK SETIA	2,234
15	HULU BERNAM	892
16	HULU KELANG	1,188
17	IJOK	3,356
18	JERAM	4,225
19	KAJANG	15,244
20	KAMPUNG TUNKU	917
21	KINRARA	4,394
22	KOTA ALAM SHAH	4,022
23	KOTA ANGGERIK	9,935
24	KOTA DAMANSARA	3,921
25	KUALA KUBU BAHARU	2,370
26	KUANG	2,299
27	LAIN-LAIN	179
28	LEMBAH JAYA	4,346
29	MERU	9,305
30	MORIB	5,161
31	PANDAMARAN	7,823
32	PAYA JARAS	5,545
33	PELABUHAN KLANG	7,259
34	PERMATANG	2,273

35	RAWANG	8,391
36	SABAK BERNAM	2,025
37	SEKINCHAN	1,933
38	SELAT KLANG	5,295
39	SEMENTA	5,762
40	SEMENYIH	6,592
41	SERI ANDALAS	7,066
42	SERI KEMBANGAN	3,589
43	SERI MUDA	8,780
44	SERI SERDANG	3,981
45	SERI SETIA	1,324
46	SIJANGKANG	5,688
47	SUBANG JAYA	2,529
48	SUNGAI AIR TAWAR	1,169
49	SUNGAI BURONG	2,565
50	SUNGAI PANJANG	3,006
51	SUNGAI PELEK	1,998
52	SUNGAI PINANG	3,361
53	TAMAN MEDAN	4,122
54	TAMAN TEMPLER	2,226
55	TANJUNG SEPAT	1,778
56	TELUK DATUK	5,049
57	TERATAI	1,129
58	WPKL - BANDAR TUN RAZAK	233

59	WPKL - BATU	95
60	WPKL - BUKIT BINTANG	20
61	WPKL - CHERAS	326
62	WPKL - KEPONG	313
63	WPKL - LEMBAH PANTAI	144
64	WPKL - SEGAMBUT	101
65	WPKL - SEPUTEH	170
66	WPKL - SETIAWANGSA	57
67	WPKL - TITIWANGSA	48
68	WPKL - WANGSA MAJU	148
	Jumlah	**236,304**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : KHIDMAT GUAMAN KERAJAAN NEGERI

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan pemilik, alamat dan nama syarikat guaman yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

b) Berapakah perbelanjaan untuk membiayai khidmat guaman pada tahun 2013-2015?

JAWAPAN:

a) Setakat yang berada dalam rekod, sebanyak 14 syarikat guaman yang pernah dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi mengendalikan kes-kes saman terhadap Kerajaan Negeri. Senarai tersebut adalah seperti di Lampiran A.

Walau bagaimanapun, maklumat terkini mengenai nama pemilik dan alamat perniagaan terkini bolehlah dimohon kepada **Badan Peguam Malaysia (*Bar Council Malaysia*)**.

b) Perbelanjaan yang terlibat untuk membiayai khidmat guaman pada tahun 2013-2015 adalah seperti berikut:

i. Kos bayaran khidmat guaman yang dibayar pada tahun 2013 adalah berjumlah RM431,347.08 (Rujuk Lampiran 1)
ii. Kos bayaran khidmat guaman yang dibayar pada tahun 2014 adalah berjumlah RM2,236,816.03 (Rujuk Lampiran 2)
iii. Kos bayaran khidmat guaman yang dibayar pada tahun 2015 adalah berjumlah RM2,688,242.38 (Rujuk Lampiran 3)

LAMPIRAN A

SENARAI NAMA PEMILIK, ALAMAT DAN NAMA SYARIKAT GUAMAN YANG DILANTIK OLEH KERAJAAN NEGERI

BIL.	NAMA SYARIKAT
1.	**Tetuan Fahda Nur & Yusmadi** Peguambela & Peguamcara, Unit 5-05-03A, VSQ @ PJ City Centre, Jalan Utara, Bandar Petaling Jaya, 46200 Petaling Jaya.
2.	**Tetuan Tommy Thomas** Peguambela dan Peguamcara, No.101, Jalan Ara, Bangsar, 49100 Kuala Lumpur.
3.	**Tetuan Malik Imtiaz Sarwar** Peguambela & Peguamcara, E3 Taman Tunku APTS, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur.
4.	**Tetuan Shook Lin & Bok** Peguambela & Peguamcara Tingkat 20, Ambank Group Building, 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.
5.	**Tetuan Salim Bashir Ruswiza & Co.** Peguambela & Peguamcara, No. 54 A, Tingkat Satu, Blok 4, Worldwide Business Park, Seksyen 13, Jalan Wushu 13/47, 40675 Shah Alam.
6.	**Tetuan Edwin Lim Suren & Soh** Peguambela & Peguamcara Suite 12-10, 12th Floor, Wisma UOA II, No. 21, Jalan Pinang 50450 Kuala Lumpur.
7.	**Tetuan Daim & Gamany** Peguambela & Peguamcara B-S15-1, 5th Floor, Blok B, Megan Avenue II, 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

LAMPIRAN A

SENARAI NAMA PEMILIK, ALAMAT DAN NAMA SYARIKAT GUAMAN YANG DILANTIK OLEH KERAJAAN NEGERI

BIL.	NAMA SYARIKAT
8.	**Tetuan Yusof Rahmat & Co.** Peguambela & Peguamcara, No. 136/4 Tingkat 3, Kompleks Munshi Abdullah, Jalan Munshi Abdullah, 75100 Melaka.
9.	**Tetuan Chooi & Co.** Peguambela dan Peguamcara, Level 23, Menara Dion, 27, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
10.	**Tetuan Fernandez & Selvarajah** Peguambela & Peguamcara No.12B, 2nd & 3rd Floors, Jalan Yong Shook Lin, 46200 Petaling Jaya.
11.	**Tetuan Cheong Kee Fong & Co.** Peguambela & Peguamcara No. 33, 6th Floor, Jalan Yap Ah Shak, Wisma Warisan, 50300 Kuala Lumpur.
12.	**Tetuan Bon Advocates** Peguambela & Peguamcara, A-3A-08, Pantai Business Park, Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur.
13.	**Tetuan Chan & Associates** Peguambela & Peguamcara Suite 1.08, Tingkat 1, Straits Trading Building, No. 2, Lebuh Pasar Besar, 50050 Kuala Lumpur.
14.	**Tetuan William Leong & Co.** Peguambela & Peguamcara Phileo Damansara I, 812, Jalan 16/11, 46350 Petaling Jaya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : PENGANGGURAN DI SELANGOR

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan statistik terkini jumlah pengangguran di Selangor.

b) Nyatakan faktor-faktor mengapa Kerajaan Negeri masih gagal mengurangkan jumlah pengangguran di Selangor?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : SETINGGAN

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan setinggan di kawasan daerah Petaling.

b) Apakah cara penyelesaian terhadap masalah setinggan tersebut?

c) Sejauh manakah Kerajaan Negeri akan membantu penghuni setinggan menerusi Rumah Selangorku?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, senarai setinggan di kawasan daerah Pataling adalah seperti berikut:-

BIL	KAWASAN PENEMPATAN	PBT	JUMLAH KELUARGA
1	Kg Lanchung Jaya Sek 28	MBSA	25
2	U 11		1
3	Kg. Bukit Lanchong	MPSJ	141
JUMLAH			167

b) Antara cara penyelesaian terhadap masalah setinggan (Peneroka Bandar), Kerajaan Negeri perlu menjalankan kajian yang teliti dan terperinci terlebih dahulu sama ada melalui pemberimilikan tanah atau penempatan semula di tapak baru atau mana-mana yang difikirkan sesuai dilaksanakan dengan mengambilkira kepentingan peneroka terlibat. Kerajaan Negeri pada masa ini melalui cara yang lebih berhemah dan mengambilkira pandangan semua pihak terlibat termasuk Peneroka Bandar sebelum penyelesaian secara menyeluruh dikenal pasti dan dilaksanakan.

c) Program penawaran Rumah Selangorku juga ditawarkan kepada penghuni Peneroka Bandar yang layak memohon untuk memiliki Rumah Selangorku. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tiada halangan untuk membantu mereka-mereka yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah peserta program MES di Selangor pada tahun 2013-2015 mengikut DUN.

b) Senaraikan semua program-program yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN:

a) Program MES telah terbukti berjaya menarik perhatian dan penerimaan ramai rakyat Selangor sejak dilancarkan pada tahun 2008. Tahun demi tahun, peratusan penerima bantuan meningkat selaras dengan perkembangan setiap program yang diperkenalkan bagi membantu golongan yang kurang mampu di Negeri Selangor. Dari tahun 2013 sehingga tahun 2015 seramai 251,042 rakyat Selangor telah menerima bantuan melalui skim ini.

Ringkasan jumlah peserta skim MES di Selangor pada tahun 2013 hingga 2015 mengikut DUN adalah seperti di Lampiran A. Namun begitu, terdapat beberapa program yang tidak mempunyai pecahan data mengikut DUN. Program tersebut adalah Pusat Dialisis Rakyat, Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang, Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC), Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M2), Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral, kemudahan Cuti Bersalin 90 Hari, Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari dan Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari.

LAMPIRAN A

SKIM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

STATISTIK JUMLAH PESERTA SKIM MES DI SELANGOR PADA TAHUN 2013 HINGGA 2015 MENGIKUT DUN

Bil	Nama DUN	TAWAS	SMUE	MammoSel	Si Kembar	TUNAS	Jom Shopping	Insentif Perkahwinan Belia	HIJRAH	HPIPT	Pusat Tuisyen Rakyat
1	Balakong	1538	683	69	5	291	1150	234	220	251	135
2	Bangi	3690	389	61	23	382	767	541	265	356	158
3	Batang Kali	2541	318	99	295	772	319	99	1064	490	140
4	Batu Caves	6784	525	77	9	77	832	190	249	430	305
5	Batu Tiga	3130	385	98	47	392	781	241	466	565	289
6	Bukit Antarabangsa	330	176	0	0	0	639	28	41	177	229
7	Bukit Gasing	273	355	33	0	0	268	30	76	57	45
8	Bukit Lanjan	528	286	40	26	375	290	49	208	93	141
9	Bukit Melawati	1180	287	0	78	188	532	162	351	329	200
10	Chempaka	651	415	0	0	27	705	110	305	195	183
11	Damansara Utama	1088	578	31	10	0	0	117	234	84	74
12	Dengkil	1897	422	80	73	600	210	312	842	352	267
13	Dusun Tua	2367	493	0	9	231	257	224	203	357	238
14	Gombak Setia	1005	557	41	28	32	883	171	224	318	265
15	Hulu Bernam	348	491	57	0	30	308	112	258	182	240
16	Hulu Kelang	637	476	0	0	19	593	98	140	202	104
17	Ijok	1448	406	167	11	152	999	165	293	256	270
18	Jeram	2122	413	58	72	698	433	176	614	481	200

Bil	Nama DUN	TAWAS	SMUE	MammoSel	Si Kembar	TUNAS	Jom Shopping	Insentif Perkahwinan Belia	HIJRAH	HPIPT	Pusat Tuisyen Rakyat
19	Kajang	7926	635	57	0	138	944	296	398	564	114
20	Kampung Tunku	302	404	0	0	0	978	26	49	58	195
21	Kinrara	2110	689	0	2	339	854	173	165	274	97
22	Kota Alam Shah	1365	250	27	33	37	330	107	241	275	60
23	Kota Anggerik	4805	293	0	77	86	614	60	551	700	366
24	Kota Damansara	2088	265	33	70	264	265	96	1162	276	322
25	Kuala Kubu Baharu	1045	570	72	0	3	1024	255	162	205	56
26	Kuang	1304	327	148	0	147	594	84	247	170	282
27	Lain-Lain	114	0	0	0	0	0	6709	0	296	0
28	Lembah Jaya	2333	714	0	19	184	1538	298	441	377	255
29	Meru	4544	557	234	42	1,233	992	643	365	704	345
30	Morib	2661	387	0	41	485	842	649	574	396	428
31	Pandamaran	3614	882	34	3	148	743	545	130	528	143
32	Paya Jaras	3106	493	35	18	665	478	174	669	297	226
33	Pelabuhan Klang	3018	187	0	12	405	469	131	417	681	172
34	Permatang	970	355	65	0	268	533	276	465	224	200
35	Rawang	4169	574	48	0	302	276	241	396	521	293
36	Sabak	904	473	0	83	378	0	250	717	370	320
37	Sekinchan	830	323	117	1	368	582	212	652	351	211
38	Selat Klang	2317	639	37	0	1,008	1299	401	269	511	343
39	Sementa	2935	526	0	216	726	505	393	494	602	275
40	Semenyih	3463	584	36	59	284	573	201	329	332	196
41	Seri Andalas	3294	38	156	15	464	899	446	501	552	124
42	Seri Kembangan	1702	547	0	14	0	0	95	234	174	77
43	Seri Muda	4742	505	13	2	862	814	191	685	458	300

Bil	Nama DUN	TAWAS	SMUE	MammoSel	Si Kembar	TUNAS	Jom Shopping	Insentif Perkahwinan Belia	HIJRAH	HPIPT	Pusat Tuisyen Rakyat
44	Seri Serdang	2083	495	0	6	481	863	134	498	333	261
45	Seri Setia	751	347	31	0	260	291	97	371	231	196
46	Sijangkang	2022	408	59	57	556	695	279	664	472	226
47	Subang Jaya	1317	516	17	7	0	648	325	200	169	163
48	Sungai Air Tawar	402	397	73	24	187	560	149	629	236	295
49	Sungai Burong	1244	472	109	106	657	832	330	745	354	300
50	Sungai Panjang	1277	613	107	60	1158	429	563	1118	425	320
51	Sungai Pelek	855	373	58	1	463	1100	149	423	226	219
52	Sungai Pinang	1742	713	267	4	373	2219	254	295	238	243
53	Taman Medan	2175	569	129	0	497	682	217	490	516	200
54	Taman Templer	786	709	182	0	232	814	162	390	245	186
55	Tanjung Sepat	650	385	185	0	465	280	152	261	350	116
56	Teluk Datuk	2071	456	63	106	675	278	342	448	634	120
57	Teratai	549	681	73	3	7	382	56	240	988	101
58	Kuala Lumpur	579	1610	0	0	0	1135	234	0	0	0
JUMLAH		**115,721**	**27,616**	**3,376**	**1,767**	**19,071**	**37,320**	**12,511**	**23,465**	**20,488**	**11829**

b) Setakat Julai 2016, senarai terkini program di bawah Skim MES yang masih dijalankan adalah seperti berikut:

(1) Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
(2) Skim Mesra Usia Emas (SMUE)
(3) Program Hijrah Selangor;
(4) Hadiah Anak Masuk Universiti;
(5) Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang;
(6) Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M2);
(7) Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL);
(8) Insentif Perkahwinan Belia;
(9) Pusat Tuisyen Rakyat;
(10) Pusat Dialisis Rakyat;
(11) Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR);
(12) Skim Bantuan Tadika (TUNAS);
(13) Cuti Bersalin 90 Hari;
(14) Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari;
(15) Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari;
(16) Jom Shopping (Warga Emas + Ibu Tunggal);
(17) Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC); dan
(18) Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral.

Bermula Mac 2015, Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel), Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) dan Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA) telah ditambahbaik dan digabungkan di bawah Program Hijrah Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : KOTA KESENIAN DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan lokasi dan status terkini Kota Kesenian dan Warisan Negeri Selangor.

b) Apakah program yang disediakan untuk mempromosikan tempat berkenaan?

JAWAPAN:

a) PADAT telah berjaya mengumpulkan jawapan daripada agensi bertanggungjawab dan berikut adalah jawapan yang diberikan. Lokasi Kota Seni terletak di Bandaraya Petaling Jaya dan Bandaraya Shah Alam. Pemilihan Shah Alam dan Petaling Jaya adalah berdasarkan latarbelakang dan landskap sosial serta perkembangan aktiviti kebudayaan dan kesenian sedia ada di kedua bandaraya ini.

Lokasi Kota Seni di Bandaraya Petaling Jaya adalah dalam kawasan Seksyen 52 yang merangkumi:

- Dataran Bouleverd.
- Jalan Tengah (sekitar Menara MBPJ).
- Jalan Yong Shook Lin (penganjuran acara besar)
- Taman Rusa.
- Auditorium Dewan Sivik.
- Muzium MBPJ.

Lokasi Kota Seni di Bandaraya Shah Alam adalah seperti berikut:

- Laman Budaya
- Laman Seni 2
- Laman Seni 7
- Muzium Sultan Alam Shah
- Rumah Bugis
- Dataran Kemerdekaan Shah Alam
- SACC Mall (program buskers dan arca seni)
- Galeri Shah Alam
- Galeri TAPAK (Seksyen 7)
- Teater Shah Alam

Status terkini Kota Seni ialah MBSA dan MBPJ telah menubuhkan jawatankuasa khas Kota Seni Jawatankuasa Kota Seni Shah Alam dan Sekretariat Kota Seni Petaling Jaya) dan kedua-dua jawatankuasa sedang dalam fasa mempelbagaikan program, dan aktiviti kebudayaan dan kesenian serta membangunkan "Pembangunan Fizikal" di kedua-dua Kota Seni iaitu Shah Alam dan Petaling Jaya.

Pembangunan fizikal di Seksyen 52 merangkumi:

- Pintu Gerbang Kota Seni.
- Lukisan Mural di dinding bangunan

Perancangan pembangunan MBSA untuk tahun (2016-2020)

- MBSA akan membaikpulih kemudahan dan prasarana seperti baik pulih Laman Budaya dan Laman Seni.

- MBSA juga akan menyediakan garis panduan hiburan Shah Alam.

- Mewujudkan Buskers Corner untuk anak muda di Kompleks SACC Mall iaitu program bersama PKNS Prep Events

- Memperkasa seni taman (arts & parks)

- Mencirikan seni reka (architecture) dalam binaan bangunan

- Menubuhkan "Kreatif Hub Shah Alam"

- Laman Budaya sebagai "pentas seni" untuk semua

- Merangka program lokaliti/nasional dan pengantarabangsaan

- Memperkasa penglibatan masyarakat – "*strong community involvement*"

b) PADAT telah berjaya mengumpulkan jawapan daripada agensi bertanggungjawab dan berikut adalah jawapan yang diberikan. Sekretariat Kota Seni Petaling Jaya dan Jawatankuasa Kota Seni Shah Alam telah mengambil pendekatan dengan mengadakan program dan aktiviti kebudayaan dan kesenian bagi mempromosikan lokasi Kota Seni.

Senarai Program dan Aktiviti Kota Seni Petaling Jaya bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut:

- Idola Kota Seni 2015 di Pentas Mini Petaling Jaya
- Santai Budaya 2015 di Pentas Mini Petaling Jaya
- Fest Band 2015 di Arena PJ dan Pentas Mini Petaling Jaya
- PJ Street Arts Fest 2015 di Dataran Boulevard Seksyen 52
- Bengkel Akar Tari 2016 di Singgah Santai Resort
- Festari PJ 2016 di Auditorium Dewan Sivik MBPJ
- Santai Budaya 2016 Pentas Mini Petaling Jaya dan Dataran Boulevard
- Rentak Asli PJ 2016 di Auditorium Dewan Sivik MBPJ
- Konsert Orkestra sempena sambutan Bandaraya 10 tahun Petaling Jaya di Auditorium Dewan Sivik MBPJ

(Maklumat lanjut mengenai setiap program adalah seperti yang dilampirkan)

Senarai program dan aktiviti Kota Seni Shah Alam adalah seperti berikut:

- Program WARNA di Laman Seni 7
- Program Borak-borak di Laman Seni 2 dan SACC Mall
- Persembahan buskers di perkarangan SACC
- Festival Seni Silat dan Warisan Melayu di Laman Budaya Shah Alam
- Teater atas Pokok di Taman Tasik Titiwangsa
- Program Gala Inspirasi Seni (kerjasama dengan JAIS)
- Malaysian International Children's Choral Festival pada 16 Julai 2016

(Maklumat Lanjut adalah seperti yang dilampirkan)

Selain daripada pelaksanaan program oleh MBSA, PADAT turut menyumbang dalam pelaksanaan program kebudayaan dan program yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Pameran Silang Budaya
- Bengkel Cempuling dan Gambus
- Sembang Dabus
- Lestari Budaya (persembahan kebudayaan) di Muzium Sultan Alam Shah
- Tekat Gubah Bunga Tanjung Terpanjang di Malaysia
- Bengkel Notasi Muzik

Promosi Kota Seni Shah Alam dan Petaling Jaya juga dibuat melalui lawan sesawang, media sosial seperti Page Facebok Kota Seni Shah Alam, Kota Seni Petaling Jaya dan Instagram. Terdapat juga liputan media seperti RTM, TV3, penulisan rencana dalam SINAR HARIAN, HARIAN METRO SERTA SELANGORKINI.

MAKLUMAT TAMBAHAN DARIPADA MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

Jawapan Soalan (a):

Lokasi Kota Seni Shah Alam buat pada masa ini yang dikenal pasti di kawasan pusat bandar iaitu melibatkan kawasan PADAT (Muzium Sultan Alam Shah), Rumah Bugis, Dataran Kemerdekaan Shah Alam, SACC Mall (program Buskers), Galeri Shah Alam, Laman Budaya, Galeri TAPAK (Seksyen 7) dan juga Teater Shah Alam. Selain itu, kawasan Laman Seni 7 dan Laman Seni 2 juga adalah kawasan tumpuan di Shah Alam.

Status terkini Kota Seni Shah Alam ialah di mana MBSA telah menubuhkan Jawatankuasa Kota Seni Shah Alam. Agenda Kota Seni juga berjalan dengan berteraskan visi Kota Seni Shah Alam iaitu memanifestasi masyarakat Shah Alam yang berbudaya. Beberapa perancangan juga telah disusun pihak MBSA dalam tempoh 2016- 2020 ialah :

(i) MBSA akan membaikpulih kemudahan dan prasarana seperti baik pulih Laman Budaya dan Laman Seni.
(ii) MBSA juga akan menyediakan garis panduan hiburan Shah Alam.
(iii) Buskers Corner untuk anak muda di Kompleks SACC Mall iaitu program bersama PKNS Prep Events
(iv) Memperkasa seni taman (arts & parks)
(v) Mencirikan seni reka (architecture) dalam binaan bangunan
(vi) Menubuhkan “Kreatif Hub Shah Alam”
(vii) Laman Budaya sebagai “pentas seni” untuk semua
(viii) Merangka program lokaliti/nasional dan pengantarabangsaan
(ix) Memperkasa penglibatan masyarakat – *“strong community involvement”*

Jawapan Soalan (a):

Pelbagai program yang telah dilaksanakan oleh pihak MBSA dalam usaha mempromosi Kota Seni Shah Alam. Program seperti “WARNA” iaitu ensemble seni berlansung di Laman Seni 7, Program “Borak-Borak” iaitu bual bicara kreatif pula berlangsung di Laman Seni 2 dan SACC Mall. MBSA bersama pihak SACC Mall juga menyediakan ruang untuk persembahan Buskers di perkarangan SACC Mall di mana ia berlangsung setiap hari Sabtu dan Ahad. Bagi tahun 2016 juga MBSA turut menjayakan program Festival Seni Silat & Warisan Melayu (Laman Budaya Shah Alam) Teater Atas Pokok yang dipentaskan di pokok, kawasan Kedai Kopi, Taman Tasik Shah Alam.MBSA juga turut berkerjasama dengan JAIS dalam menjayakan Porgram Gala Inspirasi Seni (GAS 1.0) iaitu program bercorak Islamik.

Program pengantarabangsaan yang berjaya dianjurkan oleh MBSA ialah “Malaysia International Children’s Choral Festival” pada 16 Julai yang melibatkan 15 pasukan koir dari Filipina, Indonesia, Vietnam, India, manakla pasukan dari Malaysia terdiri daripada Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sarawak, Perak, Kedah dan Terengganu.

Promosi Kota Seni Shah Alam juga dibuat melalui lawan sesawang, media sosial seperti Page Facebok Kota Seni Shah Alam dan Instagram. Terdapat juga liputan media sperti RTM, TV3, penulisan rencana dalam SINAR HARIAN, HARIAN METRO serta SELANGORKINI.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : BANGUNAN YAYASAN SELANGOR BUKIT BINTANG

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status projek pembangunan semula bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang?

b) Nyatakan nilai projek, kontraktor bertanggungjawab dan kaedah pemberian tender projek tersebut.

JAWAPAN:

a) Yayasan Selangor (YS) ketika ini sedang melaksanakan proses "*Request for Proposal*" (RFP) untuk melaksanakan projek pembangunan semula bagi jangka panjang. Tujuan projek pembangunan ini dapat memberikan Yayasan Selangor pulangan yang lebih tinggi berbanding penyewaan jangka pendek oleh kerana pemaju dapat memaksimakan keuntungan mereka melalui tempoh pajakan yang lebih lama.

YS telah pun membuka iklan untuk RFP ini pada 4 Julai 2016 melalui laman sesawang dan telah pun mengadakan taklimat /lawatan tapak pada 18 Julai 2016. Pembelian dokumen dibuat pada 25 Julai 2016 dan tarikh tutup untuk cadangan projek pembangunan semula ini pada 5 September 2016.

b) Nilai dan pemaju untuk projek ini akan ditentukan berdasarkan kepada proses penilaian yang akan dibuat selepas tarikh tutup proses RFP ini. Kaedah penganugerahan projek ini berdasarkan kepada faktor-faktor seperti nilai pulangan yang ditawarkan kepada YS, kekukuhan kewangan, pengalaman pembangunan dan kreativiti pemaju tersebut untuk menjadikan bangunan ini sebagai mercu tanda utama di Kuala Lumpur.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : SEKOLAH AGAMA MENENGAH (SAM) JAIS

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan SAM yang ada di Selangor mengikut daerah.

b) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah bilangan SAM dan nyatakan lokasi tersebut?

JAWAPAN:

a) Berikut adalah senarai SAM yang terdapat di Negeri Selangor mengikut daerah:

BIL.	DAERAH	NAMA SEKOLAH
1.	Klang	SAMT Sultan Hishamuddin, Kg. Jawa
2.		SAM Sultan Hishamuddin, Sg. Bertih
3.		SAM Nurul Iman
4.	Kuala Langat	SAM Uwanus Saadah, Kanchong Darat
5.		SAMT Tengku Ampuan Rahimah
6.	Kuala Selangor	SAM Jeram
7.		SAM Tanjong Karang
8.	Hulu Langat	SAM Hulu Langat
9.	Hulu Selangor	SAM Sg. Selisik
10.		SAMT Kuala Kubu Bharu
11.	Sabak Bernam	SAM Parit Baru
12.		SAM Bagan Terap
13.		SAM Sg. Haji Dorani
14.		SAM Pasir Panjang
15.		SAM Muhammadiah
16.		SAM Tengku Ampuan Jemaaah, Sg. Besar
17.		SAMT Sultan Salahuddin Abd. Aziz Shah
18.	Gombak	SAM Rawang
19.	Petaling	SAM Paya Jaras
20.		SAM Bestari
21.		SAMT Ampuan Jemaaah, Shah Alam
22.	Sepang	SAM Sg. Merab Luar
23.		SAM Bandar Baru Salak

b) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menambah bilangan SAM.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jangka hayat tapak pelupusan sisa pepejal yang ada di Selangor.

b) Apakah pelan jangka masa panjang Kerajaan Negeri bagi menyediakan tapak pelupusan sisa pepejal pada masa hadapan?

JAWAPAN:

a) Berikut merupakan maklumat jangka hayat tapak pelupusan sisa pepejal yang beroperasi di Selangor pada masa ini, iaitu:

i) Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPS), Kuala Selangor
- Berdasarkan unjuran awal, jangka hayat TPS Jeram adalah 16 tahun dengan penerimaan sebanyak 1,250 tan sehari dan dijangka mencapai kapasiti maksima pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, dengan peningkatan penerimaan purata sisa pepejal sebanyak 2,500 tan sehari, TPS Jeram dijangka akan ditutup lebih awal iaitu pada Disember 2016.
- Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang dalam proses pengambilan tanah yang terletak bersebelahan dengan tapak pelupusan sedia ada seluas 130.55 ekar sebagai langkah untuk mengatasi masalah penutupan awal TPS ini. Sekiranya proses pengambilan tanah ini selesai, jangka hayat TPS Jeram dijangka dapat bertahan sehingga tahun 2026.

ii) Tapak Pelupusan Sanitari Tanjong Duabelas, Kuala Langat
- Jangka hayat adalah sehingga tahun 2031 dengan penerimaan sisa pepejal sebanyak 1,500 tan sehari.

iii) Tapak Pelupusan Panchang Badena, Sabak Bernam
- Jangka hayat adalah sehingga tahun 2026 dengan penerimaan sisa pepejal sebanyak 60 tan sehari.

iv) Tapak Pelupusan Terbuka Sungai Sabai, Hulu Selangor
- Jangka hayat adalah sehingga tahun 2032 dengan penerimaan sisa pepejal sebanyak 400 tan sehari.

b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 16/2016 pada 11 Mei 2016 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

Ke 17/2016 pada 18 Mei 2016 telah pun meluluskan cadangan bagi membangun dan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management System (ISWMC),* bersebelahan dengan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) Kuala Selangor. Perkara ini dipersetujui untuk dilaksanakan bagi menangani isu-isu pelupusan semasa serta perancangan ke arah penyelesaian isu-isu secara bersepadu. Ini termasuklah keperluan penyediaan tanah seluas 30 ekar setahun untuk melupuskan 6,000 tan sisa pepejal sehari.

ISWMC merupakan sebuah pusat pelupusan yang mengandungi sistem-sistem rawatan sisa pepejal seperti berikut:

(i) Loji tenaga sisa;
(ii) Loji kitar semula sisa rumah;
(iii) Loji kitar semula sisa binaan;
(iv) Loji pengkomposan;
(v) Loji *Anaerobic Digestor;* dan
(vi) Pusat penyelidikan

Pusat pelupusan ini akan dibangunkan bertujuan untuk memproses sisa pepejal di mana ianya dijangka akan dapat mengurangkan jumlah sisa ke tapak pelupusan sebanyak 95%. Dengan adanya sistem ini, jangka hayat tapak pelupusan juga dijangka dapat bertahan lebih daripada 30 tahun. Secara tidak langsung, ianya juga akan dapat meningkatkan ekonomi Negeri hasil daripada penjualan tenaga elektrik, barangan kitar semula seperti plastik serta baja, hasil daripada pengkomposan sisa organik.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : PEMBAKARAN HARAM DI SUBANG INDAH

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah aduan yang diterima terhadap pembakaran sampah haram di sekitar kawasan Persiaran Subang Indah yang berhampiran dengan tebing sungai Klang.

b) Mengapakah kegiatan pembakaran haram masih berterusan di kawasan tersebut?

c) Apakah tindakan tegas yang akan diambil?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : ANCAMAN KUMPULAN MILITAN DI NEGERI SELANGOR

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk mengekang individu yang terlibat dalam kumpulan militan di Selangor?

b) Nyatakan jumlah tangkapan yang telah dilaporkan pada tahun 2016 di Selangor.

JAWAPAN:

a) Dalam mengekang individu yang terlibat dalam kumpulan militan di Selangor pihak Kerajaan Negeri lebih memfokuskan kepada aspek pencegahan dan mengawal dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut :

1. Pengeluaran Fatwa Gerakan Militan Al Dakwah Al Islamiya Fi Iraq Wal Al Sham (DAESH) atau Militan Islamic State In Iraq Anad Syams (ISIS) atau Militan Islamic State (IS) yang telah diwartakan pada **3 Februari 2016.**

2. Khutbah Jumaat berkenaan IS dan konsep Jihad yang telah dibaca di setiap masjid dan surau kebenaran solat Jumaat di seluruh Negeri Selangor pada 27 November 2015, bertajuk : IS Pengganas Bertopengkan Islam.

3. Program Bicara Fatwa Selangor. Dalam program ini pihak JMNS akan menjelaskan fatwa-fatwa secara umum termasuklah juga fatwa berkaitan IS.

   Setakat Mei jadual program ini adalah seperti berikut :

BIL.	TARIKH	SASARAN PESERTA	TEMPAT
01.	24 Februari 2016 Rabu	Pemegang Tauliah	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam
02.	29 Februari 2016 Isnin	Pelajar	Sek. Men. Keb. Setia Alam, Shah Alam
03.	24 Mac 2016 Khamis	Pelajar	Sek. Jenis Keb. Cina Yoke Kuen, Sekinchan
04.	29 Mac 2016 Selasa	Pelajar	Masjid Jamiul Ehsan, Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh

05.	28 April 2016 Khamis	Pelajar	Masjid Kampung Johan Setia, Klang
06.	4 Mei 2016 Rabu	Pelajar	Masjid Sultan Abdul Samad KLIA, Sepang

4. Siaran di Akhbar Nasional (Sinar Harian, Berita Harian, Harian Metro, Utusan, Selangor Kini)

5. Program Turun Padang “Dialog Fatwa @ Mesra Ummah Bersama JMNS”
   Program ini di laksanakan di masjid-masjid terpilih di negeri Selangor dan di dalam program ini pihak JMNS akan menjelaskan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan secara umum dan mengadakan sesi dialog atau soal jawab berkaitan fatwa yang telah dijelaskan dan isu-isu berkaitan hukum syarak di lokasi-lokasi berikut :

   a) Masjid Ijtimai’, Tebuk Pulai
   b) Masjid Al Bakri, Bukit Naga
   c) Masjid As Syakirin, Dengkil
   d) Masjid Ubudiyah, Kerling
   e) Masjid Rinching Hilir, Semenyih
   f) Masjid Ara Damansara, Petaling
   g) Masjid Bukit Antarabangsa, Bukit Antarabangsa

6. Radio (Selangor.fm). Slot di Selangor.fm 2 kali seminggu iaitu pada hari Khamis dan Jumaat, bermula jam 6.15 petang hingga 6.45 petang. Di dalam slot ini pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor menjelaskan tentang-tentang fatwa yang telah dikeluarkan dan diwartakan termasuklah fatwa dan isu berkaitan IS

7. Laman Web JMNS

b)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : PENYELIDIKAN DI UNISEL

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan tajuk-tajuk penyelidikan yang sedang dan telah dilaksanakan di UNISEL yang memberi manfaat kepada rakyat Selangor.

b) Nyatakan jumlah peruntukan bagi setiap penyelidikan tersebut.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : KURSUS AKADEMIK DI UNISEL

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan semua kursus akademik yang ditawarkan di UNISEL dan jumlah pelajar pada tahun 2016.

b) Apakah status terkini kursus akademik di UNISEL bagi mendapatkan pengiktirafan Malaysian Qualification Agency (MQA)?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : STATUS WARISAN NASIONAL DAN WARISAN ANTARABANGSA SELANGOR

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini Bukit Tapuh dan Permatang Kuarza yang diangkat sebagai Warisan Nasional dan Warisan Antarabangsa Selangor?

b) Nyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan bagi memastikan usaha ini berjaya.

JAWAPAN:

a) Langkah awal ke arah pengiktirafan sebagai tapak warisan kebangsaan telah pun dimulakan, pada 26hb Jun 2013, melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbang dan meluluskan cadangan pencalonan Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) sebagai tapak warisan kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Bagi maksud itu, Borang Penamaan Sebagai Warisan Kebangsaan (Borang E) telah pun dikemukakan kepada Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara untuk pertimbangan selanjutnya. Kerajaan Negeri Selangor amat berharap agar tapak Permatang Kuarza Gombak Selangor ini mendapat pengiktirafan Tapak Warisan Kebangsaan dan seterusnya kita dapat mengorak langkah seterusnya ke arah pengiktirafan Dunia UNESCO. Sehingga kini, dimaklumkan Jabatan Warisan Negara sedang mengeluarkan Notis Niat di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan seterusnya proses-proses berkaitan akan dijalankan.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan telah proaktif untuk menyediakan beberapa penerbitan dan kajian-kajian yang berkaitan bagi membuktikan pengukuhan kepada Nilai Universal Sejagat/ Outstanding Universal Value (OUV) terhadap tapak PKGS ini. Penerbitan dan kajian-kajian tersebut adalah seperti berikut :

1. Kajian Saintifik Permatang Kuarza Gombak Selangor dengan kerjasama Institut Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);

2. Kajian Penilaian Saintifik Ciri-Ciri Fizikal Menggunakan Teknologi Lidar di Permatang Kuarza Gombak Selangor yang dijalankan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur; dan
3. Buku 'Coffee Table' Permatang Kuarza Gombak Selangor yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada 28hb. September 2015.

Selaras dengan itu, sebagai tambah nilai dalam usaha murni ini, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan juga telah menjalankan beberapa program seperti berikut :

1. Ekspedisi Permatang Kuarza Gombak Selangor telah diadakan selama empat (4) hari bermula pada 11hb. Februari 2014 hingga 14hb. Februari 2014 yang menghimpunkan lebih 60 pengkaji-pengkaji yang terdiri dari pelbagai bidang berkaitan;

2. Seminar Pemuliharaan Tapak Semulajadi peringkat Negeri Selangor pada 18hb. November 2014 dengan pembentangan empat (4) kertas kerja;

3. Pembentangan Kertas Kerja "*Geospatializing The Klang Gates Quartz Ridge in Malaysia: A Technological Perspective"* di Kongres Dunia European Geoscience Union (EGU) di Vienna, Austria pada 12hb-17hb April 2015 bersama JPBD Selangor, JMG dan UTM KL;

4. Bengkel Penetapan Kriteria Buffer Zone Tapak Warisan Negeri Selangor dengan kerjasama FRIM pada 1hb. Oktober 2015;

5. Pembentangan Kertas Kerja Penggunaan Teknologi LiDAR Dalam Penentuan Ciri-Ciri Fizikal Dan Risiko Tebing PKGS di Seminar GEO-HERITAGE FORUM Langkawi pada 4hb. November 2015 bersama JPBD Selangor dan UTM, KL; dan

6. Bengkel Kerangka Awal Pelan Pengurusan dan Pemeliharaan (*Conservation and Management Plan*, CMP) PKGS pada 26 hingga 27hb. Oktober 2015.

Sebagai halatuju/*'way forward'* (dengan izin), Kerajaan Negeri telah pun mengenalpasti fasa-fasa perancangan dan perlaksanaan untuk memastikan tapak PKGS mendapat pengiktirafan Tapak Warisan Kebangsaan dan seterusnya Dunia iaitu dengan mempelbagaikan penerbitan dan kajian bagi menyokong OUV, menyediakan *Conservation Management Plan* yang komprehensif, meningkatkan

program kesedaran dan pendidikan komuniti setempat, menyediakan platform ilmiah (bengkel, sesi dialog, seminar), menggalakkan pembangunan dan penyelidikan dan pembentangan di peringkat antarabangsa, penyediaan *DOSSIER* dan *Tentative List* serta bekerjasama rapat dengan Jabatan Warisan Negara untuk melancarkan proses mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Tambahan lagi, menerusi Rancangan Malaysia kesebelas (RMK11) 2016-2020, Kerajaan Negeri Selangor, secara dasarnya telah bersetuju di bawah program Warisan Negeri Selangor dengan mengenalpasti tiga (3) lagi tapak lain yang mempunyai *'Outstanding Universal Value'* untuk diangkat sebagai Tapak Warisan Kebangsaan. Tapak-tapak yang dimaksudkan adalah ;

1. Bandar Kuala Kubu Bharu di Hulu Selangor yang merupakan bandar terancang pertama di Malaysia dengan konsep Bandar Taman yang berpotensi sebagai Tapak Warisan Bangunan Bersejarah;

2. Bukit Melawati di Kuala Selangor yang menyimpan aset warisan tinggalan sejarah lama berpotensi sebagai Tapak Warisan Bangunan Bersejarah; dan

3. Bandar Diraja Klang yang mempunyai nilai bangunan bersejarah menunjukkan perkembangan dan pembentukan bandar dan petempatan awal berpotensi juga sebagai Tapak Warisan Bangunan Bersejarah.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga akan memastikan tapak-tapak warisan yang mempunyai nilai terunggul ini akan terus dipelihara dan dipulihara untuk diangkat sebagai pengiktirafan negara dan seterusnya di platform dunia. Tapak-tapak bernilai warisan lama ini harus dikekalkan dan dirancang secara holistik tanpa ada unsur-unsur atau pencerobohan yang boleh mengganggu gugat dan menghilangkan nilai warisan yang telah terbentuk ratusan dan jutaan tahun dahulu. Kerajaan Negeri sangat konsisten dalam hal ini, dan menyeru semua pihak dari pihak Kerajaan mahupun rakyat untuk bersama-sama menghargai dan menjaga khazanah alam semulajadi ini agar tidak hilang dan musnah akibat dari perbuatan kita sendiri.

Langkah awal ke arah pengiktirafan sebagai tapak warisan kebangsaan telah pun dimulakan, pada 26hb Jun 2013, melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbang dan meluluskan cadangan pencalonan Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) sebagai tapak warisan kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

b) Bagi meneruskan kelangsungan ke arah pengiktirafan kebangsaan dan UNESCO, beberapa tindakan awal dan perlaksanaan program yang melibatkan aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D), penerbitan kertas kerja, *engagement* bersama *stakeholders*, pelantikan perunding bagi kajian saintifik telah dilaksanakan sebagai pra syarat utama dalam pencalonan tapak Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) yang juga turut melibatkan peruntukkan kewangan. Sehingga kini terdapat dua (2) sumber kewangan yang telah digunakan bagi tujuan tersebut iaitu dari Tabung Amanah Permatang Kuarza dan Bajet Pembangunan P16 melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor yang telah melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM874,178.00.

Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut :

Bil	Sumber Kewangan	Perkara dibelanjakan	Jumlah Perbelanjaan
1.	Tabung Amanah Permatang Kuarza Tahun 2014	i. Ekspedisi Saintifik PKGS yang melibatkan lebih 60 pakar; ii. Seminar Warisan Semulajadi Peringkat Negeri Selangor	RM 30,000.00
2.	Tabung Amanah Permatang Kuarza Tahun 2015	i. Penyediaan dan pelancaran Penerbitan Coffee Table Book Permatang Kuarza Gombak Selangor; ii. Bengkel penetapan sempadan zon penampan tapak warisan semulajadi Selangor; iii. Bengkel penyediaan kerangka awal *Conservation Management Plan* PKGS iv. Seminar tapak warisan Selangor	RM 80,000.00
3.	P16 Bajet Pembangunan JPBD Selangor Tahun 2014 dan 2015	Kajian Penilaian Saintifik Ciri-ciri Fizikal menggunakan LiDAR (Parcel 1,2,3 dan 4) dan Kajian Penilaian Keselamatan Tebing berasaskan LiDAR di PKGS oleh	RM 383,900.00

		Perunding Uni-Technologies Sdn. Bhd. UTM KL	
4.	P16 Bajet Pembangunan JPBD Selangor Tahun 2016	Kajian *Conservation Management Plan* PKGS oleh AJM Consultant	RM 380,278.00
		JUMLAH KESELURUHAN	RM 874,178.00

Bagi menghebah luas lagi keunikan tapak PKGS ini, Kerajaan Negeri melalui JPBD Selangor dan agensi-agensi berkaitan akan mempelbagaikan dan memperbanyakkan penerbitan berkaitan dan pembentangan kertas kerja di platform antarabangsa serta kerjasama yang erat di kalangan pakar-pakar terlibat di IPTA untuk memastikan keunikan PKGS ini diketahui umum yang menjadi syarat kelayakan dari pihak penilai ICCROM *(International Center for the Study of the preservation and restoration of cultural property),* IUCN *(International Union for Conservation Natural)* di bawah penyeliaan World *Heritage Committee* UNESCO.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : PERKEMBANGAN SUKAN SILAT

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam memajukan sukan silat di Selangor?

b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyelaraskan kepelbagaian aliran perguruan sukan silat?

JAWAPAN:

a) Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa berusaha untuk memajukan dan meningkatkan sukan silat dengan bekerjasama bersama Persatuan Silat Kebangsaan dan Negeri Selangor (PESAKA) untuk mencungkil bakat-bakat baru dengan program-program bakat dan pembangunan sukan tersebut.

   Melalui Majlis Sukan Negeri Selangor, kerajaan telah menyalurkan peruntukan untuk program-program pembangunan dan menyertai kejohanan kompetitif untuk meningkatkan mutu pesilat-pesilat Negeri Selangor.

   Malah Kerajaan Negeri sentiasa memberikan sokongan kepada program-program yang dinyatakan.

b) Kepelbagaian aliran perguruan sukan silat tidak pernah menjadikan halangan kepada program-program sukan silat di Negeri Selangor. Semua aliran ini perlu bergabung di bawah Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA Kebangsaan) dan negeri Selangor untuk diselaraskan bagi membolehkan dan memudahkan semua program-program ini mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Pesuruhjaya Sukan dan PESAKA Kebangsaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : EJEN KUTIPAN ZAKAT DI NEGERI SELANGOR

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah ejen syarikat, bank, firma dan pejabat pos yang dilantik sebagai ejen kutipan zakat di Selangor.

b) Senaraikan ejen kutipan tersebut mengikut daerah.

JAWAPAN:

a) Berikut merupakan ejen kutipan yang dilantik oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Perincian ejen kutipan dapat dilihat seperti berikut:

JUMLAH EJEN KUTIPAN YANG DILANTIK LZS MENGIKUT JENIS

BIL	JENIS EJEN KUTIPAN	JUMLAH
1.	Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi	13
2.	Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi Swasta	7
3.	Penolong Amil Fitrah	2,672
4.	Penolong Amil Padi	56
5.	Ejen Firma Audit	8
6.	Ejen Cukai	19
7.	Ejen Syarikat	17
8.	Ejen Bank & Pos	19

b) Berikut merupakan senarai ejen kutipan LZS mengikut jenis:

1. Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi

BIL	INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
1.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
3.	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
4.	UNITAR International University (UNITAR)
5.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

BIL	INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
6.	Universiti Putra Malaysia (UPM)
7.	Universiti Multimedia (MMU)
8.	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
9.	Infrastucture University Kuala Lumpur (IUKL)
10	Universiti Selangor (UNISEL)
11.	Management And Science Univetsity (MSU)
12.	Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
13.	Cyberjaya University College of Medical Science (CUCMS)

2. Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi Swasta

BIL	INSTITUSI PENGAJIAN ISLAM SWASTA
1.	Maahad Tahfiz Akedemi Iqro Al-Quran
2.	Maahad Tahfiz Al-Itqaan
3.	Maahad Tahfiz Sains Fatimah Az-Zaharah
4.	Maahad Tahfiz Sulaimaniyah
5.	Sekolah Khalifah
6.	Sekolah Safinatun Najah
7.	Sekolah Rendah Integrasi Islam Al Amin, Keramat

3. Penolong Amil Fitrah

BIL	DAERAH	JUMLAH
1.	Sabak Bernam	229
2.	Kuala Selangor	237
3.	Hulu Selangor	159
4.	Klang	334
5.	Petaling	629
6.	Kuala Langat	180
7.	Hulu Langat	444
8.	Gombak	327
9.	Sepang	133

4. Penolong Amil Padi

BIL	DAERAH	JUMLAH
1.	Sabak Bernam	42
2.	Kuala Selangor	14

5. Ejen Firma Audit

BIL	FIRMA AUDIT
1.	Atarek Kamil Ibrahim & Co
2.	MNZWAJ Associates
3.	AAA Urus Kira (M) Sdn Bhd
4.	Headir & Co
5.	Mohd Nizaruddin & Co
6.	Salihin Consulting Group
7.	Aftaas Syariah Advisory
8.	MHM Associates

6. Ejen Cukai

BIL	EJEN CUKAI
1.	Imran Bin Tumiron
2.	Mohamed Zuber Bin Hashim
3.	Musa Bin Othman
4.	Mohd Sham Aziz @ M.S. Azih Ismail
5.	Mohd Awaludin Marsuk
6.	Aljeffry Abdul Rashid
7.	Mazlin Bin Abd Manaff
8.	Salmizah Binti Mokhtar
9.	Asiah @ Aziah Mohd Yusof
10.	Fatimah Binti Ariffin
11.	Hj Mohd Zalghani Bin Hassan
12.	Himayadi Hafidz
13.	Suriany Binti Samsudin
14.	Hj Abd Aziz Bin Abu Bakar
15.	Mohamad Astura Bin Yusop
16.	Mazlan Bin Hj Ahmad
17.	Rosnah Binti Nayan
18.	Mohd Harris Abu Bakar
19.	Abd Rahim Adam

7. Ejen Syarikat

BIL	SYARIKAT
1.	As-Salihin Trustee Berhad

2.	Amanah Ikhtiar Malaysia
3.	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd
4.	Effiecient Frontier Capital Advisor Sdn Bhd
5.	Al-Naqiy Islamic Solution Sdn Bhd
6.	The Utmost Ventrures Group Sdn Bhd
7.	Transtech Solutions Sdn Bhd
8.	Affinity Advances Sdn Bhd
9.	Yayasan Pelajaran Mara
10.	Massa Associates Sdn Bhd
11.	AMACC Management Services
12.	DNJ Consultant PLT
13.	AUB Resources Sdn Bhd
14.	Bistutin Sdn Bhd
15.	Koperasi Remiser Bumiputera Berhad
16.	Yayasan Atfal Jannah
17.	EKA Resources

8. Ejen Bank & Pos

BIL	BANK
1.	Maybank
2.	CIMB Bank
3.	Public Bank
4.	Bank Islam
5.	RHB Bank
6.	Affin Bank
7.	Alliance
8.	Ambank
9.	OCBC
10.	HSBC
11.	Bank Rakyat
12.	Al Rajhi Bank
13.	BSN
14.	MYEG
15.	Agro Bank
16.	Hong Leong Islamik Bank
17.	Bank Muamalat
18.	Pos Online
19.	FPX Payment

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : KEMASUKAN PELAJAR KE KUIS

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-


a) Nyatakan jumlah kemasukan pelajar ke KUIS dari tahun 2010 hingga 2016 mengikut sesi.

b) Nyatakan faktor peningkatan dan penurunan jumlah pelajar yang masuk ke KUIS.

JAWAPAN:

a) Statistik Kemasukan Pelajar Baharu Dan Pelajar Berdaftar Keseluruhan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) 2010-2016

PERKARA	**2010 (2010/11)**	**2011 (2011/12)**	**2012 (2012/13)**	**2013 (2013/14)**	**2014 (2014/15)**	**2015 (2015/16)**	**2016 (2016/17)**
Jumlah Pelajar Baharu mendaftar pada Kemasukan Sesi I (Jun)	1814	919	816	1241	2083	3236	2,493
Jumlah Pelajar Baharu mendaftar pada Kemasukan Sesi II (Nov)	756	706	544	885	1089	1209	Dalam Proses Pemasaran
Jumlah Pelajar Berdaftar / Aktif (Keseluruhan) mengikut tahun	**7137**	**5874**	**4606**	**4598**	**5724**	**8104**	**9124** *(sehingga 19 Julai 2016)*



b) Faktor peningkatan pelajar adalah seperti berikut:

1. Penawaran Program Pengajian yang baharu yang lebih '*employability*' dan '*marketability*' mengikut standard yang telah ditetapkan oleh pihak *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bertepatan dengan keperluan arus perdana.

2. Pelan pemasaran yang strategik, agresif dan semasa.

3. Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang telah berjaya memperkenalkan KUIS sebagai sebuah institusi yang prihatin dan sentiasa terlibat membantu komuniti.

4. Bantuan Biasiswa Selangorku dan Tabung Pendidikan Tahfiz Al Quran Wal Qiraat yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di KUIS .

5. Gagasan menuju sebuah Universiti penuh yang meyakinkan di persada pendidikan Nasional.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN UNISEL

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah keuntungan/kerugian UNISEL pada tahun 2015.

b) Nyatakan faktor kenaikan/penurunan pendapatan UNISEL.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : EKSPO RAYA SG BESAR (STADIUM)

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Siapakah pihak yang mengurus kendali ekspo tersebut?

b) Apakah kriteria pemilihan penganjur tersebut?

c) Bagaimana isu-isu keselamatan dan kesihatan diambil kira oleh pihak penganjur?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri amat mengambil berat tentang perkembangan dan pembangunan industri mikro di Negeri Selangor. Selain program bantuan dana, Kerajaan Negeri menganjurkan karnival dan ekspo sebagai platform bagi usahawan dan pembeli bertemu *(bussiness matching*). Penganjuran karnival dan ekspo ini memberi peluang kepada peniaga untuk mempromosi dan memperkenalkan barangan mereka kepada orang ramai. Ekspo Raya yang telah diadakan di Stadium Sabak Bernam pada bulan Ramadhan yang lepas memberikan peluang kepada usahawan untuk berniaga dan menambah pendapatan. Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Sabak Bernam yang telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan Ekspo Raya Sungai Besar (Stadium) dan MDSB telah melantik Syarikat Ligat Bina Enterprise (001407257-U) untuk menyediakan kelengkapan dan prasarana bagi penganjuran program ini.

b) Pemilihan penganjur telah dilaksanakan berdasarkan tatacara perolehan kewangan yang sedang berkuatkuasa. Sebanyak 6 syarikat telah membuat permohonan untuk menjadi pelaksana program ini. Syarikat Ligat Bina Enterprise telah terpilih kerana telah memberikan sebutharga yang terbaik dan pernah melaksanakan program sebegini sebelum ini. Selain itu, keputusan akhir pemilihan penganjur telah dibawa di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan di peringkat MDSB.

c) Isu-isu keselamatan dan kesihatan sangat diambil berat bagi program sebegini terutamanya yang melibatkan jualan makanan dan minuman. Peniaga-peniaga yang menyertai karnival ini terdiri daripada jualan makanan kering/siap pek seperti kerepek/kuih raya, aksesori, tekstil / pakaian persiapan raya (lelaki, wanita dan

kanak-kanak) dan makanan sedia masak. Bagi peniaga yang mengendalikan makanan, peniaga perlu mempunyai pelalian *typhoid*, mempunyai lesen penjaja dan lain-lain keperluan yang telah ditetapkan oleh pihak PBT. Daripada segi keselamatan orang awam dan harta benda, beberapa petugas telah ditanggungjawabkan untuk memantau dan menyelia keadaan semasa karnival ini berlangsung. Petugas-petugas terdiri daripada pegawai MDSB dan juga petugas khas daripada Syarikat Ligat Bina Enterprise.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)

TAJUK : AGIHAN PROGRAM MES

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berikan pecahan mengikut kaum, program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang telah diagihkan kepada mereka yang layak di setiap DUN dalam Negeri Selangor dari 2008 hingga kini.

b) Berikan pecahan mengikut kaum, jumlah peruntukkan yang terlibat untuk setiap DUN dalam Negeri Selangor dari 2008 hingga kini.

JAWAPAN:

a) Semua rakyat di Negeri Selangor layak dan mempunyai peluang untuk menikmati manfaat dari Program MES tanpa mengira jantina, kaum, bangsa, fahaman politik dan pegangan agama. Ringkasan bagi pecahan mengikut kaum bagi setiap program di DUN dalam Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga kini adalah seperti di Lampiran A hingga J. Walau bagaimanapun, terdapat lapan (8) program di bawah MES iaitu Pusat Dialisis Rakyat, Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang, Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC), Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M2), Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral, kemudahan Cuti Bersalin 90 Hari, Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari dan Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari tidak mempunyai data pecahan mengikut DUN dan kaum.

b) Jumlah perbelanjaan keseluruhan bagi program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dalam tempoh tahun 2008 sehingga 30 Jun 2016 yang dilaporkan adalah berjumlah RM1,760,199,349.78. Jumlah ini adalah termasuk perbelanjaan bagi Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel), Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) dan Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA) yang telah digabungkan di bawah Program Hijrah Selangor bermula pada Mac 2015. Perincian bagi jumlah perbelanjaan setakat 30 Jun 2016 bagi setiap skim MES yang dilaksanakan termasuk program yang telah dihentikan adalah seperti di Lampiran K.

LAMPIRAN A

SKIM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

RINGKASAN BAGI PECAHAN MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP PROGRAM DI DUN DALAM NEGERI SELANGOR DARI TAHUN 2008 SEHINGGA KINI

PROGRAM : Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)

BIL	NAMA DUN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
1	BALAKONG	1,463	1,085	230	112	2,890
2	BANGI	6,475	226	269	150	7,120
3	BATANG KALI	3,472	532	532	261	4,797
4	BATU CAVES	8,043	795	1,249	567	10,654
5	BATU TIGA	5,613	339	713	135	6,800
6	BUKIT ANTARABANGSA	521	64	19	9	613
7	BUKIT GASING	189	202	75	9	475
8	BUKIT LANJAN	606	364	99	58	1,127
9	BUKIT MELAWATI	1,511	338	437	33	2,319
10	CHEMPAKA	810	190	52	15	1,067
11	DAMANSARA UTAMA	911	954	182	60	2,107
12	DENGKIL	3,398	341	597	144	4,480
13	DUSUN TUA	2,838	756	157	190	3,941
14	GOMBAK SETIA	1,829	159	96	150	2,234
15	HULU BERNAM	613	150	107	22	892
16	HULU KELANG	1,067	52	28	41	1,188
17	IJOK	2,151	368	783	54	3,356
18	JERAM	3,552	326	285	62	4,225
19	KAJANG	10,662	2,549	1,562	471	15,244
20	KAMPUNG TUNKU	285	522	90	20	917
21	KINRARA	1,648	2,029	611	106	4,394
22	KOTA ALAM SHAH	1,752	1,289	867	114	4,022
23	KOTA ANGGERIK	7,928	1,119	731	157	9,935
24	KOTA DAMANSARA	2,810	590	435	86	3,921
25	KUALA KUBU BAHARU	1,208	804	238	120	2,370
26	KUANG	1,842	186	230	41	2,299
27	LAIN-LAIN	106	54	16	3	179

BIL	NAMA DUN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
28	LEMBAH JAYA	3,311	561	311	161	4,344
29	MERU	6,746	1,347	1,098	114	9,305
30	MORIB	3,520	563	941	137	5,161
31	PANDAMARAN	2,816	3,552	1,177	278	7,823
32	PAYA JARAS	4,416	522	409	196	5,543
33	PELABUHAN KLANG	4,866	1,231	913	249	7,259
34	PERMATANG	1,562	505	166	40	2,273
35	RAWANG	5,265	1,386	1,432	308	8,391
36	SABAK	1,666	262	79	18	2,025
37	SEKINCHAN	977	906	28	22	1,933
38	SELAT KLANG	4,018	709	412	156	5,295
39	SEMENTA	3,529	998	1,141	94	5,762
40	SEMENYIH	4,631	839	878	244	6,592
41	SERI ANDALAS	3,123	1,443	2,328	172	7,066
42	SERI KEMBANGAN	1,285	1,969	254	80	3,588
43	SERI MUDA	6,293	1,130	1,113	241	8,777
44	SERI SERDANG	2,642	868	385	85	3,980
45	SERI SETIA	804	247	240	28	1,319
46	SIJANGKANG	4,520	401	643	123	5,687
47	SUBANG JAYA	1,200	983	261	85	2,529
48	SUNGAI AIR TAWAR	985	138	26	20	1,169
49	SUNGAI BURONG	2,137	358	37	33	2,565
50	SUNGAI PANJANG	2,506	420	46	34	3,006
51	SUNGAI PELEK	930	486	556	26	1,998
52	SUNGAI PINANG	1,730	1,309	263	59	3,361
53	TAMAN MEDAN	3,037	330	635	108	4,110
54	TAMAN TEMPLER	1,415	557	203	51	2,226
55	TANJUNG SEPAT	875	719	128	56	1,778
56	TELUK DATUK	1,883	2,449	609	108	5,049
57	TERATAI	429	626	58	15	1,128
JUMLAH		**156,420**	**44,197**	**27,460**	**6,531**	**234,609**

LAMPIRAN B

RINGKASAN BAGI PECAHAN MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP PROGRAM DI DUN DALAM NEGERI SELANGOR DARI TAHUN 2008 SEHINGGA KINI

PROGRAM : Hijrah Selangor

BIL	NAMA DUN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
1	BALAKONG	209	1	9	1	220
2	BANGI	265	0	0	0	265
3	BATANG KALI	918	18	125	3	1,064
4	BATU CAVES	239	1	9	0	249
5	BATU TIGA	448	1	8	9	466
6	BUKIT ANTARABANGSA	41	0	0	0	41
7	BUKIT GASING	65	2	9	0	76
8	BUKIT LANJAN	183	6	16	3	208
9	BUKIT MELAWATI	323	3	23	2	351
10	CHEMPAKA	296	4	3	2	305
11	DAMANSARA UTAMA	224	2	0	8	234
12	DENGKIL	810	0	19	13	842
13	DUSUN TUA	201	1	1	0	203
14	GOMBAK SETIA	221	0	1	2	224
15	HULU BERNAM	212	29	17	0	258
16	HULU KELANG	138	0	0	2	140
17	IJOK	195	5	93	0	293
18	JERAM	600	2	10	2	614
19	KAJANG	379	3	11	5	398
20	KAMPUNG TUNKU	49	0	0	0	49
21	KINRARA	148	0	16	1	165
22	KOTA ALAM SHAH	175	10	54	2	241
23	KOTA ANGGERIK	514	6	18	13	551
24	KOTA DAMANSARA	1,095	12	52	3	1,162
25	KUALA KUBU BAHARU	150	1	10	1	162
26	KUANG	236	6	5	0	247
27	LAIN-LAIN	320	1	6	0	327

28	LEMBAH JAYA	430	0	8	3	441
29	MERU	346	3	15	1	365
30	MORIB	508	6	48	12	574
31	PANDAMARAN	123	2	5	0	130
32	PAYA JARAS	613	2	49	5	669
33	PELABUHAN KLANG	402	4	11	0	417
34	PERMATANG	445	3	16	1	465
35	RAWANG	345	11	38	2	396
36	SABAK	708	4	4	1	717
37	SEKINCHAN	643	6	0	3	652
38	SELAT KLANG	263	0	4	2	269
39	SEMENTA	402	9	80	3	494
40	SEMENYIH	326	0	2	1	329
41	SERI ANDALAS	319	4	172	6	501
42	SERI KEMBANGAN	224	2	8	0	234
43	SERI MUDA	622	4	29	30	685
44	SERI SERDANG	454	3	36	5	498
45	SERI SETIA	303	3	64	1	371
46	SIJANGKANG	644	2	16	2	664
47	SUBANG JAYA	174	7	17	2	200
48	SUNGAI AIR TAWAR	604	7	17	1	629
49	SUNGAI BURONG	737	4	4	0	745
50	SUNGAI PANJANG	1,095	3	11	9	1,118
51	SUNGAI PELEK	404	1	17	1	423
52	SUNGAI PINANG	283	7	5	0	295
53	TAMAN MEDAN	460	5	21	4	490
54	TAMAN TEMPLER	370	14	1	5	390
55	TANJUNG SEPAT	216	37	7	1	261
56	TELUK DATUK	383	7	56	2	448
57	TERATAI	230	2	4	4	240
JUMLAH		**21,730**	**276**	**1,280**	**179**	**23,465**

LAMPIRAN C

RINGKASAN BAGI PECAHAN MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP PROGRAM DI DUN DALAM NEGERI SELANGOR DARI TAHUN 2008 SEHINGGA KINI

PROGRAM : Skim Mesra Usia Emas

BIL	DUN	BILANGAN PENERIMA (DARI 2008 SEHINGGA 30 JUN 2016)			
		MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
1	BALAKONG	146	1,094	176	6
2	BANGI	448	220	219	3
3	BATANG KALI	496	108	119	13
4	BATU CAVES	576	120	327	16
5	BATU TIGA	559	95	266	13
6	BUKIT ANTARABANGSA	298	115	27	2
7	BUKIT GASING	30	521	154	36
8	BUKIT LANJAN	115	541	144	15
9	BUKIT MELAWATI	387	94	265	1
10	CHEMPAKA	428	451	80	8
11	DAMANSARA UTAMA	42	1,397	72	23
12	DENGKIL	788	133	196	34
13	DUSUN TUA	584	492	106	11
14	GOMBAK SETIA	809	326	155	15
15	HULU BERNAM	922	257	112	7
16	HULU KELANG	864	239	59	6
17	IJOK	491	193	372	12
18	JERAM	811	153	77	0
19	KAJANG	351	911	356	17
20	KAMPUNG TUNKU	58	887	167	41
21	KINRARA	130	1,111	431	15
22	KOTA ALAM SHAH	36	475	301	12
23	KOTA ANGGERIK	380	200	193	7
24	KOTA DAMANSARA	197	294	170	4
25	KUALA KUBU BAHARU	452	795	259	43
26	KUANG	466	259	131	4
27	LEMBAH JAYA	682	750	245	13
28	MERU	938	203	250	3
29	MORIB	734	126	190	9

BIL	DUN	BILANGAN PENERIMA (DARI 2008 SEHINGGA 30 JUN 2016)			
		MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
30	PANDAMARAN	305	1,268	335	13
31	PAYA JARAS	626	342	199	7
32	PELABUHAN KLANG	454	108	129	4
33	PERMATANG	630	243	62	2
34	RAWANG	246	891	392	16
35	SABAK	1,131	173	50	2
36	SEKINCHAN	408	411	21	1
37	SELAT KLANG	900	405	172	13
38	SEMENTA	452	374	463	3
39	SEMENYIH	737	467	262	14
40	SERI ANDALAS	490	448	970	20
41	SERI KEMBANGAN	14	1,298	67	3
42	SERI SERDANG	395	397	286	10
43	SERI SETIA	269	196	364	11
44	SIJANGKANG	750	82	188	13
45	SRI MUDA	437	318	417	16
46	SUBANG JAYA	68	763	235	31
47	SUNGAI AIR TAWAR	926	84	19	1
48	SUNGAI BURONG	1,097	120	14	1
49	SUNGAI PANJANG	1,386	212	11	0
50	SUNGAI PELEK	307	347	222	8
51	SUNGAI PINANG	249	1,401	60	12
52	TAMAN MEDAN	686	251	337	15
53	TAMAN TEMPLER	583	890	215	14
54	TANJUNG SEPAT	589	303	99	19
55	TELUK DATUK	212	638	331	23
56	TERATAI	174	1,143	56	12
JUMLAH		**27,739**	**26,133**	**11,595**	**673**

LAMPIRAN D

RINGKASAN BAGI PECAHAN MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP PROGRAM DI DUN DALAM NEGERI SELANGOR DARI TAHUN 2008 SEHINGGA KINI

PROGRAM : Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)

c) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan bilangan Penolong Pegawai Tanah mencukupi di Negeri Selangor adalah melalui permohonan Penstrukturan atau Pengukuhan Semula perjawatan di PTGS dan PTD dalam tempoh setiap lima (5) tahun bagi tujuan keperluan perjawatan untuk pertimbangan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), SUK dan seterusnya dipanjangkan ke Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kerajaan Negeri juga sentiasa memantau keperluan perjawatan Penolong Pegawai Tanah dari masa ke semasa dan sekiranya terdapat keperluan untuk penambahan jawatan, permohonan tersebut akan dikemukakan ke JPA.

LAMPIRAN A

JUMLAH PERJAWATAN PENOLONG PEGAWAI TANAH SEDIA ADA
DI SELURUH NEGERI SELANGOR

BIL	PENEMPATAN	JUMLAH JAWATAN TETAP			JUMLAH JAWATAN KONTRAK	JUMLAH KESELURUHAN PERJAWATAN
		JUMLAH JAWATAN (MENGIKUT WARAN PERJAWATAN)	JUMLAH PENGISIAN JAWATAN	JUMLAH KEKOSONGAN JAWATAN		
1	PTG Selangor	31	28	3	14	42
2	Gombak	14	12	2	1	13
3	Hulu Langat	17	16	1	1	17
4	Klang	12	13	-1	1	14
5	Petaling	14	14	0	1	15
6	Hulu Selangor	16	15	1	1	16
7	Kuala Langat	12	9	3	1	10
8	Kuala Selangor	15	15	0	0	15
9	Sabak Bernam	13	13	0	0	13
10	Sepang	11	8	3	1	9
	JUMLAH KESELURUHAN	**155**	**143**	**13**	**21**	**164**

Sumber : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, PSUK Selangor

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : PERUMAHAN AIR MANIS, SABAK BERNAM

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status projek tersebut?

b) Berapakah jumlah rumah yang akan dibina di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

a) Kerja-kerja 'Soil Treatment' dan Kerja Tanah pada peringkat 100% siap. Kerja-kerja berkenaan telah dimulakan pada 23 November 2015 dan siap pada 6 Jun 2016.

PNSB dalam proses untuk melantik kontraktor bagi menjalankan kerja membina dan menyiapkan 6 unit rumah contoh sebelum jualan dilancarkan.

b) Keseluruhan unit rumah yang akan dibina adalah berjumlah 396 unit seperti pecahan berikut:-

PERUMAHAN	**UNIT**
Rumah Teres Sederhana 2 Tingkat (20'x90')	32
Rumah Bandar Kos Sederhana (20'x60')	48
Rumah Bandar Kos Sederhana (22'x80')	56
Pangsapuri Rumah Selangorku 5-13 Tingkat Jenis B (828 kaki persegi) : 116 unit Jenis C (893 kaki persegi) : 104 unit Jenis D (986 kaki persegi) : 40 unit	260
Jumlah Kecil	396

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : PEMAPARAN SENARAI KUANTITI (BQ) DALAM LAMAN WEB RASMI

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri mewajibkan semua agensi Kerajaan Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan serta Anak Syarikat Selangor untuk memaparkan senarai kuantiti (BQ) untuk projek-projek yang diluluskan dalam laman web rasmi masing-masing untuk rujukan awam dan ketelusan?

b) Senaraikan agensi-agensi Kerajaan Negeri Selangor yang telah melaksanakan polisi pemaparan BQ dalam laman web rasminya.

c) Unit manakah yang bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan pemaparan BQ secara *online*?

JAWAPAN:

a) Senarai Kuantiti atau *Bill Of Quantity (BQ)* adalah senarai bahan yang dihasilkan oleh Juruukur Bahan atau pegawai teknikal yang lain melalui pengukuran yang dibuat ke atas lukisan yang disediakan oleh perunding Arkitek atau Jurutera Awam. Senarai Kuantiti (BQ) mengandungi penerangan terperinci ke atas kos keseluruhan yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu projek merangkumi perkara-perkara seperti 'Kerja-kerja Awalan', 'Spesifikasi', Wang Kos Prima, Wang Peruntukan Sementara, dan lain-lain. Senarai Kuantiti (BQ) yang disediakan oleh Jurukur Bahan (QS) adalah bersandarkan kepada SMM atau Malaysia *Standard Method Measurement of Building Works* keluaran Pertubuhan Juruukur Malaysia (ISM) bagi kerja-kerja Bangunan atau berasaskan kepada *Malaysia Standard Method Of Measurement for Civil Engineering Works* (CESMM) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk kerja-kerja kejuruteraan sivil. Terdapat beberapa kegunaan hasil daripada Senarai Kuantiti (BQ) yang dihasilkan oleh Juruukur Bahan (QS) yang diringkaskan seperti berikut:-

i. Berfungsi sebagai dokumen tender;
ii. Berfungsi sebagai dokumen kontrak;
iii. Menjadi asas penyediaan perakuan interim;
iv. Menjadi asas penilaian kerja perubahan (VO);

v. Membantu pengurusan kerja Kontraktor;
vi. Menjadi asas maklum balas kepada Kontraktor;
vii. Menjadi punca data kos kepada Juruukur Bahan (QS)

Kerajaan Negeri pada masa ini **tidak mewajibkan** agensi Kerajaan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Anak Syarikat Selangor untuk memaparkan senarai kuantiti di laman web rasmi atau mendedahkan ia kepada umum memandangkan ianya merupakan sebahagian dari dokumen kontrak yang mengikat Kerajaan Negeri serta pihak kontraktor setelah projek di award. Justeru, dokumen *Bill Of Quantities* (BQ) adalah diklasifikasikan sebagai **'Sulit'** atau **'Confidential'** dan tertakluk kepada syarat-syarat kerahsiaan di dalam kontrak. Perkara ini adalah selaras dengan klausa yang terdapat pada dokumen kontrak. Sebagai contoh, perkara ini dinyatakan dalam dokumen kontrak standard bagi projek-projek yang dilaksanakan secara konvensional iaitu **Borang JKR 203A**, ***Clause 71 : Confidentiality*** seperti berikut:-

"71.1 This contract and all such drawings, records, data, books, reports and all matters pertaining hereto shall be considered as confidential matters and shall not be disclosed to any third party without prior written mutual agreement...."

b) dan c)

Berdasarkan penerangan di atas, **tiada agensi** Kerajaan Negeri yang telah melaksanakan polisi paparan *Bill Of Quantity* (BQ) dalam laman web rasmi jabatan masing-masing.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : KEBAJIKAN SELANGOR

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila kemukakan satu senarai lengkap program / permohonan kebajikan yang ditawarkan oleh Kerajaan Selangor kepada rakyat Selangor serta syarat-syarat kelayakan.

b) Apakah sebab Kerajaan Selangor masih tidak dapat memberi hadiah hari lahir kepada setiap warga emas Selangor setiap tahun yang telah diumumkan sebelum ini?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah kerajaan peduli rakyat sentiasa berusaha mencari alternatif bagi memastikan keperluan dan kebajikan setiap peringkat umur rakyat di Negeri Selangor terbela. Antara program kebajikan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bermula pada tahun 2008 adalah Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Skim ini mempunyai sebanyak 15 program yang dirangka khusus bagi membantu golongan-golongan sasar memperbaiki kehidupan. Bermula Mac 2015, Skim Mikrokredit Selangor, Skim Mikrokredit Miskin Bandar dan Skim Mikrokredit Wanita Ladang telah digabung di bawah Program Hijrah Selangor. Program-program lain yang terdapat di bawah Skim MES adalah Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Hadiah Anak Masuk Universiti, Skim Mesra Usia Emas, Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang, Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M^2), Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL), Insentif Perkahwinan Belia, Pusat Tuisyen Rakyat, Pusat Dialisis Rakyat, Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR), Skim Bantuan Tadika (TUNAS), Jom Shopping (Warga Emas + Ibu Tunggal), Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) dan Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral.

   Senarai lengkap program di bawah Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor yang ditawarkan oleh Kerajaan Selangor kepada rakyat Selangor serta syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:-

SENARAI LENGKAP PROGRAM DI BAWAH SKIM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR SERTA SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Bil.	Program	Syarat-syarat kelayakan
1.	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Kanak-kanak berumur 3 tahun ke bawah yang lahir di Negeri Selangor/atau ibubapa kelahiran Negeri Selangor/Ibubapa adalah pemastautin tetap di Negeri Selangor yang bersempadan dengan daerah negeri kelahiran
2.	Skim Mesra Usia Emas (SMUE)	Warganegara berumur 60 tahun dan ke atas; DAN/SAMA ADA; Lahir dan sedang menetap di Negeri Selangor; ATAU Lahir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum 1/2/1974 DAN sedang menetap di Negeri Selangor atau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; ATAU Bermastautin di Negeri Selangor secara sah sekurang-kurangnya 15 tahun. OKU tanpa had umur
3.	Skim kesihatan Wanita (MammoSEL)	Warganegara Malaysia berumur 35 tahun dan ke atas; DAN Lahir dan sedang menetap di negeri Selangor; ATAU Telah bermastautin di Negeri Selangor secara sah selama sekurang-kurangnya 10 tahun (bagi yang bukan kelahiran Negeri Selangor).
4.	Pusat Dialisis Rakyat	Pesakit buah pinggang (mempunyai Surat Rujukan daripada hospital) yang lahir atau menetap di Negeri Selangor
5.	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	Warganegara MALAYSIA: dan; Sama ada: Ibu @ bapa lahir di Selangor & menetap di Selangor; Anak yang lahir di Selangor & menetap di Selangor; Ibu & bapa bermastautin di Selangor sekurang-kurangnya 5 tahun;

Bil.	Program	Syarat-syarat kelayakan
		Pendapatan Isirumah: RM2,500.00 ke bawah yang menanggung 1 orang anak. RM3,000.00 ke bawah yang menanggung 2 orang anak
6.	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	Warganegara MALAYSIA: dan; Sama ada: Ibu @ bapa lahir di Selangor dan sedang menetap di Selangor Anak yang lahir di Selangor dan sedang menetap di Selangor. Ibu dan bapa yang sudah bermastautin secara sah di Selangor sekurang-kurangnya 5 tahun (Pengesahan Mastautin).
7.	Jom Shopping	Ahli-ahli SMUE yang telah berdaftar secara sah dan masih hidup
8.	Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	Anak-anak pekerja ladang dan bekas pekerja ladang di Negeri Selangor yang berpendapatan bawah RM1,500.00
9.	Insentif Perkahwinan Belia	Lahir di Negeri Selangor atau telah bermastautin di Negeri Selangor selama 10 tahun (perlu pengesahan ADUN / Penghulu / Pengerusi JKKK / Pengerusi Taman). Perkahwinan kali pertama sahaja. Pengantin lelaki atau perempuan tidak melebihi usia 35 tahun semasa tarikh bernikah atau pendaftaran.
10.	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	Mangsa-mangsa rogol, liwat, keganasan rumahtangga dan penderaan
11.	Bekalan Air Percuma ($20m^2$ pertama)	Pengguna domestik yang bermeter individu di Negeri Selangor
12.	Program Hijrah Selangor	Penjaja dan peniaga kecil yang memerlukan modal tambahan
13.	Hadiah Anak Masuk Universiti (HPIPT)	Permohonan adalah terbuka kepada Warganegara Malaysia sahaja; Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat D.Y.M.M Sultan Selangor Darul Ehsan yang

Bil.	Program	Syarat-syarat kelayakan
		memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut: (i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau; (ii) Ibu atau Bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; Pemohon Tidak Lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap dan bersekolah di Negeri Selangor melebihi tempoh 11 tahun. Pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki Tahun Pertama (Semester Pertama) mulai sesi Julai 2008 sahaja; Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara sepenuh masa (*full-time courses*) di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Diploma sahaja; Pemohon telah pun mendaftarkan diri di IPT bagi memulakan sesi pengajian; dan Pendapatan isi rumah Ibu Bapa/ Penjaga Pemohon berjumlah RM3,000.00 ke bawah sahaja.
14.	Pusat Tuisyen Rakyat	Pelajar yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari keluarga yang berpendapatan kurang RM3000.00
15.	Program Peningkatan Hasil daripada Bahan Batuan dan Mineral	Seluruh rakyat Selangor

(*Jawapan ini telah disediakan oleh Seksyen Makro Dan Penswastaan, UPEN*)

b) Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan sebahagian daripada wang manfaat SMUE semasa ahli masih hidup. Cadangan asal adalah melalui hadiah hari lahir namun telah diubah dan dipersetujui melalui keputusan MMKN untuk diberikan melalui program JOM Shopping.

Peringkat terkini adalah penyediaan sistem yang boleh mengawal proses penyaluran manfaat menerusi program JOM Shopping yang dicadangkan. Pihak YAWAS yang telah diamanahkan untuk menyediakan sistem telah pun memulakan usaha dan kini di peringkat terakhir. Terdapat beberapa lagi perkara teknikal yang

masih perlu diselesaikan dan Kerajaan Negeri berharap ia dapat diselesaikan pada kadar segera agar program ini dapat dilaksanakan secepat mungkin. Kerajaan Negeri berharap program ini dapat dilancarkan pada 1 Oktober 2016.

Dengan adanya program ini, diharapkan ahli SMUE dapat berpeluang menikmati manfaat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor serta sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan bakti yang telah ditaburkan di sepanjang hayat mereka kepada pembangunan di Negeri Selangor.

(*Jawapan ini telah disediakan oleh Rantaian Mesra Sdn. Bhd.*)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL SEDERHANA

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri sediakan tapak IKS di setiap DUN sejak tahun 2013?

b) Sila kemukakan senarai lengkap lokasi tapak IKS di Selangor.

c) Apakah insentif atau kemudahan yang dibekalkan oleh Kerajaan Selangor untuk pembangunan IKS?

JAWAPAN:

a) Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ditakrifkan sebagai perusahaan perkilangan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perkilangan dengan pusing ganti tahunan tidak melebihi RM25 juta dan menggaji kakitangan sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap peniaga-peniaga yang melibatkan diri dalam industri IKS. Di daerah-daerah di negeri Selangor kebanyakan peniaga terlibat dengan industri kecil iaitu ditakrifkan sebagai perniagaan yang mempunyai jualan kurang daripada RM300,000.00 setahun dan mempunyai pekerja tetap sebanyak 2 hingga 5 orang. Kebanyakan mereka menjadikan perniagaan ini sebagai sumber pendapatan keluarga. Atas sebab itu Kerajaan Negeri menyediakan tapak-tapak perniagaan bagi meletakkan para usahawan supaya lebih teratur dan selamat. Selain untuk membantu usahawan kecil-kecilan, ia juga dapat merancakkan ekonomi setempat. Antara tapak/platform perniagaan yang disediakan kepada para usahawan adalah seperti premis perniagaan di Uptown Shah Alam, Pasar Seri Seksyen 13 dan 16. Caj sewa yang dikenakan amat berpatutan berbanding premis perniagaan lain. Ini bagi memastikan peniaga mendapat margin keuntungan yang maksimum serta dapat menawarkan harga yang terendah kepada pelanggan.

b) Pada masa kini antara platform sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor adalah di Uptown Seksyen 24 Shah Alam, Pasar Seri Seksyen 13 dan Pasar Seri Kuarters Seksyen 16 Shah Alam. Di Uptown 24 Shah Alam terdapat 455 usahawan yang berniaga setiap hari yang terdiri daripada pelbagai jenis barangan dan makanan. Manakala terdapat 24 peniaga yang berniaga di Pasar Seri Seksyen 13 dan kuarters Seksyen 16 Shah Alam.

c) Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan bajet sebanyak RM5 juta setiap tahun bagi menggiatkan pembangunan IKS. Peruntukan tersebut meliputi bantuan barangan dan peningkatan produk, kursus keusahawanan, pameran/ekspo dan karnival/ festival usahawan. Setiap permohonan bantuan yang diterima akan diteliti bagi mengikut kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan. Bagi peserta yang mengikuti pameran dan ekspo, rekod kemajuan peniagaan akan dipantau selepas program dijalankan bagi memastikan setiap program yang dilaksanakan mempunyai impak yang positif kepada usahawan.

i) <u>BANTUAN BARANGAN DAN KEWANGAN</u>

Bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada usahawan di negeri Selangor adalah bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS) di mana bantuan ini bukan berbentuk kewangan tetapi dalam bentuk peralatan sebagaimana yang diperlukan oleh pemohon bagi membantu meningkatkan perniagaan mereka. Selain itu bantuan yang diberikan kepada usahawan adalah pembangunan dan peningkatan produk agar mereka dapat meluaskan pasaran di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Bagi peniaga yang berada di tahap permulaan, mereka boleh memohon bantuan Pembasmian Kemiskinan *Blueprint* di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan untuk barangan bernilai kurang daripada RM5,000.00. Manakala usahawan yang memerlukan pinjaman kewangan, pihak Hijrah Selangor menawarkan pinjaman dari RM3,000.00 sehingga RM50,000.00 mengikut terma dan syarat.

ii) <u>KURSUS KEUSAHAWANAN</u>

Selain itu Kerajaan Negeri turut menganjurkan kursus keusahawanan bertujuan untuk memberi pendedahan terkini tentang bidang perniagaan dan keusahawanan. Pada tahun 2016, sebanyak 9 siri kursus keusahawanan telah dirancang di peringkat daerah dan 7 siri kursus akan dilaksanakan di peringkat negeri. Modul-modul kursus adalah daripada asas keusahawanan sehingga teknik perniagaan dan pemasaran yang terkini.

iii) <u>PAMERAN/EKSPO</u>

Salah satu langkah bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran produk para usahawan di negeri Selangor adalah melalui ekspo dan pameran. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menerima jemputan untuk menyertai ekspo dan pameran

tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC), Malaysia International Halal Showcase (MIHAS), Selangor International Expo (SIE)* dan *Malaysia Halal Festival (HALFEST)*. Usahawan yang berkelayakan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor . Penganjuran ekspo dan pameran ini telah memberi ruang kepada usahawan dalam meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke peringkat antarabangsa. Pada tahun ini semasa MIHAS 2016 yang berlangsung pada Usahawan yang paling berjaya pada tahun 2016 adalah pada pameran MIHAS yang berlangsung pada 30 Mac-2 April 2016, produk kerepek *seaweed* jenama *Teego* daripada syarikat Inspire Human Capital Development Sdn Bhd telah memperolehi kontrak pembekalan ke tiga buah negara iaitu Dubai, Jeddah dan Jepun yang bernilai RM790,000.00.

iv) <u>KARNIVAL/FESTIVAL USAHAWAN</u>

Seterusnya, 9 siri karnival *Mini Mega Sale* di peringkat PBT telah dirancang untuk tahun 2016. Setakat ini program ini telah diadakan di 2 PBT iaitu di Hulu Selangor dan Kuala Langat. Selebihnya akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Karnival ini bukan sahaja fokus kepada peniaga, bahkan penduduk tempatan juga turut mendapat faedah dengan mendapatkan pilihan barangan dengan harga yang rendah dan berpatutan. Dalam pada itu, terdapat karnival usahawan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri bagi mempergiatkan lagi ekonomi negeri Selangor dan para usahawan khususnya. Antara karnival yang telah berlangsung adalah Selangor *Food Mega Festival* yang telah mencatatkan jualan sebanyak RM2.3 juta , Festival Ramadhan (FESTIRA) yang telah berlangsung di 4 lokasi iaitu Stadium Sungai Besar (Sabak Bernam), Stadium Malawati (Shah Alam), Majlis Perbandaran Ampang Jaya, SACC Mall (Shah Alam) dan Kompleks PKNS (Shah Alam).

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : PEMBANGUNAN WANITA SELANGOR

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila kemukakan dasar atau polisi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Selangor untuk pembangunan Wanita di Selangor.

b) Sila kemukakan senarai program-program serta bilangan peserta yang berkaitan dengan pembangunan wanita Selangor yang telah dijalankan dalam tempoh tahun 2008 hingga Mei 2013 serta Jun 2013 hingga Jun 2016.

c) Berapakah bilangan wanita telah berjaya menjadi usahawan wanita Selangor melalui program tersebut?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor menggunapakai Dasar Wanita Negara sebagai dasar dan polisi dalam merancang program-program berkaitan wanita iaitu menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita dengan mengarusperdanakan kepentingan wanita untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan negara untuk mencapai kesaksamaan gender.

   Matlamat dasar ini adalah untuk:

   i. membangun potensi dan mendayaupayakan wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dan dalam semua sektor sebagai agen perubahan kepada masyarakat serta penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara;

   ii. menyediakan persekitaran yang kondusif, termasuk penggubalan dasar dan perundangan mesra wanita, bagi meningkatkan martabat dan kesejahteraan hidup wanita dalam semua aspek termasuk fizikal, ekonomi, sosial, politik, kesihatan, psikologi dan kerohanian;

   iii. membudayakan kesaksamaan gender di kalangan semua lapisan masyarakat dalam semua sektor;

iv. memastikan pandangan dan suara wanita diterima pakai dalam proses membuat keputusan di semua peringkat;

v. mencapai perkongsian saksama antara wanita dengan lelaki dalam memperoleh dan mengawal sumber dan peluang penyertaan serta menikmati manfaat pembangunan; dan

vi. meningkat dan mengukuhkan perkongsian adil dan saksama antara wanita dengan lelaki dalam semua aspek kehidupan bagi memantapkan institusi keluarga serta membangunkan komuniti dan masyarakat.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah menetapkan satu Pelan Tindakan Wanita Selangor 2010-2018 yang mempunyai misi Pemberdayaan Wanita Selangor ke arah pembinaan masyarakat madani.

Objektif Misi Pemberdayaan Wanita Selangor adalah membentuk wanita dengan :

i. membina jati diri wanita yang dinamik;
ii. memupuk sifat daya saing wanita;
iii. membangun sifat berperi kemanusiaan;
iv. mengembang ilmu yang diperlukan; dan
v. melahirkan wanita yang berketerampilan dan berupaya mendorong individu sekeliling mereka ke arah menghayati prinsip-prinsip masyarakat madani.

Dalam hal pemberdayaan wanita, usaha Kerajaan Negeri Selangor sejak 2008 adalah meliputi :-

i) Peningkatan Tahap Kesihatan Wanita Selangor;

Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Mammogram Selangor (MammoSel) bagi meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pengesanan awal terhadap kanser payudara. Seramai 22,248 orang telah menerima manfaat melalui program tersebut semenjak dilancar pada tahun 2010. Selain itu, tahap kesedaran wanita Selangor tentang bahaya kanser semakin meningkat seiring dengan program-program kempen yang telah dilaksanakan setiap tahun.

ii) Program Pengupayaan Pendidikan

Dalam kaitan di atas, Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah peruntukan khusus bagi pengupayaan wanita dalam bidang pendidikan. Melalui program-program Pembangunan Wanita dan Pusat Wanita Berdaya (PWB) maka ramai wanita Selangor kini lebih berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang pendidikan. Program-program yang dilaksanakan adalah dalam pelbagai bentuk antaranya melalui kempen-kempen kesedaran dan advokasi, bengkel-bengkel latihan jangka panjang dan jangka pendek, seminar-seminar dan lain-lain lagi. Segenap lapisan wanita di Selangor akan dilibatkan dan tiada kecicirian ini termasuklah wanita-wanita dari ladang.

iii) Penglibatan Wanita Dalam Keusahawanan

Kerajaan Negeri amat prihatin dan serius dalam meningkatkan bilangan wanita dalam bidang keusahawanan. Sehubungan itu, pelbagai program telah diperkenalkan bagi meningkatkan peluang wanita dalam membina perniagaan sendiri. Tidak kurang juga bantuan kewangan juga disediakan untuk wanita Selangor yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan di bawah Program HIJRAH. Untuk makluman, seramai 15,072 orang adalah peserta wanita dari jumlah keseluruhan peserta seramai 24,628 orang peserta yang menyertai program tersebut.

b) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah melaksanakan pelbagai program bagi membangunkan wanita di Selangor. Berikut adalah senarai program yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita sepanjang tempoh 2008 sehingga Mei 2013.

BIL	NAMA PROGRAM	JUMLAH PESERTA (ORANG)
1.	Kursus Kemahiran Penyelia Pusat Wanita Berdaya	50
2.	Kursus Kemahiran Jahitan Dan Masakan	50
3.	Seminar Kesedaran Gender Equality	100
4.	Kursus Jati Diri Ibu Tunggal	50

BIL	NAMA PROGRAM	JUMLAH PESERTA (ORANG)
5.	Program Ramah Mesra EXCO Bersama Rakyat	100
6.	Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor	1000
7.	Konvensyen Kepimpinan Wanita Selangor	1000
8.	Sambutan Hari Wanita Desa Selangor	1000
9.	Seminar Kesedaran Terhadap Kesihatan Di Peringkat Daerah	100
10.	Lawatan Ke Rumah Perlindungan Di Negeri Selangor	50
11.	Kursus Kemahiran Jahitan Dan Masakan 14 Program	30 x 14 = 420
12.	Kursus Jati Diri Ibu Tunggal	100
13.	Seminar Perlindungan Undang-Undang Terhadap Wanita Negeri Selangor	200
14.	Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor	1000
15.	Majlis Pelancaran Kesedaran Anti Pemerdagangan Manusia (MAPMAS)	1000
16.	Majlis Permuafakatan Wanita Selangor	50
17.	Program Ramah Mesra EXCO Bersama Rakyat	200
18.	Seminar Kemahiran Ibu Bapa	100
19.	Kursus Kesedaran Kesihatan Diri Remaja	200
20.	Seminar Kesihatan	150
21.	Bengkel Keganasan Rumahtangga	200

BIL	NAMA PROGRAM	JUMLAH PESERTA (ORANG)
22.	Bengkel Kemahiran Jahitan Dan Masakan	30 x 10 = 300
23.	Seminar Kesedaran Gender Equality	200
24.	Seminar Pembangunan Dan Kesedaran Diri	100
25.	Seminar Undang-Undang Hak Wanita Negeri Selangor	100
26.	Lawatan Rumah Perlindungan Di Negeri Selangor	100
27.	Kursus Jati Diri Ibu Tunggal	100
28.	Program Ramah Mesra EXCO Bersama Rakyat	100
29.	Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor	1000
30.	Top Show You Are Beautiful	1000
31.	Program Ekonomi Hawa Dan Pelancaran WALA	1000
32.	Perhimpunan Wanita Suara Perubahan	1000
33.	Kursus Jangka Pendek Masakan Dan Jahitan	30 x 11 = 330
34.	Program Pelancaran PWB Selangor Mart	500
35.	Karnival Usahawan Wanita Mikro	1000
36.	Lawatan Kerja Ke My Batik Beranang	150
37.	Program Seminar Perlindungan Remaja Wanita	500
38.	Program Karnival Wanita Muda	500
39.	Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Selangor	1000

BIL	NAMA PROGRAM	JUMLAH PESERTA (ORANG)
40.	Kempen Kesedaran OSCC	200
41.	Program Advokasi Pemerdagangan Manusia	500
42.	Program Karnival Wanita Sihat	500
43.	Program Celik Wanita “Sihat Itu Indah”	1000
44.	Program Kariah Ramadhan	500
45.	Lawatan Ilmu Ibu Tunggal Ke Taman Herba	50
46.	Bengkel Interaktif Pembangunan Pemimpin Cemerlang Para Penyelia PWB Selangor	60
47.	Kejohanan Bola Jaring Bawah 19 Tahun Negeri Selangor	500

Manakala, program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh Jun 2013 sehingga Jun 2016 adalah seperti berikut :

BIL	NAMA PROGRAM	JUMLAH PESERTA (ORANG)
1.	Bengkel Kemahiran Jangka Pendek Masakan Dan Jahitan	30 x 10 = 300
2.	Seminar Keusahawanan Wanita Negeri Selangor	50
3.	Konvensyen Kepimpinan Wanita	500
4.	Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Selangor	1000
5.	Pra Pelancaran Hari Wanita	500

BIL	NAMA PROGRAM	JUMLAH PESERTA (ORANG)
6.	Women's Marathon	3000
7.	Seminar Keusahawanan Wanita 2014	150
8.	Sambutan Hari ibu	1000
9.	Program Kempen Kesedaran Keganasan Wanita	300
10.	Seminar Kesihatan	500
11.	Kempen Gaya Hidup Sihat	500
12.	Program Sumbangan Ramadhan Sabak Bernam	300
13.	Widow's Day	1000
14.	Pertandingan Bola Jaring	200
15.	Pertandingan Badminton	100
16.	Kejohanan Sukan JAKIM	1000
17.	Program Women Marathon	3000
18.	Sambutan Hari Wanita Sedunia Dan Pra Pelancaran Selangor Orked Feshion Festival	1000
19.	Program Selangor Orked Feshion Festival	1000
20.	Program Muslimat Sepanjang Bulan Ramadhan	3500
21.	Program Advokasi Wanita 2015	1000
22.	Program Perlindungan Terumbu Karang dan Kibaran Bendera Terbesar PUSPANITA Negeri Selangor	40

BIL	NAMA PROGRAM	JUMLAH PESERTA (ORANG)
23.	Karnival Wanita Pandan Sempena Hari Wanita Sedunia 2015	200
24.	Karnival Hari Wanita dan 'Ladies Night' Majlis Perbandaran Selayang	500
25.	Bengkel Kraftangan	200
26.	Kursus Asas Penyelia PWB Selangor	130
27.	Program Mobile Spa Terapis	30
28.	Program Simbolik Penyerahan Kit Asas OSCC dan Lawatan Turun Padang YB EXCO kepada Hospital-hospital Terlibat OSCC di Selangor	300
29.	Program Kursus Pengucapan Awam Untuk Para Penyelia Pusat Wanita Berdaya (Pwb) Negeri Selangor	130
30.	Seminar Antarabangsa *"Women's Health : Food, Cancer And Cholestrol*" Dengan Kerjasama Universiti Selangor (Unisel)	120
31.	Program Anti-Keganasan Wanita Daerah Hulu Selangor	100
32.	Program Anti-Keganasan Wanita Daerah Sabak Bernam	200
33.	Program Anti-Keganasan Wanita Daerah Kuala Selangor	100
34.	Program Bengkel Kraftangan Sempena Hari Bertemu Pelanggan Di Daerah Sabak Bernam	200

BIL	NAMA PROGRAM	JUMLAH PESERTA (ORANG)
35.	Program Kursus Pengurusan Kewangan Berhemah, Kemahiran Organisasi Dan Kefahaman Gender Untuk Para Penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) Negeri Selangor	110
36.	Program Pemantapan PWB	93
37.	Program Pelancaran Kempen #*HeForShe* dan Majlis Ramah Mesra Dato' Menteri Besar Selangor Bersama Para Pembuat Dasar Wanita Selangor	450
38.	Seminar Keluarga dalam Pelaksanaan Syariah 2016 " Ke Arah Mahkamah Syariah yang Mesra Keluarga "	150
39	Program Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor 2016 #*PledgeFor Parity*	400
40.	Program Mammogram Selangor (MammoSel) dan Penyerahan Surat Rakan Kerjasama Pengendali Mammogram 2016	1000
41.	Program Peningkatan Kesedaran Tahap Gejala Sosial Dikalangan Remaja Wanita Melalui " *Big Girls Talk*"	400
42.	Program Semarak Ramadhan Negeri Selangor 2016M / 1437H	3500
43.	Karnival Usahawan Wanita Muda Kuala Selangor	500
44.	Kejohanan Bola Jaring Piala Pusingan YB Puan Dr. Daroyah 2016	500

BIL	NAMA PROGRAM	JUMLAH PESERTA (ORANG)
45.	Program *Walk For Huminity*, Rose2Rose dan Karnival Keluarga	3000
46.	Program Majlis Garduasi PWB Spa Terapis	400
47.	Program Penyerahan Lantikan Watikah Penyelia PWB Selangor dan Pelancaran Logo PWB Selangor	200
48.	Program Jelajah MammoSel 2016 daerah Sabak Bernam	100
49.	Program Senamrobik Wanita Penghuni Kuarters Kerajaan Seksyen 16 Shah Alam	50
50.	Pertandingan Futsal Wanita Ampang Jaya	250

c) Pembangunan wanita adalah merupakan agenda utama dalam pemberdayaan wanita. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri amat prihatin dalam usaha memartabatkan wanita Selangor. Ramai wanita yang telah berjaya dalam bidang masing-masing khususnya dalam bidang keusahawanan. Namun demikian, Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Selangor selaku urusetia, masih dalam usaha dalam mengumpulkan data dan maklumat bagi tujuan makluman dan rekod.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : SISTEM *WIFI SMART* SELANGOR

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila kemukakan 1 senarai yang lengkap lokasi pemasangan *Wifi Smart* Selangor

b) Apakah kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan Selangor sehingga *Wifi Smart* Selangor tidak dapat dilaksanakan di seluruh Selangor?

JAWAPAN:

a) Senarai Lokasi pemasangan *WiFi Smart* Selangor seperti di “Lampiran A”

b) Bagi melaksanakan *WiFi Smart Selangor* ini beberapa kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan Selangor sehingga *Wifi Smart Selangor* tidak dapat dilaksanakan di seluruh Selangor adalah seperti berikut:-

i. Kesukaran untuk mendapatkan lokasi yang sesuai untuk pemasangan;
ii. Tiada kerjasama dan persetujuan daripada pemilik premis / bangunan untuk pemasangan wifi terutamanya dari pemilik premis persendirian dan bangunan-bangunan dari Agensi Kerajaan Persekutuan seperti sekolah dan pusat-pusat kesihatan;
iii. Tiada infrastruktur dan isyarat liputan bagi penyambungan internet di sebahagian kawasan yang telah dipilih; dan
iv. Kesukaran untuk mendapatkan punca kuasa elektrik dan jaminan kawalan keselamatan terhadap peranti “*Access Point*” di sebahagian kawasan yang telah dipilih.

TOTAL OF SITES	TOTAL OF AP
2500	2881

Bil	ADDRESS / LOCATION	AP	LOCATION OF AP
1	HALWA SEAFOOD;JALAN PP 5D/1;47130;MALAYSIA;PUCHONG	1	HALWA SEAFOOD
2	Rasa Seri Alamanda Cyberpoint Barat;LINGKARAN CYBER POINT BARAT;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	Rasa Seri Alamanda Cyberpoint Barat
3	Restoran Al Naz Maju NeoCyber ;LINGKARAN CYBER POINT BARAT;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	Restoran Al Naz Maju NeoCyber
4	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	pintu masuk VIP
5	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	passageway 01
6	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	entrance 01
7	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	badminton court 3
8	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	badminton court 1
9	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	passageway 02
10	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya ;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	passageway 02
11	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	court futsal 1 depan
12	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	court futsal 1 belakang
13	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	court futsal 2 belakang
14	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	court futsal 2 depan
15	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	dewan makan
16	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya 1000037;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	dewan makan bahagian luar
17	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	kaunter dewan makan
18	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	lobby
19	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	pintu masuk leisure area
20	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	ruang berehat
21	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	dewan hadapan
22	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	dewan belakang
23	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	caf
24	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	bangunan caf
25	Kelab Komuniti Taman Tasik Cyberjaya;JALAN KELAB OFF PERSIARAN SEMARAK API;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	bangunan caf
26	TM Research and Develoment;LINGKARAN TEKNOKRAT TIMUR;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	TM Research and Develoment
27	Bangunan IDC TM;LINGKARAN TEKNOKRAT TIMUR;63000;MALAYSIA;CYBERJAYA	1	Bangunan IDC TM
28	KOPITIAM SUI YUEN SDN. BHD.;JALAN MERAK 4A;47100;MALAYSIA;PUCHONG	1	KOPITIAM SUI YUEN SDN. BHD.
29	RESTORAN ALI BABA;JALAN BK 5/12A;47180;MALAYSIA;PUCHONG	1	RESTORAN ALI BABA
30	RESTORAN NASI KANDAR DI NOOR;JALAN OP 1/5;47160;MALAYSIA;PUCHONG	1	RESTORAN NASI KANDAR DI NOOR
31	RESTORAN A K S DIN BISTRO;JALAN DU 2/1;47180;MALAYSIA;PUCHONG	1	RESTORAN A K S DIN BISTRO
32	RESTORAN AL AZURA;JALAN TPK 1/7;47180;MALAYSIA;PUCHONG	1	RESTORAN AL AZURA
33	Hidangan Ummi;JALAN JALIL JAYA;57000;MALAYSIA;BUKIT JALIL	1	Hidangan Ummi
34	WATER FILTER;JALAN PUJ 8/6;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	WATER FILTER
35	RESTORAN PANYU;JALAN PUJ 3/3;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	RESTORAN PANYU
36	Binary University;Jalan Persiaran Puchong Jaya Selatan;47100;MALAYSIA;Puchong	1	post grads department 1 floor
37	Mamak Bistro : 40-1, Jalan Puteri 7/10, Bandar Puteri, Puchong.	1	MAMAK BISTRO
38	HOSPITAL COLUMBIA;LEBUH 1;47200;MALAYSIA;PUCHONG	1	Ruang menunggu 1
39	HOSPITAL COLUMBIA;LEBUH 1;47200;MALAYSIA;PUCHONG	1	Ruang menunggu 2
40	HOSPITAL COLUMBIA;LEBUH 1;47200;MALAYSIA;PUCHONG	1	Lobby
41	HOSPITAL COLUMBIA;LEBUH 1;47200;MALAYSIA;PUCHONG	1	Caf
42	Masjid As Salam;PERSIARAN PUCHONG PERDANA;47100;MALAYSIA;PUCHONG	1	Masjid As salam
43	RESTORAN THOHA;JALAN PH 4;47100;MALAYSIA;PUCHONG	1	RESTORAN THOHA
44	KLINIK DESA PULAU MERANTI;JALAN MERANTI 2;47100;MALAYSIA;PUCHONG	1	KLINIK DESA PULAU MERANTI
45	SJK (C) KUNG MAN;JALAN PUTEH;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	SJK (C) KUNG MAN
46	TM Point 2000013;JALAN DAGANG SB 4/2;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	TM Point Jln Dagang
47	MAULANA BISTRO CORNER;JALAN DAGANG SB 4/2;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	MAULANA BISTRO CORNER
48	EC MART;JALAN BS 14/1;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	EC MART
49	RESTORAN WONG LOI;JALAN PSK 8;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	RESTORAN WONG LOI
50	GOLDEN BAY BISTRO 600035;JALAN PSK 10;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	GOLDEN BAY BISTRO
51	Masjid Riadhus Solihin;JALAN 5/4;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	Masjid Riadhus Solihin
52	RESTORAN JAMEK MAJU KL;JALAN 18/46;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	RESTORAN JAMEK MAJU KL
53	SALA TOMYAM;JALAN 18/31;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	SALA TOMYAM
54	RESTORAN NURGANI BISMILLAH;JALAN SUSUR;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	RESTORAN NURGANI BISMILLAH
55	RESTORAN AL SAMEERR MAJU;JALAN PP 32;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	RESTORAN AL SAMEERR MAJU
56	MUBARAK BISTRO SDN BHD 600029;JALAN LP 2A/1;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	MUBARAK BISTRO SDN BHD
57	PASAR MINI AL HIDAYAT;JALAN PINGGIRAN 1/4;43300;MALAYSIA;SERI KEMBANGAN	1	PASAR MINI AL HIDAYAT
58	Sekolah Menengah Agama Bandar Baru Salak Tinggi;JALAN 8;43900;MALAYSIA;SEPANG	1	Sekolah Menengah Agama Bandar Baru Salak Tinggi
59	Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Sepang;JALAN PERSIARAN 1;43900;MALAYSIA;SEPANG	1	Kompleks Pejabat Daerah Sepang
60	AMIRAH CHIEW BAKERY and CAFE;JALAN WARISAN MEGAH 1/4;43900;MALAYSIA;SEPANG	1	AMIRAH CHIEW BAKERY and CAFE
61	RESTORAN LANAI MUTIARA;JALAN SEROJA 4;43900;MALAYSIA;SEPANG	1	RESTORAN LANAI MUTIARA
62	ILHAM CORNER;JALAN USJ 21/4;47630;MALAYSIA;SUBANG JAYA	1	ILHAM CORNER
63	LOMBONG PADI 46 G LINGKARAN CYBER POINT BARAT NEW CYBER	1	Counter
64	Pasaraya Neojaya No. 57G, Lingkaran Cyber Point Barat, Neo Cyber, Selangor, 63000 Cyberjaya	1	Counter
65	TAI HENG FOOD COURT JALAN TPK 1/1. TAMAN PERINDUSTRIAN KINRARA. PUCHONG	1	Counter
66	RESTORAN JIN HONG JALAN DU 1. TAMAN DAMAI UTAMA. PUCHONG	1	Counter
67	RESTORAN AL-BAIDURI JALAN PUTERI 5/1, BANDAR PUTERI.	1	Counter
68	NASI KANDAR SRI BELANGA JALAN INDAH 3/1, TAMAN PUCHONG INDAH	1	Counter
69	RESTORAN RIFAYAH MAJU JALAN SP 3/11, TAMAN SAUJANA PUCHONG	1	Counter
70	RESTORAN PKS MAJU JALAN SB INDAH 1/18, TAMAN SG.BESI INDAH, SERI KEMBANGAN	1	Counter
71	KAFA INTEGRASI BUKIT BELIMBING JALAN BUNGA RAYA, TAMAN BUKIT BELIMBING, SERI KEMBANGAN	1	Counter
72	PASAR SEGAR SSV (EJ MART) JALAN BUDIMAN 2/2, TAMAN PUTRA BUDIMAN, BALAKONG	1	Counter
73	PETRONAS SERI SERDANG LEBUHRAYA SUNGAI BESI	1	CRAVEN CAFÉ LEVEL 1
74	YH MOTOR LOT 3,OFF JALAN SR8/2 TAMAN SERDANG JAYA	1	Counter
75	CKW AUTO LOT 3,OFF JALAN SR8/2 TAMAN SERDANG JAYA	1	Counter
76	TY RESTAURANT JALAN BPP 5/4, BANDAR PUTRA PERMAI, SERI KEMBANGAN	1	Counter
77	RESTORAN IKAN BAKAR TAWAU PLT JALAN ATMOSPHERE 6, BANDAR PUTRA PERMAI, SERI KEMBANGAN	1	Counter
78	S3 VENTURE 58 G JALAN 2 MEDAN 120,BANDAR BARU SALAK TINGGI	1	Counter
79	RESTORAN FADHIYA JALAN SEROJA 4. TAMAN SEROJA.	1	Counter
80	USJ 19 MALL LOBY JALAN PERSIARAN KEWAJIPAN USJ 19	1	GROUND FLOOR
81	Restoran Kar Lok Jalan TK 5/40,Taman Kinrara,47190 Puchong,Selangor	1	RESTORAN KAR LOK
82	Pa Pa Steamboat 12, Jalan Helang 15,Bandar Puchong Jaya,47100 Puchong,Selangor	1	PA PA STEAMBOAT
83	Shabu-Shabu Café,33 & 35, Jalan PSK 1,Pusat Perdagangan Seri Kembangan,43300 Seri Kembangan,Selangor	1	BUS STATION CAFÉ (SHABU-SHABU CAFÉ)
84	Restoran 126,No. 47, Jalan PSK 9, Pusat Perdagangan Seri Kembangan,Serdang, 43300	1	ONE TWO SIX PSK RESTAURANT
85	Restoran Kaarraikudi Chettis 3253 A, Jalan 18/37, Taman Sri Serdang, 43300 Seri Kembangan, Selangor, Malaysia	1	RESTORAN KAARRAIKUDI CHETTIS
86	RESTORAN SELERA WARIS, 3, JALAN INDAH 2/10, TAMAN UNIVERSITI, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	RESTORAN SELERA WARIS, 3, JALAN INDAH 2/10, TAMAN UNIVERSITI, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
87	RESTORAN ROI ROI, G-7, JALAN ST1C 7, BANDAR BARU SALAK TINGGI, 43900 SEPANG, SELANGOR.	1	RESTORAN ROI ROI, G-7, JALAN ST1C 7, BANDAR BARU SALAK TINGGI, 43900 SEPANG, SELANGOR.
88	RESTORAN HIJAS SDN BHD, 2, JALAN WARISAN MEGAH, KOTA WARISAN, 43900 SALAK TINGGI, SELANGOR.	1	RESTORAN HIJAS SDN BHD, 2, JALAN WARISAN MEGAH, KOTA WARISAN, 43900 SALAK TINGGI, SELANGOR.
89	RESTAURANT WTS USJ, 51, JALAN USJ 1/19 , USJ I, 47620 SUBANG JAYA, SELANGOR	1	RESTAURANT WTS USJ, 51, JALAN USJ 1/19 , USJ I, 47620 SUBANG JAYA, SELANGOR
90	SEK. MEN. KEB. USJ 8, JALAN KEWAJIPAN, USJ 8, 47600 SUBANG JAYA, SELANGOR	1	SEK. MEN. KEB. USJ 8, JALAN KEWAJIPAN, USJ 8, 47600 SUBANG JAYA, SELANGOR
91	MASJID AL-IRSYAD, PERSIARAN SUBANG MEWAH, USJ 1, 47620 SUBANG JAYA, SELANGOR.	1	MASJID AL-IRSYAD, PERSIARAN SUBANG MEWAH, USJ 1, 47620 SUBANG JAYA, SELANGOR.
92	SEK MEN KEB SERI SEPANG, JALAN, ST1/2, BANDAR BARU SALAK TINGGI, 43900, SEPANG, SELANGOR	1	
93	GERAI SUP UTARA, JALAN, PULAU MERANTI, KAMPUNG PULAU MERANTI, 47100, PUCHONG, SELANGOR	1	
94	KENYIT KENYIT CAFE, JALAN, MERANTI 9, KAMPUNG PULAU MERANTI, 47120, PUCHONG, SELANGOR	1	
95	Masjid Raji Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya, 63000 Cyberjaya, Selangor	1	ruang solat utama bahagian tengah ground floor
96	Masjid Raji Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya, 63000 Cyberjaya, Selangor	1	ruang solat belakang kanan ground floor
97	Masjid Raji Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya, 63000 Cyberjaya, Selangor	1	ruang taman kanan ground floor
98	Masjid Raji Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya, 63000 Cyberjaya, Selangor	1	ruang taman kiri ground floor
99	DEWAN PANGSAPURI SRI INDAH, PERSIARAN LESTARI PERDANA, TAMAN LESTARI PERDANA, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
100	MASJID AL-MUKMINUN, JALAN USJ 2/4S, USJ 2, 47600 SUBANG JAYA, SELANGOR	1	
101	MK WORLD AUTO, OFF JALAN SR 8/2, TAMAN SERDANG RAYA, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
102	TWO S MOTOR, OFF JALAN SR 8/2, TAMAN SERDANG RAYA, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
103	AFP MOTOR, OFF JALAN SR 8/2, TAMAN SERDANG RAYA, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
104	RESTORAN D'BANANA LEAF, LINGKARAN CYBER POINT BARAT, NEO CYBER, 63000 Cyberjaya, SELANGOR	1	
105	PASARAYA TNC SDN BHD, JALAN KEKWA, TAMAN PUCHONG PERDANA, 47100 PUCHONG , SELANGOR	1	
106	RETORAN REJAB. JALAN PU 7/4. TAMAN PUCHONG UTAMA. 47100 PUCHONG. SELANGOR	1	
107	REST ALI FOOD CORNER. JALAN BPP 5/7. BANDAR PUTRA PERMAI. 43300 SERI KEMBANGAN. SELANGOR	1	
108	Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia	1	Library level 1
109	Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia	1	Café Level 1
110	Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia	1	Bilik Melati level 1
111	Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia	1	Bilik Teratai level 2
112	Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia	1	Kaunter bayaran Level 2
113	Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia	1	Bilik Melur Level 2
114	Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia	1	Bilik Mawar Level 4
115	Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia	1	Bilik Jamuan Level 4
116	Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia	1	Bilik Meeting Semarak Level 4
117	RESTORAN MAT AYAM KAMPUNG, LINGKARAN CYBER POINT BARAT, NEO CYBER, 63000 CYBERJAYA, SELANGOR	1	

Bil	ADDRESS / LOCATION	AP	LOCATION OF AP
118	HE XI RESTORAN, JALAN MERAK 4A, BANDAR PUCHONG JAYA, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
119	RESTORAN SRI MEENAS, JALAN HELANG 13, BANDAR PUCHONG JAYA, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
120	RESTAURANT TAI KA LOK SEAFOOD, JALAN TK 5/40, TAMAN KINRARA, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
121	SOH RESTAURANT, JALAN CHENUK 1, BANDAR PUCHONG JAYA, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
122	SHIOK KOPITIAM SDN. BHD., JALAN BK 3/2, BANDAR KINRARA, 47180 PUCHONG, SELANGOR	1	
123	PJ MART ENTERPRISE, JALAN PUJ 8/8, BANDAR PUTRA PERMAI, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
124	HAZIQ BISTRO, JALAN PUJ 8/8, BANDAR PUTRA PERMAI, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
125	THE UNIQUE TASTE RESTAURANT ENTERPRISE, JALAN PUTERI 5/16, BANDAR PUTERI, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
126	RESTORAN STEAMBOAT BB HO, JALAN PUTERI 2/2, BANDAR PUTERI, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
127	TASTE GOOD RESTAURANT, JALAN PUTERI 4/1, BANDAR PUTERI, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
128	RESTORAN MANTONG S/, JALAN PUTERI 4/1, BANDAR PUTERI, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
129	RESTORAN DOUBLE D, JALAN PUTERI 2/5, BANDAR PUTERI, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
130	RESTORAN TANJUNG NASI KANDAR DEEN SS, JALAN UTAMA 2/1, TMN INDUSTRI PUCHONG UTAMA, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
131	RESTORAN MIN SENG, JALAN BP 6/2, BANDAR BUKIT PUCHONG, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
132	ABC MAIDEEN N FOODS CORNER, JALAN MEDAN BELIMBING, TAMAN BUKIT BELIMBING, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
133	SPLENDID STYLE CAFE, JALAN PSK 4, PUSAT PERDAGANGAN, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
134	COFFEE LINK CAFE, JALAN PSK 1, PUSAT PERDAGANGAN, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
135	INSTITUT PERTANIAN, JALAN INSTITUT, 43400 SERDANG, SELANGOR	1	
136	MASJID AR RAHMAN, JALAN PULAU MERANTI MERANTI, 47120 PUCHONG, SELANGOR	1	
137	MASJID AN-NUR, JALAN USJ 4/1N, 47600 SUBANG JAYA, SELANGOR	1	
138	SEK.MEN.KEB.BDR PCG JAYA (A), JALAN TIONG, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
139	NO 9, LEVEL P1, PERSIARAN MULTIMEDIA, SHAFTBURY SQUARE, 63000 CYBERJAYA, SELANGOR.	1	
140	NO 33, JALAN TK 5/32A, TAMAN KINRARA, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
141	RESTAURANT RGH, JALAN TK 1/11A, TAMAN KINRARA SEKSYEN 1, 47180 PUCHONG, SELANGOR	1	
142	RESTORAN EIGHTY THREE PJ, JALAN PUJ 3/8, BANDAR PUTRA PERMAI, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
143	DME CREATIVE ENTERPRISE, JALAN PUJ 3/8, BANDAR PUTRA PERMAI, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
144	PUNCAK STEAK HOUSE, JALAN PUJ 3/13, BANDAR PUTRA PERMAI, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
145	RESTORAN A TAKBIR MAJU, JALAN MUTIARA 1/1, TAMAN MUTIARA INDAH, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
146	RESTORAN WAR RODA BARU, JALAN BP 6/3, BANDAR BUKIT PUCHONG, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
147	SHIN MA RU KO RESTAURANT, JALAN BP 6/10, BANDAR BUKIT PUCHONG, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
148	GORENG KUEY TEOW TONG SHIN RESTAURANT, JALAN PUTERI 2/6, BANDAR PUTERI, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
149	RESTORAN SEKINCHAN IKAN BAKAR SDN. BHD., JALAN PUTERI 1/8, BANDAR PUTERI, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
150	ROSHAYATI SEAFOOD, JALAN PP 2/4, TAMAN PUTRA PRIMA, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
151	ELEKTRONIK VAPOOR TREND, JALAN PUTERI 2/3, BANDAR PUTERI, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	
152	RESTORAN TEIN TEIN, JALAN SR 7/4, TAMAN SERDANG RAYA, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
153	KEDAI MAKANAN LEE NGU KEE, JALAN PSK 7, PUSAT PERDAGANGAN, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
154	RESTORAN AYU SEAFOOD, JALAN PP 26, SEKSYEN 2, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
155	SERI BALING MINI MARKET, JALAN PUTRA PERMAI 1B, BANDAR PUTRA PERMAI, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
156	RESTAURANT B BISMI BISTRO, JALAN DALPINIA 10, TAMAN DALPINIA, 47120 PUCHONG, SELANGOR	1	
157	RESTORAN IKRAM MIKAEL IKAN BAKAR, JALAN SURIA PUCHONG 1, PUSAT PERNIAGAAN SURIA PUCHONG, 47110 PUCHONG, SELANGOR	1	
158	RESTORAN HONG LI, JALAN BPP 5/6, BANDAR PUTRA PERMAI, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	1	
159	B BEST OWNER RESTAURANT, JALAN ST1C/9, BANDAR BARU SALAK TINGGI, 43900 SEPANG, SELANGOR	1	
160	TERKINI FOOD ENTERPRISE, JALAN USJ 21/3, USJ 21, 47630 SUBANG JAYA, SELANGOR	1	
161	MAJLIS DAERAH SEPANG Persiaran Semarak Api Unit Office (GOVERNMENT) 46300 Cyberjaya	1	Persiaran Semarak Api Unit Office (GOVERNMENT) 46300 Cyberjaya
162	DAY TO DAY RESTAURANT DAY TO DAY RESTAURANT ; No 1 Jalan TK 5/2 , Taman Kinrara 47190 Puchong, Selangor	1	DAY TO DAY RESTAURANT ; No 1 Jalan TK 5/2 , Taman Kinrara 47190 Puchong, Selangor
163	HO BOH RESTAURANT HO BOH RESTAURANT ; 21A, Jalan TK 1/11A Taman Kinrara, 47100 Puchong, Selangor	1	HO BOH RESTAURANT ; 21A, Jalan TK 11/1A Taman Kinrara, 47100 Puchong, Selangor
164	JUMBO RESTAURANT & CATERING JUMBO RESTAURANT and CATERING SDN BHD ; No 47, Jalan 23, Taman Bukit Kuchai, 47100 Puchong, Selangor	1	JUMBO RESTAURANT and CATERING SDN BHD ; No 47, Jalan 23, Taman Bukit Kuchai, 47100 Puchong, Selangor
165	RESTORAN AMER EHSAN 2 JALAN BK 3/2 BANDAR KINRARA 47100 PUCHONG ,SELANGOR	1	2 JALAN BK 3/2 BANDAR KINRARA 47100 PUCHONG ,SELANGOR
166	STOR JR MEGA STOR JR MEGA, 10, JALAN BK 4/2A, BANDAR KINRARA, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	STOR JR MEGA, 10, JALAN BK 4/2A, BANDAR KINRARA, 47100 PUCHONG, SELANGOR
167	FEUNG SEN ENTERPRISE FEUNG SEN ENTERPRISE ; No 9G Jalan BK 15/2A, Taman Kinrara, 47100 Puchong, Selangor	1	FEUNG SEN ENTERPRISE ; No 9G Jalan BK 15/2A, Taman Kinrara, 47100 Puchong, Selangor
168	AMMAZ RECIPE AMMAZ RECIPE, 2-A, JALAN BK 9/3, BANDAR KINRARA,47180 PUCHONG, SELANGOR.	1	AMMAZ RECIPE, 2-A, JALAN BK 9/3, BANDAR KINRARA,47180 PUCHONG, SELANGOR.
169	101 LAKE VIEW SDN. BHD 101 LAKE VIEW SDN BHD, 16-1, JALAN MERBAH 2, BANDAR PUCHONG JAYA, 47100 PUCHONG, SELANGOR	1	101 LAKE VIEW SDN BHD, 16-1, JALAN MERBAH 2, BANDAR PUCHONG JAYA, 47100 PUCHONG, SELANGOR
170	YI ZI BANG RESTAURANT No 9 Jalan TPK 1/5 Taman Perindustrian Kinrara, 47100 Puchong Selangor	1	No 9 Jalan TPK 1/5 Taman Perindustrian Kinrara, 47100 Puchong Selangor
ii. Bagi tanah-tanah yang telah diberimilik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) maka hak PTP sebagai pemilik tanah adalah tertakluk dalam peruntukkan Seksyen 44 KTN yang antaranya hak untuk penyenggaraan dan pemeliharaannya. Bagi tanah yang diwartakan untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk mengawal dan menguruskan tanah tersebut seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 85(4). Walau bagaimanapun bagi tanah-tanah yang telah diperuntukkan namun belum diberimilik atau diwartakan, tanah tersebut masih menjadi tanah kerajaan dan tanggungjawab tersebut adalah di bawah Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)

TAJUK : PESAKIT AUTISME

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah pesakit autisme yang telah didaftarkan di Selangor mengikut daerah.

b) Apakah bantuan yang disalurkan Kerajaan Negeri kepada pesakit autisme di Selangor?

JAWAPAN:

a) Berikut adalah jumlah pendaftaran bagi Orang Kurang Upaya Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor bagi Kategori Masalah Pembelajaran jenis ketidakupayaan Autisme mengikut tahun 2014 hingga 2016.

BIL	DAERAH	TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016
1.	KLANG	182	88	60
2.	GOMBAK	135	111	46
3.	HULU LANGAT	79	89	61
4.	HULU SELANGOR	44	21	17
5.	PETALING	146	180	123
6.	KUALA LANGAT	18	16	19
7.	SEPANG	12	11	3
8.	SABAK BERNAM	8	10	6
9.	KUALA SELANGOR	8	9	12
	JUMLAH	**632**	**535**	**347**

(Jawapan ini telah disediakan oleh Bahagian Orang Kurang Upaya dan Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor Darul Ehsan)

b) Sepertimana yang telah diumumkan oleh Dato' Menteri Besar Selangor dalam Ucapan Belanjawan Negeri Selangor 2016 yang lalu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 akan diperuntukkan bagi melaksanakan Pusat Didikan Dan Terapi *Smart* Selangor atau DIDIK *Smart* Selangor.

Pelaksanaan pusat ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu golongan orang kurang upaya (OKU) autisme sebagai pusat sehenti bagi rawatan autisme yang diharapkan dapat mengurangkan beban keluarga terutama bagi yang berpendapatan rendah dan sederhana. Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor juga ada menyalurkan bantuan kewangan secara umum kepada OKU berdaftar di Selangor. Walau bagaimanapun bantuan tidak khusus kepada autisme sahaja bergantung kepada syarat-syarat layak menerima bantuan kewangan. Bantuan kewangan yang dimaksudkan adalah Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB) dan Elaun Pekerja Cacat (EPC).

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)

TAJUK : PROGRAM SEPANJANG RAMADHAN

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan semua program yang dianjurkan Kerajaan Negeri sepanjang Ramadhan tahun ini.

b) Berapakah kos perbelanjaan untuk menjayakan semua program tersebut?

JAWAPAN:

a) Program yang dianjurkan Kerajaan Negeri sepanjang Ramadhan tahun ini.

BIL.	AGENSI	NAMA PROGRAM
1.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	1. Sumbangan Program IFTAR Ramadan Sekolah Rendah Agama Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Malaysia. 2. Tabung Suara PERKIM sempena Program Ihya Ramadhan. 3. Majlis Iftar Perdana Hidayah Centre 2015. 4. Sumbangan Kurma kepada kakitangan. 5. Sumbangan Ramadhan Miskin Bandar. 6. Sumbangan Hamper Ramadhan.
2.	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) (Jawatankuasa Tetap Pengguna)	Bazar Ramadhan Mampan 2016 :- 1. Bazar Ramadhan SS6/1 Kelana Jaya **(MBPJ).**

		2. Bazar Ramadhan Taman Sri Andalas **(MPK).** 3. Bazar Ramadhan Kosmopleks BBST, Sepang **(MPSP).** 4. Bazar Ramadhan Seksyen 13, Shah Alam **(MBSA).** 5. Bazar Ramadhan Taman Samudera, Gombak **(MPS).** 6. Bazar Ramadhan Seksyen 16 Bandar Baru Bangi **(MPKJ).** 7. Pasar Juadah TLK Padang, Pandan Indah **(MPAJ).** 8. Bazar Ramadhan Bandar Saujana Putra **(MDKL).** 9. Bazar Ramadhan Ijok **(MDKS).** 10. Bazar Ramadhan Bandar Baru Sg Buaya **(MDHS).** 11. Bazar Ramadhan Sekinchan, Sg Besar, Sabak & Parit Baru **(MDSB).** 12. Bazar Ramadhan USJ 4 **(MPSJ)**
3.	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) (Jawatankuasa Tetap Kesihatan)	1. Hospital Banting 2. Hospital Shah Alam 3. Hospital Klang 4. Hospital Sungai Buloh 5. Pusat Jagaan Titian Nur

4.	Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)	**<u>Program Ihya Ramadhan Bersama DYMM Sultan Selangor</u>** 1. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) D.Y.M.M. Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H. *(Penyampaian Zakat Daripada PNSB) **Tempat :** Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri), Shah Alam **Tarikh :** 8 Jun 2016 / 3 Ramadhan 1437 (Rabu) 2. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H Serta Perasmian Masjid. (Daerah Kuala Selangor) **Tempat :** Masjid Darul Ibadah, Kg. Harmoni, Bestari Jaya, Kuala Selangor. **Tarikh :** 9 Jun 2016 / 4 Ramadhan 1437 (Khamis) 3. Solat Jumaat DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat. **Tempat :** Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz, Jalan Templer, Petaling Jaya. **Tarikh :** 10 Jun 2016 / 5 Ramadhan 1437 (Jumaat) 4. Majlis Bacaan Yasin, Tahlil Dan Doa Selamat Sempena Hari Hol Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. (Jemputan Istana Sahaja) **Tempat :** Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah Klang. **Tarikh :**

		10 Jun 2016 / 5 Ramadhan 1437 (Jumaat) 5. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H Serta Perasmian Masjid. (Daerah Kuala Langat) **Tempat :** Masjid Nurul Hidayah, Kg. Seri Cheeding. **Tarikh :** 11 Jun 2016 / 6 Ramadhan 1437 (Sabtu) 6. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H Serta Perasmian Masjid. (Daerah Gombak) **Tempat :** Masjid At-Taqwa, Selayang Baru **Tarikh :** 13 Jun 2016 / 8 Ramadhan 1437 (Isnin) 7. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H. (Anjuran : MRCB) **Tempat :** Masjid Pekan Jeram, Kuala Selangor **Tarikh :** 14 Jun 2016 / 9 Ramadhan 1437 (Selasa) 8. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Pelajar Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H serta Perasmian Masjid. (Daerah Hulu Langat) **Tempat :**

		Masjid Al-Mustaqim, Bandar Seri Putra, Bangi **Tarikh :** 15 Jun 2016 / 10 Ramadhan 1437 (Rabu) 9. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H. (Anjuran : UiTM Shah Alam) **Tempat :** Masjid UiTM Shah Alam **Tarikh :** 16 Jun 2016 / 11 Ramadhan 1437 (Khamis) 10. Solat Jumaat DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat. **Tempat :** Masjid Kg. Bharu, Kuala Lumpur **Tarikh :** 17 Jun 2016 / 12 Ramadhan 1437 (Jumaat) 11. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Warga TLDM. **Tempat :** Masjid Pangkalan Tentera TLDM, Lumut **Tarikh :** 18 Jun 2016 / 13 Ramadhan 1437 (Sabtu) 12. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H serta Perasmian Masjid. (Daerah Petaling) **Tempat :** Masjid Seksyen 7, Shah Alam **Tarikh :** 20 Jun 2016 / 15 Ramadhan 1437 (Isnin)

		13. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H Serta Perasmian Masjid. (Daerah Sabak Bernam) **Tempat :** Masjid Nurul Alaniyah, Pekan Sekinchan **Tarikh :** 21 Jun 2016 / 16 Ramadhan 1437 (Selasa) 14. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H Serta Perasmian Masjid Dan Sambutan Nuzul Al-Quran. (Daerah Sepang) **Tempat :** Masjid Raja Haji Fisabilillah, Cyberjaya, Sepang **Tarikh :** 22 Jun 2016 / 17 Ramadhan 1437 (Rabu) 15. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H Serta Perasmian Masjid. (Daerah Hulu Selangor) **Tempat :** Masjid Saidina Ali, Bukit Sentosa, Rawang **Tarikh :** 23 Jun 2016 / 18 Ramadhan 1437 (Khamis) 16. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Warga UPM Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H.

		(Anjuran : UPM) **Tempat :** Masjid UPM, Serdang **Tarikh :** 24 Jun 2016 / 19 Ramadhan 1437 (Jumaat) 17. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H Serta Perasmian Masjid. (Daerah Petaling) **Tempat :** Masjid Seksyen 51A, Petaling Jaya **Tarikh :** 25 Jun 2016 / 20 Ramadhan 1437 (Sabtu) 18. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H. **Tempat :** Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Shah Alam (Masjid Diraja) **Tarikh :** 27 Jun 2016 / 22 Ramadhan 1437 (Isnin) 19. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H Serta Perasmian Masjid. (Daerah Hulu Langat) **Tempat :** Masjid Bandar Tun Hussien Onn, Cheras **Tarikh :** 28 Jun 2016 / 23 Ramadhan 1437 (Selasa) 20. Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) DYMM Sultan Selangor

		Bersama Rakyat Dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 1437H Serta Perasmian Masjid. (Daerah Klang) **Tempat :** Masjid Kampung Johan Setia, Klang **Tarikh :** 30 Jun 2016 / 25 Ramadhan 1437 (Khamis) 21. Solat Jumaat DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat. **Tempat :** Masjid TUDM, Subang Jaya **Tarikh :** 1 Julai 2016 / 26 Ramadhan 1437 (Jumaat) 22. Program Iftar Dan Tazkirah Santai **Tempat :** Dataran Kemerdekaan, Shah Alam **Tarikh :** 8 Jun 2016 – 1 Julai 2016

b) Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk menjayakan semua program tersebut adalah sebanyak **RM1,345,664.14 (Ringgit Malaysia : Satu Juta Tiga Ratus Empat Puluh Lima Ribu Enam Ratus Enam Puluh Empat Dan Sen Empat Belas Sahaja).**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)

TAJUK : BANGLO SULTAN SULAIMAN DAN BANGLO SRI SELANGOR, FRASER'S HILL

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status kerja penaiktarafan untuk Banglo Sultan Sulaiman dan Banglo Sri Selangor?

b) Apakah perbelanjaan sebenarnya yang telah dibelanjakan atas kerja-kerja penaiktarafan Banglo Sultan Sulaiman dan Banglo Sri Selangor?

c) Sila berikan butir-butir tentang kerja yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN:

a) Kerja-kerja naik taraf Banglo Sultan Sulaiman dan Banglo Seri Selangor telah siap sepenuhnya pada **9 Disember 2015.**

b) Perbelanjaan sebenar kerja-kerja naik taraf Banglo Sultan Sulaiman dan Banglo Seri Selangor di Bukit Fraser adalah berjumlah **RM1,647,804.19.**

c) Butir-butir tentang kerja yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

i. Membaiki Kerosakan Serta Menaiktaraf Rumah Rehat Kerajaan Negeri Banglo Sultan Sulaiman, Bukit Fraser;

ii. Kerja-kerja Membekal, Memasang, Mengujiterima Sistem Pam Penggalak Untuk Kerja-Kerja Naiktaraf Banglo Sultan Sulaiman Dan Banglo Seri Selangor Di Bukit Fraser;

iii. Kerja-kerja Penyelenggaraan Dan Naiktaraf Sistem Elektrik Untuk Banglo Sultan Sulaiman Dan Banglo Seri Selangor, Bukit Fraser; Dan

iv. Pemasangan Lampu Chandelier Di Banglo Seri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : KELESTARIAN BANDAR

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tahap pencapaian Bas Smart Selangor dari sudut menggalakkan penggunaan pengangkutan awam?

b) Apakah rancangan dalam setiap PBT untuk mengurangkan emisi karbon?

c) Apakah perancangan menyediakan laluan tanpa halangan (*barrier free*) di setiap PBT untuk OKU dan orang kecacatan fizikal?

JAWAPAN:

a) Inisiatif Kerajaan Negeri menyediakan perkhidmatan bas percuma yang dikenali sebagai Bas Smart Selangor di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah salah satu usaha untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di kalangan rakyat. Ia juga seiring dengan sasaran Kerajaan Negeri untuk mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian di jalan raya serta kesesakan lalulintas.

Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2016 sehingga 30 Jun 2016, sebelas (11) laluan telah diperkenalkan dengan 34 buah Bas Smart Selangor digunakan di sebelas daerah kecuali bagi kawasan Petaling Jaya, pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah pun memiliki bas komuniti sendiri iaitu PJ CityBus sebanyak 22 buah bas. Sambutan yang diterima di kalangan rakyat terhadap perkhidmatan ini amat menggalakkan dengan jumlah penumpang terkini adalah sebanyak 1,951,530 penumpang. Tahap pencapaian perkhidmatan ini boleh diukur berdasarkan prestasi peningkatan jumlah penumpang yang jelas menunjukkan bahawa usaha Kerajaan Negeri telah menggalakkan penggunaan bas awam serta meningkatkan imej pengangkutan awam yang lebih baik dan berkualiti.

b) Kerajaan Negeri Selangor komited di dalam usaha mengurangkan emisi karbon melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2015 – 2018 yang telah diluluskan pada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 28/2015 pada 2 September 2015. Melalui Pelan Tindakan ini, terdapat 8 tindakan

utama yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerajaan Negeri Selangor termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor iaitu:-

(a) Perbandaran Hijau Melalui Bandar Rendah Karbon Selangor;
(b) Perolehan Hijau Kerajaan;
(c) Pemasangan Rangkaian Pengecas Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle*) Di Selangor;
(d) Penggunaan Kereta Elektrik Sebagai Kenderaan Rasmi Kerajaan Negeri Selangor;
(e) Penggunaan Bas Elektrik Bagi Program 'Bas Percuma' Di PBT;
(f) Pemasangan Bumbung Solar Bagi Projek Perumahan Selangorku;
(g) Bangunan Cekap Tenaga Di Bangunan Kerajaan Negeri Selangor; dan
(h) Program Penghijauan Taman Industri.

Kesemua tindakan yang dinyatakan di atas sedang giat dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan agensi berkaitan. Sebagai contoh, bagi pelaksanaan Bandar Rendah Karbon Selangor, sehingga kini kesemua 12 PBT sedang giat melaksanakan elemen-elemen *Low Carbon City Framework* (LCCF) di dalam pelan perancangan dan program-program yang dilaksanakan di peringkat PBT.

Tambahan daripada itu, sehingga 15 Julai 2016, terdapat 35 buah unit pengecas kenderaan elektrik yang telah dipasang sekitar Negeri Selangor hasil daripada usahasama PBT Negeri Selangor dan Greentech Malaysia. Dengan keadaan ini, menjadikan Negeri Selangor sebagai Negeri yang mempunyai bilangan pengecas kenderaan elektrik terbanyak di Malaysia.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT Negeri Selangor turut mengadakan pelbagai program kesedaran kepada masyarakat mengenai amalan-amalan hijau yang boleh dilaksanakan di dalam kehidupan seharian seperti amalan jimat tenaga, kitar semula, penggunaan laluan basikal dan laluan pejalan kaki, kompos, dan kebun komuniti.

c) Pada ucapan bajet tahun 2016, YAB Dato' Menteri Besar telah menyarankan supaya PBT lebih responsif dalam memberikan keselesaan dan memenuhi keperluan dan kemudahan aksesibiliti OKU seperti *ramp*, *handrail* dan tempat letak kereta khas golongan OKU. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan lebih daripada RM 1 juta bagi membina kemudahan asas di PBT Negeri Selangor. Langkah proaktif perlu dimulakan segera dengan mengenalpasti program pembangunan latihan dan pembelajaran termasuk menambah bahan bacaan

braille dan audio yang diperlukan. Kemudahan yang disediakan adalah bertujuan memudahkan pergerakan golongan OKU supaya mereka tidak rasa seperti disisihkan oleh masyarakat dan dapat melaksanakan tugas-tugas harian seperti orang lain.

Beberapa PBT telah menyediakan laluan tanpa halangan *barrier free* untuk OKU dan orang kecacatan fizikal melalui :

i. Kemudahan OKU telah disyaratkan di dalam Kebenaran Merancang untuk pelan susun atur contohnya penyediaan tempat letak kereta (TLK) iaitu satu ruang bagi setiap 100 kenderaan untuk 2 unit TLK OKU dan lain-lain keperluan OKU yang lain;
ii. Kemudahan-kemudahan OKU lain di dalam bangunan dan sekitar bangunan telah disyaratkan di dalam kelulusan Pelan Bangunan; dan
iii. Elemen-elemen OKU juga telah dimasukkan di dalam *Low Carbon Cities Framework and Assessment System* (LCCF) sebagai panduan dan keperluan kemudahan OKU yang perlu disediakan oleh pihak pemaju semasa mengemukakan permohonan pelan pembangunan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : PENGANGGURAN DAN PEMBERHENTIAN KERJA

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah pekerja yang diberhentikan akibat penutupan kilang dalam Jan - Jun tahun 2016 di Negeri Selangor?

b) Adakah Kerajaan mewujudkan tabung kebajikan untuk membantu pekerja yang diberhentikan dalam kes a) tersebut?

c) Apakah kadar pengangguran di kalangan graduan lepasan UNISEL dan KUIS ?

JAWAPAN:

a) Bagi tempoh Januari hingga Jun 2016, Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor telah merekodkan pemberhentian pekerja seramai 1,156 orang. Daripada jumlah ini seramai 784 orang adalah Pemberhentian Biasa dan seramai 372 orang adalah pemberhentian secara VSS.

b) Pada masa ini pihak Kerajaan tidak mewujudkan sebarang tabung kebajikan untuk membantu pekerja yang diberhentikan akibat penutupan kilang. Namun begitu, Kerajaan Negeri melaksanakan **Program Kerjaya** berbentuk Karnival yang telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor dan satu Program Karnival Kerjaya (Job Fair 2016 secara besar-besaran) di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan dengan mengadakan temuduga terbuka *(walk in interview)* oleh syarikat-syarikat yang memerlukan pekerja.

   Selain itu, Kerajaan juga turut menganjurkan **kursus dan latihan keusahawanan** untuk belia bagi memberi pendedahan mengenai peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi serta maklumat-maklumat bantuan kewangan

c) Pada tahun 2015 sebanyak 82.9% graduan KUIS telah mula bekerja sebelum Majlis Konvokesyen. Dapatan ini melalui Kajian Pengesanan Graduan (*Tracer Study*) yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Bahagian Pembangunan Mahasiswa KUIS.

Manakala bagi graduan UNISEL pula tidak dapat dinyatakan kerana pada masa ini data tentang pengangguran di kalangan graduan UNISEL tidak dapat diperolehi kerana data yang berada dalam sistem Kementerian Pendidikan Malaysia adalah data yang dimasukkan oleh graduan untuk berkonvo sahaja.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)

TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA AUDIT LUAR UNTUK SETIAP PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI NEGERI SELANGOR

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini pertubuhan Jawatankuasa Audit Luar untuk setiap kawasan pihak berkuasa tempatan menurut MMKN Ke 2/2015 bertarikh 14 Januari 2015?

JAWAPAN:

a) Cadangan mewujudkan Jawatankuasa Audit Luar Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang diputuskan melalui MMKN Ke 2/2015 yang diadakan pada 14 Januari 2015 namun cadangan tersebut ditangguhkan kerana mengambil kira pandangan dari sudut perundangan dan juga pertindihan kuasa serta tugas di peringkat PBT dan juga agensi audit sedia ada.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan akan mencadangkan satu mekanisma lain bagi melibatkan wakil-wakil rakyat dalam Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : STATISTIK SMUE, TAWAS, FOOD STAMP DAN PROGRAM KEBAJIKAN NEGERI

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mengikut statistik terkini, berapakah jumlah rakyat Selangor yang mendapat manfaat program-program kebajikan Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2016 (terkini)?

b) Berapakah kos keseluruhan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk tempoh berkenaan?

JAWAPAN:

a) Sekiranya dihitung jumlah keseluruhan penerima manfaat program-program kebajikan Kerajaan Negeri, maka saya boleh nyatakan bahawa sebanyak hampir 6 juta rakyat Selangor telah menerima manfaat, dan manfaat ini diterima setiap hari iaitu melalui program Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M^3). Program air percuma ini merupakan antara program kebajikan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bermula pada tahun 2008 di bawah Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). SMUE dan TAWAS juga merupakan antara program yang tersenarai di bawah Skim MES, manakala *Food Stamp* pula adalah program yang baru diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan miskin mendapatkan makanan asas untuk keperluan harian. Skim MES pada masa ini mempunyai 15 lagi program dengan 14 program dirangka khusus bagi membantu golongan-golongan sasar untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi iaitu:

(1) Program Hijrah Selangor;
(2) Hadiah Anak Masuk Universiti;
(3) Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang;
(4) Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL);
(5) Insentif Perkahwinan Belia;
(6) Pusat Tuisyen Rakyat;
(7) Pusat Dialisis Rakyat;
(8) Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR);
(9) Skim Bantuan Tadika (TUNAS);
(10) Cuti Bersalin 90 Hari;

(11) Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari;
(12) Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari;
(13) Jom Shopping (Warga Emas + Ibu Tunggal);
(14) Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC); dan
(15) Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral.

Jumlah penerima faedah bagi Skim MES mengikut pecahan program sehingga kini adalah seperti di Lampiran A manakala bagi program *Food Stamp* pula jumlah penerima adalah seramai 4,361.

b) Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah kos yang besar bagi Skim MES dari tahun 2008 sehingga kini. Namun begitu, Kerajaan Negeri sangat optimis bahawa program yang diperkenalkan ini mampu memberi impak yang optima kepada setiap penerima manfaat berdasarkan kepada penerimaan rakyat terhadap program MES sehingga kini. Jumlah perbelanjaan dan kos keseluruhan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari 2008 sehingga kini adalah sebanyak RM1,760,199,349.78 manakala bagi *Food Stamp* adalah sebanyak RM2,116,800. Ringkasan kos perbelanjaan mengikut program MES dari tahun 2008 hingga 30 Jun 2016 adalah seperti di Lampiran B.

LAMPIRAN A

STATISTIK JUMLAH PENERIMA UNTUK SETIAP PROGRAM MES DARI TAHUN 2008 HINGGA 30 JUN 2016

BIL	PROGRAM	PENERIMA FAEDAH (ORANG)
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	235,622
2	Skim Mesra Usia Emas	73,260
3	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	22,248
4	Pusat Dialisis Rakyat	121
5	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	2,576
6	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	29,573
7	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	109,072
8	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	13,708
9	Insentif Perkahwinan Belia	26,138
10	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	-
11	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M3) Pertama	Seluruh Rakyat Selangor
12	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	11,349
13	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)	5,136
14	Program Hijrah Selangor (SkimSel + MiMBAR)	23,463
15	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	649
16	Hadiah Anak Masuk Universiti	58,105
17	Pusat Tuisyen Rakyat	34,576
18	Cuti Bersalin 90 Hari	30
19	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	1
20	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	1
21	Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral	-

Catatan:
Program Hijrah Selangor merupakan program yang telah diwujudkan bagi menggantikan Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel), Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) dan Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA) bermula pada Mac 2015.

LAMPIRAN B

JUMLAH KOS PERBELANJAAN UNTUK SETIAP PROGRAM MES DARI TAHUN 2008 HINGGA 30 JUN 2016

BIL	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	21,078,700.00
2	Skim Mesra Usia Emas	179,124,000.00
3	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	2,206,079.60
4	Pusat Dialisis Rakyat	-
5	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	2,121,130.00
6	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	12,475,217.00
7	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	10,907,200.00
8	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	7,154,126.20
9	Insentif Perkahwinan Belia	11,283,400.00
10	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	270,481.96
11	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M^3) Pertama	1,201,707,665.57
12	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	99,963,750.00
13	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)	10,915,528.00
14	Program Hijrah Selangor (SkimSel + MiMBAR)	120,434,000.00
15	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	2,603,224.63
16	Hadiah Anak Masuk Universiti	58,288,826.00
17	Pusat Tuisyen Rakyat	19,666,020.82
18	Cuti Bersalin 90 Hari	-
19	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	-

20	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	-
21	Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral	-
JUMLAH		**1,760,199,349.78**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)

TAJUK : MARRIS 2016 UNTUK KAWASAN DUN PANDAMARAN

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Permintaan-permintaan yang telah dikemukakan oleh saya kepada Majlis Perbandaran Klang tentang projek MARRIS 2016 terhadap pembaikpulihan parit-parit di kawasan DUN Pandamaran sejak Januari 2016 masih belum dilaksanakan sehingga kini. Apakah sebab atas kelewatan tindakan tersebut?

b) Bila projek MARRIS 2016 bagi DUN Pandamaran akan dimulakan?

JAWAPAN:

a) Nilai kerja pembaikan parit yang boleh dilaksanakan melalui peruntukan MARRIS di kawasan DUN Pandamaran adalah berjumlah RM365,000.00 di mana merupakan sebahagian daripada cadangan dari Pejabat DUN yang diterima oleh pihak Majlis. Kerja-kerja senarai tersebut akan dilaksanakan segera.

b) Sebahagian kerja MARRIS di bawah peruntukan DUN Pandamaran telah mula dilaksanakan pada bulan Julai 2016 dan akan diteruskan sehingga peruntukan dibelanjakan sepenuhnya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA MAJU

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah pelan jangka masa panjang pusat ini untuk mengukuhkan ekonomi wanita di Selangor?

b) Nyatakan jumlah peserta yang telah mengikuti program ini dan status mereka.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri amat peka dan prihatin terhadap pembangunan ekonomi wanita Selangor. Justeru itu, pelbagai program yang melibatkan wanita dan ekonomi dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga. Antara pelan jangka masa panjang untuk mengukuhkan ekonomi wanita Selangor adalah melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor.

   PWB adalah berperanan sebagai pelaksana program-program pemberdayaan wanita di setiap DUN dengan menggunakan peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri. Bagi wanita yang telah menjana pendapatan dengan ilmu yang dipelajari daripada program-program PWB ini, maklumat mereka akan dikumpul dan diberikan kursus-kursus yang berkaitan dengan usahawan seperti kursus simpan kira, kursus pemasaran produk dan lain-lain.

b) Keprihatinan Kerajaan Negeri dalam melahirkan usahawan wanita maka seramai 16,197 orang peserta yang telah mengikuti program ini pada tahun 2016 dan seramai 64 orang peserta yang telah menjadi usahawan kecil-kecilan setelah mengikuti program-program PWB ini. Usahawan wanita ini menjalankan perniagaan di rumah dan sedia menerima tempahan jika terdapat permintaan daripada penduduk setempat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)

TAJUK : SUNTIKAN VAKSIN

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah penolakan suntikan vaksin yang direkodkan di Selangor sehinggan Jun 2016.

b) Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam memberi kesedaran berkenaan kepentingan suntikan vaksin kepada masyarakat?

JAWAPAN:

a) Jumlah kes penolakan di negeri Selangor dari bulan Januari 2016 sehingga Jun 2016 di Selangor adalah sebanyak 74 kes (untuk kes kanak-kanak berdaftar di klinik-klinik kesihatan)

BULAN	**BILANGAN KES**
JANUARI	14
FEBRUARI	8
MAC	7
APRIL	25
MEI	20
JUN	TIADA

Antara faktor penolakan vaksin termasuklah;-

i) Wujudnya golongan/ kumpulan antivaksin yang berpendapat;-
- Kandungan vaksin yang haram dan tidak selamat
- Kesan sampingan vaksin yang diperoleh daripada media masa dan internet
- Mempunyai kepercayaan agama yang sempit di mana terdapatnya persepsi segala yang berlaku telah ditentukan/ditakdirkan
- Terpengaruh dengan maklumat yang salah daripada rakan-rakan dan internet.
- Anggapan berhadapan risiko rendah untuk mendapat jangkitan tanpa penggunaan vaksin.

ii) Pengambilan *supplementary homeopathy* yang dipercayai boleh mencegah daripada penyakit-berjangkit

iii) Kos vaksin yang tinggi (bagi bukan warganegara)

b) Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah;-

1. Promosi untuk meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan pengambilan vaksin dijalankan melalui aktiviti bengkel, ceramah, seminar, forum, bual- bicara di antara anggota kesihatan dengan orang awam.

2. Mewar-warkan tentang kepentingan vaksin dan kesan penolakan vaksin kepada masyarakat melalui penyampaian di dalam Khutbah Jumaat yang diadakan pada 15 Julai 2016.

3. Memperkukuhkan kerjasama dengan agensi-agensi di bawah kerajaan negeri seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat(JKM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk meningkatkan promosi kepentingan imunisasi.

4. Semua Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) diarahkan untuk mengenalpasti masyarakat yang mempunyai taraf sosio-ekonomi rendah yang mempunyai risiko gagal mendapatkan imunisasi yang lengkap untuk diberi imunisasi yang cicir.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)

TAJUK : KAWASAN HOTSPOT DENGGI

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan kawasan *hotspot* denggi yang baru dikenalpasti di Selangor.

b) Apakah peranan Kerajaan Negeri ke atas kawasan tersebut?

JAWAPAN:

a) Senarai lokaliti *hotspot* denggi terkini adalah seperti berikut:

DAERAH	LOKALITI HOTSPOT
PETALING	PJS 9 /1(LAGOON PERDANA & RUMAH KEDAI)
	SEKSYEN 7 (PUSAT KOMERSIAL A : JLN AA 7/AA - AC 7/AC, T 7/T - Z 7/Z)
	SEKSYEN 7 (FLAT A : BLOK 1 - 12, BLOK 38 - 43)
	BL PJU 8 APT FLORA DAMANSARA 2 (BLOK C - F)
	SEKSYEN 26 (FLAT PPRT : BLOK A, B, C)
	SRI PJS 8 MENTARI COURT
	TMN PUCHONG UTAMA 7 COURT 2
	SEKSYEN 15 (DATARAN OTOMOBIL : BLOK 1 - 18)
	SUBANG JAYA (DK SENZA CONDOMINIUM JLN TAYLORS)
	BDR PUTERI 11
	TMN BKT SERDANG 3
	TMN PUCHONG PRIMA (LILY)
	SRI SS 8 FLAT PKNS (GABUNG DGN FLAT PKNS SS 3/39)
	KD PJU 1A PPRT B : BLOK D,E,F
	SRI SS 8 APT KELANA IMPIAN
	KOTA PERDANA KP 4 (MAWAR JAYA)
	TMN EQUINE (FLAT PUTRA PERMAI & RUMAH KEDAI)
	BT 14 KG BUNGA MELOR
	TMN PUCHONG HARTAMAS (PANGSAPURI MERANTI, JATI, PULAI)
	BL PJU 10 APT SAUJANA 1 (BLOK A,B,C,D,E,F,L,M)
	SEKSYEN 22 (PANGSAPURI INDAHRIA)
	TMN PUCHONG PRIMA 1
	TMN BKT SERDANG 4
	SRI SS 7 KELANA PUTERI KONDO
	KD PJU 1A FLAT SRI JATI

DAERAH	LOKALITI HOTSPOT
	TMN BKT SERDANG 5 (JLN BS 5/11 - 5/20)
	BDR BKT PUCHONG BP 1 (TERES)
	BL PJU 10 APT RAMPAI IDAMAN
	PST BDR PUCHONG (JLN BANDAR & QTS BOMBA)
	PJS 11 (SUN-U RESIDENT)
	DU SS 2 (1)
	DU SS 4B
	BDR PUCHONG JAYA JLN KENARI
	KT SS 1 TERES B
	KD PJU 5 SEKSYEN 7 : TERES
	BL PJU 10 APT PERMAI
	KD PJU 3 APT BAYU PUTERI
	BL PJU 8 APT FLORA DAMANSARA 3 (BLOK G , H)
	UPM SERDANG (ASRAMA INTERNATIONAL TRANSIT HOUSE)
	TM PJS 1 APT TMN PETALING UTAMA (BLOK A - D : JLN PJS 1/52)
	TMN SRI SERDANG 2 (FLAT IKAN)
PETALING	TMN JINMA SRI KEMBANGAN
	SEKSYEN U2 (TERES C : U2/15 - 28)
	SRI SS 5A (1) : JLN SS 5A/1 - 5A/10
	BDR BKT PUCHONG BP 2
	BDR PUCHONG JAYA JLN BANGAU
	TMN SAUJANA PUCHONG SP 8
	SEKSYEN 20 (FLAT B : BLOK 13 - 19)
	SRI SS 7 KELANA PUTERA KONDO
	SS 17/3
	PJS 9/1, 9/2A, 9/3B, 9/4A
	BG SEKSYEN 17 FLAT HAPPY MANSION
	SEKSYEN 7 (FLAT D : BLOK 52 - 58)
	KD PJU 1A PPRT A : BLOK A,B,C
	SEKSYEN 16 (KUARTERS SUK)
	BL PJU 10 INDAH KONDO
	TMN KINRARA JLN TK 5 (TERES TMN MAWAR)
	SRI PJS 6 FLAT DESA MENTARI 2 : BLOK 4, 5 , 6
	SEKSYEN 9 (KUARTERS IPK SELANGOR&KUARTERS JKR)
	TMN SERDANG PERDANA (SOUTH CITY PLAZA)
	BL PJU 9 SD 7
	KT SS 1 TERES E
	KD PJU 3 APT PERMAI
	BL PJU 10 ONE DAMANSARA KONDO
	JALAN DAYANG 26,28,30,32,34,36,38,40,42,44,46,48,50,52,54,56&58/8 BANDAR MAHKOTA
	KAMPUNG BARU BALAKONG
	PANGSAPURI SRI RIA TAMAN WAWASAN
	APPT TAMAN BUKIT MUTIARA

DAERAH	LOKALITI HOTSPOT
HULU LANGAT	JALAN DAYANG 2,4,6,8,10,12,14,16,18,20,22&24/8 BANDAR MAHKOTA CHERAS
	JALAN IMPIAN INDAH SAUJANA IMPIAN
	JALAN BM 11-27 TAMAN BUKIT MEWAH
	JALAN RAKAN 9-17 TAMAN RAKAN
	BATU 18 HULU LANGAT
	KAWASAN PERINDUSTRIAN BALAKONG
	KEM PGA BATU 7 CHERAS
HULU SELANGOR	APT KENANGA TBR BB
	APT DAHLIA TBR BB
SEPANG	UNITEN, AMANAH
GOMBAK	APPT RESIDENSI BISTARIA
	TANAH GANTIAN SG TUA
	TMN MELAWATI (F)
GOMBAK	TMN MELAWATI (JLN BANDAR)
	TMN BERLIAN
	TMN PELANGI RAWANG ZON B
	KG NAKHODA KIRI ZON C
	KG KLANG GATE
	TMN SRI PUTRA ZON B
KLANG	TMN SRI PUTERI (JLN RESTU 7)

b) Peranan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor ke atas kawasan tersebut:

JKNS berperanan melaksana aktiviti kawalan di kawasan yang di isytihar *hotspot*. Antara tindakan yang diambil oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah termasuklah:

i. Melaksana aktiviti pemusnahan tempat pembiakan dan pemeriksaan pembiakan aedes di premis-premis
ii. Melaksana aktiviti *larvaciding*(membunuh jentik-jentik)
iii. Melaksana aktiviti semburan ruang termal (SRT) bagi membunuh nyamuk dewasa pada masa berkenaan
iv. Semburan ULV
v. Selain dari aktiviti kawalan, aktiviti pencegahan seperti aktiviti pendidikan kesihatan melalui pengedaran risalah dan pembukaan kios pondok panas di kawasan terpilih turut dilakukan.
vi. Bagi aktiviti pemusnahan punca jangkitan “source reduction” contohnya, sampah sarap yang menjadi pembiakan nyamuk, pengurusan pembersihan bangunan dan sebagainya, pihak PKD akan melaksana perbincangan lanjut bersama wakil penduduk atau agensi terlibat bagi mengambil tindakan terhadap isu tersebut. Bagi isu-isu yang tidak dapat diatasi di peringkat lokal,

ia akan dibentangkan semasa mesyuarat di peringkat Kerajaan Negeri untuk tindakan lanjut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jumlah dan tujuan peruntukan untuk pembangunan desa mengikut pecahan daerah bagi tahun 2008-2016.

b) Senaraikan projek dan jumlah nilai projek untuk pembangunan luar bandar yang diluluskan untuk daerah Gombak pada tahun 2016.

c) Apakah kriteria kelulusan untuk permohonan projek pembangunan luar bandar di kampung-kampung dan apakah pendekatan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri tentang keperluan yang tinggi untuk naik taraf dewan dan infrastruktur sukan di kawasan perkampungan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras untuk memastikan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat pinggiran bandar adalah setanding dengan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat di bandar. Bagi memastikan kelengkapan dan kesempurnaan infrastruktur ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan jumlah kewangan yang besar khas untuk menampung kos pembaikan dan pengwujudan infrastruktur baru di kawasan kampung. Berikut dilampirkan perincian peruntukan dan projek yang dijalankan mengikut pecahan daerah daripada tahun 2008 hingga 2016 :

Perincian Peruntukan Projek Pembangunan Desa Mengikut Daerah Tahun 2008-2016

DAERAH	TAHUN 2008		TAHUN 2009		TAHUN 2010		TAHUN 2011		TAHUN 2012	
	BIL PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BIL PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BIL PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BIL PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BIL PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
PETALING	16	300,000.00	17	505,000.00	25	598,710.00	42	1,869,078.00	200	6,178,936.92
KLANG	27	300,000.00	25	452,000.00	75	1,133,464.50	164	4,025,644.75	130	4,497,621.13
GOMBAK	21	300,000.00	15	405,000.00	106	1,733,166.45	98	3,612,147.93	128	3,215,255.81
KUALA SELANGOR	17	300,000.00	9	260,000.00	40	896,778.99	89	2,319,385.58	99	3,000,583.81
KUALA LANGAT	30	300,000.00	15	330,300.00	35	600,000.00	175	4,091,608.49	147	2,236,530.88
HULU SELANGOR	26	300,000.00	15	300,000.00	48	971,137.65	85	2,584,268.54	97	2,241,565.77
HULU LANGAT	27	272,300.00	13	442,953.50	44	854,190.42	105	2,913,879.03	240	4,794,799.23
SEPANG	22	300,000.00	14	275,000.00	31	600,000.00	92	2,658,836.00	78	1,799,963.50
SABAK BERNAM	16	299,980.00	16	400,820.00	52	1,002,022.60	129	2,828,676.65	95	2,093,987.10
JUMLAH	**202**	**2,672,280.00**	**139**	**3,371,073.50**	**456**	**8,389,470.61**	**979**	**26,903,524.97**	**1214**	**30,059,244.15**

Sumber : Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN

Perincian Peruntukan Projek Pembangunan Desa Mengikut Daerah Tahun 2008-2016

DAERAH	TAHUN 2013		TAHUN 2014		TAHUN 2015		TAHUN 2016	
	BIL PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BIL PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BIL PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BIL PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
PETALING	15	483,158.90	35	681,400.00	13	1,166,000.24	18	1,546,587.30
KLANG	23	459,316.00	26	459,384.60	11	1,166,852.24	16	854,428.00
GOMBAK	23	485,532.46	24	480,000.00	22	1,947,594.50	32	1,711,387.70
KUALA SELANGOR	17	358,978.00	20	391,768.70	37	2,620,371.30	10	1,248,097.00
KUALA LANGAT	20	399,153.34	26	500,000.00	28	1,166,210.00	54	1,777,294.50
HULU SELANGOR	25	488,338.53	28	501,469.00	27	779,595.58	23	746,864.03
HULU LANGAT	25	406,145.70	20	374,696.00	110	4,689,658.00	25	1,515,990.00
SEPANG	11	432,160.00	23	467,750.00	24	1,032,322.40	18	1,284,002.00
SABAK BERNAM	43	496,042.10	25	500,000.00	18	1,483,654.00	13	1,397,893.12
JUMLAH	**202**	**4,008,825.03**	**227**	**4,356,468.30**	**290**	**16,052,258.26**	**209**	**12,082,543.65**

Sumber : Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN

b) Senarai projek yang diluluskan untuk daerah Gombak bagi tahun 2016 adalah seperti berikut :

Projek Yang Diluluskan Untuk Daerah Gombak Bagi Tahun 2016

JALAN/LONGKANG (02006)		DEWAN / BALAIRAYA/KEMUDAHAN SUKAN/JAMBATAN (02005)		JUMLAH KESELURUHAN PROJEK	ANGGARAN KOS PROJEK (RM)
JUMLAH PERMOHONAN PROJEK	ANGGARAN KOS PROJEK (RM)	JUMLAH PERMOHONAN PROJEK	ANGGARAN KOS PROJEK (RM)		
25	1,561,803.40	7	149,577.30	32	1,711,387.70

Sumber : Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN

c) Permohonan projek pembangunan luar bandar adalah berdasarkan permohonan yang telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) melalui Pejabat Daerah / Tanah sama ada daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan aduan penduduk dan permohonan tersebut dirujuk kepada Ahli Dewan Negeri di kawasan berkaitan. Permohonan tersebut seterusnya akan disemak dan diteliti dan penilaian akan dibuat mengikut tahap kritikal / keperluan serta keutamaan sesuatu permohonan projek.

Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan khusus tahunan yang menumpukan kepada pembangunan kemudahan awam desa termasuk kerja-baik pulih dan naik taraf dewan di bawah kawalan Pejabat Daerah di bawah peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang dikawal selia oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga berusaha untuk membaikpulih semua kemudahan dan Infrastruktur Sukan di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan bagi Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Infrastruktur Sukan Negeri Selangor mengikut kriteria atau prioriti sebagaimana berikut :-

i. Kemudahan sukan yang kritikal dan merbahaya untuk digunakan dan memerlukan untuk dibaikpulih bagi memastikan keselamatan pengguna terjamin.

ii. Baikpulih kemudahan sukan juga mengambilkira kemudahan yang diperlukan oleh atlet sukan prestasi tinggi digunakan untuk latihan dan penganjuran kejohanan pendedahan bagi memastikan sukan di Negeri Selangor ini mengikut piawaian standard seperti yang telah ditetapkan oleh Badan Sukan Antarabangsa.

iii. Kemudahan sukan yang mempunyai peralatan kemudahan perlu diselenggara dan ditukar kepada yang baru bagi penggunaan yang sangat tinggi oleh pengguna.

iv. Kemudahan sukan untuk sukan prestasi tinggi yang memerlukan naiktaraf kemudahan mengikut teknologi terkini bagi memudahkan atlet berlatih.

Sehubungan itu, bagi menjamin prestasi atlet Negeri Selangor terus berada dalam tahap tinggi kemudahan sukan perlu dinaiktaraf dan diselenggara bagi memastikan program pembangunan sukan tidak terhenti.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)

TAJUK : SKIM BAYARAN PREMIUM TANAH RUMAH KEDIAMAN

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Semua statistik terkini berkaitan pemilik rumah kediaman yang mendapat manfaat daripada skim bayaran premium tanah iaitu peluang memiliki geran tanah dan tempoh pajakan tanah dilanjutkan dengan bayaran pendahuluan RM1,000.

JAWAPAN:

a) Berikut adalah statistik terkini berkaitan pemilik rumah kediaman yang mendapat manfaat daripada Skim Bayaran Premium Nominal berdasarkan Pekeliling PTGS Bilangan 6/2011 semenjak ianya diperkenalkan pada tahun 2011.

DAERAH	JUMLAH PERMOHONAN YANG DILULUSKAN	PREMIUM NOMINAL RM1,000 (RM)
Hulu Selangor	133	133,000
Kuala Langat	53	53,000
Petaling	719	719,000
Hulu Langat	205	205,000
Sepang	160	160,000
Klang	50	50,000
Sabak Bernam	681	681,000
Kuala Selangor	1,054	1,054,000
Gombak	2,782	2,782,00p0
JUMLAH	**5,837**	**5,837,000**

Sumber: Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sampai bilakah tempat persinggahan sampah, *transfer station* akan terus beroperasi di Seksyen 21 Shah Alam? Apakah ianya bersifat sementara atau kekal?

b) Jika kekal, apakah rancangan pihak kerajaan untuk menangani isu bau sampah yang busuk yang semakin menjadi-jadi ini?

JAWAPAN:

a) *Transfer station* di Seksyen 21, Shah Alam akan terus beroperasi secara kekal di mana penggunaannya adalah selari dengan rancangan pengurusan sisa pepejal bersepadu Selangor.

b) Pihak kerajaan akan memastikan bahawa semua sisa pepejal yang dihantar ke *Transfer Station* menggunakan lori-lori kutipan yang baik di mana tiada lelehan *leachate* bertaburan di atas jalanraya menuju *Transfer Station*. Pengurusan di *Transfer Station* pula akan memastikan bahawa semua syarat pematuhan alam sekitar dipatuhi seperti tidak menyimpan sisa pepejal lebih daripada 24 jam dan merawat *leachate* yang diterima mengikut syarat yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)

TAJUK : MISI LAWATAN PERDAGANGAN, PELABURAN DAN PEMASARAN

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Perincian lengkap sejak 2014 tentang misi perdagangan, pelaburan dan pemasaran dalam dan luar negara terutama bilangan lawatan, pecahan kos setiap lawatan, bilangan ahli EXCO dan pegawai yang menyertai, Indeks Prestasi Utama dan kejayaan yang dicapai berbanding sasaran.

JAWAPAN:

a) Perincian lengkap misi perdagangan, pelaburan dan pemasaran dalam dan luar negara bagi tempoh 2014 hingga 2016 dari segi bilangan lawatan, kos setiap lawatan, bilangan ahli EXCO dan pegawai yang menyertai seperti berikut;-

i. **Senarai Lawatan Misi Penggalakkan Pelaburan Ke Luar Negara Bagi Tahun 2014**

Bil	Misi	Ahli Delegasi	Jumlah Kos (RM)
1.	Lawatan Teknikal Ke Negara Jepun (27 – 31 May 2014)	1. YAB Tan Sri Dato' Seri Khalid Bin Ibrahim. 2. YB Ean Yong Hian Wah 3. Tuan Hasan Azhari Bin Hj Idris 4. En Noor Azmawi Bin Abdul Aziz 5. YM Raja Ideris Raja Kamaruddin 6. En Mahmud Abbas 7. En Muhammad Razif Abdul Wahab 8. En Muhamad Bahari Bin Baharuddin	90,032.48
2.	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara Taiwan (22 – 26 Jun 2014)	1. YB Ean Yong Hian Wah 2. YB Sallehen Mukhiyi 3. YB Roziah Ismail 4. Tuan Hassan Azhari Bin Hj Idris 5. En Mohd Syahid Othman	94,707.10

3.	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara Australia (11-15 Ogos 2014)	1. Noor Azmawi Bin Abd Aziz 2. Nurliyana Binti Mohd Kamil	19,478.20
4	Lawatan Teknikal Ke Negara China (7-12 Sept 2014)	1. Tuan Hasan Azhari Bin Hj Idris 2. En Jason Poon 3. En William Chiew 4. Pn Liz May Ooi 5. Pn Roslina Chiew	39,161.60
5	Lawatan Teknikal Ke Negara Singapore (3 – 5 Sept 2014)	1. Tuan Hasan Azhari Bin Hj Idris 2. Farid Bin Mohd Ba'ai 3. Mohd Syahid Bin Othman	15,982.60
7	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara Jepun & Korea (29 – 4 Okt 2014)	1. Tuan Hasan Azhari Bin Hj Idris 2. En Farid Bin Mohd Ba'ai	34,138.90
8	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara Jerman (11-18 Okt 2014)	1. En Mohd Syahid Othman 2. En Sven Schneider	44,352.70
9	Lawatan Teknikal Ke Negara China (20 – 25 Okt 2014)	1. YB Dato' Teng Chang Khim 2. Tuan Hasan Azhari Bin Hj Idris	12,492.40
10	Lawatan Teknikal Ke Negara China (3 – 11 Disember 2014)	1. YB Dato' Teng Chang Khim 2. Tuan Hasan Azhari Bin Hj Idris 3. Pn Norzila Sidek 4. En Mohd Syahid Othman 5. En Liew Sial Siun 6. Cik Chan Hui Min	35,529.00
11	Lawatan Teknikal Ke Negara Taiwan (3 – 11 Disember 2014)	1. YB Dato' Teng Chang Khim 2. Tuan Hasan Azhari Bin Hj Idris 3. En Liew Sial Siun 4. Cik Chan Hui Min	15,570.10
		Jumlah Perbelanjaan (RM)	**RM 401,445.08**

ii. Senarai Lawatan Misi Penggalakkan Pelaburan Ke Luar Negara Bagi Tahun 2015

Bil	Misi	Ahli Delegasi	Jumlah Kos (RM)
1.	Misi Pelaburan & Perdagangan ke Singapore (2 - 3 Mac 2015)	i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan), ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris, CEO Invest Selangor Berhad, iii. En. Syahid Othman,Pegawai, Invest Selangor Berhad iv. En. Luqman Haqem Norhisham, Executive, Invest Selangor Berhad v. En. Yong Kai Ping (OSO CANE Sdn. Bhd)	114,678.54
2	Penyertaan Dalam "*Annual Investment Meeting 2015, Dubai"* *(*28 Mac - 2 April 2015)	i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan), ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris,CEO Invest Selangor Berhad, iii. En. Syahid Othman,Pegawai, Invest Selangor Berhad	21,390.00
3	Misi Pelaburan & Perdagangan Ke India (Chennai & Mumbai) (19 - 23 April 2015)	i. Y.B. Dato' Teng Chang Khim, EXCO (Pelaburan, Perdagangan & Industri, SME & Pengangkutan), ii. En. Hasan Azhari Hj. Idris,CEO Invest Selangor Berhad, iii. En. Shahrul Azamin Abdullah, Senior Manager Invest Selangor Berhad iv. En. Syahid Othman,Pegawai, Invest Selangor Berhad v. Mr. Sanjeev Chanda, Managing Director, JG Containers vi. Mr. Rajasekaran, Wakil KLSICCI	84,098.34

4.	Penyertaan Dalam Regional Workshop Fostering The Green FDI Opportunity in Asia & The Pacific Seoul, Korea. (6 – 8 Mei 2015)	i. Puan Syarifah Nor Fazera Syed Ahmad Nazar, Invest Selangor. ii. Puan Siti Balkis Dato' Abdul Munit, Invest Selangor	14,887.00
TAJUK : LEBUHRAYA YANG AKAN DIBINA

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan lebuhraya-lebuhraya yang telah mendapat kelulusan penggunaan tanah daripada Kerajaan Negeri, yang akan dibina.

b) Berapa lebuhraya yang telah ditolak permohonan penggunaan tanah milik Kerajaan Negeri sejak 2013?

c) Apakah status Lebuhraya Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link) yang dimaklumkan kepada penduduk telah mengemukakan permohonan pada 8 Disember 2015?

JAWAPAN:

a) Lebuhraya-lebuhraya yang telah mendapat kelulusan untuk dibina dan sedang dalam proses pengambilan balik tanah adalah seperti berikut:

BIL.	LEBUHRAYA	STATUS PENGAMBILAN TANAH
1.	Lebuhraya Pantai Barat (WCE)	Diluluskan
2.	Lebuhraya Damansara - Shah Alam (DASH)	Diluluskan
3.	Lebuhraya Sungai Besi - Ulu Kelang (SUKE)	Diluluskan
4.	East Klang Valley Expressway (EKVE)	Diluluskan
5.	Lebuhraya Putrajaya – KLIA (MEX II)	Diluluskan
6.	Lebuhraya Paroi – Senawang – KLIA – Salak Tinggi (SKLIA)	Diluluskan

b) Sebanyak sebuah projek lebuhraya yang telah ditolak permohonan penggunaan tanah milik Kerajaan Negeri iaitu Lebuhraya Kinrara - Damansara (KIDEX) manakala sebuah lagi ditangguhkan iaitu Lebuhraya Serdang - Kinrara - Putrajaya (SKIP)

c) Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak menimbangkan cadangan untuk pembinaan PJD Link di Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : PROJEK RUMAH KOS RENDAH YG BELUM DI BINA

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mengapakah pangsapuri kos rendah masih tidak dibina di tapak yang di cadangkan di Tanahmera, bersebelahan Bukit Saga S26 Shah Alam, dalam lokasi MPSJ?

b) Apakah status projek ini?

c) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan projek ini belum disempurnakan?

JAWAPAN:

a) Merujuk Borang C(1) Kebenaran Merancang no. rujukan surat MPSJ.260/1/156 Jld. (26) dan pelan susunatur yang diluluskan MPSJ.(E)260/1/156 bertarikh 8 Mac 2005 kepada Outline Avenue (M) Sdn. Bhd., tiada pembangunan rumah kos rendah dicadangkan dalam pembangunan ini. Hanya rumah pangsa kos sederhana (15 unit) dan rumah pangsa kos sederhana rendah (30 unit) telah dicadangkan tetapi masih belum dibangunkan sehingga kini.

b) Rumah pangsa kos sederhana rendah (RPKSR) dan rumah pangsa kos sederhana (RPKS) masih baru dibina.

c) Pihak MPSJ telah memaklumkan pemilik tanah terkini, Sri Mawar Jaya Group Holding (M) Sdn. Bhd. untuk menyegerakan pembangunan RPKSR dan RPKS merujuk surat MPSJ/JPB/100-12/6/26 (44) bertarikh 15 Januari 2016 dan salinan surat kepada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor. Pihak MPSJ akan mengeluarkan Notis Borang J(1) Notis Menghentikan Pemajuan Dan Menepati Kebenaran Merancang atau syarat-syarat pemilik tanah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : JAMBATAN MOTOSIKAL MELINTAS NPE

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah dapat dibina jambatan kedua bagi motosikal dan pejalan kaki, merentas New Pantai Expressway (NPE) yang menghubungkan PJS 1 dan Seksyen 1 Petaling Jaya?

JAWAPAN:

a) Pihak Lembaga Lebuhraya telah pun memberi maklum balas kepada pihak UPEN mengenai cadangan untuk membina jejantas ini melalui surat mereka bertarikh 13 Julai 2016, Ruj: LLM/KS/1100/2/011 Jld.11. Pihak UPEN telah diminta supaya menyediakan dokumen-dokumen berikut untuk proses kelulusan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Tepi Lebuhraya (JPTL):

   i) Cadangan lokasi pembinaan jejantas yang melibatkan jajaran lebuhraya
   ii) Lukisan konsep cadangan jejantas

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : SELANGOR MENUJU NEGERI BERPENDAPATAN TINGGI

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah persiapan Selangor dalam berdepan dengan pembangunan ke arah sebuah negeri berpendapatan tinggi?

b) Apakah perancangan Selangor dalam memenuhi keperluan tenaga mahir dalam industri berteknologi tinggi masa akan datang?

JAWAPAN:

a) Bank Dunia memberi definisi negara berpendapatan tinggi apabila mempunyai pendapatan perkapita lebih daripada USD11,905. Ciri-ciri negara berpendapatan tinggi seperti definisi Bank Dunia ialah seperti berikut :

i) Aktiviti ekonomi berintensif inovasi dan pengetahuan;
ii) Ekonomi diterajui oleh sektor swasta berteraskan persaingan;
iii) Kerajaan sebagai pemudah cara pertumbuhan ekonomi;
iv) Keseimbangan yang lebih baik antara permintaan dalam negeri dengan permintaan luar; dan
v) Integrasi global dan serantau yang lebih mendalam.

Namun demikian, Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa pembangunan ke arah sebuah negeri berpendapatan tinggi adalah perlu tetapi dengan mengutamakan *distribution justice*.

Sebagai sebuah negeri termaju di Malaysia, Selangor dilihat menerima kesan secara langsung daripada model ekonomi baru yang diperkenalkan Kerajaan Persekutuan di bawah program *Economic Transformation Programme* (*ETP*). Pada masa kini, Selangor bergerak pantas ke arah ekonomi perkhidmatan. Sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK juga meningkat iaitu dari 53.8% tahun 2005 kepada 59.5% tahun 2014. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa mencari konsep pembangunan yang bersesuaian dan selari dengan model ekonomi tersebut untuk melonjakkan ekonomi negeri berorientasikan kebajikan rakyat. Y.A.B. Menteri Besar semasa pembentangan Bajet 2016 telah memperkenalkan konsep “Membangun *Smart* Selangor Yang Peduli” dengan strategi-strategi seperti berikut :

i) Menerajui Gagasan *Smart* Selangor;

Mentransformasikan Kerajaan Negeri Selangor dengan memacu teknologi ICT ke dalam pengurusan dan pembangunan bagi memudahkan dan mempercepatkan semua operasi pentadbiran.

ii) Menjana Sumber Pendapatan Secara Strategik;

Kerajaan memfokuskan terhadap peningkatan pelaburan di Negeri Selangor dengan keutamaan mengembangkan industri berteknologi tinggi, industri halal dan mempunyai nilai tambah seperti *Bio Bay* Selangor yang memfokuskan bidang industri perubatan dan sains berteknologi tinggi.

Selain itu, Kerajaan akan mengupayakan potensi bandar-bandar lama seperti Bandar Klang supaya dapat terus mampan dan berdaya maju bagi menyumbangkan peluang pekerjaan dan persekitaran hidup berkualiti kepada rakyat serta menjana pendapatan kepada Kerajaan Negeri.

iii) Mempertingkat Pembangunan Berkualiti dan Inisiatif Peduli;

Memperkasa perkhidmatan berkualiti dan inisiatif kepada rakyat meliputi pembangunan infrastruktur seperti industri air, perumahan, pengangkutan awam (Bas *Smart* Selangor), teknologi hijau, pembangunan luar bandar, inisiatif usahawan dan bantuan kepada golongan kurang upaya.

iv) Memperkukuh Kualiti Pendidikan dan Latihan;

Mempersiapkan Negeri Selangor dengan sumber tenaga mahir dan generasi yang *smart* untuk kemampanan pembangunan dan kecemerlangan melalui program peningkatan kemahiran tinggi dengan usahasama institusi pengajian tinggi di Selangor iaitu UNISEL dan INPENS.

v) Membangun Kapasiti Wanita, Generasi Y dan Ekonomi Kreatif; dan

Penyediaan inisiatif kepada program-program untuk wanita dan Generasi Y. Strategi ini turut menggariskan strategi untuk membangunkan industri kreatif iaitu pembangunan Muzium Setem dan Muzium Tekstil, pembangunan galeri seni dan sejarah dan mewujudkan Open Studio sebagai ruang untuk pengkarya muda yang meliputi seni catan, seni cetak dan seni arca.

vi) Penubuhan 4 majlis peringkat Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri telah menubuhkan 4 buah majlis di peringkat negeri iaitu:-

(a) Majlis Informasi Teknologi dan E-Dagang Selangor (*Selangor Information Technology and E-Commerce* Council) SITEC;
(b) Majlis Bio Selangor (*Selangor Bio Council*);
(c) Majlis Aero Angkasa Selangor (*Selangor Aero Space Council*); dan
(d) Majlis Halal Antarabangsa Selangor (*Halal International Selangor*);

Tiga daripada empat majlis adalah berkaitan secara langsung dengan bidang teknologi moden. Tujuan penubuhan majlis berkenaan adalah untuk mengimbangi tenaga dan sumber pihak berkepentingan (*stakeholder*) untuk membangunkan bidang berteknologi tinggi dengan dasar yang mantap dan strategi yang teratur dan berkesan.

b) Kerajaan sedar keperluan bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dan industri berteknologi tinggi ekoran kepesatan pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor. Sehubungan itu, strategi memperkukuh pendidikan dan latihan telah dimasukkan dalam strategi pembangunan Negeri Selangor supaya sumber tenaga mahir sentiasa mampan dan bertepatan dengan keperluan Negeri Selangor. Pelan tindakan yang sedang dilaksanakan adalah :

Meningkatkan Keupayaan Rakyat Selangor Kepada Pekerja Berkemahiran Tinggi (*skilled worker*) melalui Pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)

Fokus Kerajaan untuk terus memperkasa industri pembuatan supaya dapat mencipta lebih banyak lagi peluang pekerjaan dan kelayakan berasaskan TVET. Kemahiran-kemahiran yang diperlukan adalah seperti industri minyak & gas, semikonduktor, elektrik & elektronik dan pembangunan bidang teknologi maklumat & komunikasi (*ICT*), *advance robotic*, big data dan perkakasan.

Selaras dengan itu, Kerajaan akan terus mempertingkatkan tenaga mahir dalam bidang TVET di Negeri Selangor untuk mengisi peluang-peluang di sektor ini melalui program latihan di bawah *Selangor Human Resource Development Centre* (*SHRDC*) iaitu Program pembangunan bakat ***YES (Youth Enhancement Strategy dan i-HIT (Internship High Impact Talent)***. Program ini merupakan kolaborasi Kerajaan UNISEL dan pemain industri secara pemadanan penawaran dengan permintaan industri bagi memastikan bidang yang ditawarkan adalah bertepatan dengan kehendak pasaran.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : AIR SELANGOR

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah dasar kerajaan selepas pengambilalihan urusan air Selangor. Terangkan.

b) Nyatakan penggunaan air bawah tanah (bumi) yang telah dilaksanakan di negeri Selangor dalam bentuk peratus.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : TANAH WAKAF SELANGOR

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah keluasan tanah wakaf di seluruh Selangor?

b) Apakah usaha menggunakan tanah wakaf tersebut bagi memberi pulangan kepada yang telah mewakafkan tanah mereka?

c) Nyatakan mengikut fungsi tanah wakaf yang terdapat di Selangor.

JAWAPAN:

a) Sehingga bulan Jun 2016, jumlah keluasan tanah wakaf di seluruh Negeri Selangor adalah sebanyak 1015.85335 ekar seperti ditunjukkan di **Lampiran 1.**

b) Kebanyakan tanah-tanah wakaf di Negeri Selangor telah pun wujud bangunan seperti masjid, surau, sekolah, rumah anak yatim dan sebahagiannya pula telah diusahakan oleh penerima-penerima manfaat wakaf itu sendiri iaitu pihak masjid, surau, sekolah, rumah anak yatim dengan mengusahakan tanaman pertanian seperti kelapa sawit, getah, dan pokok kelapa.

   Selain daripada itu juga, pihak PWS telah pun menyewakan sebahagian tanah-tanah wakaf untuk tujuan projek pertanian jangka pendek seperti tanaman kontan di samping beberapa lot tanah-tanah wakaf yang telah dikenalpasti dan dalam perancangan untuk dimajukan dengan projek pembangunan perumahan dan komersial.

   Selain tanah, terdapat juga harta-harta wakaf seperti bangunan, kenderaan, rumah kediaman yang kebanyakannya telah disewakan dan hasilnya dimanfaatkan oleh penerima manfaat wakaf di samping terdapat juga rumah kediaman yang telah dijadikan sebagai rumah anak yatim dan Pusat Jagaan Orang Tua seperti Pusat Jagaan Anak Yatim Nur Hikmah Kajang dan sebagainya.

c) Fungsi tanah wakaf ditunjukkan di **Lampiran 2.**

LAMPIRAN 1

STATISTIK KESELURUHAN PERMOHONAN TANAH WAKAF MENGIKUT DAERAH SEHINGGA JUN 2016

DAERAH	TELAH DAFTAR			DALAM PROSES PENDAFTARAN			FAIL YANG DITUTUP & LAIN-LAIN			JUMLAH		
	JUMLAH FAIL	JUMLAH LOT	JUMLAH EKAR	JUMLAH FAIL	JUMLAH LOT	JUMLAH EKAR	JUMLAH FAIL	JUMLAH LOT	JUMLAH EKAR	JUMLAH FAIL	JUMLAH LOT	JUMLAH EKAR
KLANG	159	150	165.35164	57	56	30.91168	2	2	1.7813	**218**	*208*	*198.04462*
K. SELANGOR	132	128	156.3344	37	35	35.9326	7	7	5.9566	**176**	**170**	**198.2236**
S. BERNAM	209	206	295.69208	90	88	93.49096	4	4	1.8439	**303**	**298**	**391.02694**
PETALING	32	31	9.57422	16	17	6.30228	9	9	2.1005	**57**	**57**	**17.977**
GOMBAK	67	61	29.57861	15	15	2.97309	7	7	16.2408	**89**	**83**	**48.7925**
K. LANGAT	122	119	133.8264	40	40	29.4415	5	5	2.238	**167**	**164**	**165.5059**
H. SELANGOR	27	29	44.3655	12	12	11.6864	2	2	0.2389	**41**	**43**	**56.2908**
H. LANGAT	75	74	130.5978	40	22	14.11916	4	4	6.25	**119**	**100**	**150.96696**
SEPANG	47	45	46.8391	14	14	28.7553	6	6	5.6476	**67**	**65**	**81.242**
LUAR NEGERI	5	5	3.6936	2	2	5.6789	-	-	-	**7**	**7**	**9.3725**
JUMLAH	**875 (70%)**	**848 (71%)**	**1015.85335 (77%)**	**323 (26%)**	**301 (25%)**	**259.29187 (20%)**	**46 (4%)**	**46 (4%)**	**42.2976 (3%)**	**1244 (100%)**	**1195 (100%)**	**1317.44282 (100%)**

LAMPIRAN 2

ANALISA JUMLAH KESELURUHAN TANAH WAKAF INDIVIDU MENGIKUT MANFAAT
SEHINGGA JUN 2016

BIL	DAERAH		MANFAAT MAIS/AM	TAPAK MASJID	MANFAAT MASJID	TAPAK SURAU	MANFAAT SURAU	TANAH KUBUR	TAPAK SEKOLAH	MANFAAT SEKOLAH	KEBAJIKAN /ANAK YATIM	JUMLAH
1	KLANG	FAIL	23	18	73	55	8	1	24	12	4	**218**
		LOT	22	16	73	47	9	1	23	13	4	**208**
		EKAR	21.2415	18.8956	94.03385	12.13474	3.2305	1.25	26.27189	15.744	5.24254	**198.04462**
2	K. SELANGOR	FAIL	7	15	93	31	3	1	17	8	1	**176**
		LOT	7	15	90	30	3	1	15	8	1	**170**
		EKAR	5.8284	10.5571	136.4162	13.8669	1.72	1	19.129	9.576	0.13	**198.2236**
3	S. BERNAM	FAIL	10	6	178	46	24	5	21	7	6	**303**
		LOT	10	6	176	44	23	5	21	7	6	**298**
		EKAR	15.5786	10.0661	262.91448	17.5961	35.23259	7.925	21.9211	10.99457	8.7984	**391.02694**
4	PETALING	FAIL	15	4	19	5	2	2	5	-	5	**57**
		LOT	14	4	19	5	3	2	5	-	5	**57**
		EKAR	2.73918	6.2123	2.65062	0.9799	0.2902	1.0685	2.234	-	1.8023	**17.977**
5	GOMBAK	FAIL	22	5	10	18	6	1	8	5	14	**89**
		LOT	21	5	10	18	6	1	8	5	9	**83**
		EKAR	4.4454	17.3954	4.7371	5.09809	0.5473	2.8	3.6095	0.7546	9.40511	**48.7925**
6	K. LANGAT	FAIL	8	15	84	29	7	4	9	4	7	**167**
		LOT	8	15	81	29	7	4	9	4	7	**164**
		EKAR	6.3953	10.5697	107.7248	11.0631	2.868	2.407	11.421	6.5115	6.5455	**165.5059**
7	H. SELANGOR	FAIL	18	1	10	4	-	1	3	1	3	**41**
		LOT	20	1	10	4	-	1	3	1	3	**43**

		EKAR	25.9477	3.74	16.4597	0.4485	-	1.7187	6.103	0.5	1.3732	**56.2908**
BIL	**DAERAH**		**MANFAAT MAIS/AM**	**TAPAK MASJID**	**MANFAAT MASJID**	**TAPAK SURAU**	**MANFAAT SURAU**	**TANAH KUBUR**	**TAPAK SEKOLAH**	**MANFAAT SEKOLAH**	**KEBAJIKAN /ANAK YATIM**	**JUMLAH**
8	**H. LANGAT**	**FAIL**	28	7	40	16	11	-	4	5	8	**119**
		LOT	16	7	38	11	11	-	4	5	8	**100**
		EKAR	12.58691	9.0645	93.77776	3.08309	4.8898	-	6.93	10.0024	10.6325	**150.96696**
9	**SEPANG**	**FAIL**	4	4	35	6	5	2	10	-	1	**67**
		LOT	4	4	36	6	5	2	7	-	1	**65**
		EKAR	0.8008	11.614	56.9217	1.5407	7.013	0.6685	2.2718	-	0.4115	**81.242**
10	**LUAR NEGERI**	**FAIL**	6	-	-	-	-	-	-	1	-	**7**
		LOT	6	-	-	-	-	-	-	1	-	**7**
		EKAR	6.3025	-	-	-	-	-	-	3.07	-	**9.3725**
11	**JUMLAH**	**FAIL**	**141**	**75**	**542**	**210**	**66**	**17**	**101**	**43**	**49**	**1244**
		LOT	**128**	**73**	**533**	**194**	**67**	**17**	**95**	**44**	**44**	**1195**
		EKAR	**101.86629**	**98.1147**	**775.63621**	**65.81112**	**55.79139**	**18.8377**	**99.89129**	**57.15307**	**44.34105**	**1317.44282**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU (TRM)

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah dan lokasi TRM semasa mengikut daerah.

b) Nyatakan jumlah dan lokasi TRM yang telah ditukar status sejak 2008.

c) Nyatakan lokasi penggantian tanah rizab yang telah ditukar status.

JAWAPAN:

a) Sehingga Julai 2016, jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) di Negeri Selangor adalah seluas **407,844.08 ekar** dan butirannya mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A.**

b) dan c)

Jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) yang telah ditukar status atau dibatalkan dari tahun 2008 hingga 2016 (Jun) berdasarkan pewartaan adalah seluas **141.446 ekar (hektar).** Manakala jumlah penggantian yang telah diwartakan adalah seluas **151.391 ekar (61.4966 hektar)**. Maklumat lokasi TRM yang telah dibatalkan dan diganti semula dikemukakan seperti di **Lampiran B.**

LAMPIRAN A

JUMLAH KELUASAN TANAH RIZAB MELAYU (TRM)
MENGIKUT DAERAH SEHINGGA JULAI 2016

BIL.	DAERAH	JUMLAH KELUASAN TANAH RIZAB MELAYU (EKAR)
1.	Klang	23,474.88
2.	Gombak	13,783.67
3.	Sabak Bernam	172,486.64
4.	Sepang	28,451.90
5.	Hulu Langat	33,327.06
6.	Kuala Selangor	56,895.19
7.	Petaling	2,617.88
8.	Kuala Langat	39,577.00
9.	Hulu Selangor	37,229.86
JUMLAH KELUASAN KESELURUHAN (EKAR)		**407,844.08**

Sumber: Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)

LAMPIRAN B

MAKLUMAT TANAH RIZAB MELAYU (TRM) YANG TELAH DIBATALKAN DAN DIGANTI MENGIKUT DAERAH DARI TAHUN 2008-2016

Tahun	Daerah	No. Warta/ Tarikh Warta	Lokasi	Pengisytiharan	Pembatalan	Luas Keseluruhan
2010	Kuala Langat	555 / 18.2.2010	KRM Labuhan Dagang Tambahan	√		4.025 hektar (9.945 ekar)
2012	Hulu Langat	2205 / 7.6.2012	KRM Simpanan Melayu Sungai Lalang Tambahan		√	9.555 hektar (23.611 ekar)
2012		2206 / 7.6.2012	KRM Ulu Langat No. Warta 1538 Pejabat Ukur dan Pemtaan Selangor	√		9.063 hektar (22.395 ekar)
2012	Klang	5430/20.12.2012	KRM Simpanan Melayu Kampung Keretapi seksyen 21 Bandar Port Swettenham		√	10.8 hektar (26.7 ekar)
2012		5431/20.12.2012	KRM Simpanan Melayu Sungai Sireh seksyen 21 Bandar Port Swettenham	√		14.9 hektar (36.8 ekar)
2014	Hulu Langat	1816 / 8.5.2014	KRM Simpanan Melayu Batu Sepuluh Tambahan		√	2.125 hektar (5.251 ekar)
2014		1817 / 8.5.2014	KRM Hulu Sungai Balak No. Warta 1635 Pejabat Pemetaan Selangor	√		2.125 hektar (5.251 ekar)
2014	Gombak	4912 / 4.12.2014	KRM Simpanan Melayu Sungai Tua Tambahan		√	0.1836 hektar
2014		4913 / 4.12.2014	KRM Simpanan Melayu Selayang Pindah	√		0.1836 hektar

Tahun	Daerah	No. Warta/ Tarikh Warta	Lokasi	Pengisytiharan	Pembatalan	Luas Keseluruhan
2015	Sabak Bernam	1932 / 4.6.2015	KRM Simpanan Melayu Sungai Tengar Utara Mukim Sabak		√	77 ekar (31.2 hektar)
2015		1933 / 4.6.2015	KRM Simpanan Melayu Tanjong Karang Pekan Sekinchan	√		77 ekar (31.2 hektar)
JUMLAH KELUASAN KESELURUHAN				**151.391 ekar (61.4966 hektar)**	**141.446 ekar (53.8636 hektar)**	**292.837ekar (115.3602 hektar)**

Sumber : Bahagian Perundangan, PTGS

Nota :

KRM : Kawasan Rizab Melayu
TRM : Tanah Rizab Melayu

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : PEMBANGUNAN PROJEK BANGUNAN YAYASAN SELANGOR

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status semasa cadangan pembangunan semula bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang?

b) Berapakah nilai kerugian yang ditanggung oleh Yayasan sejak pengosongan bangunan tersebut?

JAWAPAN:

a) Yayasan Selangor (YS) ketika ini sedang melaksanakan proses "*Request for Proposal"* (RFP) untuk melaksanakan projek pembangunan semula bagi jangka panjang. Tujuan projek pembangunan ini dapat memberikan Yayasan Selangor pulangan yang lebih tinggi berbanding penyewaan jangka pendek oleh kerana pemaju dapat memaksimakan keuntungan mereka melalui tempoh pajakan yang lebih lama.

YS telah pun membuka iklan untuk RFP ini pada 4 Julai 2016 melalui laman sesawang dan telah pun mengadakan taklimat /lawatan tapak pada 18 Julai 2016. Pembelian dokumen dibuat pada 25 Julai 2016 dan tarikh tutup untuk cadangan projek pembangunan semula ini pada 5 September 2016.

b) Nilai kerugian/kehilangan sewa yang ditanggung oleh Yayasan Selangor sebanyak RM400 ribu sebulan atau RM4.8 juta setahun. Namun begitu pendapatan bersih tahunan hanyalah sebanyak RM3.4 juta setahun. Sejak 2012 sehingga kini dianggarkan YS kehilangan pendapatan sewaan bersih sebanyak RM13.6 Juta.

Kekosongan pejabat juga disebabkan oleh perlaksanaan projek MRT yang berhampiran bangunan ini. Yayasan telah menerima pampasan sebanyak RM11.5 Juta akibat pengambilan sebahagian daripada keluasan tapak tingkat bawah bangunan Bukit Bintang ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : TNB, PBT & KERAJAAN NEGERI

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Terangkan kaedah penggunaan kuasa elektrik antara PBT dengan TNB dan Kerajaan Negeri dengan TNB dari segi penggunaan tanah oleh TNB dan lampu jalan untuk kegunaan awam.

JAWAPAN:

a) Kaedah penggunaan kuasa Elektrik di PBT melibatkan lampu jalan awam dan premis milik PBT adalah tertakluk di bawah prosedur penggunaan elektrik oleh pihak pembekal iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB). Lazimnya, PBT adalah dianggap sebagai pengguna dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang perlu mematuhi terma-terma kontrak bekalan Tenaga Nasional Berhad (TNB) seperti pelanggan-pelanggan yang lain. Justeru itu, tarif lampu jalan yang dibayar oleh PBT kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah seperti termaktub dalam jadual tarif Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Manakala bagi pembinaan tiang-tiang lampu atas tanah kerajaan ianya sama ada melalui tanah serahan pemaju melalui kebenaran merancang yang diluluskan oleh PBT atau melalui kelulusan Pihak Berkuasa Negeri seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 12 , Akta Bekalan Elektrik 1990:

“12. (1) Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan kepada apa-apa syarat sebagaimana yang disifatkan wajar oleh Pihak Berkuasa Negeri, suatu lesen boleh membenarkan pemegang lesen meletakkan, menempatkan atau membawa, di atas, di bawah atau melewati tanah Negeri, pada takat dan mengikut cara yang dinyatakan dalam lesen, apa-apa talian bekalan dan mendirikan dan menyenggarakan dalam atau atas tanah Negeri apa-apa tiang dan kelengkapan lain sebagaimana yang didapati perlu atau patut oleh Suruhanjaya bagi maksud pepasangan berlesen, dan tertakluk sentiasa kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, kebenaran tersebut boleh 26 Undang-Undang Malaysia AKTA 447 diberikan atau ditambahkan pada bila-bila masa dalam tempoh sah lesen dengan cara pengendorsan padanya di bawah meterai Suruhanjaya.”

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS

(N13 KUANG)

TAJUK : PELAJAR TAJAAN YAYASAN SELANGOR

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah pelajar yang menerima tajaan pihak Yayasan tahun 2010-2016.

b) Apakah bentuk tajaan dan nilai tajaan yang diberikan?

JAWAPAN:

a) Jumlah Pelajar yang telah menerima Tajaan Yayasan Selangor adalah seperti tersenarai di bawah ini.

TAHUN	Pelajar Sekolah (Biasiswa, Kelas Bimbingan & Program)	Pelajar Inst. Pengajian Tinggi (Pinjaman Pelajaran)
2010	**1574**	**521**
2011	**1760**	**532**
2012	**3000**	**76**
2013	**5000**	**120**
2014	**5014**	**19**
2015	**5186**	**9**
2016	**4555**	**2**
JUMLAH	**26089**	**1279**

**Mulai 2012 YS tidak mengeluarkan tawaran baru PPYS kecuali kursus pendek kemahiran dan juga pinjaman kepada warga kerja/anak warga kerja dan juga pinjaman tambahan kepada peminjam sedia ada.*

b) Tajaan yang diberikan kepada pelajar adalah seperti dilampirkan.

Lampiran

Yayasan Selangor telah memberikan bantuan pendidikan kepada rakyat Selangor yang layak dan terpilih mulai tahun 1970an.

Bantuan yang diberikan ialah:-

- Biasiswa
- Kelas Bimbingan
- Program akademik dan '*non-academic'* serta sumbangan pendidikan.
- Pinjaman Pelajaran

Perincian bantuan pendidikan yang telah diberikan oleh Yayasan Selangor 2009 – 2016 :-

Jenis bantuan	**2009**	**2010**	**2011**	**2012**	**2013**	**2014**	**2015**	**2016 (penggal pertama)**
Biasiswa	407,472.00	532,321.83	501,469.40	2,602,072.83	3,150,100.87	3,465,682.58	2,789,039.00	781,650.00
Kelas Bimbingan	384,542.35	537,166.50	477,969.70	511,351.69	531,404.50	704,130.28	933,328.98	253,605.36
Program/ Aturcara	300,673.15	327,862.24	480,999.47	254,051.66	470,182.90	599,210.56	380,625.55	138,156.08
Sumbangan Pendidikan	2,500.00	388,617.2	743,900.15	256,066.85	249,402.50	605,509.32	74,480.50	7,880.00
Pinjaman Pelajaran	7,390,838.00	6,984,581.76	7,765,576.00	905,060.00	1,291,716.40	199,472.00	114,400.00	24,960.00
Jumlah Keseluruhan	**8,486,025.50**	**8,770,549.45**	**9,970,004.72**	**4,528,603.03**	**5,692,807.17**	**5,574,004.74**	**4,291,874.03**	**1,231,211.44**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : ASET AIR SELANGOR

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan aset semasa yang dimiliki oleh Syarikat Air Selangor.

b) Berapakah nilai aset-aset tersebut?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : HASIL PASIR UNTUK NEGERI

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah pasir yang dikeluarkan oleh syarikat negeri sejak 2008 hingga 2016.

b) Nyatakan jumlah royalti pasir mengikut tahun.

JAWAPAN:

a) dan b)

Berikut adalah jumlah pasir yang dikeluarkan dan jumlah royalti pasir yang telah dibayar sejak 2008 hingga 2016:

	Tahun/ Jawapan	2008	2009	2010	2011	2012
a)	Jumlah pasir (Tan metrik)	220,139	1,771,792	5,886,612	8,031,194	6,298,699
b)	Jumlah royalti (RM)	525,000	5,114,901	10,796,497	16,008,606	10,326,277
	Tahun/ Jawapan	2013	2014	2015	2016 Sehingga 30 Jun	Jumlah
a)	Jumlah pasir (Tan metrik)	7,323,838	9,515,440	8,289,940	2,681,709	50,019,363
b)	Jumlah royalti (RM)	14,119,995	15,736,317	14,042,787	6,476,846	93,147,226

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : KESESAKAN LALULINTAS DI PERSIMPANGAN EMPAT (4) JALAN KUANG, KG SETIA (B149) DAN LORONG MELATI (B25) BERLAKU TERUTAMA DI WAKTU PUNCAK

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah ada perancangan untuk mengambilalih tanah di kawasan persimpangan ini bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas ?

JAWAPAN:

a) Menaiktaraf persimpangan empat (4) Jalan Kuang, Kampung Setia (B149) dan Lorong Melati (B25) ada dalam Senarai Projek Rancangan Malaysia Ke-11 (P12 04201). Projek ini sedang dalam peringkat reka bentuk dan terlibat dengan pengambilan balik tanah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : KESAN BREXIT KEPADA SELANGOR

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kesan jangka pendek dan jangka panjang daripada referendum Brexit kepada Selangor?

b) Apakah pelan tindakan Kerajaan Negeri dalam menangani kesan tersebut?

JAWAPAN:

a) Pada masa ini Kerajaan Negeri masih belum menjalankan kajian terhadap kesan positif dan negatif sama ada jangka panjang atau pendek Brexit terhadap iklim pelaburan di Selangor.

Secara dasarnya Brexit tidak membawa impak yang besar ke atas pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor kerana impak Brexit lebih tertumpu kepada UK dan Negara-negara Eropah. Aktiviti perdagangan Malaysia lebih tertumpu kepada kepelbagaian eksport ke Negara China, India dan Timur Tengah. Oleh itu impak Brexit kepada ekonomi Malaysia dan Selangor khususnya adalah minimum.

Berdasarkan statistik kelulusan projek-projek perkilangan di Selangor daripada tahun 1987 hingga Mac 2016, pelabur-pelabur utama yang melabur di Negeri Selangor adalah para pelabur daripada Jepun (RM24.235 bilion), Amerika Syarikat (RM4.676 bilion), Singapura (RM10.666 bilion), Jerman (RM5.695 bilion), Taiwan (RM4.207 bilion) dan Korea (RM3.735 bilion). Manakala pelabur daripada United Kingdom berada di tangga ke tujuh sebagai pelabur utama di Negeri Selangor dengan pelaburan bernilai RM2.356 bilion.

b) Bagi menangani kesan Brexit ini kita akan meneruskan usaha-usaha promosi, fasilitasi dan koordinasi dengan para pelabur berpotensi. Malahan sebaik sahaja keputusan Brexit diumumkan, Invest Selangor telah mengambil peluang untuk membuat pembentangan di *Farnborough International Air Show, England* pada 11 – 15 Julai 2016 yang lalu bagi mempromosikan industri aero angkasa di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : PEMBINAAN JAMBATAN DI PEKAN KUNDANG YANG TELAH UZUR

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah ada perancangan Kerajaan Negeri untuk pembinaan jambatan di Pekan Kundang yang telah uzur yang dikhuatiri akan mendatangkan bahaya kepada pengguna?

JAWAPAN:

a) Ya, Kerajaan Negeri ada perancangan untuk menggantikan jambatan di atas Sg. Kundang (B149/000/80) yang telah uzur. Jabatan Kerja Raya Selangor (JKR) telah melantik perunding untuk melaksanakan kerja reka bentuk.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : MASALAH PERPARITAN DI BANDAR BARU KUNDANG DAN PEKAN KUNDANG

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apa perancangan kerja-kerja pembaikan sistem perparitan di Bandar Baru Kundang dan Pekan Kundang kerana kekerapan berlakunya banjir kilat di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

a) I. Bagi penyelesaian jangka masa pendek, pihak JPS Gombak telah memanggil satu (1) kerja sebutharga G2 bagi kerja-kerja penggalian dan pelebaran Sungai Kuang dan Sungai Kundang sepanjang 8 km bermula daripada Kampung Melayu Sri Kundang sehingga Persimpangan Velox. Kontraktor yang dilantik (MANORA SUPPLY & SERVICES) telah mula melaksanakan kerja-kerja di tapak pada 15hb Julai 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada 19hb September 2016.

II. Bagi penyelesaian jangka panjang, pihak JPS Selangor telah melantik Perunding (RBM Engineering Consultant) untuk merekabentuk Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kuang-Kundang yang mana sedang dalam rekabentuk terperinci. Antara fokus utama rekabentuk adalah mengurangkan kejadian banjir di kawasan Bandar Baru Kundang dengan cadangan pembinaan kolam takungan di antara Taman Desa Puteri dan Bandar Baru Kundang bagi menampung air larian daripada Tasik Puteri sebelum dilepaskan secara berperingkat ke Anak Sungai Kundang.

<u>Maklumat Tambahan:</u>

Nama projek	: Projek Tebatan Banjir Di Hilir Sg. Kuang, Mukim Rawang.
Butiran	: 01401
Kos projek	: RM20,000,000.00
Syiling RMK-11	: RM10,500,000.00
Unjuran	: 2018 - RM500,000,000.00
	2019 - RM5,000,000.00
	2020 - RM5,000,000.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : SMART WASTE MANAGEMENT

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimana *Smart Waste Management* mampu memberi perkhidmatan yang berkesan dalam pengurusan sampah di Selangor?

b) Mengapa pengurusan sampah di kawasan PBT masih menjadi masalah, apakah puncanya?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah perbelanjaan bagi Program Tuisyen Rakyat Selangor dari tahun 2010 hingga 2015?

b) Berapakah jumlah pelajar yang mengikuti Program Tuisyen Rakyat Selangor mengikut pecahan kaum?

c) Berapakah peratus keberkesanan Program Tuisyen Rakyat Selangor di sepanjang dijalankan?

JAWAPAN:

a) Jumlah perbelanjaan bagi Program Tuisyen Rakyat dari tahun 2010 sehingga 2015 adalah seperti berikut :

BIL	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	2010	2,716,200.54
2	2011	2,766,500.55
3	2012	2,766,500.55
4	2013	3,499,999.84
5	2014	3,499,999.84
6	2015	3,499,999.84
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		**18,749,201.16**

b) Jumlah pelajar yang mengikuti Program Tuisyen Rakyat Selangor tidak dapat disediakan mengikut kaum. Namun begitu jumlah pelajar mengikut tahun adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	BILANGAN PENERIMA MANFAAT
1	2010	4,499
2	2011	4,526
3	2012	4,827
4	2013	3,966
5	2014	3,650
6	2015	4033
JUMLAH KESELURUHAN		**25,501**

c) Keberkesanan Program Tuisyen Rakyat secara umum dinilai berdasarkan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Bagi tahun 2015 analisa keputusan peperiksaan SPM untuk 4 mata pelajaran di dalam Program Tuisyen Rakyat adalah seperti berikut:

SUBJEK/GRED	A	B	C	D	E	G
BAHASA MELAYU	22%	21.7%	10.52%	3.1%	0.3%	0%
BAHASA INGGERIS	2.9%	10.2%	16.8%	19%	5.7%	0.9%
MATEMATIK	10.3%	12.48%	14.7%	19.09%	7.5%	2.25%
SEJARAH	14.2%	20.7%	14.2%	6.1%	2.1%	0.75%

Secara umumnya didapati kebanyakan pelajar PTRS lulus di dalam peperiksaan SPM dan layak untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : CUKAI

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Setiap negeri diwajibkan membayar cukai kepada Kerajaan Pusat. Perincikan cukai yang diterima oleh Kerajaan Pusat daripada Kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri adalah dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi Perolehan Kerja, Perkhidmatan Perunding dan Perkhidmatan Bukan Perunding. Jumlah GST yang dibayar oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 1 April hingga 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2016 hingga 30 Jun 2016 adalah, masing-masing, berjumlah RM15,737,962.02 dan RM10,195,933.11.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : PEBT

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah permasalahan yang berlaku hingga kini difahamkan surat pelantikan pengerusi PeBT masih belum selesai? Sila jelaskan secara terperinci khususnya di MPAJ.

b) Nyatakan program-program kerohanian yang telah diberikan ataupun yang dirancang bagi memastikan para belia Muslim tidak terlibat dengan pelbagai gejala sosial.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bertujuan untuk melahirkan kepimpinan belia yang berwibawa yang dapat menjadi ejen perubahan kepada golongan belia di Negeri Selangor serta bertindak sebagai jentera pelaksana Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

Sehubungan itu, pelantikan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bagi sesi 2016/2018 adalah berkuatkuasa pada 1 Jun 2016 sehingga 31 Mei 2018. Pelantikan ini dibuat oleh Kerajaan Negeri setiap dua (2) tahun sekali. Walau bagaimanapun, setiap PeBT yang dilantik diberi tempoh percubaan selama 3 bulan untuk menunjukkan prestasi masing-masing dan akan digugurkan sekiranya gagal serta pelantikan baru akan dibuat bagi menggantikan PeBT yang telah digugurkan.

<u>PENDEKATAN PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PeBT) DALAM PEMBANGUNAN GOLONGAN BELIA</u>

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM120,000.00 setahun kepada PeBT melalui setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menjalankan program-program PeBT mengikut 10 teras yang telah digariskan dalam Dasar Belia Selangor untuk pembangunan belia sebagaimana berikut :-

- Pendidikan Dan Latihan Kemahiran
- Keusahawanan Dan Pekerjaan
- Kepimpinan Dan Organisasi
- Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
- Kemasyarakatan, Jaringan Dan Kesukarelawanan
- Kesejahteraan Dan Kesihatan
- Sukan Dan Kecergasan
- Agama Dan Akhlak
- Kebudayaan Dan Kesenian
- Pengantarabangsaan

Antara program-program yang telah dilaksanakan di peringkat PeBT adalah sebagaimana berikut :-

i. Program Motivasi Remaja “Ting Wen”
ii. Karnival Gaya Hidup Sihat
iii. Kempen Mencegah Jenayah
iv. Malaysiaku Merdeka #Pray4ummah
v. Liga Sukan Selangor Plus Peringkat DUN
vi. Bengkel Usahawan Muda Online
vii. Kem Anak Muda Islam
viii. Himpunan Anak-anak Muda Selangor

SELANGOR *YOUTH COMMUNITY*

Selangor *Youth Community* ditubuhkan khas di atas inisiatif DYTM Raja Muda Selangor untuk memberdayakan generasi muda Selangor. Untuk makluman, buat masa ini tiada kolaborasi di antara Kerajaan Negeri dan Selangor *Youth Community.* Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor amat mengalu-alukan inisiatif ini dan sedia bekerjasama demi pembangunan Generasi Muda Selangor pada masa akan datang.

PENYERTAAN DALAM PROGRAM PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PeBT) MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Jumlah peserta yang telah mengikuti program-program PeBT pada tahun 2015 mengikut PBT adalah seperti berikut :-

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	PESERTA
1	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	14,400
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	12,586
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	6,130
4	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	20,000
BIL	**PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**	**PESERTA**
5	Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)	8,100
6	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	10,000
7	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	18,000
8	Majlis Perbandaran Sepang (MPSP)	14,056
9	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	12,000
10	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	16,502
11	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	52,000
12	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	18,040
JUMLAH KESELURUHAN		**201,814**

KEJAYAAN PROGRAM DI BAWAH PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PeBT)

Perancangan sesuatu program pembangunan belia di bawah Penggerak Belia Tempatan (PeBT) adalah berdasarkan kepada 10 teras yang terkandung di dalam Dasar Belia Negeri Selangor yang menjadi tonggak kepada pembangunan belia yang mampan. Pencapaian sesuatu program itu dinilai berdasarkan kepada kejayaan sesuatu pesanan atau *input* yang cuba disampaikan melalui program-program yang dilaksanakan dapat disampaikan kepada golongan sasaran dan seterusnya dapat diaplikasikan untuk pembangunan generasi muda Selangor.

PERMASALAHAN PELANTIKAN PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PeBT) DI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

Kerajaan Negeri senantiasa peka terhadap pembangunan dan keperluan golongan muda di Negeri Selangor dan memastikan maklumat terkini dapat disampaikan kepada mereka. Oleh yang demikian, Penggerak Belia Tempatan (PeBT) telah ditubuhkan pada tahun 2009 bertujuan untuk melahirkan kepimpinan belia yang berwibawa yang dapat menjadi ejen perubahan kepada golongan belia di Negeri Selangor serta bertindak sebagai jentera pelaksana Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

Bagi tujuan itu, pelantikan sebagai Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Peringkat Zon Bagi Sesi 2016/2018 yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2016 sehingga 31 Mei 2018 telah dikeluarkan kepada semua PeBT yang dilantik melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertarikh 1 Jun 2016. Namun begitu, masih terdapat beberapa PBT yang gagal mengemukakan borang pencalonan untuk zon sehingga kini yang menyebabkan kelewatan pada proses pelantikan walaupun Surat Pelantikan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) telah dikeluarkan pada 15 September 2015.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : JALAN RAYA BERKUALITI

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimana Kerajaan Selangor memastikan jalan-jalan raya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk pengguna jalan raya?

b) Berapakah jumlah peruntukan untuk baikpulih jalan raya dan jumlah yang telah digunakan?

c) Apakah tindakan ke atas syarikat utiliti yang telah merosakkan jalan raya? Berapa lama tempoh yang dibenarkan kerja-kerja utiliti dijalankan?

JAWAPAN:

a) Antara agenda/program yang dilaksanakan bagi memastikan jalan-jalan raya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk pengguna jalan raya adalah seperti berikut:-

i) Melaksanakan Program Kajian Pavemen. Ini adalah satu kaedah saintifik di mana kekuatan, ketahanan dan kerosakan jalan dinilai secara sistematik. Kerja-kerja penyelenggaraan jalan akan dibuat berdasarkan senarai keutamaan melalui Program Kajian Pavemen tersebut.

ii) Melaksanakan kerja selenggaraan jalan negeri secara Kontrak Jangka Panjang Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri serta melaksanakan pembaikan jalan melalui Kontrak Berpusat dan sebut harga secara jabatan.

iii) JKR Negeri Selangor telah menerbitkan Garis Panduan Amalan Baik Dalam Kerja Turapan dan Senggara Jalan dan telah diedarkan kepada semua pegawai JKR di Negeri Selangor sebagai rujukan semasa kerja-kerja pengawasan di tapak.

iv) Spesifikasi pembinaan dan membaiki jalan raya sentiasa ditingkatkan. Ibu Pejabat JKR Malaysia sentiasa mengemaskini spesifikasi pembinaan dan senggaraan jalan dilaksanakan oleh kumpulan pakar di Ibu Pejabat JKR Malaysia.

v) Melaksanakan Program Pencerapan Data-Data Jalan-Jalan Kampung bertujuan mendaftar data jalan kampung ke sistem Marris Online dan membolehkan peruntukan dipohon bagi menyelenggara jalan-jalan tersebut.

b) Jumlah peruntukan bagi kerja membaik pulih jalan serta jumlah yang telah digunakan adalah seperti berikut:

TAHUN	2016
Jumlah Peruntukan MARRIS (RM)	199,429,408.05
Jumlah Perbelanjaan Sehingga 30 Jun 2016 (RM)	31,898,768.70

c) Syarikat utiliti yang telah merosakkan jalan raya akan dikenakan tindakan seperti berikut:

JKR mengeluarkan notis pemberitahuan kepada Agensi utiliti supaya membaiki kerosakan mengikut tempoh Piagam Pelanggan JKR. Sekiranya tidak diambil tindakan mengikut piagam pelanggan, JKR akan mengambil tindakan membaiki kerosakan tersebut dan akan menuntut bayaran daripada wang cagaran permit kerja.

Purata tempoh yang dibenarkan untuk kerja-kerja utiliti dijalankan adalah antara 1 bulan hingga 3 bulan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : INDUSTRI KELULUT

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memajukan industri kelulut di Negeri Selangor?

b) Senaraikan perusahaan yang telah dilaksanakan setakat ini.

c) Perincikan hasil dapatan keuntungan dan kerugian.

JAWAPAN:

a) Ya, Kerajaan Negeri sangat konsisten dalam membangunkan industri kelulut melalui Jabatan Pertanian. Sehingga kini terdapat lebih 1,000 log kelulut berada di Selangor yang diusahakan secara komersil dan secara kecil-kecilan.

b) Perusahaan utama kelulut adalah hasilan madu yang mempunyai harga mencecah RM250.00 sekilogram. Selain itu, terdapat beberapa usahawan telah pun menceburi bidang perusahaan hiliran daripada madu kelulut seperti membuat sabun madu kelulut, pil *supplement* dari *bee bread* dan *propolis* kelulut serta produk-produk kecantikan dan kesihatan yang lain.

c) Secara umumnya, Jabatan Pertanian mensasarkan pembangunan industri kelulut akan menyumbang hasil sebanyak RM2.5 juta pada tahun 2016.